

**ADAPTASI SOSIOBUDAYA
ORANG LAUT DI KECAMATAN TANAH MERAH
KABUPATEN INDRAGIRI HILIR, RIAU,
INDONESIA**

SITTI RAHMAH WAHAB

**JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**ADAPTASI SOSIOBUDAYA
ORANG LAUT DI KECAMATAN TANAH MERAH
KABUPATEN INDRAGIRI HILIR, RIAU,
INDONESIA**

**SITTI RAHMAH WAHAB
AHA100012**

TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

**JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULIS

Nama : **Sitti Rahmah Wahab**
No. Pendaftaran/Matrik : **AHA 100012**
Nama Ijazah : **Doktor Falsafah**
Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”) : **Adaptasi Sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia.**
Bidang Penyelidikan : **Sosiologi**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam hasil kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama : Prof. Dr. Juli Edo

Jawatan :

ABSTRAK

Orang Laut adalah sebutan kepada golongan “suku asli” yang ada di Riau. Nama tersebut dikenali oleh masyarakat Riau sejak Kerajaan Riau Lingga. Mereka juga disebut dengan “masyarakat terasing atau terpulau” kerana memiliki ciri-ciri sebagai masyarakat yang hidup terpulau dan nomad, tinggal di dalam sampan, mengembara di laut bebas. Orang Laut sekarang ini sudah naik ke darat dan menetap, mereka masih digolongkan sebagai salah satu Komuniti Adat Terpencil (KAT) yang wujud di Kabupaten Indragiri Hilir, Riau. Mereka sudah menyesuaikan diri dengan keadaan lingkungan yang baharu. Oleh itu, menarik bagi peneliti mengkaji adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau. Adapun objektif kajian ini adalah: menjelaskan kehidupan sosial Orang Laut, mengkaji adaptasi sosiobudaya Orang Laut dengan mengamati proses dan strategi adaptasinya, mengkaji pola dan faktor adaptasi sosiobudaya Orang Laut serta menjelaskan pandangan Orang Laut terhadap adaptasi sosiobudaya mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Adapun bahan-bahan kajian ini diperoleh dengan pelbagai cara iaitu, kerja lapangan (field work), pemerhatian (observation), soal selidik serta penyelidikan dari bahan-bahan bertulis dan dokumen. Penemuan kajian ini mendapati bahawa adanya aktiviti adaptasi sosiobudaya dalam bentuk proses penyesuaian dalam aspek lingkungan tempat tinggal misalnya, sebelum naik ke darat mereka memperkenalkan diri dahulu dengan persekitaran masyarakat yang ia tuju, kemudian baru membangunkan penempatan, penempatan yang dibangunkan bermula dari sederhana hingga moden, ekonomi dari nelayan hingga mengembangkan usaha lain, agama dari sekedar pengakuan hingga menjadi muslim yang sebenarnya, pernikahan mereka sudah menyesuaikan dengan budaya setempat, mereka pula telah ramai yang berkahwin dengan orang luar dari Orang Laut. Dalam bidang politik Orang Laut sekarang sudah ada yang menyertai parti politik namun belum ada yang mendapatkan kursi di Dewan Perwakilan Rakyat (DPR). Hal tersebut menunjukkan bahawa strategi dan peluang-peluang yang mereka gunakan telah memberikan citra untuk membuat mereka tetap survive. Pola adaptasi pada umumnya mengikuti perkembangan sosiobudaya masyarakat setempat, namun khusus di Desa Tanjung Pasir mempunyai pola tersendiri yang mereka kembangkan. Dapatan kajian ini secara umum memperkuat kajian-kajian terdahulu dan teori adaptasi Steward, Rappaport, Alland, Bennett dan Hardesty. Huraian Vadya dan Rappaport selari dengan perilaku Orang Laut di Desa Tanjung Pasir yang boleh digolongkan sebagai perilaku adaptif yang bersifat unik atau “*idiosyncratic*”. Kajian ini juga mendukung teori perubahan khususnya terhadap Orang Laut di Desa Sungai Laut kerana adaptasi yang mereka alami baru dalam tahap perubahan, belum mengalami proses dan strategi adaptasi yang sebenarnya, sebagaimana desa-desa lainnya.

ABSTRACT

Orang Laut (freely translated as The Sea People) is the name given to a tribal group living in Riau. This name has been in public use since the Kingdom of Riau Lingga. They are also referred to as "isolated or remote island communities" because they have been characterized as nomadic, living in remote islands, living on boats, wandering the high seas. The Orang Laut have now moved onto land and settled there; they are still classed as a Remote Indigenous Community (KAT) in Indragiri Hilir, Riau. They have had to adjust to the new circumstances. Thus, the researcher was interested to investigate the Sociocultural adaptation of the Orang Laut in Tanah Merah, Indragiri Hilir, Riau. The objective of this study is to explain the social life of the Orang Laut, to assess their Sociocultural adaptation, to observe the processes and adaptation strategies utilised, to assess the pattern and factors related to the sociocultural adaptation of the Orang Laut and to explain the views of the Orang Laut to their Sociocultural adaptation. This study used a qualitative approach. The material and data in this study were obtained in various ways; through field work, observation, and review of materials and documents previously written. The findings in this study show their Sociocultural adaptation activity in the form of the process of adjustment to the environmental aspects of residence, for example, they went ashore before socializing themselves with local society that they were moving into, then they built houses, ranging from the simple to the modern, and started to develop economically through fishery and other business. In terms of religion, they started to learn and perform all the practices of Moslems, their marriage rituals had to adjust to the local culture, they also married people outside of the Orang Laut community. In the political field, the Sea People are now already included in a political party but not one of them has sufficiently gained the sympathy of the people and that they have not got a seat yet. It indicates that the strategies and opportunities used by them have provided motivation to make them survive. They have generally followed the pattern of Sociocultural adaptation through the development of local communities, however the village of Tanjung Pasir, has its own unique pattern that they developed by themselves. The general findings reinforce previous studies and theories of adaptation Steward, Rappaport, Alland, Bennett and Hardesty. Vadya and Rappaport explained that there is an adaptive behavior that are unique or "idiosyncratic" in line with the behavior of people in the village of Tanjung Pasir, which could be considered as a unique adaptive behavior. The study also supports the theory of change, particularly to people in the village of Sungai Laut because they are experiencing a new adaptation of the stage changes, has not undergone the process and the actual adaptation strategies, as well as other villages.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadirat Allah S.W.T, kerana dengan limpahan kurnia-Nya kajian ini telah dapat diselesaikan. Sesungguhnya kalungan budi yang tidak terhingga diramaikan kepada pihak pengurusan Jabatan Antropologi dan Sosiologi yang telah memberikan pelayanan yang baik kepada saya untuk menyelesaikan pengajian ini. Tiada balasan selain memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi kepentingan fakulti, khususnya dan mahasiswa amnya.

Dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Profesor Madya Dr. Juli Edo yang tidak jemu menyelia dan memberikan bimbingan bagi memastikan ketelitian dan kelancaran kajian. Penyeliaan dan bimbingan yang telah diberikan bukan sahaja penting dalam pelaksanaan kajian ini, tetapi juga telah memberikan pengembangan minda saya berkaitan dengan ilmu Antropologi dan Sosiologi.

Kajian ini tidak akan berjalan dengan lancar tanpa dorongan yang kuat daripada Dr. Siti Nor Awang, Dr. Hasbullah, M.Si, Haslan bin Tamjeni dan Rionaldi, M.Si yang terus-menerus menggesa dan memberikan perangsang serta meluangkan waktu berbincang dan menyemak kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terimakasih kepada Bapak Dr. H.M. Rusli Zaenal, SE, M.P mantan Gubernur Riau, yang telah memberikan bantuan materil dalam usaha menyiapkan tesis ini. Dengan gelakan ini, terbuka lembaran baharu yang mewarnai kehidupan saya.

Tentulah dalam menongkah arus pengajian dan kehidupan, saya amat berhutang budi kepada kaum keluarga yang begitu memahami dan sentiasa

menanamkan keyakinan dalam diri demi mencapai cita-cita. Pengorbanan suami, Drs. H. Alimuddin Hakim, M.Si, bin Kanna, yang sering membantu amat disanjung. Pengorbanan masa dan tenaganya tidak akan terbalasi.

Penghargaan istimewa diramaikan kepada Ayahanda H. Abd Wahab Yunus (alm) dan ibunda Hj. Jawasiah bt H. Kallabe (almh) kerana didikan, bimbingan, asuhan serta doanya saya dapat menikmati pendidikan sampai ke Program Pascasiswazah ini. Ucapan yang sama pula disampaikan kepada ayah mertua Kanna (alm) dan ibunda Hj. Imappe dan kakanda ipar Hj. Siti Arafah yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Demikian juga penghargaan istimewa kepada kakanda saya Naidah binti Saide dan adik-adik saya, H. Okta Hasanatan, S.Ag bt H. Abd Wahab, Muhammad Tawil bin H. Abd Wahab, Darmawati bt H. Abd Wahab dan Sefni Martalinda bt H. Abd Wahab kerana dengan restu dan doa yang sentiasa berada di sisi memastikan kesejahteraan keluarga saya menguatkan semangat saya untuk terus menyelesaikan kajian ini.

Kepada permata hati saya, Ar Bowo Indra Laksana, Ar Reza Indra Pahlevi, Alisya Putri Hannani, Ar Taufik Ali Totonji dan Ar Raziq Ahmad Tendri Abeng, semoga usaha ini menjadi perangsang untuk terus berusaha meningkatkan ilmu dan mengejar cita-cita kerana Allah SWT.

Kuala Lumpur, 25 April 2015

SENARAI SINGKATAN

KAT	: Komuniti Adat Tertinggal
SDM	: Sumber Daya manusia
PKSMT	: Projek Pengembangan Kesejahteraan Masyarakat Terasing
P3KAT	: Pelaksanaan Program Pemberdayaan Komuniti Adat Terpencil
Depsos	: Departemen Sosial
RPS	: Rancangan Pengumpulan Semula
FKKS	: Forum Komunikasi Kesejahteraan Sosial
RPS	: Rancangan Pengumpulan Semula
PKMT	: Program Kesejahteraan Masyarakat Terasing
SD	: Sekolah Dasar
SMP	: Sekolah Menengah Pertama
SMA	: Sekolah Menengah Atas
SLTA	: Sekolah Lanjutan Tingkat Atas
SLTP	: Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama
D3	: Sarjana Diploma
PUSTU	: Puskesmas Pembantu
POSYANDU	: Pusat Pelayanan Terpadu
RW	: Rukun Warga
RT	: Rukun Tetangga
BPD	: Badan Pengawas Desa
MI	: Madrasah Ibtidaiyyah
KUA	: Kantor Urusan Agama
KTP	: Kartu Tanda Penduduk
RI	: Republik Indonesia
MDA	: Madrasah Diniyyah Awaliyah
TPA	: Taman Pendidikan Al Qur'an
TP.PKK	: Tim Penggerak Pemberdayaan Kesejahteraan Keluarga
PKK	: Pemberdayaan Kesejahteraan Keluarga
PNPM	: Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat
KUD	: Koperasi Unit Desa
LKMD	: Lembaga Ketahanan Masyarakat Desa
BKB	: Bina Keluarga Bahagia
UP2K	: Usaha Peningkatan Pendapatan Keluarga
BALITA	: Bayi Lima Tahun
SAW	: Sallallahu 'Alaihi Wasallam
P3NTR	: Pegawai Pendaftar dan Pencatatan Nikah, Talak dan Rujuk
DPR	: Dewan Perwakilan Rakyat
PDIP	: Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan
GOLKAR	: Golongan Karya
INHIL	: Indragiri Hilir
FKKS	: Forum Komunikasi Keluarga Sejahtera

K A N D U N G A N

Perakuan Keaslian Penulisan.....	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	iv
Penghargaan,.....	v
Senarai Kependekan.....	vii
Kandungan.....	viii
Senarai Gambar, Rajah dan Jadwal.....	x
Senarai Carta.....	xi
BAB I. PENDAHULUAN	1
1.1. Pengenalan	1
1.2. Orang Laut	1
1.3. Objektif Kajian	9
1.4. Persoalan Kajian	9
1.5. Skop Kajian.....	10
1.6. Ulasan Kajian Lepas	10
1.7. Kaedah Penyelidikan	25
1.8. Kepentingan Kajian.....	33
1.9. Rumusan.....	33 - 34
BAB II. KONSEP DAN KERANGKA TEORI	35
2.1. Pengenalan.....	35
2.2. Konsep Kebudayaan.....	35
2.3. Konsep Perubahan Sosial	43
2.4. Konsep Interaksi Sosial	46
2.5. Kongssep Adaptasi	50
2.6. Kerangka Teori Adaptasi.....	63
2.7. Rumusan.....	72-73
BAB III. LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN DAN MASYARAKAT ORANG LAUT	74
3.1. Pengenalan.....	74
3.2. Asal Usul Orang Laut	74
3.3. Nama Orang Laut	80
3.4. Sistem Kekerabatan Orang Laut	87
3.5. Agama dan Kepercayaan Orang Laut	94
3.6. Kegiatan Ekonomi Orang Laut	101
3.7. Organisasi Politik Orang Laut	106
3.8. Tradisi, Norma dan Nilai Orang Laut	113
3.9. Bahasa Orang Laut	116
3.10 Demografi dan Pemukiman Orang Laut	118
3.11 Profil Desa-Desa Yang Menjadi Tumpuan Kajian	131
3.12. Rumusan	144-145
BAB IV. ADAPTASI SOSIOBUDAYA ORANG LAUT	146
4.1. Pengenalan.....	146
4.2. Adaptasi Terhadap Lingkungan Baru	146
4.3. Adaptasi Terhadap Mata Pencarian.....	162

4.4.	Adaptasi Terhadap Agama	181
4.5.	Adaptasi Terhadap Perkahwinan.....	190
4.6.	Adaptasi Terhadap Organisasi Sosial.....	200
4.7.	Adaptasi Terhadap Pendidikan	209
4.8.	Adaptasi Terhadap Politik.....	212
4.9.	Pola Adaptasi Sosiobudaya Orang Laut	219
4.10.	Rumusan	229-230
BAB V.	FAKTOR ADAPTASI SOSIOBUDAYA	231
5.1.	Pengenalan.....	231
5.2.	Faktor-Faktor yang Mendorong Berlakunya Adaptasi	231
	5.2.1. Desa Tanah Merah	235
	5.2.2. Desa Tanjung Pasir.....	237
	5.2.3. Desa Sungai Laut	238
5.3.	Pandangan Orang Laut Terhadap Adaptasi Sosiobudaya	240
	5.3.1. Kehidupan Sosial	240
	5.3.2. Budaya Luar	244
	5.3.3. Budaya Sendiri	248
5.4.	Rumusan.....	251-252
BAB VI.	KESIMPULAN	253
6.1.	Pengenalan.....	253
6.2.	Penemuan-penemuan Utama Dari Kajian.....	253
6.3.	Implikasi Penemuan ke atas Teori	259
6.4.	Implikasi Penemuan ke atas Kerajaan.....	264-266
	BIBLIOGRAFI	267
	LAMPIRAN-LAMPIRAN.....	274- 293

SENARAI GAMBAR

Gambar 3.1.	Ciri-Ciri Fizikal Orang Laut	79
Gambar 3.2.	Gambar Papan Tongkah dan Cara Penggunaan	101
Gambar 3.3.	Orang Laut Yang Sedang Menongkah	102
Gambar 3.4.	Orang Laut Sedang Memperbaiki Jaring	105
Gambar 3.5.	Hubungan Pemimpin Tradisional Orang Laut dengan Pemimpin Yang Diakui Kerajaan (Pemerintah) Sebelum Tahun 2000	109
Gambar 3.6.	H. Selamat Melawat Orang Laut yang Sedang berjualan Ikan	110
Gambar 3.7.	Pemimpin Tradisional Orang Laut Dalam Hubungan Sosial Kemasyarakatan Dari Tahun 2000 Hingga Sekarang	111
Gambar 3.8.	Kawasan Kecamatan Tanah Merah Kabupaten Indragiri Hilir Riau	119
Gambar 4.1.	Keadaan Perumahan Orang Laut di Desa Tanah Merah	194
Gambar 4.2.	Keadaan Perumahan Orang Laut di Desa Tanjung Pasir	197
Gambar 4.3.	Keadaan Perumah Orang Laut di Desa Sungai Laut	199

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1.	Model Kerangka Pemikiran Tentang Adaptasi Sosiobudaya	70
Rajah 4.1.	Proses Adaptasi dari Bentuk Rumah	157
Rajah 4.2.	Rumah yang di Bina Oleh Kerajaan Tahun 1996	158

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1.	Perkahwinan Campur Orang Laut	91
Jadual 3.2.	Sewa Peralatan Yang Digunakan Nelayan Orang Laut	103
Jadual 3.3.	Kumpulan Etnik yang Terdapat di Desa Tanah Merah	142
Jadual 3.4.	Taraf Pendidikan Orang Laut di Desa Tanah Merah Tahun 2013	143

SENARAI CARTA

Carta 3.1.	Bilangan Penduduk kecamatan Tanah Merah Dirinci Menurut Jantina Tahun 2012	121
Carta 3.2.	Bilangan Penduduk Berdasarkan Kelurahan dan Desa Di Kecamatan Tanah Merah	121
Carta 3.3.	Bilangan Penduduk Kecamatan Tanah Merah Berdasarkan Etnik	122
Carta 3.4.	Klasifikasi Agama dalam Masyarakat Tanah Merah	128
Carta 3.5.	Bilangan Penduduk Berdasarkan Etnik di Desa Tanjung Pasir	132
Carta 3.6.	Taraf Pendidikan Orang Laut di Desa Tanjung Pasir	133
Carta 3.7.	Bilangan Penduduk Desa Sungai Laut Mengikuti Etnik Tahun 2013	137
Carta 3.8.	Taraf Pendidikan Orang Laut di Desa Sungai Laut	138

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Bab ini adalah bab pengenalan yang akan membincangkan sebab utama kajian tentang Orang Laut ini dilakukan. Orang Laut yang masih hidup di dalam sampan masih pun wujud khususnya di kawasan Kepulauan Riau, namun Orang Laut yang wujud di Kecamatan Tanah Merah, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau sudah berpindah ke darat dan mereka membina rumah sebagaimana rumah masyarakat yang wujud di persekitaran mereka. Mereka mengubahsuai budaya mereka, kepercayaan mereka, mata pencarian mereka (ekonomi), mereka pula sudah membina anak-anak mereka untuk mengikuti pendidikan sehingga boleh membawa mereka kepada penyesuaian yang lebih luas lagi, seperti berlakunya perkahwinan campur antara mereka dengan masyarakat dari etnik lain yang wujud di persekitaran mereka, didapati pula beberapa orang di kalangan mereka yang sudah melaksanakan ibadah haji, ini salah satu adaptasi sosiobudaya Orang Laut yang menarik untuk dikaji. Oleh itu, bab ini memuat antara lainnya latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, kaedah penyelidikan dan kerangka teori.

1.2. Orang Laut

Perbincangan tentang kehidupan manusia, adaptasi (penyesuaian) dan perubahan sosiobudaya, mestilah berkait rapat dengan isu pengembangan yang dilakukan oleh manusia. Oleh kerana perkembangan adalah usaha manusia untuk mencapai standard yang lebih baik hidup bahagia, berjaya dan menuju kehidupan makmur.

Pengembangan atau Pembangunan adalah sesebuah proses perubahan yang dibuat oleh manusia yang berlaku secara berterusan dan secara sedar dilakukan oleh kerajaan melalui pelbagai program, sama ada yang melibatkan beberapa sektor mahupun yang tidak, sama ada dilaksanakan di kawasan bandar mahupun di kawasan luar bandar. Melalui pengembangan diharapkan akan wujud perubahan yang terancang dan terarah, sehingga matlamat pengembangan yang ingin mensejahterakan masyarakat boleh tercapai. Soedjatmoko (1987: 22) menyatakan bahawa tujuan akhir dari pengembangan ialah untuk menjadikan penduduk sesebuah negara khasnya kaum yang lemah dan miskin tidak hanya untuk meningkatkan pendapatan dan pengeluaran, melainkan juga lebih berkesan secara sosial, dengan harapan setiap individu sedar dan berusaha untuk mencapai kesejahteraan.

Pembangunan kesejahteraan sosial merupakan sebahagian daripada perkembangan negara, yang bertujuan untuk mewujudkan keadaan yang adil dan menyeluruh melalui pembangunan penduduk Indonesia yang utuh. Perkara tersebut selari dengan tujuan pembangunan manusia yang menginginkan wujudnya keadilan dan pembangunan yang sekata di seluruh lapisan masyarakat dan sekata dalam pengembangan di segala bidang dan untuk mengurangkan ketidaksamaan ekonomi dan jurang sosial masyarakat. Salah satu tujuan pembangunan kesejahteraan sosial tersebut adalah memberantas jurang kehidupan sosial dan ekonomi yang dialami oleh masyarakat suku asli tertinggal, terasing atau Komuniti Adat Terpencil (KAT). Sebagaimana termaktub dalam Surat Keputusan Kementerian Sosial Republik Indonesia No. 5 Tahun 1994, masyarakat terasing adalah kumpulan-kumpulan masyarakat yang tinggal di tempat-tempat yang secara geografik terpulau, terpinggir, dan dari segi budaya terasing dan masih terkebelakang berbanding dengan masyarakat Indonesia yang lain. Sebutan masyarakat terasing telah ditukar ganti dengan sebutan Komuniti

Adat Terpencil (KAT) berdasarkan Keputusan Presiden Republik Indonesia No. 111 Tahun 1999. Hal ini secara teknikal sepertimana dinyatakan dalam Surat Keputusan Menteri Sosial Republik Indonesia No. 97 Tahun 1999, dengan alasan istilah terasing mempunyai imej yang kurang baik.

Orang Laut adalah sesebuah golongan Suku Asli yang ada di Riau. Nama tersebut dikenali oleh masyarakat Riau sejak Kerajaan Riau Lingga untuk menyebut golongan masyarakat yang hidup di dalam sampan dan mereka mengembara hampir di seluruh perairan Riau daratan (ibu kotanya adalah Pekanbaru dan biasa disebut Riau sahaja) dan Riau Kepulauan ibu kotanya adalah Tanjung Pinang, dahulunya merupakan sebahagian daripada Provinsi Riau, dan sekarang menjadi Provinsi Riau Kepulauan.

Orang Laut di kawasan Riau mendiami di tiga daerah, iaitu Kabupaten Indragiri Hilir, Kabupaten Pelalawan dan Kabupaten Meranti. Namun, sebahagian besar mereka tinggal di daerah Kabupaten Indragiri Hilir. Kewujudan mereka di Kabupaten Indragiri Hilir tidak menyeluruh di semua kecamatan. Mereka berada di kecamatan tertentu sahaja iaitu, di Kecamatan Kuindra, Mandah, Guntung, Tanah Merah, Reteh, Concong dan Gaung Anak Serka. Kewujudan mereka di kecamatan tersebut juga tidak purata, mereka berada di kampung-kampung tertentu atau di persekitaran Rukun Warga (singkatannya adalah RW, iaitu istilah kumpulan masyarakat dalam kawasan tertentu yang jumlahnya lebih kecil) tertentu sahaja, misalnya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah hanya ditemui di tiga desa sahaja, iaitu di desa Tanah Merah dan mereka hanya duduk di RW VII, V dan IV, dan di Desa Sungai Laut mereka duduk di RW III, di Desa Tanjung Pasir di RW I dan II.

Pada masa kini Orang Laut dimasukkan dalam kumpulan 'Komuniti Adat Terpencil' (KAT). Hal ini bermaksud untuk memberikan penjelasan bahawa 'Komuniti Adat Terpencil' (KAT) ini adalah sekumpulan orang yang hidup dalam kesatuan-kesatuan sosial budaya yang bersifat tempatan, dan kurang atau belum terlibat dalam rangkaian serta perkhidmatan sosial, ekonomi dan politik secara baik (Budhi Santoso, 1996: 200). Sebelumnya mereka dikenali dengan sebutan 'masyarakat terasing' kerana mempunyai ciri-ciri sebagai masyarakat yang hidup terpulau daripada masyarakat lain. Di samping itu, mereka juga mempunyai kemampuan terhad dalam berkomunikasi dengan masyarakat sekitar, walaupun mereka mempunyai keahlian tersebut namun mereka ketinggalan atau terkebelakang dalam proses pembangunan sosial, budaya, ekonomi, politik dan agama.

Perubahan nama yang dilekatkan tersebut dari masyarakat 'terasing' menjadi Komuniti Adat Terpencil (KAT) berdasarkan Keppres (Keputusan Presiden) No. 111/1999 dan Keputusan Kementerian Sosial (Kepmensos) No. 06/PEGHuK/2002, yang menjelaskan bahawa Komuniti Adat Terpencil dimaksudkan adalah golongan sosial (budaya) yang bersifat tempatan dan hidup bertabur serta kurang atau belum terlibat dalam perkumpulan, sama ada sosial, ekonomi mahupun politik. Perubahan nama tersebut diiringi dengan pengiktirafan kerajaan terhadap kewujudan komuniti adat terpencil, pengiktirafan terhadap hak sosial dan ekonomi komuniti adat terpencil, pengiktirafan terhadap perlindungan tradisi dan adat istiadat, serta pengiktirafan terhadap program pemberdayaan komuniti adat terpencil, sama ada melalui produk hukum nasional mahupun daerah yang melindungi hak-hak komuniti adat terpencil serta kewajipan negara untuk mengakui kewujudannya, melindungi, dan membinanya sesuai dengan sistem sosial yang ada dalam kehidupan masyarakat tersebut.

Di Riau didapati beberapa golongan Komuniti Adat Terpencil selain daripada Orang Laut, seperti Orang Sakai, Orang Bonai, Orang Hutan, Orang Akit dan Talang Mamak (Koentjaraningrat, 1993: 323). Masyarakat suku asli yang lain pada amnya tinggal di darat, sedangkan Orang Laut dahulu lebih dikenali sebagai Orang Sampan atau orang yang hidup dan menetap di dalam sampan. Mereka hidup mengembara di laut, iaitu di sepanjang Sungai Indragiri dan Selat Melaka. Keadaan seperti ini di wilayah Indragiri Hilir masih didapati hingga tahun 1970-an. Mereka mengembara dari satu pulau ke pulau lain yang ada di Riau dan di Riau Kepulauan, dan dari satu kampung ke kampung lain yang ada di sepanjang sungai Indragiri Hilir.

Orang Laut sekarang telah mengalami perubahan yang besar bila dibandingkan dengan keadaan mereka di tahun 1970-an. Mereka telah sepenuhnya menetap di darat dan telah menyesuaikan diri (beradaptasi) dengan persekitaran. Mereka hidup berdekatan dengan masyarakat lain yang ada di persekitaran mereka. Mereka menyebut diri mereka sendiri sebagai “Orang Asli” atau “Suku asli”, yang bererti mereka adalah penduduk asli Riau. Di samping itu, mereka mempunyai nama-nama golongan yang diambil berdasarkan daerah asal dimana mereka pernah tinggal dalam tempoh masa yang lama, sama ada di darat mahupun di dalam sampan. Misalnya, mereka menyebut diri mereka Orang Concong, Orang Sungai Rokan, Orang Sungai Rumah, Orang Kuala Bekawan, Orang Sungai Laut, Orang Sungai Belah, Orang Kuala Patah Parang, dan lain-lain dengan alasan kerana mereka telah lama menetap di kawasan tersebut.

Pada masa kini, khasnya di kalangan anak muda Orang Laut yang sedang mengikuti pendidikan di pengajian tinggi di bandar Pekanbaru dan tokoh-tokohnya yang ada di Indragiri Hilir menyebut diri mereka sebagai “Orang Duanu”. Gelaran nama ini dikukuhkan pada perhimpunan besar masyarakat Duanu se Riau, 9-10 Julai 2003 di

Bandar Tembilahan. Sebenarnya, istilah ini telah diperkenalkan oleh Sarpan (anak muda Orang Laut “Duanu”) pada seminar peningkatan Sumber Daya Manusia (SDM) Suku Laut tahun 1993 di Pekanbaru. Namun, istilah Duanu masih menjadi kontroversi di kalangan tokoh-tokoh masyarakat Orang Laut di Indragiri Hilir dan masyarakat Orang Laut pada umumnya, kerana istilah ini menghilangkan keharuman nama Orang Laut sebagai tentera di laut pada masa Kerajaan Riau Lingga yang terukir dalam sejarah Riau khususnya dan Indonesia pada amnya.

Adrian B. Lopian (2009: 77-79) menyatakan bahawa seringkali pemberian nama suku bangsa datang daripada orang lain yang ada di persekitarannya dan nama itu sendiri sering merujuk kepada tempat atau kawasan pemukiman serta orientasi hidup masyarakat yang diberikan nama tersebut, misalnya Toraja (orang hutan), Maranao (orang danau), Orang Bukit (orang pedalaman), Orang Gunung, Orang Desa, Orang Kota, dan lain-lain. Oleh itu, generasi muda Orang Laut merasa kurang selesa dengan sebutan tersebut, kerana istilah Orang Laut sinonim dengan ejekan kampung, ketinggalan zaman dan kolot. Kerana itu, generasi muda Orang Laut melaksanakan perhimpunan besar dan mendeklarasikan istilah Duanu untuk menggantikan nama Orang Laut yang selama ini dikenali secara luas. Namun, dalam kajian ini penulis menggunakan istilah Orang Laut dengan alasan untuk mempermudah dalam mencari penulisan berkait. Salah seorang tokoh Orang Laut “Sarpan” membenarkan hal ini dan beliau dapat memahami alasan penulis. Di tengah-tengah masyarakat Indragiri Hilir (INHIL) pun masih menyebut istilah Orang Laut di samping sebagian juga mengenal istilah Duanu.

Sejak tahun 1920-an Orang Laut yang ada di Indragiri Hilir sudah ada satu atau beberapa orang yang naik dan menetap di darat. Mereka membina rumah-rumah

panggung yang dibuat dari kayu dan berlantaikan nibung di tepi Sungai Indragiri secara berkumpulan. Rumah tersebut ditempati untuk beberapa hari sahaja, ketika musim angin kencang dan hujan yang berkepanjangan mereka membawa serta semua keluarga mereka naik ke darat, setelah hujan berhenti mereka kembali meneruskan perjalanan mereka. Sebahagian besar masih tinggal di dalam sampan-sampan dan mengembara di sepanjang sungai Indragiri dengan keluarga besar mereka. Pengembaraan tersebut adalah secara berkumpulan kerana dalam satu keluarga besar boleh mencapai dua sehingga empat keluarga atau bahkan mencapai lima sehingga 10 sampan yang beriringan. Mereka mengembara sambil menangkap ikan, kerang, kepiting dan lain-lain kemudian menjualnya ke kampung-kampung yang mereka lalui. Dalam pengembaraan tersebut kadang-kadang mereka menetap di suatu kampung untuk beberapa hari atau beberapa bulan. Jika mereka merasa situasi dan keadaan kampung tersebut sesuai, maka mereka naik dan membina rumah panggung yang diperbuat dari kayu dan berdinding anyaman daun rumbia (*rumah atap*). Setelah mereka merasa benar-benar sesuai, maka mereka akan membina rumah yang lebih baik lagi yang diperbuat dari kayu dan lantainya dari nibung. Jika mereka tidak merasa selesa di suatu kampung, maka mereka akan meneruskan pengembaraan dan meninggalkan pondok yang telah mereka bina. Keadaan seperti ini masih berlaku hingga tahun 1970-an.

Sekitar tahun 1980-an Negara Republik Indonesia melalui Kementerian Sosial mula memperhatikan masyarakat suku asli atau masyarakat adat (*indigeneous people*) sebagai satu persoalan sosial bagi kerajaan, kerana keterasingan dan keterbelakangan mereka. Seterusnya, pada tahun itu juga diwujudkan penempatan untuk masyarakat adat terpencil atau masyarakat adat yang dikenali sebagai "Projek Pengembangan Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKSMT)". Di Malaysia dikenali dengan istilah penempatan semula Orang Asli. Ketika itu, istilah masyarakat terasing masih melekat

pada diri mereka. Pada tahun yang sama Orang Laut yang ada di kawasan Indragiri Hilir juga mendapatkan projek tersebut yang dilaksanakan di dua kawasan iaitu; Kawasan Tanjung Pasir dan kawasan Concong Luar. Pada masa inilah Orang Laut boleh dikatakan sudah naik dan menetap di darat dan tidak ada lagi yang tinggal di dalam sampan dan hidup di laut. Di era moden dan globalisasi, Orang Laut memperlihatkan keupayaan untuk menyesuaikan diri (beradaptasi) dengan kehidupan sosial yang semakin canggih dan berteknologi. Mereka juga hidup bersama dan bergaul dengan masyarakat persekitaran dan terlibat langsung dalam pelbagai aktiviti sosial yang ada di dalam masyarakat tersebut, seperti pengajian keagamaan atau kenduri kampung.

Dari huraian di atas, kajian ini cuba menjelaskan proses, strategi dan pola adaptasi sosiobudaya Orang Laut yang ada di Kecamatan Tanah Merah, Kabupaten Indragiri Hilir. Kajian ini penting dilakukan kerana akan menggambarkan bagaimana Orang Laut beradaptasi dengan persekitaran mereka, dimana sebelumnya mereka hidup di dalam sampan dan mengembara di laut bebas mengikuti arus air pasang dan surut, dan berpindah-randah (*nomads*) daripada satu kampung ke kampung lain, mereka beranak-pinak dalam sampan, memasak, membasuh pakaian dan melakukan semua aktiviti sesuai dengan keperluan seharian di dalam sampan. Ertinya, bahawa Orang Laut secara budaya tinggal dalam sampan. Bermula dari tahun 1980 mereka ramai naik ke darat dan mereka telah membuka penempatan di tiga desa tersebut iaitu desa Tanah Merah, Tanjung Pasir dan Sungai Laut. Cuma terdapat perbezaan ke atas kehidupan Orang Laut di Tanah Merah tidak maju berbanding Orang Laut di Tanjung Pasir dan yang paling tidak maju adalah Orang Laut di Sungai Laut. Oleh itu kajian ini untuk menganalisa kenapa perbezaan ini berlaku di tiga tempat ini. Kajian ini pula menganalisa serta membandingkan faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan ini utamanya dari segi proses adaptasi yang mereka lalui, strategi dan pola budaya yang mereka gunakan

dalam kehidupan mereka masa kini. Oleh itu, penulis tertarik untuk menganalisa kehidupan Orang Laut pada masa kini, khususnya cara mereka beradaptasi dengan persekitaran yang baharu.

1.3. Objektif Kajian

Bertitik tolak dari hal tersebut, maka objektif kajian ini akan difokuskan pada empat pokok persoalan:

- i. Menenal pasti kehidupan sosiobudaya Orang Laut, budaya yang masih dipertahankan, yang diubah suai dan interaksi Orang Laut terhadap masyarakat persekitaran baharu (reality).
- ii. Menganalisa proses, strategi dan pola adaptasi sosiobudaya Orang Laut.
- iii. Menenal pasti faktor-faktor adaptasi sosobudaya Orang Laut.
- iv. Meneliti pandangan Orang Laut terhadap adaptasi sosiobudaya yang berlaku pada kehidupan mereka.

1.4. Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian tersebut, peneliti cuba menganalisa proses adaptasi Orang Laut terhadap persekitaran sosial dan budaya yang ada di tengah-tengah mereka di daerah Kecamatan Tanah Merah Kabupaten Indragiri Hilir Riau Indonesia. Bagaimana cara Orang Laut menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat di persekitaran dan apakah yang mendorong terjadinya adaptasi tersebut. Bagaimanakah strategi adaptasi yang mereka lakukan serta bagaimana pola adaptasi yang mereka pakai dalam kehidupan mereka. Apatah lagi mereka dikenali sebagai masyarakat terasing (terpulau) yang mempunyai ciri-ciri inklusif dan mereka tidak bercampur baur dalam masyarakat umum dan hidup dalam kumpulannya sahaja tentulah tidak mudah bagi mereka. Oleh itu, maka dapat dirumuskan soalan kajian seperti berikut:

- 1.4.1. Bagaimana kehidupan sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, Kabupaten Indragiri Hilir?
- 1.4.2. Bagaimana adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, Kabupaten Indragiri Hilir?
- 1.4.3. Apakah faktor-faktor yang memperganti berlakunya adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah?
- 1.4.4. Bagaimana pandangan Orang Laut terhadap adaptasi sosiobudaya yang berlaku dalam kehidupan mereka?

1.5. Skop Kajian

Skop kajian dimaksud untuk memberi batasan penyelidikan agar analisis dapat difokuskan, oleh itu kajian ini meliputi:

- 1.5.1. Aspek-aspek yang menjadi tumpuan adalah seluruh proses adaptasi yang berlaku dalam kehidupan harian yang meliputi: Keluarga, sistem kepercayaan atau agama, sistem kepemimpinan, norma-norma dan sistem budaya yang masih berlaku, dan sistem ekonomi.

- 1.5.2. Kawasan Kajian

Kawasan yang menjadi tumpuan kajian ini meliputi tiga desa (kampung) yang ada di Kecamatan Tanah Merah Kabupaten Indragiri Hilir, iaitu: Desa Tanah Merah, Tanjung Pasir dan Sungai Laut

1.6. Ulasan Kajian Lepas

Analisa tentang Suku Asli sudah banyak dilakukan para pengkaji terdahulu. Untuk kepentingan kajian ini, ulasan kajian lepas membincangkan tentang kedua-dua tumpuan kajian lepas, iaitu ulasan yang menelaah tentang adaptasi sosiobudaya Orang Laut atau Suku Asli, serta perubahan yang boleh berlaku dalam masyarakat Suku Asli kerana

adaptasi dengan pelbagai aspek. sosiobudaya masyarakat maka sentiasa berkait pula dengan pembahasan tentang perubahan masyarakat Suku Asli oleh itu pembahasan dalam kajian lepas dibahas tentang perubahan sosiobudaya masyarakat Suku Asli dari pelbagai aspek.

Gusni Saat (2003) menganalisa tentang “Komuniti Samah-Bajau di Bandar”. Orang Bajau yang secara am digolongkan ke dalam masyarakat pelaut atau *maritime communities* (Warren, 1995: 2). Masyarakat Samah-Bajau¹ merupakan sebuah komuniti minoriti yang juga termasuk golongan Suku Asli. Kajian ini cuba memahami adaptasi dan penyertaan komuniti Samah-Bajau dalam lingkungan bandar yang sedang berkembang. Persoalan utama kajiannya adalah membincangkan tentang realiti sosial komuniti Samah-Bajau serta hubungkaitnya dengan sistem nilai budaya yang mengikat dan mendasari hubungan sosial di kalangan warga komuniti Samah-Bajau.

Realiti sosial dalam kajian ini merujuk kepada pencapaian sebenar komuniti yang dikaji dalam bidang ekonomi dan sosiobudaya. Dalam kajian ini, ekonomi dilihat dari sudut pemilikan harta dan pendapatan. Sementara sosiobudaya pula dilihat dari sudut kekeluargaan, pendidikan, keagamaan dan politik. Sistem nilai budaya pula, sama ada pada amalan atau ideanya, merujuk kepada peraturan, nilai dan norma yang menentukan hubungan-hubungan sosial dalam komuniti yang dikaji. Kaedah utama yang digunakan adalah pendekatan sejarah hayat.

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pada prinsipnya status sosial komuniti Samah-Bajau, seperti pengalaman di Kota Kinabalu, belum lagi membayangkan bahawa mereka itu adalah sebahagian daripada warga bandaraya. Ini kerana keperluan-

¹ Istilah Samah-Bajau adalah istilah yang diguna oleh Gusni Saat untuk menyebut komuniti di Kampung

keperluan asas seperti sistem perparitan, pembentungan kumbahan, perkhidmatan pos, dan perkhidmatan pengutipan sampah belum lagi dinikmati oleh warga komuniti bumiputera terbandar² berkenaan. Ini bermakna petunjuk urbanisasi dari segi alat-alat kepenggunaan awam dalam komuniti Samah-Bajau ini sebahagiannya belum lagi dipenuhi. Kedudukan komuniti-komuniti bumiputera yang duduk di bandar seharusnya menampilkan kejayaan, kerana golongan ini mewakili kaum bumiputera yang lebih besar. Malangnya status sosial komuniti-komuniti bumiputera di Kota Kinabalu umumnya lebih menampilkan imej kemunduran bandar. Dalam konteks ini, keadaan mereka tidak ubah seperti penduduk setinggan yang mendiami bandar.

Judistira K. Garna (1993) Membahas tentang masyarakat Suku Asli dan kaitan dengan perubahan sosiobudaya sebagai impak daripada pembangunan dan program kerajaan serta pergaulan dengan masyarakat lain dengan tajuk 'Perubahan sosiobudaya Sebagai Impak dari Pembangunan di Kabupaten Lebak Provinsi Banten'. Kajian ini menumpukan perhatian pada perubahan sosial dan adaptasi Suku Badui (Suku Asli) terhadap pembangunan. Program penempatan semula yang dilakukan oleh pihak kerajaan kepada komuniti Orang Badui untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Orang Badui sentiasa hidup dalam komunitinya sahaja, kehidupan mereka tidak bercampur dengan masyarakat lain dalam kampung kanekes. Mata pencarian mereka sebagai petani dengan pola berpindah yang terbatas.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa program-program pembangunan yang dilakukan dari luaran jarang seiring dengan keperluan dan aspirasi komuniti yang berkaitan. Menurut kerajaan, komuniti Badui adalah '*terbelakang*', '*inferior*', dan harus

² Bumiputera 'terbandar' adalah istilah yang diguna oleh Gusni Saat dalam melakukan interpretasi terhadap komuniti Samah-Bajau di Bandar. Ertinya bahawa Komuniti Samah-Bajau yang sudah duduk di Kota Kinabalu, dan menjadi penduduk Bandar.

diubah atau dimodrenkan. Tetapi waktu telah memperlihatkan bahawa komuniti Badui mempunyai mekanisma sosiobudaya yang memungkinkan mereka beradaptasi dengan lingkungan yang baru dan melestarikan kewujudan mereka tanpa campur tangan kerajaan sama sekali. Juga, budaya komuniti ini yang khas perlu dibiarkan tumbuh untuk mengukuhkan pembangunan sosiobudaya bangsa.

Orang Badui memiliki cara untuk mempertahankan budaya mereka iaitu dengan mengawal seluruh aktiviti dan keperluan masyarakat Badui dengan membagi kawasan mereka ke dalam dua bahagian, iaitu kawasan Badui Dalam dengan istilah '*Tangtu*' dan kawasan Badui Luar '*Panamping*'. Kawasan Badui Dalam atau wilayah inti terlindungi oleh Badui Luar dan sekitaran alam yang hampir tidak mudah dimasuki orang luar sehingga hampir tidak berlaku adaptasi dan perubahan dalam masyarakat Badui Dalam. Sedangkan masyarakat Badui Luar membina hubungan dengan masyarakat lain yang ada di persekitaran mereka khususnya dalam kaitan ekonomi, sosiobudaya dan sosiopolitik. Kerana Badui Luar lebih banyak membina hubungan dengan masyarakat dipersekitaran mereka yang bukan Orang Badui maka terjadi adaptasi sosiobudaya, seperti cara berpakaian mereka sudah tidak seperti Orang Badui dalam yang memiliki aturan tertentu.

Dapatan serupa diperlihatkan pula oleh Parsudi Suparlan (1995) menganalisa Orang Sakai (Suku Asli) di Riau, tepatnya Orang Sakai yang terdapat di Sialang Rimbun Kabupaten Bangkalis Riau Indonesia. Kajian ini membincangkan tentang impak Program Pembinaan Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKMT) terhadap pelbagai aspek kehidupan Orang Sakai, seperti ekonomi, kekerabatan dan kepemimpinan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Orang Sakai tidak atau kurang mampu beradaptasi dengan pelbagai perubahan sosial budaya yang berlaku di lingkungan sekitar mereka. Peneliti menyimpulkan bahawa Projek Pemukiman Pembinaan Masyarakat Terasing (PKMT) Sialang Rimbun boleh dikatakan gagal. Gagal secara fizik kerana pemukiman ini ditinggalkan oleh sebahagian besar warganya dan terbengkalai oleh para petugasnya; dan gagal sebagai program kerana tidak ada kesan daripada pembinaan yang telah diberikan oleh para petugas Pembinaan Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKMT) tersebut. Gagal kerana kerajaan tidak memahami keinginan dan kebiasaan Orang Sakai dalam menata kehidupan mereka, seperti cara mereka membina rumah mereka ditengah ladang yang mereka buat. Ketika kerajaan membina rumah untuk mereka yang jauh dari ladang mereka maka mereka pun bingung kerana tidak ada aktiviti yang boleh mereka buat. Pola kehidupan yang khas dalam berladang '*ketetangan*' yang mengikat keakraban dalam komuniti Orang Sakai. Walaupun aktiviti yang dirancang oleh kerajaan untuk kesejahteraan mereka, namun mereka tidak mengikuti apa-apa yang sudah dirancang tersebut, seperti pembinaan dalam bidang sosial, ekonomi, ugama dan lain-lainnya. Keadaan tersebut samada para bekas warganya yang telah keluar dari pemukiman Pembinaan Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKMT) Sialang Rimbun mahupun yang masih tinggal di bekas pemukiman tersebut.

Yap Beng Liang (2001) menumpukan kajiannya pada perubahan sosial yang berlaku pada masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah, terutama meneliti hubungannya dengan kolonialisme dan perkembangan ekonomi kapitalis di Sabah. Ia cuba menunjukkan bahawa kolonialisme dan perkembangan ekonomi kapitalis di Sabah telah mengakibatkan perubahan terhadap ekonomi tradisional atau '*natural economy*' masyarakat Bajau, khususnya dari segi bentuk dan hubungan pengeluaran.

Masyarakat Bajau di Kota Belud hidup di dua zaman pemerintahan, iaitu pada zaman tradisional dan situasi pada zaman pemerintahan kolonial. Pada zaman tradisional, masyarakat Bajau di Kota Belud terangkum dalam struktur pentadbiran Kesultanan Brunei. Pada zaman itu orang Bajau dapat bertindak dengan bebas dan mempunyai kepemimpinan tempatan tersendiri yang lebih bersifat '*tribal*'. Mereka bebas membuka mana-mana tanah yang disukai, kerana tanah tidak merupakan komoditi yang dapat dijual-beli tapi mereka tidak boleh didasarkan pada hak mempunyai tanah. Pada masa inilah masyarakat Bajau daerah Kota Belud boleh dikatakan telah mengalami suatu perubahan yang besar, iaitu proses dari '*sea nomads*' mereka telah berubah kepada kaum tani yang tinggal menetap di daratan dan pengumpulan hasil laut dan pertanian yang dilakukan secara sederhana atau sendiri.

Pada masa pemerintah kolonial berkuasa di Sabah, pemerintah kolonial menetapkan satu sistem pentadbiran yang baru. Untuk mendapatkan kawalan pemerintah kolonial terhadap penduduk bumiputra, kedudukan tersebut dikekalkan dan terhad ke dalam jentera pentadbiran yang baru dalam pemerintahan kolonial, hal tersebut bertujuan untuk memudahkan pemerintah kolonial mengeksploitasi sumber-sumber ekonomi negeri Sabah tanpa dibebankan dengan tanggungjawab pentadbiran sepenuhnya. Keadaan sosiopolitik dan sosioekonomi masyarakat Sabah umumnya menjalani perubahan, masyarakat Bajau Kota Belud sebagai sebahagian daripada masyarakat Sabah, turut mengalami gangguan terhadap cara hidup tradisional mereka serta memerlukan penyesuaian baharu dengan undang-undang tanah yang baru yang menyebutkan masyarakat Bajau tidak bebas lagi membuka tanah.

Hasbullah (2009) mengkaji tentang 'Transformasi Sosial Budaya Masyarakat Suku Laut di Kecamatan Kuala Kampar Kabupaten Pelalawan Riau Indonesia'. Kajian

ini menumpukan pada transformasi sosial budaya yang berlaku pada Suku Laut yang sudah menetap di Kecamatan Kuala Kampar. Transformasi sosiobudaya yang dijadikan tumpuan kajian meliputi; transformasi dalam bidang ekonomi, pendidikan, tradisi dan kepercayaan (agama). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Peneliti menggunakan informan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian. Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah pemerhatian, temubual mendalam dan dokumentasi.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Suku Laut di Kecamatan Kuala Kampar telah mengalami transformasi sosial budaya. Mereka sudah tidak lagi hidup secara terasing, meskipun kehidupan mereka masih tetap berkumpulan. Mereka telah bergaul dengan berbagai suku yang terdapat di kawasan ini. Begitu pula dengan kehidupan ekonomi, mereka sudah tidak lagi bergantung sepenuhnya dengan alam, dan bahkan sebahagian mereka juga sudah beralih profesion daripada pekerjaan utama sebagai nelayan menjadi petani atau pekebun.

Dalam bidang keagamaan, mereka sebahagian sudah menganut agama yang diakui oleh kerajaan dan juga semakin kurangnya praktik ritual kepercayaan asal. Tradisi mereka dari masa ke semasa semakin ditinggalkan dan sebahagian besar daripada mereka sudah tidak mengenal dan tidak menjalankan lagi tradisi asal yang mereka punyai. Transformasi yang berlaku pada masyarakat ini disebabkan oleh beberapa faktor, antara lain; Pertama, adanya sokongan kerajaan berupa menyediakan berbagai bantuan, sama ada yang bersifat fizikal mahupun program pemberdayaan, kedua, secara geografis, tempat tinggal mereka sudah tidak lagi terpisah dari masyarakat lain, sehingga memudahkan berlakunya kontak kebudayaan, ketiga, adanya komunikasi (interaksi sosial) yang rancak antara masyarakat Suku Laut dengan masyarakat lain,

sehingga mempermudah terjadinya proses pembelajaran, dan keempat, mereka sudah mengenal teknologi maklumat, seperti televisyen, radio, talipon bimbit dan sebagainya.

Syafrizal (2001) mengkaji tentang 'Struktur Masyarakat Suku Laut dan Pelaksanaan Program Pembinaan Kesejahteraan Masyarakat Terasing (Studi Kasus di Desa Sungai Bela, Kabupaten Indragiri Hilir, Propinsi Riau). Kajian ini bertujuan untuk menerangkan kehidupan Orang Laut yang telah melaksanakan Program Pembinaan Kesejahteraan Sosial Masyarakat Terasing (PKSMT). Beliau menjelaskan perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem sosial Orang Laut dan melihat tanggapan serta minat mereka terhadap program itu sendiri. Pendekatan kajian yang digunakan adalah kualitatif. Peneliti mengambil subjek penelitian sebanyak 67 ketua keluarga, dan informan sebanyak 20 orang. Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah pengamatan penglibatan tidak langsung, temubual mendalam dan dokumentasi. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Program Pembinaan Kesejahteraan Sosial Masyarakat Terasing (PKSMT) dikatakan gagal, kerana matlamat utama program Pembinaan Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKSMT) adalah untuk meningkatkan taraf kesejahteraan hidup masyarakat Orang Laut tidak wujud. Perkara ini boleh dilihat daripada keadaan sosioekonomi Orang Laut tersebut. Pembinaan yang dilakukan oleh Departemen Sosial (Depsos) telah menimbulkan sifat kebergantungan masyarakat pada kerajaan. Pembinaan selama ini lebih dalam bentuk 'derma', tidak memberi kail tapi memberi ikan. Suku Laut bukan dijadikan subjek pembangunan, melainkan dijadikan "projek" pembangunan dari pihak-pihak kerajaan yang berkait.

Atik Rahmawati (2011) mengkaji tentang 'Pelaksanaan Program Pemberdayaan Komuniti Adat Terpencil (PKAT): 'Studi pada Komuniti Suku Laut Kota Batam Provinsi Kepulauan Riau'. Kajian ini menumpukan pada pelaksanaan, faktor pendukung

dan penghambat, serta impak yang muncul daripada pelaksanaan program. Pendekatan kajian yang digunakan adalah kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Departemen Sosial (Depsos) melakukan budi bicara dengan menunjuk organisasi sosial Kelompok Kegiatan Kesejahteraan Sosial (KKKS), sebelumnya bernama Forum Kegiatan Kesejahteraan Sosial (FKKS) Batam sebagai pelaksana. Program ini adalah wujud daripada kewajipan kerajaan dengan berlatar belakang pada kedudukan strategi Kota Batam yang merupakan wilayah perbatasan negara Indonesia yang bergantung pada stabiliti keamanan negara serta semakin terpencil masyarakat Suku Laut dalam pengembangan sosial yang ada di Batam, dengan keluaran penempatan pemukiman Suku Laut di Pulau Bertam Kota Batam.

Kesimpulan kajian menunjukkan pentingnya kerajaan memperhatikan kelangsungan program pemberdayaan masyarakat terasing atau masyarakat Orang Laut, dan terus mengawal pelaksanaan program tersebut kerana akan memberikan kehidupan yang lebih baik kepada masyarakat Suku Laut. Dengan demikian pula akan memberi impak kepada pengembangan dan stabiliti pembanguna yang dilakukan kerajaan khasnya kota Batam.

Rohani (2001) mengkaji tentang 'Persepsi Suku Laut Terhadap Tata Nilai dan Peralihannya dalam Perubahan Sosiobudaya di Desa Tanjung Pasir Kecamatan Tanah Merah Kabupetan Indragiri Hilir Propinsi Riau'. Pendekatan yang digunakan untuk melihat nilai-nilai falsafah dan pandangan hidup Orang Laut adalah berbentuk ethnometodologik. Responden yang menjadi subjek dalam penyelidikan ini sebanyak 75 orang. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan informan.

Dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa persepsi Suku Laut terhadap tata nilai telah mengalami perubahan, perkara ini boleh dilihat daripada persepsi Suku Laut, di antaranya; Pertama, sistem pemukiman yang telah menetap sehingga mempengaruhi cara-cara Suku Laut dalam mengambil keputusan yang berkaitan dengan pelbagai aspek kehidupan; Kedua, sebahagian Suku Laut telah merasa penting keperluan yang berkaitan dengan menghias diri dengan mengenakan pelbagai fesyen pakaian; ketiga, Suku Laut boleh menerima pelbagai jenis alat rumah tangga.

Hal tersebut menunjukkan bahawa perubahan terhadap Suku Laut bersifat positif dan telah membentuk sosiobudaya baru dalam kehidupan mereka dengan cara mempertahankan tata nilai lama dalam aspek sosiobudaya, seperti mereka mempertahankan bahasa asli mereka iaitu bahasa Laut, mempertahankan sistem ekonomi yang sentiasa dianggap sebagai budaya asli mereka iaitu '*menongkah*' dan mengambil tata nilai baharu yang berkembang, seperti mereka menyesuaikan dengan perkembangan yang ada pada persekitaran mereka bukan hanya pada fesyen tetapi juga sosioekonomi ertinya bahawa mereka tidak terikat hanya menjadi nelayan atau menongkah, tetapi juga sebagai peniaga dan pebisnis.

Adrian B. Lapian (2009) menumpukan kajiannya kepada aspek sejarah dan Bajak Laut dengan judul "Orang Laut, Bajak Laut dan Raja Laut". Kajian ini menjelaskan bahawa kekuatan bahari³ dibahagi ke dalam tiga bentuk ideal, iaitu bentuk Orang laut, Bajak Laut dan Raja Laut. Kekuatan bentuk Orang laut bersifat tempatan, sebab hanya terhad kepada perairan sekitar pemukimannya. Secara sosiopolitik, struktur dan organisasinya masih lagi berada pada tahap awal, namun setiap pelanggaran atau

³ Bahari dalam tulisan ini lebih bermakna 'maritim', jadi kekuatan bahari adalah kekuatan maritim yang berlaku pada masa dahulu kala iaitu sekitar abad XIX Orang Laut berusaha bertahan hidup dengan cara berkongsi dengan Bajak Laut, Raja Laut atau tetap menjadi Orang Laut sahaja yang hidup di teluk-teluk atau di kuala-kuala sungai dan sebagainya.

gangguan terhadap apa yang dianggapnya sebagai hak teritorial akan ditentangnya sekuat tenaga, kecuali jika menghadapi kekuatan yang lebih besar, khususnya dari Bajak Laut dan Raja Laut. Oleh itu, bagi Orang Laut ada dua cara untuk mempertahankan kewujudannya; iaitu dengan bekerjasama membina kuasa yang lebih besar di tempat tersebut atau berpindah ke tempat lain.

Bagi Orang Laut, bekerjasama dengan membina kuasa yang lebih besar bererti bahawa mereka harus masuk dalam lingkungan Bajak Laut atau Raja Laut. Bentuk kerjasama demikian boleh berbeza-beza, ada yang terhad kepada hubungan tukar-menukar barang keperluan harian dan ada yang terlibat secara langsung dalam aktiviti Bajak Laut (lanun) atau Raja Laut. Sedangkan alternatif kedua: berpindah ke tempat lain, bukanlah pilihan yang menguntungkan, meskipun banyak Orang Laut yang melakukannya. Perkara ini disebabkan semakin berkurangnya kawasan bagi mereka untuk menerusi cara kehidupan dalam amalan khas budaya mereka, sehingga pada akhirnya mereka terpaksa ke kawasan penempatan yang terasing yang tidak semestinya dihuni oleh masyarakat amnya. Dalam keadaan sedemikian mereka menjadi masyarakat 'terasing'. Berdasarkan perkara di atas, Adrian B. Lapien menyimpulkan bahawa cara hidup yang suka mengembara menyebabkan Orang Laut kini tersebar di pelbagai penjuru nusantara. Keadaan demikian memberi kesan seolah-olah kekuatan Orang Laut tidak bersifat lokal, melainkan mencakupi perairan yang sangat luas.

Dari karya Adrian B. Lapien tersebut lebih menekankan pada aspek sejarah Orang Laut, Bajak Laut dan Raja Laut, sehingga dapatan kajian tentang Orang Laut diperolehi hanya sedikit sahaja, yang berkait dengan pemberian nama Orang Laut, hubungan Orang Laut dengan Bajak Laut yang pasti tidak berkait dengan kajian yang penulis lakukan. Dan sejarah Orang Laut semasa kerajaan Melaka-Johor dan

penyebarannya ke Timur. Sedangkan analisa yang penulis lakukan adalah berkait dengan masalah adaptasi sosiobudaya Orang Laut dengan persekitarannya. Analisa tersebut dianggap penting kerana dari kajiannya ini boleh diperolehi sejarah hidup Orang Laut pada masa silam khususnya pada masa kerajaan Johor-Melaka dan sebab bermula berpencarnya Orang Laut hingga ke perairan Indragiri Hilir Riau kerana perairan Indragiri hilir menembusi perairan Selat Melaka.

Perkara yang serupa juga diperlihatkan oleh Husni Thamrin (2003) yang menumpukan kajiannya pada aspek politik Orang Sakai di Riau, tepatnya di Desa Penaso. Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa Projek Pembinaan Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKMT) relatif mempunyai dampak positif, yakni Orang Sakai tidak terpulau lagi dan sudah bercampur baur dengan masyarakat sekitar. Namun, kerana polisi penguasa formal (kerajaan) tidak mengakui wujud *perbatinan*⁴ dan tanah adat Orang Sakai, hal ini mengakibatkan masyarakat Sakai mengalami perpecahan dalam perubahan sosial dan budaya. Pemecahan masyarakat Sakai dalam perubahan sosial dan budaya juga disebabkan oleh gaya Orde Baru (Orde Baru adalah suatu istilah yang diberikan orang pada zaman kepemimpinan Presiden Soeharto) yang secara kental terlihat antara lain kecenderungan monolitik dan otoriterianisme kekuasaan yang dimanifestasikan ke dalam praktik pembangunan yang mengutamakan segi keseragaman '*uniformity*' dan dominasi negara terhadap rakyat. Perubahan-perubahan kekuasaan tradisional Sakai mengalami transformasi daripada sifat-sifat tradisional kepada '*moden*'. Namun, dalam proses transformasi banyak budaya tempatan memusnahkan sistem serta pengetahuan tempatan. Dengan hilangnya kearifan lokal mengakibatkan masyarakat Suku Sakai kehilangan pegangan atau panduan dalam

⁴ Perbatinan berasal dari kata 'Batin', perbatinan maksudnya adalah sistem kepemimpinan dalam komuniti Orang Sakai. Batin adalah pemimpin komuniti Orang Sakai. Seorang Batin dibantu dengan seorang Antan-Antan, Tongkek, Monti. Masing-masing memiliki fungsi (tugas). Antan-Antan bertugas sebagai perantara Batin ke atas Tongkek, Tongkek yang bertugas menjaga alam dan lingkungan dan Monti bertugas mengatur pelaksanaan adat di masyarakat Sakai.

kehidupan mereka, sementara mereka belum mampu bersaing dengan masyarakat lain yang lebih maju. Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan ketidakupayaan masyarakat Sakai menyesuaikan diri (beradaptasi) kepada syarat-syarat baharu supaya mereka kekal dalam keadaan yang mundur.

Kajian yang menyangkut dengan perubahan dan adaptasi sosiobudaya yang berkait dengan Suku Asli seperti yang dianalisa oleh Gusni Saat (2003) dan Judistira K. Garna (1995) dan Yap Beng Liang (2001). Analisa mereka tentang masyarakat Suku Asli dari sudut pandang yang berbeza maka hasil-hasil analisa mereka pula berbeza. Gusni Saat melihat bahawa komuniti Samah-Bajau mengalami perubahan dan adaptasi dalam lingkungan Bandaraya. Mereka boleh berubah dan beradaptasi terhadap alat-alat penggunaan awam sebagai masyarakat Bandar, namun mereka menghadapi masalah ke atas kebutuhan asas mereka di samping itu pula akibat ketidakupayaan menyesuaikan diri dengan hukum bandar yang sedang berkembang, dan ketergantungan komuniti ini kepada institusi sosial tradisionalistik serta penempatan yang sangat kuat. Demikian pula hasil analisa Yap Beng Liang, menumpukan perhatiannya pada perubahan sosial yang berlaku pada masyarakat Bajau (Suku Asli) menghadapi tekanan dari penguasa kolonial saat itu. Sementara adaptasi dan perubahan yang terjadi pada kehidupan mereka tidak memberikan arti yang penting dalam kehidupan mereka dan mereka tetap miskin ditengah-tengah masyarakat Bandaraya. Begitu pula pada masyarakat Badui hasil analisa Judistira K. Garna. Walaupun pihak kerajaan telah membuat pengembangan pada lingkungan Badui Luar namun mereka tidak mengalami perubahan dan adaptasi yang sebenarnya. Hal ini disebabkan kerana Orang Badui memiliki cara khas untuk mengawal budaya mereka supaya tidak dicampuri budaya lain. Parsudi Suparlan juga menganalisa Orang Sakai (Suku Asli) yang ada di Kabupaten Bangkalis Provinsi Riau. Bahawa Orang Sakai tidak mampu beradaptasi dengan lingkungan baru

yang dibina oleh kerajaan melalui pelbagai program. Kajian-kajian tersebut tidak ada yang menyentuh secara mendalam tentang adaptasi sosiobudaya Orang Laut atau Suku Asli, begitu pula dengan proses dan strategi adaptasi yang berlaku terhadap Orang Laut serta pola adaptasinya

Hasil-hasil kajian Hasbullah, Syafrizal, Atik Rahmawati, Rohani dan Adrian B. Lopian penting walaupun mereka tidak membahas tentang adaptasi sosiobudaya secara langsung, namun mereka membahas tentang pelbagai persoalan tentang Orang Laut baik yang berkait dengan persoalan perubahan ataupun transformasi sosiobudaya Orang Laut seperti, yang dianalisa oleh Hasbullah (2009) tersebut penting bagi mengenal pasti ciri-ciri Orang Laut secara am dalam merespon persekitaran mereka. Syafrizal dan Atik Rahmawati pula melakukan analisa tentang Orang Laut di kawasan yang berbeza, Syafrizal di kawasan Sungai Bela Indragiri Hilir Riau sedangkan Atik Rahmawati di kawasan Kota Batam namun hasil analisa mereka tidak jauh berbeza iaitu samada menyatakan bahawa Orang Laut yang dibina dalam kumpulan Pembinaan Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKMT) gagal, bahawa Orang Laut tidak sanggup menyesuaikan diri terhadap pembinaan yang sudah dirancang oleh kerajaan. Para peneliti pula tidak menganalisa mengapa dengan rancangan tersebut, benarkah Orang Laut yang tidak boleh menyesuaikan diri dengan rancangan yang dilakukan pemerintah ataukah boleh jadi rancangan itu yang tak sesuai dengan masyarakat Orang Laut (Suku Asli. Hal ini perlu menjadi kajian sebagai mana Judistira K. Garna (1999: 36), nyatakan bahawa sering sekali pengembangan yang dilakukan oleh pihak kerajaan tidak selaras dengan keinginan masyarakat Suku Asli. Kajian Rohani juga dianggap penting kerana kajiannya berkait erat dengan analisa yang penulis lakukan iaitu samada Orang Laut di desa Tanjung Pasir, walaupun tumpuan kajian yang dilakukan adalah 'Persepsi Suku Laut Terhadap Tata Nilai dan Peralihannya dalam Perubahan Sosiobudaya di Desa

Tanjung Pasir Kecamatan Tanah Merah Indragiri Hilir Riau' hal ini mempunyai hubungkait dengan kajian yang penulis lakukan. Pertama, samada Orang Laut di Desa Tanjung Pasir; Kedua, tumpuan kajiannya pula memiliki hubungkait dengan adaptasi kerana kajian tentang perubahan sosiobudaya pada hakekatnya dalam proses perubahan mestilah ada adaptasi yang berlaku. Kajian Rohani tersebut berbeza dengan kajian yang sedang dilakukan, penulis lebih menekankan pada proses adaptasi. Demikian pula kajian yang dilakukan oleh Adrian B. Lopian, penulis anggap penting sebab kajian tersebut berkait dengan sejarah kehidupan Orang Laut secara am, dimana sejarah Orang Laut di Indonesia pada amnya berasal dari Melaka sebagaimana Adrian B. Lopian dedahkan. Begitu pula dengan kajian Husni Thamrin (2003) penulis anggap penting kerana beliau membahas tentang Orang Sakai salah satu Suku Asli yang ada di Riau. Husni Thamrin menumpukan kajiannya terhadap sistem politik Orang Sakai di Bangkalis Riau. Hal ini menunjukkan bahawa hampir semua Suku Asli mempunyai sistem sosiopolitik yang khas dalam kehidupan mereka, tetapi sangat disayangkan bahawa kehidupan sosiopolitik mereka tidak diakui keberadaannya, samada yang berlaku dalam kehidupan Orang Laut di Riau.

Berlatarbelakangkan semua penyelidikan di atas, kajian ini membincangkan tentang adaptasi sosiobudaya Orang Laut di kecamatan Tanah Merah, kabupaten Indragiri Hilir, Riau. Fokus kajian ini belum tersentuh oleh para pengkaji terdahulu, sama ada yang terkait dengan Orang Laut mahupun Orang Asli yang lain. Kajian-kajian terdahulu menyentuh beberapa aspek dari kehidupan Orang Laut atau Suku Asli sahaja. Seperti masalah adaptasi dan perubahan sosiobudaya terhadap pengembangan rancangan yang dilakukan oleh kerajaan dari pelbagai aspek. Sedangkan penulis menganalisa dari aspek adaptasi sosiobudaya dengan fokus pada proses adaptasi,

struktur dan pola-pola yang mereka ikuti dalam menyesuaikan diri terhadap persekitaran.

1.7. Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif, yang menekankan pada proses dan pengutamaan makna, seperti yang diungkapkan oleh Judistira K. Garna (2000: 77) iaitu:

Penelitian kualitatif menyatakan suatu penekanan pada proses dan makna dan menekankan pada konstruksi dari hakekat realiti secara sosial, hubungan dekat antara peneliti dengan apa yang dipelajari dan kecenderungan situasional yang dapat menajamkan kajian.

Dari pendapat Judistira K. Garna tersebut, dapat dikatakan bahawa tujuan penelitian kualitatif adalah menggali pemahaman makna dan menggambarkan realiti yang diselidiki secara menyeluruh dan kompleks, dan mengembangkan teori. Pertimbangan menggunakan metode kualitatif ini didasarkan pada keinginan untuk memahami dan mengkaji proses adaptasi dan strategi adaptasi, faktor-faktor serta pola adaptasi yang terjadi kepada masyarakat Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah khususnya yang ada di Desa Tanah Merah, Tanjung Pasir dan Desa Sungai Laut. Data yang digunakan dalam kajian ini tidak diukur secara kuantitatif, dan ditafsirkan dalam suatu kepastian salah atau benar, kuat atau lemah yang memungkinkan akan lahirnya interpretasi yang berbeza. Akan tetapi dengan menggunakan pendekatan kualitatif memungkinkan untuk memahami proses dan strategi adaptasi Orang Laut serta faktor-faktor yang menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk beradaptasi terhadap lingkungan mereka sehingga kita boleh mengenalpasti Orang Laut.

Adapun bahan-bahan kajian ini diperoleh dengan pelbagai cara, yang melibatkan rujukan kepada bahan-bahan bertulis (sumber-sumber sejarah dan arkib) dan kerja-kerja lapangan (*field-work*) di Kecamatan Tanah Merah, Kabupaten Indragiri Hilir Riau,

Indonesia. Penyelidikan terhadap bahan-bahan bertulis merupakan hal yang sangat penting untuk memperoleh satu gambaran latar belakang dan sejarah yang lengkap mengenai kehidupan Orang Laut secara keseluruhan, sama ada yang ada di Kecamatan Tanah Merah mahupun Kabupaten Indragiri Hilir, dan memperoleh maklumat mengenai organisasi sosial dan kehidupan sosiobudaya Orang Laut yang ada di Kabupaten Indragiri Hilir khasnya dan Indonesia pada amnya.

Kerja lapangan (*field-work*) dilakukan secara berperingkat-peringkat, pada tahun 2010, penulisan tentang adaptasi sosiobudaya Orang Laut di kecamatan Tanah Merah dimulakan. Kerja lapangan dilakukan dengan menggunakan pemerhatian (*observation*), temubual (*interview*) dan soal selidik (*questionnaires*). Pemerhatian (*observation*) ialah metode pengumpulan data yang dilakukan dengan cara mengamati dan mencatat secara sistematis gejala-gejala yang diselidiki (Supardi, 2006: 88). Selanjutnya, Burhan Bungin (2007: 115) menjelaskan beberapa bentuk pemerhatian (*observation*) yang dapat digunakan dalam penelitian kualitatif iaitu, observasi partisipasi, observasi tidak berstruktur dan observasi kumpulan tidak berstruktur. Margono (2005:162) menjelaskan observasi tidak partisipan (pemerhatian tidak partisipan) merupakan suatu pemerhatian yang dilakukan dengan cara tidak turut serta dalam kehidupan orang yang dikaji, dan secara terpisah kedudukan sebagai pengamat sahaja. Oleh itu, pemerhatian yang dilakukan dalam kajian adaptasi sosiobudaya Orang Laut menggunakan observasi tidak partisipan. Pemerhatian ditumpukan kepada pelbagai aktiviti Orang Laut, pelbagai kebiasaan yang dilakukan, mendengar dan melihat apa yang dilakukan, mengamati keluarga dan persekitaran. Termasuk semua benda yang mereka gunakan dalam berbagai aktiviti kehidupan. Adapun peralatan yang digunakan dalam pemerhatian digunakan berupa daftar periksa, catatan harian serta pengambilan gambar.

Peneliti melakukan pemerhatian secara berulang-ulang untuk memastikan bahawa fenomena yang dilihat merupakan fenomena yang sebenar dan bukan fenomena sementara. Pengkaji sudah mulai melakukan pengamatan semenjak memulakan kajian ini, iaitu semenjak dari tahun 2010 sehingga tahun 2014. Dalam setiap pemerhatian yang dilakukan, pengkaji tinggal beberapa hari di lokasi (10 hingga 15 hari) untuk mendengar dan melihat semua aktiviti Orang Laut, mulai dari aktiviti ekonomi, seperti berangkat ke laut, kelengkapan yang mereka bawa melaut⁵, hingga mereka kembali. Jika mereka melaut itu di sekitar kawasan Kecamatan Tanah Merah, peneliti boleh melihat mereka bekerja, seperti menjaring, merawai dan menongkah. Demikian juga dalam aktiviti sosial, pengkaji memperhatikan bagaimana mereka terlibat dalam aktiviti pendidikan, pengajian keagamaan, aktiviti organisasi sosial seperti Pemberdayaan Kesejahteraan Keluarga (PKK) dan lain-lain. Selanjutnya, dengan pemerhatian pula peneliti boleh melihat sendiri corak kehidupan dan adaptasi sosiobudaya Orang Laut yang meliputi amalan-amalan budaya asal yang masih dipertahankan dan amalan-amalan budaya yang telah disesuaikan dengan persekitaran yang baharu.

Temubual (*interview*) iaitu proses mengajukan soalan dalam penelitian yang dilakukan dengan berhadapan secara langsung untuk memperoleh informasi-informasi atau penghuraian-penghuraian (Supardi, 2006: 99). Lexy J. Moleong (2005: 186) juga memberikan penjelasan yang sama bahawa temubual merupakan percakapan dua orang atau lebih kepada objek (orang yang dikaji) dengan memberikan beberapa soalan untuk memperolehi informasi. Temubual yang dilakukan dalam penyelidikan ini adalah temubual mendalam (*in-depth interview*), iaitu untuk memahami seluk belok kehidupan Orang Laut. Interview dijalankan selama 2 – 3 jam setiap sesi dan dilakukan secara berulang-ulang ke atas responden yang sama. Perkara ini dilakukan di ketiga-tiga desa.

⁵ Melaut adalah istilah yang digunakan Orang Laut kepada Orang Laut yang turun ke laut untuk bekerja menangkap ikan, mereka yang melaut menghabiskan masa 4 hingga 7 jam dan bahkan 2 hingga 3 hari.

Selepas itu juga dilakukan interview kepada anggota masyarakat lain di ketiga-tiga desa untuk membuat pemeriksaan rentas ke atas informasi yang diturunkan oleh informan utama. Peneliti mencatat semua jawapan yang diberikan oleh informan yang meliputi seluruh aspek kehidupan, mulai dari sejarah naiknya mereka ke darat hingga selama menjalani kehidupan di darat, bagaimana mereka bergaul dengan masyarakat persekitaran, dan bagaimana Orang Laut menerima orang lain dalam kehidupan serta usaha-usaha mereka dalam menyesuaikan diri terhadap persekitaran sosial. Selanjutnya, temubual (wawancara) dilakukan dengan orang-orang tua, tokoh-tokoh masyarakat Orang Laut dan anak-anak muda yang berpengaruh. Peneliti tidak mengalami kesulitan selama melakukan temubual kerana banyak di antara mereka boleh bertutur dalam bahasa Melayu Riau (bahasa Indonesia). Di samping orang-orang Laut, peneliti juga menemubual informan tertentu yang dipercayai boleh memberikan maklumat khas tentang Orang Laut. Informan tersebut dipilih berdasarkan pengalaman dan hubungan lama mereka dengan masyarakat Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, khususnya yang ada di Desa Tanah Merah, Sungai Laut dan Desa Tanjung Pasir. Di antara informan tersebut ialah orang-orang kampung, kaki tangan kerajaan dan kecamatan serta pegawai-pegawai Dinas Sosial Kabupaten Indragiri Hilir.

Banyak maklumat penting yang diperoleh melalui temubual tersebut, misalnya sejarah perpindahan Orang Laut dari sampan ke darat, amalan-amalan budaya yang masih mereka pertahankan mahupun amalan-amalan yang sudah mereka tinggalkan, tentang kedudukan dan peranan masyarakat Orang Laut padamasa Kerajaan Riau Lingga atau pada masa sebelum kemerdekaan sehingga sampai kemerdekaan. Demikian juga peranan mereka dalam berbagai aspek, seperti peranan dalam aspek ekonomi, politik dan sosiobudaya dalam kehidupan bermasyarakat, serta bagaimana mereka berinteraksi dengan orang-orang di luar Orang Laut. Pengkaji juga mendapatkan

maklumat tentang organisasi-organisasi apa sahaja yang mereka ikuti dalam aktiviti bermasyarakat, maklumat tentang pelbagai bantuan kerajaan terhadap Orang Laut serta bagaimana minat dan sambutan masyarakat Orang Laut terhadap usaha-usaha kerajaan.

Soalselidik pun diserahkan untuk mendapatkan data. Ada dua bentuk soalselidik yang digunakan; *pertama*, soalselidik berstruktur yang ditujukan untuk responden, dan yang *kedua*, soalselidik separuh berstruktur yang menjadi pedoman pengkaji untuk menemubual masyarakat Orang Laut, tokoh-tokoh masyarakat Orang Laut dan masyarakat persekitaran (bukan Orang Laut) yang sudah mengenali Orang Laut sejak dahulu. Kaedah soalselidik untuk masyarakat yang diteliti ini penting bagi memperolehi maklumat semasa daripada para responden mengenai keadaan sosiobudaya Orang Laut, di antaranya tentang pendidikan, umur, pekerjaan dan beberapa pandangan mereka mengenai sosiobudaya mereka sendiri dan sosiobudaya yang ada dipersekitaran mereka, dari pandangan tersebut dan pemerhatian di lapangan maka boleh diketahui bagaimana adaptasi yang mereka jalani. Ada 15 soalan yang diajukan, dan untuk memudahkan mengisi borang soal selidik pengkaji dibantu oleh kaki tangan desa dan beberapa pelajar Orang Laut yang ada di kawasan tersebut. Borang soalselidik sangat penting, kerana belum ada data yang konkrit yang pernah dilakukan oleh kerajaan ataupun organisasi sosial pemerhati masyarakat Orang Laut mengingat pentingnya data yang nyata tentang Orang Laut dan guna keperluan penelitian ini maka peneliti mengambil borang soalselidik diserahkan secara menyeluruh kepada penduduk Orang Laut di ketiga-tiga desa, mengingat jumlah Orang Laut hanya berjumlah 445 kepala keluarga dengan rincian desa Sungai Laut terdapat 166 kepala keluarga, desa Tanjung Pasir 180 kepala keluarga dan desa Tanah Merah 99 kepala keluarga.

Selanjutnya, borang soalselidik diserahkan kepada ketua keluarga Orang Laut yang ada di ketiga desa iaitu, Desa Tanjung Pasir, Desa Sungai Laut dan Desa Tanah Merah. Dalam pengumpulan data dari soalselidik peneliti mendapatkan kemudahan kerana saat peneliti melakukan penelitian ini bersamaan dengan pendataan ulang Orang Laut yang dilakukan oleh Ketua Komuniti Adat Tertinggal (KAT) Indragiri Hilir iaitu Sarfan. Sehingga peneliti merasa sangat menolong dan memperoleh data yang lebih lengkap.

Penyelidikan terhadap bahan-bahan bertulis (dokumen) adalah hal yang sangat penting untuk memperoleh satu gambaran latar belakang dan sejarah yang lengkap mengenai kehidupan Orang Laut secara keseluruhan, sama ada yang terdapat di Kecamatan Tanah Merah mahupun Kabupaten Indragiri Hilir. Gottschalk (1986: 38) menyatakan bahawa dokumen seringkali digunakan para ahli dalam dua pengertian, iaitu; *pertama*, sumber bertulis maklumat sejarah dan songsang daripada kesaksian lisan, artefak, peninggalan-peninggalan dan jejak-jejak arkeologis. Pengertian kedua, diperuntukkan bagi surat-surat rasmi dan surat negara seperti surat perjanjian, undang-undang, hibah, konsesi dan lain-lain. Gottschalk juga menjelaskan bahawa dokumen (dokumentasi) dalam pengertian yang lebih luas berupa setiap proses penelitian yang didasarkan atas jenis sumber apa pun, sama ada berupa lisan, tulisan gambar atau arkeologi.

Pemilihan kawasan kajian terpilih, sebenarnya masih banyak desa-desa lain yang ditempati oleh Orang Laut yang ada di Kabupaten Indragiri Hilir, di antaranya ialah Desa Sungai Belah, Concong, Bekawan dan Sungai Selat daerah Mandah. Akan tetapi untuk mengkaji adaptasi sosial budaya Orang Laut, hanya tiga desa inilah yang dipilih kerana ketiga-tiga desa ini boleh dianggap representatif untuk kajian adaptasi,

seperti hasil analisa Syafrizal (2001) tentang Orang Laut di Sungai Belah tidak mampu beradaptasi dengan rancangan yang diprogram oleh kerajaan. Ketiga-tiga desa itu memiliki keutamaan-keutamaannya masing-masing, seperti Kampung atau Desa Tanjung Pasir adalah desa yang penduduknya majoriti Orang Laut dan desa ini juga pernah dijadikan kawasan penempatan semula Orang Laut dibawah pentadbiran Dinas Sosial Kabupaten Indragiri Hilir. Sedangkan Desa Sungai Laut adalah desa yang semenjak awal dibina oleh Orang Laut. Adapun Desa Tanah Merah adalah desa tertua dibanding dengan desa-desa lain, kerana desa ini menjadi kawasan persinggahan orang-orang Laut, sama ada pada malam hari mahupun pada siang hari. Sebab penduduknya majoriti Orang Laut maka kampung ini diberi nama Kampung Laut. Namun pada masa ini, Orang Laut di desa ini sudah bukan penduduk majoriti lagi, sebab Orang Laut sudah banyak yang berpindah ke Desa Tanjung Pasir dan Sungai Laut. Bahkan banyak juga yang berpindah ke Malaysia khususnya di daerah Johor. Di samping banyaknya penduduk Orang Laut yang pindah dari kampung ini, juga banyak Orang Laut yang melakukan perkahwinan campur dengan suku-suku lain yang wujud di persekitaran mereka. Sebahagian dari mereka yang melakukan perkahwinan campur sudah tidak mengaku diri mereka sebagai Orang Laut.

Secara keseluruhan, kerja lapangan boleh dilakukan tanpa mengalami banyak kesulitan. Kebanyakan Orang Laut dan orang-orang yang terlibat dalam kajian ini memberikan kerjasama yang baik. Rintangan yang dihadapi tidak begitu bererti kerana masih boleh diatasi secara baik, seperti kendala untuk pergi ke Desa Sungai Laut, terkadang air surut sehingga peneliti harus menunggu air pasang agar *speed boat* dapat sampai ke kampung tersebut. Begitu juga ke Desa Tanjung Pasir, peneliti harus menunggu sampan yang akan menyeberang ke desa tersebut, kerana desa ini terletak di

seberang ibu negeri Kecamatan Tanah Merah dan juga berseberang dengan Desa Tanah Merah dan Kuala Enok.

Selanjutnya analisis data, iaitu proses menyusun data agar dapat ditafsirkan. Oleh itu, peneliti menyusun dan mengelompokkan data-data yang telah dikumpul dalam kategori serta klasifikasi sesuai dengan tema yang sudah dirancang sebagai adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah. Kemudian data-data tersebut diinterpretasi guna dianalisis. Interpretasi bukanlah generalisasi dalam penelitian kualitatif, kerana gejala sosial terlampau banyak variabelnya, dan terlampau terikat oleh konteks di mana penyelidikan dilakukan sehingga sukar dibuat generalisasi. Interpretasi bermakna memberikan analisa menurut peneliti, bukan kebenaran kerana kebenaran hasil penyelidikan masih harus dinilai peneliti lain dan diuji dalam pelbagai situasi lain pula.

Pada hakekatnya analisis data dalam paradigma kualitatif dilakukan secara beriringan dengan pengumpulan data (*on going analysis*), demikian pula pada analisis data mengikuti proses dimulainya reduksi data (*sortir data*), ertinya bahawa ketika peneliti saat wawancara bermula, maka masa itu juga analisis data sudah dimulai, masa itu pula sudah memulai memilih hal-hal yang pokok dan memfokuskan pada hal-hal yang berkait dengan adaptasi sosiobudaya Orang Laut. Sugiyono (2009: 243-256) menyatakan bahawa analisis data dalam penelitian kualitatif telah dimulai dari merumuskan data dan membentangkan masalah, sebelum turun ke lapangan, dan berlangsung terus sampai penulisan hasil penelitian selesai.

1.8. Kepentingan Kajian

Bertitik tolak dari soalan kajian dan objektif kajian di atas, maka kajian ini diharapkan akan berguna, sama ada dari aspek teori mahupun praktis.

- a. Aspek teori, hasil kajian ini diharapkan dapat menambah informasi teoretik tentang pola adaptasi sosiobudaya Orang Laut yang diwujudkan dalam kehidupan harian dilihat dari kajian antropologi sosial melalui kehidupan sosiobudaya masyarakat tempatan.
- b. Aspek praktis, hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan atau digunakan oleh pihak Kerajaan, Kementerian Sosial Republik Indonesia yang mengurus masalah-masalah kemasyarakatan melalui Badan Kesejahteraan Sosial Nasional (BKSNI), dalam melakukan pengembangan dan pembinaan Orang Laut di Riau.

1.9. Rumusan

Orang Laut adalah salah satu golongan masyarakat Suku Asli yang terdapat di Riau semenjak zaman Kerajaan Riau Lingga. Istilah terasing (terasing) diganti dengan istilah Komuniti Adat Terpencil (KAT), kerana istilah 'terasing' memiliki makna negatif, sedangkan istilah 'Komuniti Adat Terpencil' mengandungi makna penghargaan dan pengakuan terhadap keberadaan sistem sosiobudaya yang mereka punyai. Pada Bab ini juga dibahas tentang objektif kajian, persoalan, skop, serta ulasan kajian lepas.

Kajian-kajian masa lalu tentang suku terasing atau suku asli, sama ada Orang Laut mahupun suku asli yang lain telah banyak dilakukan oleh para sarjana. Hasil-hasil penelitian mereka melingkupi antara lain: impak Program Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKMT), masalah ekonomi, perubahan nilai dan lain-lain. Sedangkan kajian ini menumpukan pada aspek adaptasi sosiobudaya Orang Laut yang meliputi: proses,

strategi, dan pola adaptasi serta faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya adaptasi Orang Laut serta pandangan Orang Laut terhadap adaptasi itu sendiri.

University of Malaya

BAB II

KONSEP DAN KERANGKA TEORI

2.1. Pengenalan

Bidang utama perbincangan pada bab ini adalah huraian tentang konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini iaitu, kebudayaan, perubahan sosial, interaksi sosial dan konsep adaptasi. Adaptasi atau penyesuaian diri boleh dikatakan sebagai proses sosial umum di mana erat kaitannya dengan kebudayaan dan perubahan yang dilakukan manusia. Oleh itu, konsep kebudayaan dan konsep perubahan kebudayaan serta beberapa konsep yang lain akan menjadi bahan perbincangan dalam bab ini, sebagaimana yang dikatakan Bennett (1976: 245-246) bahawa konsep perilaku adaptasi memfokuskan perhatian pada tindakan. Selain konsep adaptasi, kebudayaan, perubahan kebudayaan, juga dibahas konsep interaksi sosial dan pendekatan struktural fungsional kerana semuanya dianggap perlu dalam mengungkapkan adaptasi Orang Laut.

2.2. Konsep Kebudayaan

Kebudayaan wujud kerana adanya manusia. Kedua-duanya bagaikan dua sisi mata wang, jika manusia tidak wujud kebudayaan pun tidak akan wujud, sebab adanya kebudayaan kerana adanya manusia. Oleh itu, adaptasi tanpa kebudayaan juga mustahil kerana manusia menyesuaikan diri melalui kebudayaan. Ertinya, untuk mengkaji adaptasi diperlukan pemahaman konsep kebudayaan.

Manusia perlu berinteraksi dalam pelbagai bentuk kehidupan sosial. Setiap kehidupan sosial pasti mempunyai tingkah laku yang berpola, manusia berinteraksi mengikuti pola tingkahlaku yang sudah ada dan terhad dalam kehidupan masyarakat, corak tingkahlaku tersebut adalah respons dari sistem adaptasi dan yang menjadikan

bahagian daripada sistem yang lebih besar yang disebut *kebudayaan*. Kebudayaan berasal dari kata sansekerta *buddhayah*, iaitu jamak dari kata *buddhi* yang bererti ‘budi’ atau ‘akal’. Kebudayaan diertikan sebagai hal-hal yang berkait rapat dengan akal (Koentjaraningrat, 2005: 181).

E.B. Taylor (1924: 1), ahli antropologi pertama yang merumuskan definisi kebudayaan secara sistematis. Ia menjelaskan bahawa kebudayaan sebagai suatu keseluruhan yang kompleks di mana di dalamnya terkandung ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat istiadat dan kemampuan yang lain serta kebiasaan yang didapati oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

Konsep kebudayaan kontemporer ditakrifkan oleh Sanderson (2003: 44) bahawa kebudayaan tidak hanya terbatas pada hasil akal dan budi yang bersifat normatif, akan tetapi kebudayaan perlu dilihat daripada hasil karya material manusia. Selanjutnya, beliau menjelaskan bahawa kebudayaan adalah seluruh ciri-ciri para anggota suatu masyarakat, termasuk peralatan, pengetahuan dan cara berfikir dan bertindak yang telah mempunyai corak, dipelajari dan disebar, serta bukan merupakan hasil yang diwariskan. Sanderson (2003: 44-45) lebih lanjut menjelaskan bahawa ada empat ciri-ciri utama kebudayaan, iaitu; Pertama, kebudayaan yang mendasarkan diri kepada sejumlah simbol; Kedua, kebudayaan itu dipelajari dan tidak tergantung kepada warisan biologi dalam transmisinya; Ketiga, kebudayaan adalah sistem yang dikongsi bersama oleh para anggota masyarakat; Dan keempat, kebudayaan cenderung bersepadu. Dari penjelasan Sanderson dapat difahami bahawa keempat-empat ciri tersebut melekat secara utuh pada setiap kebudayaan yang ada pada masyarakat, sepertimana dapat kita saksikan dalam kehidupan masyarakat pada umumnya bahawa setiap kebudayaan pasti mempunyai simbol yang menjadi ciri bagi setiap kebudayaan, kebudayaan itu milik

masyarakat, diperoleh melalui proses belajar dalam persekitaran keluarga, tidak terikat dengan faktor biologi atau pewarisan, dan kebudayaan sudah pasti bersepadu secara menyeluruh. Kebudayaan juga diertikan sebagai tata cara hubungan antara manusia atau struktur normatif atau menuruti istilah Ralph Linton '*designs for living*', Ertinya, kebudayaan adalah suatu garis-garis pokok tentang perilaku atau *blue print for behavior* yang menetapkan peraturan-peraturan mengenai apa yang perlu dilakukan, apa yang dianjurkan dan yang dilarang (Soerjono Soekanto, 2013: 181).

Krober (1987: 233) menganjurkan untuk membezakan secara tajam wujud kebudayaan sebagai suatu rangkaian tindakan dan aktiviti manusia yang berpola. Ada tiga bentuk kebudayaan yang boleh dibezakan daripada gejala kebudayaan iaitu, *ideas*, *activities* dan *artifacts*, Koentjaraningrat (1984: 10-11) menjelaskan hal ini seperti berikut:

Bahawa kebudayaan mempunyai tiga bentuk kebudayaan; Pertama, bentuk ideal dari kebudayaan, di mana sifatnya yang abstrak, tidak dapat diraba atau diambil gambar. Lokasinya ada di dalam fikiran, atau dengan perkataan lain ada dalam fikiran masyarakat di mana kebudayaan bersangkutan dengan kehidupan. Kalau masyarakat mengungkapkan gagasannya dalam bentuk tulisan, maka lokasi ideal sering berada dalam karangan atau buku-buku. Ide atau gagasan banyak yang hidup dalam suatu masyarakat, memberi jiwa kepada masyarakat itu, di mana gagasan itu menjadi satu kesatuan sebagai suatu sistem, atau yang biasa disebut dengan sistem budaya (*cultural system*); Bentuk kedua adalah sistem sosial (*social system*) mengenai tindakan berpola daripada manusia. Sistem sosial ini terdiri dari aktiviti-aktiviti manusia yang berinteraksi, berhubungan, serta bergaul satu dengan yang lain dari masa ke semasa secara terus menerus menurut pola-pola tertentu berdasarkan adat tata kelakuan. Sebagai suatu rangkaian dari interaksi antar manusia, sistem sosial itu bersifat konkrit, terjadi di sekeliling kita dan boleh diobservasi, diambil gambar dan didokumentasikan; Ketiga, bentuk ketiga kebudayaan fizikal, berupa seluruh total dari hasil fizikal dari aktiviti, perbuatan dan karya semua manusia dalam masyarakat, sifatnya paling konkrit berupa benda-benda atau hal-hal yang boleh diraba atau dilihat.

Sebenarnya ketiga bentuk kebudayaan tersebut menjadi satu kesatuan yang bersepadu, konsep idea adalah suatu konsep yang sentiasa berkembang dan kekal dalam fikiran masyarakat yang mempunyai kebudayaan tersebut. Idea tersebut menjadi acuan dalam bertindak dan berbuat dalam pola perilaku mahupun dalam tindakan fizikal (karya). Karya yang dihasilkan manusia merupakan hasil bimbingan dari idea itu.

Sanderson (2003: 45) menjelaskan bahawa bahagian yang paling penting dalam mengkaji kebudayaan adalah proses pembentukan kebudayaan itu sendiri. Proses pembentukan kebudayaan dianggap sebagai hal yang paling penting dalam mengkaji kebudayaan, yang hakikatnya juga adalah penyesuaian (adaptasi). Oleh itu, dalam mengkaji kebudayaan pada hakekatnya adalah mengkaji proses adaptasi. Adapun proses adaptasi berkait rapat dengan keupayaan yang ada pada manusia, sama ada yang terkait dengan keadaan fizikal mahupun bukan fizikal, seperti penggunaan alat dan bahasa.

Keesing (1999), menjelaskan kebudayaan sebagai suatu sistem dan sebagai sistem adaptif (penyesuaian) daripada keseluruhan cara hidup manusia serta segala sesuatu yang dimanfaatkannya untuk mencapai kesempurnaan hidup manusia. Keesing (1999: 74-76), menyebutkan ada empat bentuk kebudayaan, iaitu; Pertama, kebudayaan sebagai sebuah sistem; Kedua, kebudayaan sebagai sistem adaptif; Ketiga, sebagai teknologi ekonomi; Keempat, komponen-komponen ideasional. Kebudayaan dikatakan sebagai sistem kerana ianya merupakan himpunan pola perilaku yang dipakai dalam kehidupan masyarakat yang meliputi teknologi, organisasi ekonomis, pola-pola penempatan, dalam kumpulan sosial, organisasi politik, serta dalam kehidupan kepercayaan atau agama. Pola perilaku tersebut menunjukkan bahawa keseluruhan pola perilaku manusia adalah kebudayaan dan keseluruhan perilaku tersebut juga sebagai sistem. Kebudayaan sebagai sistem adaptif (penyesuaian) sebagai mekanisme tindakbalas daripada sistem budaya, iaitu terjadinya perubahan kebudayaan ke arah keseimbangan (*equilibrium*) di dalam suatu ekosistem. Namun, bila keseimbangan diganggu oleh perubahan persekitaran, demografi, teknologi atau perubahan sistem lainnya, maka perubahan *adjustive* selanjutnya bercabang melalui sistem budaya.

Dari penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa kebudayaan diperolehi melalui proses belajar, dari sistem yang ada terkait secara keseluruhan dengan pola-pola yang ada, kemudian sistem penyesuaian (adaptif) merupakan tindakbalas daripada semua bentuk pola tingkahlaku yang didapati dari proses belajar, meniru pola yang wujud, demikian pula dengan sistem-sistem yang lain yang wujud daripada kebudayaan tersebut. Pola-pola yang wujud dipelajari melalui proses yang panjang dalam kehidupan sosial dan digunakan serta dijadikan pedoman terhadap tindakan dan tingkah laku dalam upaya memenuhi keperluan hidup dengan cara memanfaatkan sumber yang ada di persekitaran hidup manusia. Jadi, kebudayaan adalah suatu sistem pengetahuan manusia yang boleh digolongkan sebagai pengetahuan khas yang dikaitkan dengan aktiviti tertentu dalam kehidupan manusia atau pendukung kebudayaan tertentu. Pengetahuan yang kompleks tertentu dikenali juga sebagai pranata-pranata kebudayaan atau *cultural institution* (institusi kebudayaan).

Dengan menggunakan takrif kebudayaan seperti tersebut di atas, maka dapat diketahui fungsi kebudayaan dalam struktur hubungan manusia dengan persekitaran. Kebudayaan menjadi alat untuk mentransformasikan lingkungan hidup menjadi bahagian dalam kehidupan manusia. Setiap peristiwa yang berlaku dalam persekitaran manusia selalu diberi makna. Makna-makna tersebut berupa konsep atau simbol atau metafora sehingga segala sesuatu yang terjadi atau gejala-gejala tersebut masuk akal bagi para pendukung kebudayaan yang bersangkutan. Oleh itu, kebudayaan selalu terkait dengan persekitaran dan keperluan asas daripada masyarakat itu sendiri. Suatu masyarakat apabila kondisi lingkungan hidupnya bertani, maka kebudayaan yang akan berkembang adalah kebudayaan bertani (pertanian). Demikian juga dengan yang lain seperti suatu masyarakat jika lingkungannya air laut atau sungai, maka kebudayaan yang akan tumbuh dan berkembang adalah kebudayaan nelayan.

Redfield (1955) pula selari dengan pendapat tersebut di atas bahawa, kebudayaan pada setiap masyarakat mempunyai kebudayaannya sendiri-sendiri, seperti dalam salah satu kajiannya tentang '*A Little Community*' menyatakan bahawa tidak semua para ahli antropologi boleh menyentuh semua aspek kehidupan masyarakat khususnya masyarakat terpencil, kerana sulitnya untuk mendapati tempat mereka yang bertabur. Namun demikian ia menyatakan bahawa betapa penting memahami pula subjek dasar dalam antropologi budaya yang membahagi tiga kategori besar, iaitu; Pertama, pemikiran (*thought*) adalah kategori mental dan peraturan-peraturan yang berkembang dalam proses pengalaman dan pemikiran pengalaman yang dilabelkan dengan: sikap, nilai-nilai, alasan logik, standard, pola-pola dasar. '*Cultural patterns*' (pola-pola budaya) termasuk didalamnya elemen-elemen pemikiran yang di dalam konsepnya juga melibatkan tingkah laku dan tindakan; Kedua, aktiviti manusia. Kategori ini dan peraturan-peraturan tingkah laku bagi masing-masing individu dalam kumpulan dalam hubungannya antara satu dengan yang lain. Hal ini melibatkan label tingkah laku seperti interaksi, konsensus, konflik, sekutu, individualisme, dan hubungan antara satu dengan yang lain; Ketiga, adaptasi. Pola dan peraturan-peraturan sosial dan perubahan tingkah laku individu dan kumpulan dalam menyedari tujuan atau mempertahankan status quo yang dalam istilah lain disebutkan sebagai penyelesaian masalah, tetapan, adaptasi, dinamik adapted, strategi adapted, pencapaian, kompromi, dan memenuhi keperluan.

Parsudi Suparlan (2004: 66) menyatakan bahawa setiap masyarakat dengan sendirinya mempunyai kebudayaannya sendiri-sendiri sesuai dengan keadaan lingkungan hidup tempat mereka bermukim dan tempat tinggal. Setiap kebudayaan dengan semua sistemnya sentiasa akan mengalami perubahan, kerana tidak ada kebudayaan yang tetap (statik). Walaupun setiap masyarakat sentiasa berusaha memelihara kebudayaan masing-masing secara utuh, namun tidaklah bererti bahawa ia

boleh mempertahankan kebudayaan itu tanpa adanya suatu perubahan (Budhi Santoso, 1995: 1-2). Perubahan kebudayaan boleh berlaku kerana adanya kekuatan dari dalam mahupun dari luar masyarakat. Kekuatan dari dalam dimaksudkan adalah para pendukung kebudayaan itu sendiri merasa bahawa beberapa pranata kebudayaannya perlu diubahsuai dengan perkembangan objektif yang terdapat di dalam persekitaran sosial atau manusia berusaha agar dapat menyesuaikan dengan perubahan persekitarannya, boleh juga disebabkan mental yang dimiliki masyarakat pendukung kebudayaan tersebut yang merasa kebudayaan yang mereka miliki sudah usang sehingga perlu mereka tinggalkan. Adapun faktor dari luar adalah kebudayaan boleh berubah atau berkembang kerana adanya pengaruh atau kontak dengan kebudayaan lain, sama ada berlangsung secara cepat mahupun lambat.

Hal ini menunjukkan bahawa kebudayaan akan selalu berubah dan berkembang seiring dengan perkembangan dan perubahan yang dihadapi oleh manusia. Ada tiga pendekatan yang boleh digunakan dalam mengkaji perubahan kebudayaan:

- a. Teori adaptasi budaya (*cultural adaptation theory*) dari Parson (dalam Wolf, 1980: 42-43) menjelaskan bahawa kebudayaan manusia berkembang dan mengalami perubahan kerana adanya peningkatan kemampuan menyesuaikan diri. Ertinya, kemampuan akal budi manusia mengalami proses menyesuaikan diri yang membentuk nilai-nilai baru dengan cara melakukan pendalaman dan pemahaman serta pentafsiran-pentafsiran terhadap apa yang berlaku pada alam sekitarnya itu boleh dikatakan adaptasi yang lebih tinggi (*adaptive upgrading*).
- b. Teori legitimasi kelas (*class legitimation theory*) menyatakan bahawa perubahan kebudayaan berlaku kerana adanya pergeseran kedudukan kelas sosial dalam struktur masyarakat. Teori ini menjelaskan bahawa kelas sosial baru akan

memerlukan legitimasi dalam hubungannya dengan kelas elit sebelumnya, atau untuk menaklukkan kelas sosial lain dalam masyarakat ketika itu. Oleh kerana itu, ideologi baharu diperlukan untuk mengukuhkan kedudukannya, ideologi baru tersebut sedikitnya mengandungi simbol yang menggambarkan pengalaman sejarah kemunculan kelas dan agar mereka dapat mengawal pengeluaran masyarakat yang akhirnya mengarah pada munculnya doktrin kuasa baru.

- c. Teori institusi (*institutional theory*) menjelaskan bahawa perubahan kebudayaan dipengaruhi oleh konfigurasi institusi. Ada tiga pembolehubah yang berkaitan dengan teori institusi ini, iaitu: keadaan persekitaran, konteks institusi dan sekuensi tindakan. Keadaan persekitaran adalah keseluruhan kerumitan sosial, seperti pertumbuhan ekonomi, pengagihan kuasa dan sumberdaya sosial yang tersedia yang boleh mempengaruhi konfigurasi institusi. Institusi adalah lembaga kebudayaan yang dihasilkan oleh manusia yang mengatur hubungan dan perilaku manusia dengan kebudayaan lain, dan hubungan dengan organisasi yang lebih besar di luar kumpulannya, seperti negara. Sekuens tindakan berkaitan dengan aktiviti pengeluaran kebudayaan yang merangkumi respon manusia terhadap keadaan kontingensi, rumusan ideologi di antara manusia, keterkaitan relasi sosial dengan teks ideologi, dan ketercerminan teks ideologi dalam relasi sosial. Ketiga-tiga pembolehubah yang terkait dengan teori ini sangat penting dan sangat menentukan pertumbuhan dan perubahan kebudayaan dalam kehidupan manusia terutama dalam memproduksi aktiviti kebudayaan pada tempat dan masa yang berbeza.

Kebudayaan juga sebagai perantara (medium) yang digunakan manusia untuk memecahkan masalah yang dihadapinya. Manusia berupaya mempertahankan dan mengembangkan kehidupannya dan sentiasa melakukan berbagai macam cara agar

boleh selaras dengan alam sekitar, sama ada dengan melakukan perubahan atau memperbaiki terhadap alam sekitar untuk kesesuaian terhadap diri sendiri dan kumpulannya atau mereka yang akan menyesuaikan diri atau kumpulannya terhadap alam persekitaran, demikian seterusnya.

2.3. Konsep Perubahan Sosial

Perubahan dapat dikatakan sebagai salah satu sifat hakiki daripada semua makhluk yang ada di muka bumi. Manusia adalah salah satu makhluk, maka manusia pasti akan mengalami perubahan, khasnya perubahan sosial kerana manusia hidup dalam kumpulan sesama manusia. Oleh itu, para ahli filsafat, sejarah, ekonomi, sosiologi, antropologi dan lainnya banyak yang berpendapat bahawa kecenderungan akan terjadinya perubahan-perubahan sosial merupakan gejala wajar yang timbul daripada pergaulan hidup manusia (Soerjono Soekanto, 1990: 305). Perubahan dapat menyangkut berbagai hal, perubahan fizikal oleh proses alami dan perubahan kehidupan manusia oleh dinamika kehidupan. Misalnya, kehidupan manusia yang terkait dengan persekitaran sosial, persekitaran alam dan fizikal. Judistira K. Garna (2000: 13) menjelaskan bahawa perubahan sosial adalah sebaran penyesuaian yang berlaku kepada pola interaksi antara individu-individu sebagai unit sosial, organisasi atau antar institusi atau mungkin pula tidak demikian. Pandangan ini menunjukkan bahawa perubahan sosial itu sangat luas, boleh datang dari berbagai hal dan juga menyatakan bahawa perubahan sosial adalah bahagian dari adaptasi.

Moore (1967: 1-2) menyatakan bahawa perubahan sosial bukan gejala moden yang istimewa kerana perubahan sosial tidak boleh disangkal dan ditolak, walau pada masa ini berlangsung berbagai krisis kehidupan manusia. Beberapa jenis dari perubahan sebenarnya dialami manusia. beliau membuat suatu generalisasi seperti berikut:

- a. Bagi masyarakat atau kebudayaan manapun, perubahan cepat berlangsung, atau berlaku secara tetap.
- b. Perubahan-perubahan itu tidak bersifat sementara, mahupun terpencil secara spesial, kerana perubahan tetap terjadi dalam rangkaian runtut bukan sebagai krisis sementara yang diikuti oleh masa rekonstruksi diam-diam, dan akibat perubahan cenderung bergema ke seluruh kawasan atau seluruh dunia.
- c. Kerana perubahan semasa itu mungkin berlaku dan akibatnya bermakna di manapun, maka perubahan itu memiliki asas ganda.
- d. Proporsi perubahan semasa yang berencana, atau isu-isu akibat inovasi yang sengaja dilaksanakan akan lebih tinggi proporsinya dibandingkan pada masa lalu.
- e. Sehubungan dengan hal tersebut keseluruhan teknologi, materi dan strategi sosial menyebar pesat yang akibat bersihnya adalah bertambah secara kumulatif walaupun beberapa tatacara atau prosedur relatif lebih cepat menjadi basi.
- f. Kejadian normal perubahan telah memberikan akibat bagi suatu pengalaman individu yang lebih luas dan aspek fungsional masyarakat dalam dunia moden, ertinya bahawa tidak ada manusia yang boleh bebas dari kebiasaan perubahan.

Moore dengan tegas menyatakan bahawa perubahan terjadi pada setiap masyarakat, sekalipun terhadap masyarakat asli atau masyarakat terpulau. Hal itu didorong oleh adanya kemajuan teknologi komunikasi dan transportasi yang sangat cepat. Oleh itu, dia sebut dengan perubahan semasa (*contemporary change*), kerana perubahan yang cepat sering terlihat negatif atau berimpak pada adanya kekacauan. Namun, menurut Moore kekacauan tersebut kerana adanya perubahan, oleh itu dia sebut sebagai *the normality of change*.

Himes dan Moore, seperti yang dikutip Soelaiman (1998: 115-120) menjelaskan bahawa dalam menganalisis perubahan sosial ada tiga dimensi yang sangat penting diperhatikan, iaitu dimensi struktural, kultural dan interaksional. Dimensi perubahan struktural adalah perubahan yang menumpukan perhatian pada struktur masyarakat, misalnya munculnya perubahan pada pranata, pola-pola perilaku dan interaksi sosial baharu, perubahan struktur kelas sosial dan perubahan dalam lembaga sosial. Perubahan pada dimensi kultural iaitu tertumpu kepada perubahan kebudayaan dalam masyarakat

di mana masuknya unsur-unsur baru dalam kebudayaan masyarakat, misalnya peralatan yang baru, teknologi pertanian dan lain-lain. Sedangkan dimensi perubahan interaksional adalah perubahan dalam hubungan sosial di dalam masyarakat.

Dimensi perubahan kultural juga boleh berlaku akibat adanya penyebaran kebudayaan lain ke dalam suatu kumpulan sosial, sepertimana diungkapkan oleh Kroeber (1948: 352-399) bahawa difusi boleh menimbulkan perubahan bagi kebudayaan yang menerima unsur kebudayaan lain yang menyebar. Pendapat Kroeber tersebut dapat dibuktikan pada sifat keterbelakangan kebudayaan marjinal. Kebudayaan marjinal adalah kebudayaan yang berada jauh dari pusat kebudayaan dan akibatnya kurang mendapat keuntungan dari difusi sehingga tidak mendapatkan perkembangan atau perubahan, seperti masyarakat yang tinggal dipedalaman atau terisolasi, maka masyarakatnya pun tidak semaju masyarakat di bandar. Kroeber, selanjutnya juga menjelaskan bahawa difusi boleh mempengaruhi kebiasaan kumpulan tertentu, seperti penggunaan pipa rokok pada orang primitif. Kebiasaan merokok dengan menggunakan pipa rokok pada awalnya adalah kebiasaan orang Indian, iaitu pribumi Amerika tropis yang telah terbiasa menjadikan tembakau sebagai tanaman pribumi, kemudian menjadi kebiasaan menghisap rokok dengan menggunakan pipa rokok. Kebiasaannya ini dilihat oleh orang lain dan kemudian orang lain seperti Amerika Tengah dan Utara meniru menghisap tembakau dengan pipa. Seterusnya bertemu dengan orang Eksimo, dan orang Eksimo pun ikut menghisap rokok dan akhirnya perilaku merokok pun menyebar luas. Oleh itu, perubahan kebudayaan sangat mudah terjadi bilamana terjadi interaksi dengan berbagai suku yang ada di persekitaran manusia, siapa pun dia, apakah dia sebagai masyarakat terpencil, terpulau, desa ataupun masyarakat kota sekalipun kerana sifat manusia yang suka meniru dan ingin tahu terhadap hal-hal yang baru.

2.4. Konsep Interaksi Sosial

Interaksi Sosial sebagai kunci utama terjadinya adaptasi dan terbentuknya kebudayaan dan perubahan. Tanpa adanya interaksi sosial mustahil semua akan terjadi bahkan mungkin tidak akan wujud kehidupan manusia. Kerana manusia tidak boleh hidup dan berkembang tanpa orang lain. Manusia berjaya dalam kehidupan atau pun tidak kerana adanya interaksi sosial, ertinya keberadaan atau keberhasilan manusia kerana adanya interaksi sosial (Soerjono Soekanto, 2005: 61). Kajian tentang manusia sebagai makhluk sosial telah lama dilakukan, seperti Aristoteles (Saparinah Sadli, 1997: 9) mengatakan bahawa manusia adalah makhluk sosial (*zoon politicoon; man is social animal*). Bouman (1957: 32) menyatakan bahawa manusia baru menjadi manusia setelah ia hidup dengan manusia lain. Pada dasarnya keinginan untuk menjadi satu atau menyatu dengan lingkungan alam sudah ada dalam diri manusia. Oleh itu, manusia sentiasa berusaha untuk menyesuaikan dirinya terhadap persekitaran dengan cara berinteraksi dengan lingkungan tersebut. Simmel (Soelaiman, 1998: 28-29) mengatakan bahawa interaksi sosial pada dasarnya adalah proses sosial di mana terjadi hubungan dua hala yang saling mempengaruhi antara individu mahupun kumpulan di mana masyarakat itu terwujud. Manusia tidak akan pernah terlepas dari interaksi sesama, kerana manusia begitu terlahir sudah berinteraksi dengan lingkungan keluarga, manusia sejak itu juga sudah mula menerima kebudayaan yang dilakukan oleh keluarganya. Hal itu bermula terjadinya kebudayaan (tingkah laku) yang berpola, dimana manusia menerimanya dan menerusi dalam kehidupan berikut. Soerjono Soekanto (2005: 60-61) menjelaskan bahawa interaksi sebagai syarat utama terjadinya aktiviti-aktiviti sosial kerana interaksi menjadikan hubungan-hubungan sosial yang dinamik, sama ada menyangkut hubungan antar orang perseorangan, antar kumpulan-kumpulan, mahupun antar orang perseorangan dengan kumpulan. Selanjutnya, beliau menjelaskan bahawa bilamana dua orang bertemu sebenarnya interaksi sosial sudah bermula pada saat itu.

Mereka saling berjabat tangan, saling menyapa atau bahkan mungkin saat itu bertengkar atau berkelahi, semua itu boleh dikatakan sebagai bentuk interaksi sosial. Bahkan menurut Soerjono Soekanto orang bertemu dengan orang lain tanpa ada pembicaraan pun akan tetap saling mempengaruhi, mungkin kerana bahu keringatnya atau bahu minyak wanginya, tingkah lakunya yang kesemuanya kerana masing-masing sedar akan adanya pihak lain yang menyebabkan perubahan-perubahan dalam perasaan mahupun syaraf orang-orang yang bersangkutan. Oleh itu, interaksi sosial adalah bentuk utama daripada proses sosial dan interaksi itu sendiri adalah kunci dari semua kehidupan sosial. Soleman (1994: 22) mengatakan bahawa kehidupan sosial adalah kehidupan bersama manusia atau kesatuan manusia yang hidup bersama itu ditandai dengan:

“Pertama, adanya manusia yang hidup bersama; Kedua, manusia tersebut bergaul dan hidup bersama-sama dalam waktu yang lama, maka akan terjadi adaptasi dan pengorganisasian perilaku serta munculnya suatu perasaan sebagai satu kesatuan, sehingga dalam kehidupan sosial itu ditandai pula oleh; Ketiga, adanya kesedaran bahawa mereka merupakan kesatuan dan akhirnya menjadi; Keempat, sistem kehidupan bersama.”

Penjelasan Soleman B. Taneko tersebut sangat boleh difahami, bahawa interaksi sosial adanya pada kehidupan sosial, kerana dengan adanya kesatuan manusia saling bertemu, saling berkomunikasi bahkan saling tiru dalam menjalani kehidupan. Charles P. Lomis (dalam Bertrand, 1980: 110) menjelaskan ciri-ciri interaksi sosial adalah:

- i. Pihak yang berinteraksi lebih dari satu orang.
- ii. Adanya komunikasi antara pihak-pihak tersebut dengan menggunakan lambang-lambang tertentu.
- iii. Adanya dimensi waktu yang cukup meliputi masa lampau, masa kini dan masa yang akan datang.
- iv. Adanya tujuan-tujuan tertentu. Dalam interaksi sosial terkandung makna tentang kontak secara timbal balik atau inter-stimulasi dan respon antara individu dan kelompok.

Dengan demikian jelas terlihat bahawa dalam interaksi terjadi adanya aksi dan reaksi antara individu dengan individu atau individu dengan kumpulan atau kumpulan dengan kumpulan yang disebabkan kerana adanya kontak atau komunikasi. Kontak dan

komunikasi menjadi salah satu syarat adanya interaksi. Bertrand (1980: 41) menjelaskan bahawa tanpa komunikasi para pelaku di suatu sistem tidak akan ada jalan menyampaikan informasi, untuk mengutarakan sikap, perasaan dan keperluan mereka. Demikian juga dengan kontak sosial (*social contact*) menjadikan syarat penting dalam interaksi sosial. Interaksi sosial tidak mungkin akan berlaku jika tidak ada kontak sosial (*social contact*). Oleh itu, kontak sosial dan komunikasi dua hal yang tidak boleh dipisahkan dalam mengkaji interaksi sosial. Dengan demikian, peneliti merasa penting menjelaskan pendekatan ini guna mengamati interaksi sosial Orang Laut dalam kehidupan sosialnya.

Menurut Selo Soemardjan Dan Soelaeman Soemardi (1964), ada beberapa bentuk interaksi sosial iaitu; kerjasama (*cooperation*), persaingan (*competition*), pertikaian atau konflik (*conflict*), dan akomodasi (*accomodation*). Akomodasi adalah satu proses penyelesaian pertikaian atau konflik yang mana boleh saja mendapatkan suatu penyelesaian untuk sementara waktu (Soerjono Soekanto, 2005: 70). Selanjutnya Soerjono Soekanto menghuraikan lebih rinci bahawa interaksi yang pokok ada dua iaitu, (a) proses-proses yang asosiatif, hal ini ada dua bentuk iaitu, kerja sama (*cooperation*) dan akomodasi (*accomodation*).

Kerjasama pula ikut menentukan berlakunya interaksi. Kerana dalam kerjasama setiap anggota mempunyai kepentingan yang sama, dan pada saat yang sama pula anggotanya mempunyai perasaan-perasaan tertentu yang mesti mereka jaga dengan pengetahuan dan pemahaman serta pengendalian diri demi mencapai kepentingan bersama. Oleh itu ada lima bentuk pelaksanaan kerjasama yang harus menjadi perhatian menurut Selo Soemardjan dan Soemardi, (1964: 253-250) iaitu:

- i. Kerukunan yang meliputi gotong royong dan tolong menolong dalam kehidupan masyarakat.
- ii. Bergaining, yaitu pelaksanaan perjanjian mengenai pertukaran barang-barang dan jasa-jasa antara dua organisasi atau lebih.
- iii. Ko-optasi (*cooptation*), yakni suatu proses penerimaan unsur-unsur baru dalam kepemimpinan dalam suatu organisasi, sebagai salah satu cara untuk menghindari terjadinya kegoncangan dalam stabilitas organisasi yang bersangkutan.
- iv. Koalisi (*coalition*), yaitu gabungan antara dua organisasi atau lebih yang mempunyai tujuan-tujuan yang sama, koalisi dapat menghasilkan keadaan yang tidak stabil untuk sementara waktu kerana dua organisasi atau lebih tersebut kemungkinan mempunyai struktur yang sama antara satu dengan yang lain. Akan tetapi kerana maksud utama adalah untuk mencari satu atau beberapa tujuan bersama, maka sifatnya adalah kooperatif.
- v. *Joint-venture*, yaitu kerjasama dalam perusahaan projek-projek tertentu, misalnya penggerudian minyak, penambangan batu bara, perfilman, perhotelan dan sebagainya.

Pada masyarakat Indonesia, kerjasama sebagai hal yang sangat umum, ertinya bahawa hampir semua kumpulan masyarakat (suku bangsa) yang ada di Indonesia mempunyai bentuk kerjasama, bahkan pada masyarakat primitif atau pun pada masyarakat Komuniti Tertinggal sekalipun mempunyai bentuk-bentuk kerjasama. Solo Soemardjan dan Soemardi (1964) menyatakan bahawa ada beberapa istilah yang mempunyai makna yang sama dengan kerjasama seperti; Pertama, kerjasama spontan (*spontaneous cooperation*), yaitu suatu bentuk kerjasama serta merta; Kedua, kerjasama langsung (*directed cooperation*), yaitu kerjasama kerana adanya perintah atasan atau penguasa; Ketiga, kerjasama kontrak (*contractual cooperation*), yaitu

kerjasama dikeranakan adanya kepentingan tertentu; Keempat, kerjasama tradisional (*traditional cooperation*), iaitu bentuk kerjasama yang wujud daripada aktiviti semula atau bahagian daripada sistem sosial.

Kerjasama tradisional di Indonesia sangat banyak bentuknya, bahkan kerjasama tersebut kadang-kadang mempunyai nama sendiri atau istilah sendiri, misalnya ‘batobo’ salah satu bentuk kerjasama yang ada dalam kumpulan masyarakat Kampar yang ada di Riau. Batobo adalah bentuk kerjasama untuk menggarap atau mengerjakan sawah atau ladang bagi masyarakat Kampar dan seputarnya, mereka bekerjasama untuk menanam atau menuai padi di ladang atau sawah mereka. Di kalangan orang Jawa di sebut dengan “gotong royong” dalam bahasa Banjar kerjasama tersebut di sebut dengan istilah “bahuma”. Sebenarnya semua bentuk kerjasama juga berbeda dalam tata cara pelaksanaannya, namun intinya mempunyai makna yang sama, iaitu “kerjasama”.

2.5. Konsep Adaptasi

Adaptasi adalah salah satu konsep asas dalam sosiologi, antropologi dan ekologi yang berorientasi pada anggapan bahawa tingkah laku manusia diperoleh daripada hasil interaksi manusia dengan alam sekitar, ekonomi, sosial dan budaya (Oekan S Abdullah, 1990 : 2). Oleh itu, adaptasi dalam hal ini lebih diertikan sebagai proses terjadinya hubungan dua hala antara manusia dengan lingkungannya. Secara umum adaptasi diertikan sebagai suatu bentuk penyesuaian umum yang dilakukan oleh manusia terhadap alam sekitar. Kemampuan manusia untuk menyesuaikan diri (beradaptasi) dapat dilihat dalam kehidupan harian manusia dalam mengelola dan bertahan dalam menghadapi keadaan persekitaran. Adaptasi dalam Kamus Bahasa Indonesia edisi 2011, diertikan sebagai penyesuaian terhadap alam sekitar (lingkungan), keadaan (yang dapat berupa apa sahaja yang ada pada persekitaran manusia).

Konsep adaptasi pada awalnya digunakan dalam bidang biologi guna menjelaskan proses evolusi genetik, seperti yang diuraikan oleh Hardesty (1977: 7):

konsep adaptasi awalnya digunakan dalam bidang biologi, untuk menjelaskan proses evolusi genetik bahawa terdapat suatu gerak timbal balik dalam suatu "gene" dari suatu populasi sebagai akibat adanya interaksi dengan persekitaran. Interaksi tersebut membawa kepada suatu perkembangan bahagian-bahagian yang memungkinkan untuk tetap hidup dari suatu populasi. Pandangan evolusi biologi melihat adaptasi sebagai suatu proses yang dapat meningkatkan kemungkinan makhluk hidup boleh bertahan hidup daripada suatu generasi ke generasi berikutnya pada kondisi lingkungan tertentu.

Konsep ini kemudian digunakan dalam Sosiologi, antropologi dan ekologi untuk menjelaskan fenomena-fenomena sosial. Sebagaimana ditegaskan oleh Hardesty (1977: 1) bahawa adaptasi diguna sebagai konsep inti dalam kajian ekologi. Bennett (1976: 243) mengatakan bahawa adaptasi boleh digunakan pada bentuk kehidupan organik dan bukan organik atau kehidupan sosial. Selanjutnya, McElroy dan Townsed (1989: 12) mengatakan bahawa adaptasi adalah usaha individu untuk mengendalikan dan mempertahankan keadaan yang ada di persekitaran. Adaptasi mempunyai pengertian yang berbeza bagi setiap peneliti, misalnya dari sudut pandang evolusi biologi, adaptasi diertikan sebagai suatu proses yang boleh meningkatkan keupayaan diri atau kemungkinan dari makhluk hidup dapat bertahan dari satu generasi ke generasi berikutnya dalam menghadapi keadaan alam sekitar. Steward (dalam Hardesty, 1977) menekankan perhatiannya pada lingkungan dan budaya sebagai suatu ruang yang tidak terpisahkan, walaupun hubungan dialektik yang terkenal dengan maklum balas atau sebab akibat (*causality, resiprositi*). Ertinya, bahawa lingkungan berfungsi secara aktif, bukan hanya sebagai pembatas atau selektif dalam peristiwa manusia di mana pengaruh timbal balik antara lingkungan dan budaya relatif tidak sama. Kerana itu, Steward (1955), ingin menjelaskan asal mula gambaran dan pola budaya yang mencirikan daerah yang berbeza, maka kaedah menuntut diadakannya kajian pendahuluan (kelayakan) mengenai kumpulan-kumpulan dalam persekitaran yang berbeza kemudian membuat generalisasi ekologi. Selanjutnya Beliau juga menjelaskan bahawa ada saling interaksi

antara lingkungan dengan kebudayaan. Saling interaksi ini dapat dilihat dalam aktivitas ekonomi, khususnya yang berhubungan dengan produksi. Manusia pada awalnya beradaptasi dengan persekitaran dengan berusaha mengembangkan budayanya selaras dengan alam. Dengan lahirnya budaya baru tersebut maka keseimbangan lingkungan pun ikut berubah, sehingga manusia terus mengembangkan budayanya sesuai dengan persekitaran. Vadya dan Rappaport (1968) memandang kajian Steward tersebut tidak memadai, di mana pendekatannya adalah untuk memperlihatkan bagaimana saling hubungan antara budaya dengan lingkungan, kemudian menunjukkan bahawa hubungan yang sama muncul juga di daerah yang secara latar belakang historis yang berbeza. Pendekatan ini menunjukkan bahawa kebudayaan menggambarkan lingkungan mereka, dengan alasan; Pertama, prosedur sampling tidak cukup untuk menghilangkan korelasi yang palsu; Kedua, meskipun korelasinya signifikan, namun tidak bererti ada hubungan sebab akibat; Ketiga, meskipun hubungan sebab akibat itu tidak ada, namun keberadaannya tidak bererti dapat dihindarkan. Ada dua macam perilaku adaptif, iaitu perilaku yang bersifat unik dalam menghadapi isu-isu alam sekitar atau disebut “*idiosyncratic*” dan kedua, adaptasi budaya yang bersifat dipolakan, dibagi rata sesama kumpulan dan tradisi. Hardesty menyatakan bahawa adaptasi boleh dilihat sebagai suatu proses pengambilan ruang perubahan, di mana perubahan tersebut ada di dalam perilaku kultural yang bersifat teknologik (*technological*), organisasional dan ideologikal. Sifat-sifat kultural mempunyai koefisiensi seleksi alam, sejak terdapat unsur variasi, perbezaan tingkat kematian dan kelahiran, dan sifat kultural yang bekerja melalui sistem biologi. Peroses adaptif yang aktual sebenarnya merupakan kombinasi dari beberapa mekanisme biologis dan modifikasi budaya sehingga adaptasi dapat disebut sebagai suatu strategi aktif manusia (Hardesty, 1977: 238 – 240).

Geertz menumpukan perhatiannya pada ekologi budaya dalam kajiannya pada konsep sistem. Geertz meyakini bahawa konsep ekosistem (sistem ekologi) merupakan kesimpulan logik terhadap gagasan mengenai hubungan yang tetap antara budaya, biologi dan lingkungan. Sedangkan dari sudut pandang sosiologi, antropologi dan ekologi, adaptasi ditakrifkan sebagai suatu strategi yang digunakan oleh manusia dalam kehidupannya untuk menjangkakan pelbagai bentuk perubahan persekitaran, sama ada fizikal mahupun sosial. Pada proses strategi yang dijalankan manusia tersebut dapat berakhir dengan kejayaan atau sebaliknya, namun strategi atau upaya adaptasi sudah dilakukan.

Ada dua perkara yang menjadi perhatian dalam padaptasi iaitu, *pertama*; evolusi genetik, di mana menumpukan perhatian pada tindakbalas (reaksi) dari interaksi persekitaran, dan *kedua*; adaptasi biologi yang menumpukan perhatian pada perilaku organisma selama masa hidupnya, di mana organisma berusaha menguasai faktor persekitarannya, dalam hal ini adaptasi biologi juga melibatkan proses kognitif dan level gerak yang terus menerus. Moran (1982, 57-58) menjelaskan bahawa kajian ini adalah integrasi pendekatan sosial dan organisma sebagai kajian adaptabiliti diterimanya sebagai konsep ekosistem. Konsep ini menjelaskan bahawa semua organisma adalah bahagian daripada sistem ekologi yang memusatkan diri pada perilaku manusia. Selanjutnya, dia membezakan antara '*adaptabiliti*' dengan '*adjustment*' (pelarasan), sedangkan adaptasi evolusi disebut sebagai penyesuaian adaptasi manusia yang bersifat umum. Sedangkan pelarasan '*adjustment*' terjadi pada taraf individu dan sebagai inti daripada pendekatan ekologi, organisma manusia dan bukan manusia yang memberi respon kepada ciri-ciri struktural dan fungsional mereka. Moran (1982: 58) selanjutnya menjelaskan bahawa ekosistem terbahagi ke dalam tiga komponen yang membentuknya, energi, zat atau bahan dan maklumat. Sedangkan penyesuaian diri

(adaptabiliti) manusia sebagai bahagian dari ekosistem dan keseluruhan situasi tempat berfungsinya adaptasi adaptabiliti.

Hal ini boleh dilihat pada usaha manusia yang cuba mengolah alam yang sedia ada. Ertinya, bahawa dalam usaha mempertahankan hidupnya, manusia bertahan dengan situasi dan keadaan yang mereka hadapi, apabila manusia menghadapi kesulitan atau menghendaki situasi atau keinginan yang berbeza dari realiti di persekitaran, manusia akan berusaha mengawal sesuatu yang sesuai dengan keinginannya, inilah yang disebut pengendalian atau istilah Alland sebagai 'strategi'. Alland (1975: 59) menjelaskan bahawa adaptasi adalah suatu strategi yang digunakan manusia pada masa hidupnya untuk melakukan penjangkaan perubahan persekitaran fizikal dan sosial. Kata strategi di sini menunjukkan bahawa bermacam cara yang dilakukan manusia dalam usaha mempertahankan dan mengembangkan kehidupannya untuk menghadapi keadaan alam.

Dari penjelasan tersebut dapat pula difahami bahawa adaptasi adalah proses belajar terhadap persekitaran alam mahupun lingkungan sosial yang pada akhirnya membawa perubahan, proses belajar pula pada hakekatnya terdapat pertarungan yang hebat guna mencapai sesuatu yang diinginkan. Pertarungan terhadap sesuatu yang dikehendaki boleh jadi dapat diperolehi dengan berjaya atau mungkin gagal. Ertinya bahawa adaptasi yang berjaya boleh dikatakan adaptasi positif bilamana adaptasinya tidak berlangsung dengan baik maka adaptasipun tetap akan bejalan terus meskipun adaptasi tidak sesuai dengan yang diharapkan, seperti yang diungkapkan oleh Bortolotti dan Hutcheon (2007: 443-458) tentang adaptasi pada pelakon dalam filem bahawa: *'the topic of narrative adaptation, the orchid thief'* in spike jonze's film would like us to believe that adaptation is, in fact, a "frofound proses" in the immediate context, he means biological adaptation of course but a metacinematic film a bout the process of

adapting a book to the screen, the cultural implications of his positive remark should not dismissed despite is evident irony". Adaptasi pelakon adalah adaptasi yang bersifat langsung iaitu daripada buku ke layar.

Hal ini pula menunjukkan bahawa pemahaman mengenai hubungan manusia dengan lingkungan tidak boleh dipisahkan, kerana manusia dituntut untuk mampu menyesuaikan diri dengan pekerjaan walaupun hanya sekadar pelakon, manusia harus sanggup mengatasi permasalahan serta mampu bertahan dalam menghadapi cabaran yang muncul di persekitaran mereka. Kemampuan ataupun kegagalan dalam menghadapi tantangan lingkungan alam, sosial, budaya juga sebagai bentuk adaptasi, kerana demikian itu adalah bentuk hubungan manusia dengan lingkungan mereka. Keberhasilan beradaptasi boleh dilihat daripada kemampuan manusia menundukkan atau memanfaatkan lingkungannya atau kemampuan manusia menyesuaikan diri dengan lingkungan. Sebaliknya, menolak keadaan lingkungan yang ada juga bahagian daripada adaptasi, manusia mencari yang sesuai dengan kemampuan dan kewujudan lingkungan. Oleh itu, manusia mempunyai pilihan sendiri di mana mereka boleh beradaptasi. Seperti yang diungkapkan oleh Soerjono Soekanto (1984: 1-2) bahawa konsep adaptasi meliputi dari 4 perkara:

- a) Proses mengatasi halangan-halangan terhadap alam sekitar.
- b) Proses perubahan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah.
- c) Penyesuaian individu terhadap kumpulan sosial (organisasi sosial)
- d) Penyesuaian individu terhadap alam sekitar.

Soerjono Soekanto selanjutnya menjelaskan bahawa adaptasi disebut sebagai '*adjustment*' yang diertikan sebagai: Pertama, pelarasan (penyesuaian) individu terhadap alam sekitar; Kedua, pelarasan (penyesuaian) individu untuk menyalurkan

kepentingan; Ketiga, pelarasan (penyesuaian) individu terhadap norma-norma. Soerjono Soekanto memberikan penjelasan yang sangat mudah difahami, bahawa adaptasi sebagai usaha manusia untuk bertahan hidup, dengan berbagai usaha penyesuaian terhadap persekitaran, untuk memenuhi keperluan manusia, apabila apa-apa yang dikehendaki manusia tidak ada, maka saat itu manusia harus mampu mengalihkan kepada yang lain dan menggantikan keperluan pada apa yang ada di persekitarannya. Hal ini juga bahagian dari pelarasan atau penyesuaian, selanjutnya pelarasan terhadap norma-norma, iaitu penyesuaian manusia antara perilaku atau tingkah lakunya dengan persekitaran alam mahupun sosial. Keadaan seperti ini boleh dilihat daripada bagaimana Orang Laut berusaha menyesuaikan diri terhadap persekitaran sosial (masyarakat yang ada di persekitaran mereka). Hal ini pula dijelaskan oleh Oekan S. Abdoellah (1990) dari hasil penelitian Beliau pada masyarakat transmigran pasang surut di Barambai Kalimantan Selatan bahawa masyarakat transmigran banyak yang meninggalkan tempat tinggal mereka kerana mereka tidak mampu menyesuaikan diri dengan alam persekitaran baharu. Sementara yang bertahan tinggal di kawasan transmigran adalah mereka yang boleh beradaptasi dengan persekitaran dan mereka yang berupaya mempertahankan hidup mereka dengan pelbagai macam upaya, salah satunya adalah mereka menanam tanaman yang sesuai dengan kondisi tanah di kawasan tersebut.

Usaha manusia dalam memenuhi keperluan hidup tentunya selalu berhubungan dengan alam sekitar, sama ada lingkungan fizik mahupun sosial. Kusnaka (1993: 11) mengatakan bahawa adaptasi tidak sekadar penyesuaian diri ataupun untuk bertahan hidup menghadapi persekitaran, akan tetapi manusia berupaya menyesuaikan diri dalam menghadapi masalah persekitaran dengan menguatkuasakan sumber alam. Hal ini juga bermakna bahawa adaptasi tidak sekadar penyesuaian, tetapi lebih difahami sebagai proses dinamik dari adanya ketergantungan antara manusia dengan persekitaran dan

yang mendorong munculnya kebudayaan yang spesifik. Penjelasan tersebut telah dijelaskan oleh Bennett (1976: 50) bahawa adaptasi adalah suatu proses yang berkaitan antara manusia dengan persekitaran fizikal di mana individu berusaha untuk menyesuaikan tingkah lakunya dengan cabaran persekitaran fizikal. Jadi, adaptasi sebagai suatu proses perubahan, oleh kerana itu boleh berakhir dengan sesuatu yang diharapkan atau tidak diharapkan. Adaptasi boleh pula dikatakan sebagai suatu proses interaksi yang terus menerus antara manusia dengan persekitaran, dan tingkah laku manusia boleh mengubahsuai dengan persekitaran sama ada dengan keinginannya atau sebaliknya manusia yang menyesuaikan tingkah lakunya terhadap persekitaran tempat tinggalnya (Bennett: 247).

Selanjutnya, Bennett (1976: 273) menjelaskan bahawa proses adaptasi meliputi banyak hal, seperti peralatan dan teknologi yang berfungsi untuk melindungi diri manusia daripada tekanan alam sekitar serta ancaman sosial yang terdapat di persekitarannya. Proses adaptasi juga berkait rapat dengan konsep heuristik, persaingan di antara kelas-kelas sosial yang menjadikan sebuah konsep yang tertentu dalam istilah marxis daripada sistem sosial, bahawa bagaimana manusia boleh wujud dan memenangi pertentangan yang wujud dalam kehidupan sosial. Proses ini boleh berlaku dalam sebuah sistem yang disebut '*institution*' apabila berlaku secara berulang-ulang dan diterima dalam masyarakat serta mempunyai akibat. Proses adaptasi berkait rapat dengan kemampuan yang melekat pada keadaan fizikal manusia dan kehidupan sosial suatu komuniti yang dicerminkan pada pola-pola kebudayaan. Ertinya, proses adaptasi saling berkait rapat antara manusia dengan persekitaran alam, manusia menyesuaikan dengan mengembangkan pola-pola perilaku sesuai dengan cabaran persekitaran, dari keadaan tersebut manusia mencipta imej dalam bentuk nyata (material) yang menjadi

bahagian yang tidak terpisahkan dari realiti empiris (Bennett, 1976: 272). Selanjutnya,

Bennett (1976: 283-285) menjelaskan beberapa bentuk proses adaptasi sebagai:

- i. Proses yang berkait dengan kepentingan khusus dan pola pemecahan terhadap masalah atau kesempatan, tidak hanya pada sesebuah perencanaan strategi jangka panjang untuk perubahan seluruh sistem dan menggambarkan sumber.
- ii. Menyokong dan memberi fungsi, iaitu proses yang berkait dengan fenomena kelewatan sistem. Pengaruh penyangga boleh terlihat bila terjadi strategi yang mengganggu kerana didorong oleh faktor lain. Seperti kepentingan peribadi merupakan salah satu jenis mekanisma penyangga kepentingan khusus dalam seluruh sistem yang berorientasikan pada pertumbuhan perolehan besar dan kerugian yang lebih rendah.
- iii. Persaingan sumber, proses ini adalah proses yang memperlihatkan fenomena sosial dan ekologi kerana kedua-duanya berkaitan dengan manusia secara keseluruhan. Proses ini boleh terjadi pada binatang dan tanaman, proses persaingan pada manusia selalu dinamik, meliputi masa, dan meningkatkan populasi atau pendapatan luaran dan kuasa.
- iv. Potensi pakar atau “adaptasi pakar” adalah sebuah proses yang meliputi peningkatan fokus dipakai untuk sumber khas sepanjang masa dan erat kaitannya dengan persaingan sumber.
- v. Adaptasi terapung, iaitu gerakan atau keputusan dan penyesuaian dalam suatu arah tertentu mengenai pemeliharaan gaya budaya dan pemberian sanksi keputusan dengan mengutamakan tradisi biasanya untuk hal yang berkait dengan pembahagian tingkatan sosial. Hal yang paling jelas dalam adaptasi terapung adalah sering disertai dengan alasan rasional, kerana terdapat kesedaran bahawa adanya pertentangan secara pasti, namun kelompok tertentu yang ingin mempertahankan tingkatan sosial tertentu itu adalah perpanjangan status quo sebagai perancangan terselubung. Sehingga adaptasi pun terjadi secara mengambang atau terapung, ertinya bahawa adaptasi tidak sepenuhnya tetrajadi.
- vi. Kelulusan yang dirasionalisasikan (*rationalized approval*), Proses ini seringkali berfungsi ketika adanya sebuah kekuatan (kekuatan ini boleh sebuah perjanjian atau sebuah peraturan yang mengikat) membuatnya lebih baik dalam melakukan adaptasi, atau akibat yang tidak dapat diduga oleh sebuah persetujuan yang positif. Proses kelulusan ini adalah sebuah alat penyesuaian diri dalam sebuah percubaan untuk menyampaikan kesan bahawa ‘hal ini sudah dirancang terus-terusan’, keadaan ini sangat terkawal. Demikianlah proses penyesuaian diri yang boleh bertransformasi menjadi sebuah nilai yang berharga.
- vii. Tindakan paksaan. Hal ini berkaitan dengan pengaruh banyaknya variabel dalam suatu keadaan-akibat rancangan strategi, menyekat atau mengawasi keputusan dan perubahan di masa mendatang. Hal ini boleh menjadi cara lain mengenai pengembangan, tapi dalam “paksaan” seseorang dikukuhkan dengan tekanan yang dihasilkan oleh pertentangan antara keinginan untuk mempertahankan pola dan tidak mungkin mengerjakannya menuruti kekuatan keputusan yang mengikat yang dihasilkan oleh kongsi yang sangat berpengaruh.”

Demikian beberapa bentuk proses adaptasi yang tertentu menurut Bennett, bahawa proses adaptasi sangat dinamik sesuai dengan kondisi di mana manusia itu tinggal dan keadaan persekitaran, sama ada persiapan sebelum terjadinya adaptasi hingga perjalanan proses itu sendiri, dari perancangan atau tidak, penyanggaan, persaingan atau peningkatan sumber hingga pada peningkatan fokus, adaptasi mengambang, persetujuan yang dirasionalisasikan atau penyesuaian yang telah

dirancang dengan matang dan adaptasi yang dipaksakan atau keterpaksaan kerana persekitaran.

Kemampuan manusia untuk menyesuaikan diri boleh dilihat daripada usahanya dalam mengendalikan dan bertahan hidup terhadap keadaan persekitaran. Keupayaan individu menyesuaikan diri mempunyai nilai penting bagi kelangsungan hidupnya. Bahawa semakin besar kemampuan manusia untuk beradaptasi bererti semakin besar pula kemungkinannya untuk bertahan hidup. Oleh itu, Bennett menjelaskan bahawa adaptasi adalah proses yang panjang lagi kompleks di mana manusia menguatkuasakan kehidupannya. Adaptasi juga boleh dikatakan sebagai suatu proses perundingan yang terus berlanjutan dan tidak pernah akan berakhir dengan kesempurnaan, kerana manusia terus bertambah dan berkembang, selari dengan pertambahan dan kemajuan, manusia juga mengalami perubahan yang tidak berkesudahan, kerana itu penyesuaian diri akan berterusan dan tidak pernah berakhir dengan kepuasan.

Memandang itu, Bennett (1976: 283-284) selanjutnya menyatakan bahawa ada beberapa strategi yang ada kaitannya dengan proses adaptasi tersebut iaitu:

- a. Bentuk strategi (*strategy designs*), iaitu penggubalan strategi yang menyangkut bentuk strategi mata rantai, strategi dengan pengaruh yang konsisten lebih daripada satu komponen strategi, dan sasaran yang kompleks itu memerlukan serangkaian strategi yang digunakan secara berturut-turut dalam suatu putaran.
- b. Strategi berkuat kuasa serta merta (*strategies with immediate effect*), iaitu strategi yang dilaksanakan untuk mendapatkan hasil yang cepat dengan risiko yang rendah, strategi ini ditempuh berdasarkan pada sumber yang telah tersedia serta hasil yang telah diketahui kemungkinan yang merujuk pada norma dan undang-undang yang ada.

- c. Strategi dengan kesan lambat (*strategies with delayed effect*), iaitu strategi yang ditempuh dengan meninggalkan pengaruh yang tidak dikehendaki, dengan meminimalkan pengaruh tersebut supaya risiko menjadi lebih kecil. apabila sebuah kesan atau hasil telah terancang dan terundur maka pada umumnya risikonya sangat rendah. Namun demikian para pelabur perlu memahami bahawa keuntungan yang akan mereka dapatkan akan didapati setelah jangka waktu yang tidak jelas; adapun demikian strategi sama seharusnya tidak diambil oleh para peserta yang berharap modalnya cepat kembali. Membina sebuah perternakan membuat kita tidak dapat keuntungan sekarang.
- d. Strategi berkuatkuasa berterusan (*strategies with sustained effect*), strategi ini diharapkan dengan menghadapi pengaruh tindakan yang akan diperbuat, strategi dilaksanakan dengan menghasilkan sesuatu yang telah ditentukan dan hasilnya telah diambil kira faktor risiko adalah sebagai pembolehubah yang telah diambil kira secara profit di mana masukan lebih rendah dari keluaran.
- e. Strategi yang mempunyai kesan ganda (*strategies with multiplier effect*), iaitu strategi yang mempunyai beberapa kemungkinan akibat dari tindakan yang lakukan. Strategi ini berkait rapat dengan kemajuan nilai budaya, seperti yang terkait dengan permodalan, keuntungan dan pulangan pelaburan.
- f. Strategi untuk meningkatkan nilai (*a related process of particular concern to critics of our economics development strategies may be called incremental change*), strategi ini merujuk kepada corak atau peluang secara tunggal dan tidak dalam strategi berasaskan jangka panjang. Pengumpulan kesilapan yang dibuat dalam strategi jangka pendek tanpa memikirkan kos luaran atau kerosakan kepada alam sekitar. Strategi ini direka untuk mendapatkan output akhir keuntungan atau tanpa mengambil kira kos masa depan dan tanpa merujuk kepada perancangan jangka panjang diperlukan untuk semua sistemnya.

- g. Strategy dengan langkah-langkah kecil (*buffering and step functioning*), strategi ini adalah langkah-langkah kecil di dalam proses yang boleh didapati ketika sebuah strategi boleh menghasilkan sesuatu yang berbahaya tetap dilakukan kerana faktor-faktor lain menyokong dalam aktifitas ini dan mengabaikan bahaya yang mungkin akan terjadi. Proses ini secara khusus merupakan bukti dari keadaan yang kontemporari di mana kepentingan mereka terhadap penggunaan sumber alam berkembang dalam sebuah kumpulan di dalam masyarakat.
- h. Sumber persaingan (*resource competition*), proses ini jelas menunjukkan interpenetration ekologi dan fenomena sosial kerana orang-orang bersaing untuk kedua-dua. Proses ini juga adalah bukti persaingan antara manusia haiwan dan tumbuhan yang hidup di sumber semula jadi akibat eksploitasi besar-besaran yang dilakukan oleh manusia. Ini berlaku di banyak tempat dan sentiasa melibatkan dinamik, pertumbuhan populasi, input dari luar, expropriations tanah, yang boleh menyebabkan kerosakan kepada sistem dan persekitaran dan membawa kepada pertandingan lain.
- i. Pengkhususan-pengkhususan potensi atau disesuaikan (*specialization of potential-or 'adaptive specialization'*), satu proses yang melibatkan kepentingan dan peningkatan tumpuan kepada sumber yang dalam jangka masa panjang dan berkait rapat dengan persaingan untuk sumber-sumber semula jadi. Strategi ini boleh menghasilkan perjanjian simbiotik antara kumpulan-kumpulan tertentu sebagai tindak balas kepada keperluan untuk mengawal persaingan. Proses ini telah dikaji oleh ahli ekologi dalam konteks puak kumpulan budaya dan sosial yang menggunakan tanah (sumber semula jadi).
- j. Kepekaan adaptation (*adaptational drift*), strategi dalam hal ini adanya upaya dengan pelarasan kepada arah tertentu kerana pemeliharaan gaya budaya dan sanctioning keputusan oleh duluan tradisional. proses adaptational lain juga berlaku penting

dalam 'drift' seperti penyimpangan bagi meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran-pengeluaran, yang menuntut pengeluaran semakin besar pada kos yang lebih rendah, sehingga sumber-sumber yang berkurangan atau disalahgunakan. Perkara ini menarik tentang *adaptational drift* ialah ia kerap diiringi dengan aura rasional. manakala tahap kesedaran percanggahan biasanya wujud, ia dikelilingi dengan rasionalisasi; pada dasarnya, drift adalah kecenderungan untuk menambah kuatnya adaptasi.

- k. Merasionalkan persetujuan (*rationalized approval*), proses ini seringkali berfungsi ketika kekuatan pelaburan membuatnya lebih baik untuk meyakini garis vektor dari sebuah penyesuaian keputusan, atau akibat yang tidak dapat diduga, oleh sebuah persetujuan yang positif. Proses kelulusan ini adalah sebuah alat penyesuaian diri dalam sebuah percubaan untuk menyampaikan kesan bahawa 'hal ini sudah dirancang terus-terusan', keadaan ini sangat terkawal. Demikianlah proses penyesuaian diri yang boleh bertransformasi menjadi sebuah nilai yang berharga.
- l. Tindakan yang mengekang (*Action constraint*), hal ini ditujukan kepada peningkatan sebuah kesan daripada situasi yang tidak tetap atau berubah-ubah sebuah akibat dari reka bentuk strategi (*strategy design*) dan dengan melakukan hal ini, boleh menyekat atau mengawal keputusan dan perubahan masa depan.

Selanjutnya, Bennett menyarankan agar manusia sebagai pelaku perlu menentukan suatu tujuan yang lebih matang dalam menghadapi persekitaran yang akan atau sedang dihadapinya dan manusia perlu beradaptasi dengan melakukan pilihan dengan cara melihat, mengingat dan mempertimbangkan risiko dari persekitaran yang dihadapi.

Sebagaimana yang dikatakan Steward (dalam Moran; 1982: 43) bahawa strategi adaptasi dapat dilihat dari segi:

- a. Hubungan antara kegiatan ekonomi dengan persekitaran.
- b. Hubungan antara pola tingkah laku manusia dengan teknologi produksi.
- c. Seberapa besar pengaruh tingkah laku terhadap perubahan kebudayaan.

Dengan merujuk strategi adaptasi tersebut, dapat diketahui bahawa kemampuan manusia dalam mempertahankan hidup terhadap cabaran alam sekitar dan hal tersebut juga merupakan kejayaan karya manusia.

2.6. Kerangka Teori Adaptasi

Bennet (1976: 271-272) mengemukakan ada tiga hal penting untuk mempelajari teori adaptasi sosial, iaitu; Pertama, perilaku adaptif; Kedua, tindakan strategik; Dan ketiga, strategi adaptif. Perilaku adaptif merupakan bentuk-bentuk perilaku yang menunjukkan penyesuaian cara mencapai matlamat dengan melakukan alternatif dan menolak tindakan serta keterlibatan dengan tujuan untuk beradaptasi. Sedangkan tindakan strategik merupakan tindakan khas yang direncanakan untuk menyesuaikan demi tercapainya kemajuan dan merupakan tujuan dalam pemanfaatan sumber daya. Tindakan strategik mencakup upaya rasionalisasi, maksimalisasi, orientasi kemajuan yang mengutamakan hasil daripada perilaku individu dan masyarakat. Adaptasi sebagai proses tindakan perseorangan yang mengarah pada maksimalisasi kesempatan hidup, di mana adaptasi secara langsung menyatukan kesempatan hidup sosial. Lebih lanjut, Sahlins seperti yang dikutip Oekan S. Abdullah (1990), menekankan bahawa adaptasi dan interaksi mengambil tempat untuk memuaskan matlamat hidup manusia.

Strategik adaptasi tidak hanya ditentukan oleh kesediaan dan ketidakmampuan daripada masyarakat setempat untuk menerima para pendatang dan mengizinkan

mereka untuk ikut menikmati sumber daya yang ada di kawasan tersebut, serta dapat berpartisipasi dalam aktiviti harian. Selain itu, anggota masyarakat akan selalu menyesuaikan diri atau beradaptasi dengan lingkungannya yang disertai dengan perlbagai perubahan sosial, sama ada dengan bentukan sosial mahupun sesuatu yang baru. Sebenarnya, masalah adaptasi merupakan suatu proses yang sangat kompleks, sebab ada adaptasi yang bersifat aktif, iaitu suatu bentuk penyesuaian secara timbal balik, dan adaptasi yang bersifat pasif, iaitu suatu bentuk penyesuaian yang berlangsung sepihak sahaja. Adapun proses adaptasi yang bersifat pasif ini dapat berlangsung melalui tiga tahap, iaitu:

- a. Tahap akomodasi, ialah tidak menentang terhadap arus perubahan.
- b. Tahap adaptasi, ialah yang terbiasa dengan perkara-perkara baru atau asing yang dianggap baik dan bermanfaat.
- c. Tahap asimilasi, ialah menyatukan diri secara batiniyah dan menerima semua perkara-perkara yang baru (N. Daldjoeni, 1997: 35-36).

Jadi, dapat difahami bahawa adaptasi pada taraf sosial individu kemudian menjadi perilaku adaptif, tindakan strategik dan sintetik dari kedua-duanya yang disebut strategik adaptif. Perilaku adaptif adalah istilah yang lebih umum dan mengacu pada bentuk perilaku yang menyesuaikan pada matlamat, pencapaian kepuasan dan putusan. Tindakan strategik dianggap lebih spesifik dan mengacu pada kepentingan khas yang dipunyai sang aktor. Dalam tindakan stratgik sendiri terdapat konsep yang meliputinya seperti rasionaliti, maksimalisasi, orientasi pencapaian, homo faber dan lain-lain. Seterusnya, iaitu strategik adaptif, adalah komponen dari tindakan strateji atau tindakan spesifik dengan tingkatan prediksi keberhasilan, di mana dipilih oleh individu dalam menentukan keputusannya.

Menurut Haviland (2004: 6), teori adaptasi mengacu pada proses interaksi dua hala antara perubahan yang ditimbulkan oleh organisma pada lingkungannya dan perubahan yang ditimbulkan oleh lingkungan pada organisma. Penyesuaian dua hala seperti ini perlu agar semua bentuk kehidupan boleh bertahan hidup termasuk manusia. Selanjutnya Beliau menjelaskan bahawa manusia beradaptasi melalui medium kebudayaan pada masa mereka mengembangkan cara-cara untuk mengerjakan sesuatu sesuai dengan sumber daya yang mereka temukan dan juga dalam batas-batas lingkungan tempat mereka hidup (Haviland, 2004: 3-6), proses yang menyebabkan organisma memperoleh kecocokan yang menguntungkan dengan lingkungan yang ada, dan hasil daripada proses tersebut menyebabkan terjadinya kondisi tertentu sesuai dengan pertumbuhan organisma dan keseuaian dengan persekitaran. Oleh itu adaptasi pada proses interaksi di daerah-daerah tertentu akan tumbuh sesuai dengan lingkungannya, orang yang hidup dalam lingkungan yang serupa cenderung saling meniru, proses yang berlaku pada hakekatnya adalah proses perubahan ataupun penyesuaian yang tampak berjalan baik dalam kehidupan manusia. Proses adaptasi menghasilkan keseimbangan yang dinamik antara keperluan manusia dan potensi lingkungan.

Hardesty (1977: 238-240) menyatakan ada dua bentuk perilaku yang adaptif, iaitu perilaku yang bersifat unik, iaitu cara-cara individu dalam mengatasi permasalahan lingkungan atau di sebut juga "*idiosyncratic*" dan *adaptasi budaya* yang bersifat dipolakan, dibahagi rata sesama anggota kumpulan, dan tradisi. Bagi Hardesty, adaptasi dilihat sebagai suatu proses pengambilan ruang perubahan, dimana perubahan tersebut ada di dalam perilaku kultural yang bersifat teknologikal (*technological*), *organisasional*, dan *ideologikal*. Sifat-sifat kultural mempunyai koefisiensi seleksi seperti sebuah seleksi alam, sejak terdapat unsur variasi, perbezaan tingkat kematian

dan kelahiran, dan sifat kultural yang bekerja melalui sistem biologi. Proses adaptif yang aktual sedapat mungkin merupakan kombinasi daripada beberapa mekanisme biologis dan modifikasi budaya tersebut di atas. Sehingga adaptasi dapatlah disebut sebagai sebuah strategi aktif manusia. Adaptasi dapat dilihat sebagai usaha untuk memelihara keadaan kehidupan dalam menghadapi perubahan. Definisi adaptasi tersebut kemudian berkait rapat dengan taraf pengukuran yang dikaitkan dengan taraf keberhasilannya agar boleh bertahan hidup. Adaptasi seharusnya dilihat sebagai tindakbalas atau proses yang terbuka pada proses modifikasi di mana penanggulangan dengan keadaan untuk kehidupan oleh reproduksi selektif dan memperluasnya (Hardesty, 1977: 243). Dinamika adaptif mengacu pada perilaku yang didesain pada pencapaian matlamat, kepuasan keperluan dan keinginan serta konsekwensi dari perilaku untuk individu, masyarakat dan lingkungan. Ada dua mode analitik utama pada perilaku ini: iaitu tindakan individu yang direka untuk meningkatkan produktivinya, dan mode yang diperbuat oleh perilaku interaktif individu dengan individu lain dalam kumpulan, yang biasanya dibangun oleh aturan yang bersifat resiprositi. Perilaku interaktif tersebut didesain juga untuk memenuhi akhir tujuan dan beberapanya menjadi instrumental.

Hutcheon (2013) menjelaskan bahawa teori adaptasi menunjuk kepada produk dan proses iaitu penciptaan dan penerimaan peran, menceritakan kisah-kisah, novel, cerita pendek, sejarah bahkan semua media yang memungkinkan berlakunya interaksi secara fizikal dan secara kinestetikal (*kinesthetcally*) seperti videogame. Beliau juga menjelaskan bahawa pada masa pasca modernisme telah mewarisi kebiasaan yang sama dalam kajian teori adaptasi, namun pasca modernisme lebih banyak bahan baru yang boleh dipelajari, tidak hanya interaksi sosial dan media elektronik semata, seperti televisyen, radio dan film akan tetapi boleh pula melihat taman hiburan, dan banyak

motif adaptasi. Hutcheon menjelaskan bahawa motif adaptasi sangat banyak, tidak hanya dalam media elektronik begitu pula dalam film lebih luas lagi kerana mula dari menceritakan sesuatu, melakoni dan berinteraksi secara fizikal semua itu disertai motif.

Manusia sebagai makhluk sosial sudah pasti mempunyai sifat yang sentiasa ingin berinteraksi dan mempunyai keinginan untuk meniru serta menyesuaikan dirinya dengan persekitaran. Meskipun manusia terpulau ataupun tertinggal, namun tetap sentiasa ingin melakukan penyesuaian diri terhadap apa yang ada di persekitarannya, kerana setiap manusia ingin bertahan hidup dan mempertahankan kehidupannya, demikian halnya dengan Orang Laut.

Penyesuaian diri secara umum disebut adaptasi. Manusia dituntut untuk memenuhi keperluan hidupnya. Manusia boleh bekerja sesuai dengan kemampuannya agar boleh beradaptasi secara dinamik terhadap lingkungan fizikal dan lingkungan sosial di mana mereka tinggal. Whitten dan Whitten (1972:83) mengatakan bahawa adaptasi adalah cara yang digunakan oleh manusia untuk mengatasi rintangan dan memperoleh keseimbangan positif dengan keadaan-keadaan yang sedia ada. Setiap adaptasi memerlukan cara tertentu menurut kadar kemampuan individu, kumpulan atau komuniti dalam usaha mendapatkan keseimbangan kepada lingkungannya. Steward (1955:38) juga mengatakan bahawa sifat adaptasi suatu komuniti tidak dapat dihindarkan dari kebudayaan dan proses adaptasi boleh terjadi di dalam struktur masyarakat manapun. Selanjutnya, Geertz (1963:10) mengatakan sifat adaptasi komuniti bergantung kepada perjuangan keras dan kecerdikan mereka untuk mengalahkan alam persekitaran. Geertz memberikan contoh tentang kehidupan orang Eksimo yang disebut Igloo. Mereka memiliki kecerdikan dalam mempertahankan

kehidupan dan mereka berjuang melawan keadaan persekitaran alam yang keras di Kutub Utara demi kelangsungan hidup mereka.

Demikian halnya dengan Orang Laut, mereka berusaha untuk menyesuaikan diri terhadap alam sekitar dan persekitaran sosial dimana mereka tinggal. Walaupun sebenarnya terdapat perbezaan dengan yang bukan Orang Laut dalam proses penyesuaian diri atau adaptasi. Hal ini disebabkan adanya perbezaan ciri-ciri sosiobudaya yang dipunyai oleh kedua-dua golongan tersebut. Di antara ciri yang sangat jelas pada Orang Laut adalah kesulitan untuk berinteraksi dengan masyarakat di persekitaran mereka. Mereka kebanyakan hidup dalam kumpulan mereka sendiri dan kurang bercampur baur dengan masyarakat di luar kumpulannya. Sedangkan dalam pergaulan keseharian mereka tetap berinteraksi dan bergaul dengan masyarakat lain. Mereka juga mempunyai suatu keyakinan bahawa pekerjaan sebagai nelayan adalah satu-satunya cara untuk memenuhi keperluan asas mereka, terutamanya sebagai pemburu binatang-binatang di laut. Mereka menganggap kehidupan di laut jauh lebih baik daripada kehidupan di darat, kerana itu sehingga kini mereka membuat tempat tinggal di sepanjang pesisir pantai.

Hubungan atau interaksi sosial Orang Laut diwujudkan dalam bentuk kebudayaan, dimana kebudayaan dijadikan sebagai asas dari proses adaptasi dalam melakukan berbagai aktiviti melaut, seperti mengatur dan menentukan cara-cara menangkap ikan, menentukan waktu yang tepat untuk melakukan penangkapan dan waktu yang tidak boleh melakukan penangkapan sebagai suatu upaya dalam menjaga keseimbangan populasi ikan yang ada di laut.

Konsep adaptasi berasal dari dunia biologi, dimana ada dua poin penting, yaitu *evolusi genetik*, di mana berfokus pada tindakbalas dari interaksi lingkungan, dan *adaptasi biologi* yang berfokus pada perilaku dari organisma selama masa hidupnya, dimana organisma tersebut berusaha menguasai faktor lingkungan, tidak hanya faktor bertindak balas terhadap lingkungan, tetapi juga proses kognitif dan taraf gerak yang terus-menerus. Anggapan dasar adaptasi berkembang daripada pemahaman yang bersifat evolusionari yang sentiasa melihat manusia selalu berupaya untuk menyesuaikan diri dengan lingkungan alam sekitarnya, sama ada secara biologis/genetik mahupun secara sosial budaya. Proses adaptasi dalam evolusi melibatkan seleksi genetik dan varian budaya yang dianggap sebagai jalan terbaik untuk menyelesaikan permasalahan lingkungan. Adaptasi juga merupakan suatu proses yang dinamik kerana sama ada organisma mahupun lingkungan sendiri tidak ada yang bersifat konstan atau tetap (Hardestry, 1977: 45-46).


Pola adaptasi selalu berkaitan dengan kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan lingkungan, di mana perilaku adaptasi itu sendiri menunjukkan mekanisme penyelesaian masalah yang dialami oleh manusia untuk menyesuaikan diri dengan lingkungannya. Seperti yang dikatakan Bennet (1976) bahawa adaptasi menyangkut upaya penyesuaian yang mengandungi pengertian ganda; yakni manusia berusaha menyesuaikan kehidupannya dengan lingkungan atau sebaliknya, manusia berusaha pula menyesuaikan lingkungan dengan keinginan atau matlamatnya yang meliputi lingkungan fizik, biologis dan lingkungan sosial budaya.

Menurut Sparadley (1997: 33) adaptasi merupakan proses penyesuaian dengan suatu lingkungan fizikal, biologis dan lingkungan sosial budaya tertentu sebagai persyaratan bagi kelangsungan hidup masyarakat. Dapat difahami bahawa manusia

memerlukan lebih dari satu cara dalam menghadapi masalah memenuhi kebutuhannya. Oleh itu, selain adaptasi sosial, juga diperlukan adaptasi ekologi dan psikologi. Adaptasi semacam ini sesuai dengan perilaku manusia dalam melakukan bentuk-bentuk adaptasi, sama ada secara sosiobudaya, psikologi, ekonomi mahupun terhadap ekologi (Smith, 1973: 85-89).

Berdasarkan pemikiran, konsep, teori dalam kerangka pemikiran yang diuraikan di atas, maka pengkaji menganggap bahawa Orang Laut yang dianggap sebagai manusia terkebelakang (terpencil), namun mempunyai sifat yang sama seperti manusia umumnya. Mereka mempunyai cara pandang dan perilaku yang sama terhadap pola hubungan sosial budaya yang ada di persekitaran, sehingga menarik minat mereka untuk menyesuaikan diri terhadap persekitaran. Namun, penyesuaian tersebut sangat lambat disebabkan budaya yang mereka punyai khasnya perasaan rendah diri dan keterbelakangan yang telah dilekatkan kepada mereka.

Rajah 2.1: Model Kerangka Pemikiran Tentang Adaptasi Sosiobudaya



Keterangan Rajah I:

Budaya Asal;

Budaya asal yang dimaksudkan adalah budaya yang mereka wariskan secara turun temurun. Budaya tersebut telah mereka praktikkan dalam kehidupan harian mereka ketika berada dalam sampan, yang meliputi hal-hal seperti: Sistem ekonomi, kepercayaan, kepemimpinan, kepercayaan, sistem sosiobudaya serta bahasa.

Kemudian setelah mereka naik ke darat, terjadi interaksi antara Orang Laut dengan masyarakat persekitaran. Orang Laut menghadapi pelbagai perubahan dalam kehidupan, sehingga mereka mahu tidak mahu mereka mesti masuk dalam kehidupan yang umum tersebut dan dengan sendirinya harus beradaptasi dengan persekitaran mereka. Masyarakat persekitaran mereka mempunyai sistem sosiobudaya, sama ada yang khas mahupun umum seperti sosiobudaya yang bersifat nasional dan tradisional yang dibawa oleh berbagai suku bangsa, serta peraturan-peraturan Kerajaan (pemerintah). Sosiobudaya Masyarakat juga meliputi; Sistem kekerabatan, sistem ekonomi, Kepercayaan/agama, Kepemimpinan, Bahasa dan sistem sosiobudaya.

Dalam masyarakat ini terjadi pertembungan antara Orang Laut dengan masyarakat persekitaran, dengan bermacam suku dan dengan beragam sistem ekonomi, sistem kepercayaan/agama, sistem kepemimpinan, nilai-nilai dan norma-norma bahkan mereka pula harus menghadapi peraturan-peraturan kerajaan (Pemerintah) sehingga terbentuk pola interaksi sosial dalam masyarakat dan membentuk sikap-sikap tertentu. Oleh itu, dalam kajian ini akan melihat bagaimana adaptasi, interaksi dan bagaimana hasil daripada pertembungan yang terjadi dalam kehidupan baharu masyarakat Orang Laut masa kini.

Adaptasi dan Etnisiti (realiti sekarang); Sistem ekonomi, kepercayaan/agama, kepemimpinan, bahasa, sistem sosiobudaya dan melahirkan jatidiri Orang Laut yang sekarang: Cara hidup baru setelah terjadi adaptasi.

2.7. Rumusan

Adaptasi adalah salah satu konsep dasar dalam sosiologi antropologi dan ekologi yang memusatkan perhatian pada proses terjadinya hubungan dua hala dengan lingkungan (persekitaran). Adaptasi pula difahami sebagai suatu bentuk penyesuaian umum yang dilakukan oleh manusia terhadap alam sekitar. Konsep adaptasi awalnya digunakan dalam bidang biologi, iaitu untuk menjelaskan proses evolusi genetik dalam mengamati pengaruh timbal balik suatu gen daripada sesebuah populasi dalam perkembangan bahagian-bahagian yang memungkinkan hidup.

Ada dua macam perilaku adaptif, iaitu perilaku yang bersifat *idiosyncratic* (cara-cara unik individu dalam menghadapi permasalahan lingkungan) dan adaptasi budaya yang bersifat dipolakan, dibagi rata sesama kumpulan dan tradisi. Hardesty menyatakan bahawa adaptasi boleh dilihat sebagai suatu proses pengambilan ruang perubahan, di mana perubahan tersebut ada di dalam perilaku budaya yang bersifat teknologikal organisasional, dan ideologikal. Sifat-sifat budaya mempunyai perkaitan dengan seleksi alam, adanya unsur variasi, perbezaan tingkat kematian dan kelahiran, serta sifat budaya yang berproses dalam kehidupan masyarakat.

Selanjutnya adaptasi pula sangat erat hubungannya dengan kebudayaan, tanpa kebudayaan manusia tidak akan ada adaptasi kerana manusia beradaptasi melalui kebudayaan. Sebagaimana Kusnaka Adimiharja (1993) katakan bahawa manusia berusaha menyesuaikan diri dengan persekitaran akan tetapi adaptasi mendorong

terciptanya kebudayaan yang spesifik. Ini juga bermakna bahawa manusia menciptakan budayanya kerana proses adaptasi yang berlaku dalam hidupnya.

Begitu pula dengan perubahan, bahawa adaptasi adalah bagian dari perubahan, kerana adaptasi manusia mengubahsui kehidupannya sesuai dengan yang mereka inginkan. Selanjutnya Bennett (1976) menyatakan bahawa adaptasi pula sebenarnya adalah proses interaksi yang terus menerus antara manusia dengan persekitaran.

Teori memperlihatkan bahawa adaptasi berproses melalui kebudayaan dan menjelma dalam perubahan yang baharu yang tercipta kerana kemahuan yang kuat dari orang yang mengalaminya. Dan sebagai akibat dari proses penyesuaian adalah lahirnya identiti baharu atau subkultur dalam kehidupan masyarakat serta melahirkan keseimbangan yang dinamis. Dan akhirnya peneliti mendapatkan bentuk kerangka pemikiran yang menjadi acuan sebagaimana terdedahkan di atas dalam melakukan kajian terhadap adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah Indragiri Hilir Riau.

BAB III

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN DAN MASYARAKAT ORANG LAUT

3.1. Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang masyarakat Orang Laut dan akan diterangkan pula keadaan penduduk secara komprehensif tentang keadaan alam fizikal mahupun sosiobudaya masyarakat di ketiga kampung yang menjadi tumpuan kajian ini, iaitu Desa Tanah Merah, Tanjung Pasir dan Sungai Laut.

Perbincangan ini pula meliputi tentang asal usul Orang Laut, nama Orang Laut, sistem sosiobudaya Orang Laut dan kawasan-kawasan yang menjadi tempat tinggal Orang Laut. Dengan mengungkapkan hal-hal tersebut dapat diketahui kehidupan Orang Laut secara menyeluruh, meliputi sejarah perpindahan Orang Laut dari sampan ke darat, amalan-amalan budaya yang masih dipertahankan dalam bentuk asli dan amalan-amalan yang diubahsuai dengan budaya yang wujud di persekitaran, seperti agama dan kepercayaan Orang Laut, mata pencaharian atau sistem ekonomi, kekerabatan atau kehidupan keluarga Orang Laut serta tradisi-tradisi yang ada pada Orang Laut.

3.2. Asal Usul Orang Laut

Memandang bahawa kajian tentang Orang Laut masih sedikit dilakukan, sehingga untuk menghuraikan asal usul sejarah awal dan tempat mereka sukar dipastikan. Maklumat-maklumat yang ada hanya diperolehi daripada pengkaji terdahulu dan sejarawan yang menyatakan bahawa asal usul Orang Laut dihubungkan dengan peristiwa terjadinya migrasi penduduk Asia Daratan yang dikenali sebagai bangsa Proto-Melayu melalui laut Cina Selatan. Laut Cina selatan dikenali sebagai alur pelayaran laut tradisional (sea

routes) telah memainkan peranan penting di kawasan Asia Tenggara kerana dari arah sini dianggap sebagai awal permulaan sejarah datangnya bangsa-bangsa Proto-Melayu ke kawasan Asia. Kemungkinan terjadinya gelombang migrasi penduduk Asia Daratan ke Nusantara kira-kira dalam tahun 1500 SM, melalui darat mahupun laut. Migrasi tersebut tidak terjadi hanya satu periode sahaja, bahkan pengulangannya terjadi lagi pada abad-abad berikutnya. Para ahli sejarah memperkirakan bahawa hubungan pelayaran antara India dan Indonesia dimula pada abad ke-2 Masehi, melalui perairan Samudera dan Selat Melaka atau melalui pantai Barat Sumatra atau menyusuri Teluk Benggala ke Selat Melaka (Mughtar Luthfi, 1999: 11). Di pantai Barat Sumatra terdapat pelabuhan Barus yang termasyhur sejak abad kedua dan terkenal kerana kapur barusnya. Adhyatman (dalam, Mohamad Zen, 2002: 64) mengungkapkan bahawa kedatangan bangsa-bangsa dari Asia Daratan tidak sahaja untuk berdagang, namun bagi penduduk yang terdesak oleh kehidupan sosial-ekonomi dan politik, terpaksa melakukan penghijrahan untuk mencari kehidupan yang lebih baik dan aman di tempat pemukiman yang baru. Ada yang datang dari Indochina dan merebak di Indonesia bahagian Barat, dan ada pula yang melalui kepulauan Philipina merebak di Indonesia bahagian Timur.

Kroesen (dalam Mohamad Zen, 2002: 18-22) menghuraikan bahawa ada anggapan yang mendekati kebenaran tentang asal kedatangan Orang Laut, iaitu dengan mengamati pengulangan sejarah yang berlaku pada abad XX terjadi penghijrahan penduduk Vietnam dan Kamboja kerana desakan dan tekanan sosial-politik di negaranya. Mereka melakukan penghijrahan dengan perahu mudah melalui jalur-jalur laut tradisional mengikuti dorongan arus dan mesyuarat daripada dua sistem angin yang menguasai iklim di kawasan laut Cina Selatan. Penghijrahan penduduk Vietnam dan Kamboja tersebut dikenali sebagai manusia perahu, bahagian terbesar mereka berada di

perairan Kepulauan Riau dan merebak melalui pantai Timur Semenanjung Malaysia atau menyeberang langsung ke Kepulauan Philipina dan Indonesia bahagian Timur

Pertemuan antara manusia perahu dengan Orang Laut yang telah bermukim dalam masa yang lama di perairan sepanjang pulau-pulau di Laut Cina Selatan tentu mempunyai hubungan yang erat, kerana kedua-duanya bagaikan mata rantai yang tidak dapat dipisahkan dengan kumpulan-kumpulan Orang Laut yang tersebar luas di seluruh perairan Nusantara. Adanya pengulangan peristiwa migrasi melalui jalur pelayaran laut yang sama, memakai perahu sederhana dengan segala perlengkapan serba sederhana pula, maka bukan mustahil Orang Laut yang ada di perairan Riau juga berasal dari penduduk Kamboja, Thailand, Vietnam atau penduduk pesisir pantai dan penduduk daerah persekitaran sepanjang laut di Asia Daratan yang kemudian menyebar ke seluruh kawasan Nusantara, Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Philipina.

Penyebaran mereka diperkirakan bermula dari pesisir pantai Asia daratan menuju Malaysia, Indonesia dan Philipina mengikuti jalur laut tradisional di wilayah perairan Laut Cina Selatan. Kemudian mereka memutar balik secara melingkar melalui Laut Sulu, Laut Sulawesi, Selat Makasar, Laut Maluku, Laut Banda, Laut Flores, Laut Jawa dan Selat Karimata menuju ke Selat Melaka atau kembali ke Laut Cina Selatan. Hal tersebut sesuai dengan kebiasaan mereka sebagai pengembara laut yang tidak mempunyai tempat tinggal tetap, berkelana dari satu tempat ke tempat lain dalam setiap pergantian musim.

Sopher (1977: 92) membezakan antara Orang Darat dan Orang Laut. Orang Darat menurutnya adalah orang yang hidup di daratan sebagai petani dan pedagang. Sedangkan Orang Laut bermukim di perahu, di mana mereka hidup bersama

keluarganya. Kerana kehidupan mereka yang sentiasa berpindah-pindah dan mengembara di laut, maka Sopher menggolongkannya sebagai bangsa '*sea nomads*' dan '*sea gypsies*'.

Skeat dan Ridley (1900: 245) mengemukakan bahawa Orang Laut yang bertempat tinggal di Kepulauan Riau dan Lingga adalah bajak laut yang jahat yang menempati beberapa perahu dan mengembara sampai ke Siam dan Cochain Cina dalam ekspedisi bajak laut. Mereka bergerak secara melingkar dan berpindah-pindah tempat melalui pelayaran yang ditempuhnya di jalur-jalur laut tradisional (*traditional sea routes*) ke seluruh pesisir pantai dan gugusan pulau di Nusantara. Mereka semua dikenal sebagai Orang Laut yang hidup menjadi nelayan dan bajak laut. Mereka terdiri daripada beberapa kumpulan orang dan mempunyai nama suku yang sesuai dengan asal tempat di mana mereka tempati, seperti; Orang Galang, Orang mantang, Orang Mesuku, Orang Kuala dan sebagainya..

Menurut Mohamad Zen (2002: 57), peristiwa pembajakan yang masih diingat di kalangan Orang Laut hingga dewasa ini adalah pembajakan terhadap perahu layar dari mempaweh (Kalimantan Barat) yang dilakukan oleh Batin Drauh, tokoh legendaris di kalangan Orang Laut pulau Mengkakit. Drauh dikisahkan sebagai seorang tokoh dan pimpinan Orang Laut di Pulau Lintang. Bersama pengikutnya telah menangkap perahu layar dari Kalimantan yang berlayar di perairan Laut Cina Selatan. Perahu layar tersebut digiring ke Teluk Serai, semua penumpang dibunuh dan hartanya dirampas.

Orang Laut di Sungai Laut, seperti Gunawan (wawancara, Sungai Laut, 8 Mei 2013) membanggakan nenek moyang mereka bernama tok Drauh yang gagah perkasa menumpaskan kapal-kapal bangsa asing. Beberapa pengkaji melihat bahawa Drauh itu

seorang Bajak Laut yang kejam, dan Bajak Laut sebagai kejahatan. Akan tetapi di dalam pemikiran Orang Laut justru sebaliknya, mereka menganggap hal itu suatu kebaikan dan kejayaan, kerana mampu membela kerajaan. Dari penuturan Gunawan tersebut memberikan kesan bahawa Orang Laut yang wujud di Sungai Laut mempunyai hubungan dengan Orang Laut yang wujud di kawasan Kepulauan dan Kalimantan.

Dewasa ini kumpulan Orang Laut telah banyak menetap dan membina rumah-rumah di tepi-tepi pantai di berbagai kawasan sepanjang jalur perairan yang pernah mereka lalui dalam pengembaraannya. Setelah mereka bermukim di pulau-pulau dan hidupnya terpisah-pisah, maka lambat laun bahasa mereka pun menjadi berlainan pula, menjadikan bangsa dan bahasanya masing-masing. Terjadinya percampuran di antara mereka dengan penduduk tempatan membuat mereka lupa akan bahasa mereka sendiri. Hampir semua mereka menggunakan bahasa Melayu. Skeat dan Ridley (1900: 247) mengungkapkan bahawa tidaklah mudah untuk menemukan jejak daripada suku-suku ini pada masa sekarang kerana mereka sudah bersepadu dengan masyarakat Melayu. Mereka tidak hanya mengadopsi bahasa, namun juga kebiasaan-kebiasaan dan agama. Keadaan tersebut memiliki kesamaan dengan keadaan Orang Laut yang ada di Indragiri Hilir.

Dari huraian di atas dapat diperkirakan bahawa Orang Laut yang ada di Indragiri Hilir datang melalui kawasan Laut Cina Selatan melalui gugusan Pulau Tujuh dan sampai ke Selat Melaka dan hingga Teluk Berhala kemudian memasuki Sungai Indragiri dan menetap di teluk-teluk dan muara-muara sungai yang ada di sepanjang Sungai Indragiri. Hingga akhirnya mereka ada yang naik ke darat dan membangun rumah panggung di pinggir muara anak sungai yang ada di Sungai Indragiri, seperti

di Sungai Laut. Sarpan Firmansyah⁶ (Wawancara, 5 Mei 2013) mengakui dirinya sebagai Orang Laut adalah keturunan dari bangsa Proto-Melayu, dengan mengatakan bahawa “bangsa kami adalah sisa-sisa keturunan Proto-Melayu, iaitu Melayu Tua. Kami mempunyai ciri-ciri fizikal yang berbeza dengan masyarakat umum yang lain, dan kami mempunyai bahasa asli yang sebenarnya masih ada kedekatan atau kemiripan dengan bahasa Melayu sekarang, dan kami sebenarnya berasal dari seberang (Malaysia)”. Mereka memiliki kulit gelap (hitam) dan berbadan besar dan tinggi, hidung sedikit mancung, mata tidak besar dan tidak sipit serta rambut keriting. Orang Laut di kecamatan Tanah Merah pula dijumpai yang memiliki warna kulit putih tetapi rambutnya keriting hitam dan memiliki mata agak sepet, berbadan lebar besar, dada lebar dan tinggi Orang Laut rerata 160 - 180 m.

Gambar 3.1. Ciri-ciri Fizikal Orang Laut



Sumber: Observasi Lapangan Tahun 2012

⁶ Sarpan Firmansyah adalah ketua persatuan “Orang Duano” atau Orang Laut di Riau.

Kumpulan ini jumlahnya tidak banyak namun mereka pula wujud dalam kumpulan Orang Laut hanya yang membezakan mereka dengan yang lain adalah warna kulit dan matanya sahaja. Dalam masyarakat pula tetap menyebut mereka Orang Laut. Kumpulan ini tidak dijumpai di desa Sungai Laut, hanya dijumpai di desa Tanah Merah dan desa Tanjung Pasir. Akan tetapi ciri-ciri lainnya sama dengan Orang Laut yang lain, iaitu berbadan besar, kekar, tinggi dan berambut keriting.

3.3. Nama Orang Laut

Nama 'Orang Laut' adalah *exonym*, iaitu nama yang diberikan oleh orang luar. Pada hakekatnya nama tersebut menunjukkan tempat persekitaran di mana mereka tinggal. Seperti orang kampung, disebut orang kampung kerana orang tersebut tinggal di persekitaran kampung, orang kota kerana orang tersebut tinggal di persekitaran kota, orang gunung kerana orang tersebut tinggal di persekitaran gunung. Orang Laut disebut Orang Laut kerana mereka tinggal di laut dalam sampan dan mengembara di laut, serta melakukan semua aktivitinya dalam sampan. Kadang-kadang mereka menetap di teluk-teluk atau di kuala-kuala sungai (Adrian B. Lapian, 2009).

Nama Orang Laut juga tidak dapat dipisahkan dengan kemasyhuran dan kejayaan kerajaan Melayu, seperti kerajaan Melaka-Johor dan Riau Lingga. Kejayaan tersebut telah mengikutsertakan nama Orang Laut, keterlibatan Orang Laut dalam membela raja dan mengangkatnya sebagai tentara kerajaan di laut. Wheatley (1966: 83) memperkirakan bahawa Orang Laut telah mempunyai hubungan dengan kerajaan Majapahit pada abad XIV yang mempunyai kawasan kuasa yang sangat luas. Demikian juga Wolters (1975: 9-12) dalam penelitiannya menyebutkan bahawa sudah ada hubungan Orang Laut dengan Kerajaan Sriwijaya, seperti disebutkan juga dalam sejarah Melayu yang menceritakan tentang kedatangan Raja Tri Buana ke ujung tanah (tanjung)

untuk membuat negeri baharu yang dia sebut dengan nama Temasik. Kedua-dua kerajaan tersebut ada hubungkaitnya dengan keberadaan Orang Laut, sama ada pada masa kerajaan Majapahit mahupun Sriwijaya, kerana kedua-duanya mempunyai kuasa yang luas dan memiliki kawasan bahari yang luas, sehingga mustahil tidak mempunyai hubungan yang erat dengan Orang Laut (Adrian B. Lopian, 2009).

Sejarahwan menyatakan bahawa Selat Melaka sebagai jalur pelayaran terpenting di dunia dan dikatakan sebagai pusat utama jalur ekonomi dan budaya yang sangat strategik kerana dari sinilah pertemuan para saudagar ataupun pertemuan manusia yang berbeza-beza suku bangsa seperti bangsa Cina, India dan Arab untuk memasuki Selat Melaka sebagai pintu masuk kawasan Asia Tenggara.

Kerajaan Melaka berkembang menjadi negara maritim yang telah memainkan peranannya sebagai pusat perdagangan perantara dan memungut cukai perdagangan ataupun pajak yang ditarik daripada pedagang-pedagang asing menjadi tugas Orang Laut semasa itu (Hamid Abdullah, 1984: 5). Banyak lalu lintas peniaga di perairan Selat Melaka dijadikan sebagai kawasan untuk mencari nafkah dan mengabdikan kepada Kerajaan Melaka. Kerana sejak awal Kerajaan Melaka telah mempunyai hubungan yang sangat erat dengan keberadaan Orang Laut di pesisir pantai Selat Melaka. Pada waktu didirikan Kerajaan Melaka oleh Parameswara (1402-1511) di Sungai Bertam, telah berdiam Orang Laut yang hidup sebagai nelayan yang berjumlah 30 keluarga. Bersamaan penduduk asli inilah raja dan pengikutnya membina Kerajaan Melaka (Mughtar Lutfi, et.al. 1998: 39). Hal tersebut juga diungkapkan dalam Suma Oriental, Tome Pires bahawa dibangunnya Bandar Melaka karena bantuan dan kerjasama dengan Orang Laut. Sehingga pada saat Kerajaan Melaka Jaya, Orang Laut tetap menjadi perhatian oleh para penguasa Melaka, sesuai dengan keahlian mereka sebagai pelaut sejati, mereka

diangkat menjadi prajurit pengawal perairan di Selat Melaka. Walaupun Orang Laut mendapatkan kedudukan yang amat tinggi yang mencakupi hirarki sosial dan kuasa, demikian juga perempuan-perempuan Orang Laut pun ada yang dipersunting oleh sultan, kerana adanya kepercayaan dan kesetiaan yang padu dan kukuh antara seorang raja dengan rakyatnya (Zainal Abidin, 1984: 76; Adrian B. Lopian, 2009: 100-103). Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, kesetiaan Orang Laut terhadap Dinasti Melaka tidak pernah putus, mereka melakukan berbagai aktiviti dalam upaya membendung kapal-kapal Portugis, Belanda dan Inggeris yang melakukan intervensi dan monopoli perdagangan di kawasan tersebut. Tindakan mereka tersebut oleh pihak Barat dianggap sebagai tindakan yang negatif, walaupun dianggap sebagai perompak atau bajak laut yang ganas dan selalu mengganggu pelayaran di Selat Melaka dan Laut Cina Selatan.

Pada masa Kerajaan Johor, mereka tetap menjadikan mereka sebagai prajurit pengawal di perairan Selat Melaka. Walaupun pertahanan laut Kerajaan Johor semakin kuat setelah semua Orang Laut yang di bawah perintah Patih Ludang (seorang Batin) di Singapura diserahkan oleh Sultan Pahang (Sultan Muzaffar Shah pada tahun 1530) kepada Sultan Johor II, Sultan Alauddin Riayat Shah 1529-1564 (Buyong Adil, 1972: 48). Zainal Abidin (dalam Mohamad Zen, 2002: 77-78) mengungkapkan peristiwa tersebut seperti berikut:

Sampan-sampan yang digunakan oleh Orang Laut dihantar ke laut untuk meronda bukan untuk memberi kebenaran haluan tetapi untuk menghalang dan memusnahkan kapal atau pedagang yang berdagang dengan saingan Johor iaitu Belanda, serta memberikan perlindungan kepada pedagang yang ingin berdagang serta ingin mempergunakan pelabuhan-pelabuhan Johor.

Keterlibatan Orang Laut dalam Kerajaan Johor mulai berkurang ketika terjadi pergeseran kekuasaan antara Sultan Mahmud Shah II dari keturunan Dinasti Melaka dengan Abdul Jalil Shah IV dari keturunan Dinasti Bendahara. Hal tersebut dikeranakan

oleh kesetiaan mereka tetap kepada keturunan Dinasti Melaka yang dianggap sebagai keturunan yang sah untuk meneruskan pemerintahan kerajaan Johor. Ketika terjadi penyerangan terhadap Kerajaan Johor dari Raja Kecil yang berkuasa di Kerajaan Siak Sri Indrapura, untuk merebut tahta kerajaan Johor dari Sultan Abdul Jalil Shah, maka ramai orang Melayu Johor dan Orang Laut berpihak kepada Raja Kecil, kerana mereka percaya bahawa Raja Kecil adalah keturunan Sultan Mahmud Shah II (Buyong Adil, 1972: 75). Raja Kecil pun berhasil merebut kembali Kerajaan Johor dari Sultan Abdul Jalil Shah. Raja Kecil kembali memegang tahta dengan gelar Sultan dan Abdul Jalil pun dimaafkan dan diturunkan kembali pangkatnya menjadi Bendahara.

Pada tahun 1721 Sultan Sulaiman, putra Abdul Jalil Riayat Shah II dan dibantu oleh orang-orang Bugis, dapat merebut kembali Kerajaan Johor dari Raja Kecil. Kekalahan Raja Kecil ini menimbulkan perang berkepanjangan kerana dendam Raja Kecil untuk menegakkan kembali marwah Melayu dari Dinasti Melaka di Johor. Kekalahan tersebut dan perang yang berkepanjangan telah membuat Orang Laut menjadi kehilangan kepemimpinan dan loyaliti pada kerajaan yang baharu sehingga mereka pun kembali berpisah-pisah dan masing-masing ada yang tetap setia pada Raja Kecil dan mengikuti Raja Kecil ke Siak (Riau). Sehingga ditemui Orang Laut berada di Kuala Kampar, sekitaran pesisir Bengkalis dan Kabupaten Meranti. Hapusnya Kerajaan Johor-Melaka dari Kerajaan Melaka di Johor, hilang dan habis pulalah keterlibatan Orang Laut pada Kerajaan Melayu di sepanjang Selat Melaka.

Di kawasan Indonesia bahagian Timur, kumpulan Orang Laut lebih dikenal dengan sebutan Orang Bajau (Bajo) yang ditemukan di perairan Selat Makasar, Selat Bone dan Pulau Bajoe. Di daerah Nusa Tenggara Timur ditemukan di Pulau Alor dan sekitarnya. Di Kepulauan Banggai di sebelah Timur Sulawesi ditemukan di Teluk

Tomini. Di Maluku Utara mereka tersebar di Kepulauan Bacan, demikian juga mereka tersebar di sekitar Kalimantan Timur termasuk Sabah dan Kepulauan Sulu (Adrian, 2009: 149). Seperti penjelasan Gusni Saat tentang komuniti Samah-Bajau di kawasan Borneo, bahawa Orang Bajau secara umum digolongkan ke dalam masyarakat kajian minoriti di Asia Tenggara. Minoriti bukan sahaja merujuk kepada bilangannya yang kecil akan tetapi kerana status sosialnya berada pada lapisan terbawah dalam stratifikasi sosial masyarakat di Asia Tenggara (Gusni Saat, 2003: 11), Riedel (1881: 265) mengatakan bahawa Orang Laut dikenali sebagai Orang Bajau yang berasal dari Sulawesi. Kata Bajau berasal dari bahasa Dayak yang bererti bajak laut (suatu panggilan yang menyimpulkan pengaruh biadab). Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia, bajau diertikan sebagai sebutan untuk Orang Laut yang tinggal di pantai Sulawesi Barat dan Kalimantan Timur pada zaman dahulu, yang dikenal sebagai bajak laut (Anton Moeliono 1988: 69).

Tome Pires dalam *Suma Oriental* (dalam Mohamad Zen, 2002) melaporkan pengamatannya di antara tahun 1512-1515, mengenai keadaan Orang Laut yang bermukim di Kepulauan Maluku, Banda, sekitar Jawa dan sekeliling pulau Sumatra. Mereka menyerupai Orang Siam, mempunyai bahasa yang khas. Tome Pires juga mengemukakan tentang aktiviti Orang Laut yang melakukan pembajakan dan perdagangan budak di Jumaia⁷ dekat Pahang.

Jika dilihat keadaan Orang Laut yang sekarang dengan kajian tersebut di atas, maka tentu tidak akan dijumpai lagi Orang Laut yang hidup di dalam sampan, dan

⁷ Jumaia di dalam laporan Tome Pires dimaksudkan adalah Pulau Jumaja, berdasarkan letak kawasan yang beliau sebutkan Jumaia dekat Pahang, ertinya bahawa Pahang terletak di Semenanjung Malaya bahagian Timur berhadapan dengan Pulau Tioman dan Pulau Jemaja di Laut Cina Selatan. Pulau Jemaja pula dikenali sebagai pusat kedudukan Orang Laut. Pulau Jemaja pada masa kini berada dalam kawasan Kecamatan Jemaja, Riau Kepulauan Indonesia.

berpindah-pindah tempat tinggal serta melakukan semua aktivitinya dalam sampan atau Bajak Laut. Kerana semua Orang Laut sekarang ini sudah naik dan menetap di darat. Mereka hidup sebagaimana masyarakat lain, mereka mempunyai rumah dan melakukan aktiviti sosial seperti masyarakat Melayu yang ada di persekitaran mereka. Mereka juga sudah melakukan pelbagai bentuk mata pencarian yang berbeza dari nenek moyang mereka, seperti menjadi tukang (tukang rumah kayu/tukang rumah semen, tukang sampan/boat). Namun, mereka mempunyai ciri khas yang membezakan dengan Orang Darat atau masyarakat amnya iaitu; Pertama, orientasi yang tetap kuat pada laut; Kedua, pengetahuan dan keahlian tentang memburu binatang-binatang laut yang tiada tandingannya; Ketiga, pengetahuan dan keahlian mengharungi laut yang tidak peduli siang atau malam. Walaupun mereka sekarang telah hidup di darat dan memiliki mata pencaharian seperti Orang Darat, namun keahlian tersebut masih tetap mereka warisi.

Adrian B. Lopian (2009: 79) menyatakan bahawa sebuah nama baharu telah muncul dalam kepustakaan ilmiah sejak dasawarsa 1970-an, Orang Duanu atau suku Duanu. Mereka memilih nama tersebut untuk kumpulan mereka, iaitu “Orang Duanu” bertujuan untuk membezakannya dengan Orang Laut di tempat lain. Mereka merasa bahawa mereka bukan lagi Orang Laut yang hidup di Laut, mereka sekarang sudah hidup bertempat tinggal di darat, dan mereka sudah mempunyai budaya yang berbeza dengan Orang Laut yang lain. Sarpan sebagai ketua Perhimpunan Orang Duanu (Orang Laut) di Riau dan ketua Persatuan KAT Indragiri Hilir serta pemuda-pemuda Orang Laut yang ada di Indragiri Hilir dan yang sedang mengikuti pendidikan di ibu negeri bersepakat untuk menggunakan nama “Duanu” sebagai panggilan kepada semua Orang Laut yang ada di Indragiri Hilir, kerana mereka ingin membezakan kumpulan Orang Laut yang ada di Indragiri Hilir dengan Orang Laut yang ada di Riau Kepulauan. Orang Laut yang ada di Riau Kepulauan sebahagian kecil sahaja yang beragama Islam,

selebihnya menganut kepercayaan nenek moyang mereka dan sebahagian lagi beragama Kristen, mereka juga masih makan babi, ikan hiyu dan lain-lain. Sarpan menjelaskan bahawa “jumlah Orang Laut di Riau 10.000 jiwa dalam tahun 2012 dan ia menyatakan bahawa Orang Laut di Riau pada umumnya dan di Indragiri Hilir khususnya semua beragama Islam”.

Dari perbezaan tersebut akhirnya para pemuda Orang Laut di Riau menaja sebuah seminar “Peningkatan Sumber Daya Orang Laut” pada 14 Mei 1993 di Pekanbaru. Dalam seminar tersebut Sarpan mensosialisaikan nama “Orang Duanu” untuk sebutan kumpulan mereka. Nama ini dikukuhkan pada “Pertemuan Akbar Orang Laut se Riau di Tembilahan Indragiri Hilir pada tgl 9-10 Julai 2013. Pertemuan akbar tersebut dihadiri oleh Bupati Indragiri Hilir DR. H. Indra Mukhlis Adnan, SH, MH.

Menurut Sarpan (Wawancara, 2012), kata ‘Duanu’ berasal dari bahasa Belanda ‘*duane*’ yang mempunyai makna “cukai”. Kerana menurut sejarahwan, Orang Laut pada zaman Kerajaan Melaka-Johor dan Riau Lingga bertugas memungut cukai (*duane*) kepada setiap kapal asing yang datang berlabuh. Orang Belanda pun sering memanggil mereka dengan sebutan ‘*duane*’. Ada beberapa macam penyebutan serta penulisan kata ‘*duanu*’ ada yang menuliskannya dengan ‘*duanu*, *duane* dan *duano*’, namun semuanya mempunyai maksud yang sama dengan pengertian di atas, iaitu ‘pemungut cukai’. Mereka menganggap nama ini lebih baik dan lebih mulia daripada nama Orang Laut.

Sebenarnya pada masa kejayaan Melaka Orang Laut mempunyai beberapa macam nama atau panggilan kepada kumpulan tersebut antaranya Rakyat Laut. Nama ini disebut seperti itu untuk membezakan mereka dengan rakyat biasa pada umumnya, kerana rakyat umum membayar cukai, sedangkan Orang Laut atau ‘Rakyat Laut’

dibebaskan daripada membayar cukai, tetapi mereka memberikan tenaga ketika raja memerlukan tenaga mereka di laut. Nama lain lagi adalah 'Orang Kerahan'. Nama ini diberikan kepada Orang Laut kerana mereka orang-orang yang dikerahkan oleh raja untuk bermacam-macam pekerjaan di laut, seperti menjadi pendayung sampan raja dan mengawasi kapal-kapal asing memasuki kawasan kerajaan dan lain-lain.

3.4. Sistem Kekeabatan Orang Laut

Sistem kekeabatan adalah sesuatu yang bersifat universal dalam proses pembentukan kumpulan sosial pada setiap kehidupan masyarakat. Kerana ia mengandungi pengaturan-pengaturan dalam kumpulan dan keterikatan struktur berdasarkan keturunan dan perkahwinan, sehingga setiap kekeabatan mempunyai ikatan yang sangat erat. Fox (1996: 13) menyatakan bahawa "*in many societies, both primitive and sophisticated, relationships to ancestors and kin have been the key relationships in the social structure, they have been the pivot on which most intractions, most claims and obligation, most loyalties and sentiments, turned*". Setiap kumpulan masyarakat, sama ada masyarakat primitif ataupun moden mereka pasti mempunyai kekeabatan dan dengan kekeabatan mereka mempunyai ikatan yang menjadi kunci hubungan dalam kumpulannya.

Demikian juga halnya dengan Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah. Mereka mempunyai sistem kekeabatan yang bersifat *bilateral* atau *double descent*, iaitu membuat garis kekeabatan melalui dua garis keturunan, iaitu mengikuti garis keturunan ibu (isteri/perempuan) dan juga garis keturunan bapak (suami/lelaki). Impak dari sistem tersebut menjadikan kedua belah pihak, iaitu ibu bapak mempunyai tanggung jawab yang sama dalam mengendalikan ekonomi keluarga. Hal ini dapat dibuktikan dalam kehidupan keluarga Orang Laut bahawa antara suami dan isteri sama-sama mencari

nafkah. Perempuan Orang Laut juga ikut mengambil kerang, walaupun harus turun di malam hari. Jema'ah menyatakan bahawa pada tahun 1970-an kami masih mendayung sampan pergi mengambil kerang, bahkan kami silih berganti dengan suami mendayung, tapi anak sekarang lain, dia malu (wawancara, 2013). Sistem bilateral juga memberikan kedudukan yang sama antara kerabat pihak suami dengan pihak isteri, tidak ada yang dibezakan.

Adapun bentuk perkahwinan dalam masyarakat Orang Laut sudah bercorakkan Melayu. Bahkan perkahwinan yang mereka lakukan telah mengikuti persyaratan perkahwinan Islam. Sebelum melaksanakan pernikahan mereka melakukan proses tertentu yang mirip dengan proses lamaran dalam masyarakat Melayu, langkah-langkah tersebut seperti berikut:

- i. *Nyebet*, iaitu melamar. Jika seorang pemuda Orang Laut sudah menyukai seorang gadis Orang Laut, ataupun kedua-duanya sudah saling suka (mencintai) dan diketahui oleh orang tua mereka, maka pihak lelaki datang *nyebet* (melamar) ke rumah orang tua anak perempuan yang disukai oleh anaknya. Adakalanya bukan orang tuanya langsung yang datang ke rumah perempuan akan tetapi diwakili oleh orang yang dituakan dalam keluarga tersebut. Boleh jadi paman dari pihak ayah atau dari pihak ibu atau dari dalam kumpulannya yang dianggap berpengalaman dalam hal mengurus orang *nyebet*. Kebiasaan sebelum melamar, keluarga pihak lelaki memberi kabar terlebih dahulu bahawa mereka akan datang bersama keluarga, dan bisik-bisik mengenai maksud kedatangannya tersebut. Pihak keluarga perempuan pun akan mengumpulkan keluarga terdekat untuk menerima tamu yang datang tersebut. Adapun jawapan melamar ada dua bentuk, jika anak perempuan tidak saling mengenal atau dijodohkan, maka jawapan lamaran akan ditunda dan menunggu kabar daripada pihak keluarga dan anak perempuannya. Sebaliknya, jika mereka

sudah saling kenal ataupun sudah mempunyai hubungan percintaan, maka jawapan lamaran adalah pada masa lamaran selesai dilakukan. Seterusnya ditentukan pula pertemuan berikutnya dan sekalian antar belanjanya pun sudah diberitahukan.

- ii. *Bertunang* (bertunangan), iaitu suatu aktiviti yang sifatnya memberi kabar kepada orang ramai bahawa anak mereka sudah terikat perjanjian akan menikah. Biasanya pada saat bertunang pihak keluarga lelaki membawa seperangkat cincin tanda ikatan, dan ada sebarang makanan tanda kasih. Pihak keluarga perempuan menyediakan jamuan makan dan mengundang karib kerabat dan handai taulan untuk menyaksikan pertunangan anaknya.
- iii. *Ntet Belanja* (Menghantar Belanja), iaitu menyerahkan wang belanja daripada pihak lelaki kepada pihak perempuan. *Ntet belanja* ini biasanya berlangsung bersamaan dengan acara bertunang. Akan tetapi ada juga yang mengadakan acara yang berasingan daripada acara bertunang, semuanya bergantung kesepakatan daripada kedua belah pihak. Adapun barang-barang yang dibawa oleh pihak lelaki ketika menghantar belanja itu berupa wang, buah-buahan, kue besar, sepatu atau slipe, baju satu set dengan sarung, pakaian dalam lengkap, dan lain-lain sesuai dengan kemampuan pihak lelaki.
- iv. *Nikah* (perkahwinan), iaitu menurut syarak adalah *ijab* dan *kabul* ('aqad) yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan wanita yang diucapkan oleh kata-kata yang menunjukkan nikah menurut peraturan yang ditentukan Islam. Orang Laut melakukan nikah di depan Penghulu atau Ketua Urusan Agama (KUA), sama seperti orang Islam yang ada di persekitaran mereka.
- v. *Besandeng* (bersanding), iaitu kedua mempelai duduk berdua di pelaminan (tempat yang sudah disediakan khas untuk pengantin) dengan menggunakan baju pengantin Melayu, iaitu baju kebaya panjang dan mahkota di atas kepala. Sedangkan pengantin

lelaki memakai baju kurung teluk belanga. Sekarang kebanyakan pengantin lelaki memakai sut, dan perempuan menggunakan gaun putih dengan mahkota di kepala.

Dari penjelasan di atas dapat diketahui bahawa proses perkahwinan Orang Laut tidak jauh berbeza dengan Orang Melayu, hanya yang tidak mereka lakukan adalah khatam al-Quran. Bagi keluarga Orang Laut yang kaya dan mempunyai anak yang berpendidikan, maka ketika anaknya akan menikah mereka mengadakan khatam al-Quran sepertimana halnya orang Melayu. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Skeat dan Ridley (1900: 247) yang menyatakan bahawa Orang Laut telah berbaur dengan masyarakat Melayu dalam tempoh masa yang sangat lama, sehingga mereka mengadopsi hampir semua aspek kehidupan orang Melayu, mulai dari bahasa, kebiasaan-kebiasaan bahkan juga agama. Setelah perkahwinan, biasanya pasangan pengantin baharu tinggal bersama dengan orang tua mereka. Setelah mereka mampu membina rumah sendiri atau menyewa rumah barulah mereka berpindah.

Orang Laut ketika hidup di dalam sampan, jika akan melakukan perkahwinan mereka naik ke darat dan menikah di hadapan penghulu. Pesta perkahwinan dilakukan di darat di tepi pelabuhan atau jerambah dan mereka minum arak sambil berjoget dan menyediakan makanan sekadarnya sahaja. Setelah pesta mereka turun dan tetap tinggal dalam sampan yang telah disediakan oleh orang tua mereka. Jadi, pasangan pengantin langsung terpisah dari orang tuanya dan demikian juga dalam pengembaraan selanjutnya, mereka sendiri yang menentukan mahu ikut siapa atau mahu pergi kemana sepenuhnya sudah menjadi hak dan keputusannya sendiri, demikian diceritakan oleh Sarun (wawancara, 2012).

Data terbaru yang ditemukan di lapangan bahawa Orang Laut yang melakukan perkahwinan campur sudah mengalami kemajuan, kerana mereka sudah mula menyebar dan mencari tempat tinggal yang mereka inginkan bersama. Sangat berbeza dengan generasi sebelumnya yang tetap tinggal dalam lingkungan Orang Laut. Sekarang ini mereka tidak lagi tinggal di lingkungannya, tetapi sudah banyak yang tinggal di RW lain, khususnya yang terjadi di Tanjung Pasir dan Tanah Merah. Demikian juga mata pencaharian, mereka yang menikah campur kebanyakan tidak berprofesion sebagai pencari kerang atau menongkah, kebanyakan mereka berdagang dengan membuka kedai-kedai runcit atau warung minuman dan sebagainya. Adapun bilangan Orang Laut yang sudah melakukan pernikahan campur dengan suku lain dapat dilihat pada jadual di bawah ini:

Jadual 3.1. Perkahwinan Campur Orang Luar

NO	Kampung/Desa	Bilangan Penduduk Berdasakan Ketua Keluarga	Perkahwinan Sesama Orang Laut	Perkahwinan Campur
1.	Sungai Laut	166	122 (73,49%)	44 (26,51%)
2.	Tanjung Pasir	180	111 (61,67%)	69 (38,33 %)
3.	Tanah Merah	99	47 (47,47%)	52 (52,53 %)
	Jumlah	445	280 (100%)	165 (100%)

Sumber: Hasil Kajian Lapangan Tahun 2013

Jadual di atas memperlihatkan dengan jelas bahawa telah terjadi perkahwinan campur antara suku Orang Laut dengan suku-suku yang ada di persekitaran mereka. Seperti yang terlihat di atas bahawa di Desa Sungai Laut terdapat 44 pasang (26.5 peratus) keluarga Orang Laut yang menikah dengan orang luar. Mereka yang menikah

dengan suku luar tersebut tetap tinggal di persekitaran orang tua mereka. Ertinya, mereka membawa pasangan mereka masuk ke dalam kumpulan mereka. Orang Laut yang ada di kampung Sungai Laut masih menggunakan bahasa Orang laut dalam kesehariannya, sehingga anak-anak mereka masih banyak yang mengerti dengan bahasanya dan sebahagian besar masih pandai menggunakannya. Demikian juga halnya dengan Desa Tanjung Pasir terdapat 69 pasang (38.4 peratus) Orang Laut yang hidup berdampingan dengan suku lain, namun mereka tetap dominan berada di tiga RT, iaitu RT I, III dan V. Mereka yang menikah campur pada awalnya mereka tetap tinggal di persekitaran orang tua mereka, ertinya mereka tidak berani keluar daripada kumpulan mereka. Anak-anak mereka pada amnya mengikuti pendidikan dan mereka pun menisbahkan anak-anak mereka kepada orang tua mereka yang bukan Orang Laut untuk menunjukkan kebanggaan mereka mendapatkan suami bukan Orang Laut. Sedangkan di Desa Tanah Merah pernikahan campur merupakan pernikahan yang paling disenangi dan bilangannya pun paling banyak dibandingkan dari dua desa yang lain, iaitu bejumlah 52 pasang (54.5 peratus) orang. Pada umumnya pemuda dan pemudi Orang Laut menikah dengan orang luar, sama ada anak lelaki mahupun perempuan dikeranakan anak-anak mereka telah sangat terbuka dengan pihak luar. Mereka bersekolah, pergi mengaji atau ke tempat-tempat peribadatan secara bersama-sama sehingga mereka merasa sudah tidak ada batas dengan orang lain.

Perkahwinan campur ini menimbulkan impak yang sangat besar ke atas sistem sosiobudaya Orang Laut. Dengan terjadinya perkahwinan campur kebanyakan anak-anak yang mereka lahirkan tidak mahu lagi mengaku sebagai Orang Laut, mereka bangga jika memiliki ayah atau ibu yang bukan Orang Laut. Demikian juga dengan bahasa Orang Laut, mereka malu untuk memakai bahasa Orang Laut, sehingga sekarang ini meskipun orang tua mereka Orang Laut, namun anak-anak mereka tidak ada yang

mahu menggunakan bahasa Orang Laut. Hanya orang tua-tua mereka sahaja yang menggunakan bahasa Orang Laut jika bertemu sesamanya. Di dalam keluarga, khasnya orang tua yang masih pandai berbahasa Orang Laut sebenarnya tetap menggunakan bahasa mereka, namun kalangan remaja mereka tidak menjawab dengan bahasa Orang Laut melainkan menggunakan bahasa Melayu. Pasangan keluarga muda Orang Laut yang ada di Tanah Merah pada amnya tidak pandai berbahasa Orang Laut lagi. Mereka lebih menyukai bahasa Melayu daripada bahasanya sendiri, amnya di Desa Tanah Merah anak-anak mahupun remaja Orang Laut sama sekali tidak menggunakan bahasanya dalam pergaulan keseharian mereka, seperti dalam bermain dan apalagi di sekolah. Salbiah (64 tahun) yang tinggal di kampung Tanah Merah masih mampu menyanyikan lagu-lagu Orang Laut zaman dahulu, jika ada pesta Orang Laut ia diminta untuk tampil bernyanyi dengan bahasa Orang Laut, akan tetapi anak-anak remaja Orang Laut menolak dan mengolok-olokkannya (ponakan-ponakannya), dan sering mentertawakannya. Anak-anak remaja Orang Laut malu mendengarkan lagu-lagu yang berbahasa Orang Laut, sehingga hampir semua remaja Orang Laut tidak lagi mengetahui adanya lagu-lagu Orang Laut (wawancara, 2013)⁸. Perkahwinan campur pula sudah banyak berlaku dalam keluarga Orang Laut, sehingga mereka hampir tidak mempersoalkannya lagi. Demikian pula halnya dalam penggunaan bahasa harian dalam keluarga, Orang Laut sudah jarang menggunakan bahasa Orang Laut, kerana keluarga mereka sudah banyak yang melakukan perkahwinan campur dengan suku lain. Jika telah terjadi kawin campur dengan suku luar biasanya anak-anak mereka tidak menganggap dirinya Orang Laut lagi walaupun mereka masih bertempat tinggal di persekitaran Orang Laut. Mereka akan mengambil suku orang tua mereka yang bukan Orang Laut, mereka tidak melihat bapak atau ibu mereka, yang penting salah satu dari

⁸ Wawancara dengan Patia (57 tahun) salah satu tokoh perempuan Orang Laut yang ada di Desa Tanah Merah, beliau memiliki banyak pengalaman dan sangat menguasai bahasa Orang Laut bahkan masih boleh menyanyikan lagu-lagu Bahasa Orang Laut.

orang tua mereka orang luar maka mereka akan menisbahkan dirinya pada suku luar ibu atau Bapaknya yang bukan Orang Laut. Misalnya, ibunya orang Minang dan bapaknya Orang Laut, maka anaknya akan menganggap dirinya orang Minang, demikian juga jika ibunya Orang Laut dan bapaknya orang Bugis, maka anaknya akan menganggap dirinya orang Bugis.

3.5. Agama dan Kepercayaan Orang Laut

Orang Laut yang ada di Indragiri Hilir pada umumnya dan Kecamatan Tanah Merah khususnya semua beragama Islam. Dari sejak awal kedatangan Orang Laut di perairan Sungai Indragiri mereka sudah mengaku beragama Islam. Hal ini seperti yang diungkapkan oleh Nawawi (wawancara, tahun 2013):

Bahawa ketika Orang Laut masih hidup di dalam sampan, mereka sudah mengaku Islam, mereka sudah melaksanakan khitan, mereka menghantar anak mereka kepada penghulu jika akan menikahnya, mereka tidak membawa anjing, juga tidak memakan babi. Jika kami menguji mereka tentang kebenaran pengakuan keislamannya kami suruh mereka syahadat, mereka katakan *syahadat due ha*? ada yang bisa membaca dan kebanyakan dari mereka tidak mampu mengucapkannya. Mereka juga tidak melaksanakan shalat dan juga tidak puasa, tidak pandai mengaji dan sebagainya, mereka hanya mengaku Islam. Hidup dalam sampan sebenarnya sangat sulit bagi mereka menjalankan syariat Islam.

Hal ini menunjukkan bahawa Orang Laut sudah mengaku dirinya beragama Islam sejak mereka hidup dalam sampan, sehingga anak keturunannya pun mengaku dirinya beragama Islam. Namun sebagaimana umumnya diketahui oleh masyarakat bahawa mereka hanya mengaku sebagai orang Islam, akan tetapi mereka belum menegakkan ajaran Islam yang sebenar pada saat itu. Kehidupan dalam sampan membuat mereka kesulitan untuk mempelajari agama Islam secara baik, sehingga pemahaman terhadap agamanya kurang dan masih ada pengaruh-pengaruh kepercayaan nenek moyang mereka. Namun anak-anak mereka yang lahir mereka khitan, mereka naik ke darat dan meminta orang kampung mengkhitankannya. Umumnya orang

kampung memiliki belas kasih kepada mereka, jika mereka meminta bantuan yang berkaitan dengan agama Islam masyarakat ramai mahu menolong mereka.

Keislaman Orang Laut secara am erat kaitannya dengan aktiviti politik dan ekonomi yang terjadi di sepanjang selat Melaka pada masa kerajaan Islam Melayu. Bermula dari kerajaan Melaka, Johor-Riau, Riau-Lingga, Siak Sri Indrapura dan kerajaan Indragiri seperti dikisahkan dalam sejarah Riau. Muchtar Lutfi (1998), menyatakan bahawa Orang Laut dengan para pembesar kerajaan Melaka terlibat langsung dalam proses Islamisasi kepada seluruh rakyat dan memberi pengaruh secara langsung kepada Orang Laut, di mana pada masa itu Orang Laut sebagai prajurit-prajurit laut yang sangat setia terhadap kerajaan Melaka. Mereka adalah askar kerajaan Melaka pada masa kejayaan Melaka. Zainal Abidin (1984: 76) juga menjelaskan bahawa Orang Laut mendapatkan kedudukan yang amat tinggi yang mencakupi hirarki sosial dan kuasa, kerana adanya kepercayaan dan kesetiaan yang padu dan kukuh.

Namun kerana mereka hidup terpisah-pisah akibat dari situasi politik setelah jatuhnya kerajaan Melaka di tangan penjajah membuat mereka terpecah-pecah dan jauh dari kehidupan masyarakat luas yang mengakibatkan mereka terpulau. Pada masa itu juga, mereka terus berkembang dan meneruskan kehidupan di laut dalam sampan-sampan sehingga mereka pun sudah tidak terlalu peduli pada ajaran agama kerana situasi tersebut. Pemahaman terhadap agama pun sudah mula hilang sehingga terjadilah perpindahan (konversi) agama dalam kehidupan mereka.

Sitti Rahmah (2011: 73-75) menjelaskan bahawa Orang Laut walaupun sudah mengaku beragama Islam, namun masih mempunyai kepercayaan terhadap roh-roh nenek moyang yang mereka gambarkan dalam pelbagai bentuk makhluk halus yang

menduduki seluruh alam sekitar mereka, seperti di tanjung-tanjung, teluk, kuala, laut, sungai dan di darat. Makhluk-makhluk halus yang diyakini tersebut mereka sebut dengan “hantu”. Hantu tersebut seperti manusia yang sentiasa mengikuti dan mengganggu manusia, dikenali dengan hantu laut, hantu batu, hantu jeram atau mereka sebut juga orang tanah, orang tanjung dan orang teluk. Hantu tersebut dipercayai berasal daripada jiwa orang yang sudah meninggal dunia. Mereka meyakini bahawa roh manusia yang mati itu meninggalkan jasadnya kemudian menjadi makhluk halus yang mengikuti manusia. Jika manusia itu mati dalam keadaan tidak baik, maka rohnya akan menjadi hantu, sepertimana mereka mengenali hantu kuntilanak iaitu hantu yang berasal daripada manusia (wanita) mati ketika melahirkan. Hantu ini akan berkeliaran di malam hari dan mencekik manusia khasnya orang lelaki. Hantu dukang, iaitu hantu dari roh anak kecil yang belum masanya lahir seperti ibu hamil yang keguguran, roh anak itu menjadi hantu dan akan menghisap darah orang-orang dewasa yang ditemuinya. Kemudian hantu polong, iaitu hantu yang berasal dari roh orang mati yang mana masa hidupnya sering menggunakan ilmu pamanis, maka setelah mati rohnya akan menjadi hantu polong yang mencekik orang di malam hari.

Orang Laut juga percaya terhadap benda-benda tertentu yang memiliki kekuatan gaib. Seperti tulang ikan Hiu dan sisik ikan tertentu. Tulang ikan dikeringkan sedemikian rupa, sehingga dibersihkan dan menjadi benda antik, kemudian mereka jadikan kalung atau gelang anak-anak, gunanya untuk menangkal makhluk-makhluk halus yang mengganggu anak-anak kecil. Dengan menggunakan benda-benda tersebut, maka anak-anak akan terhindar daripada hal-hal yang membahayakan jiwa mereka.

Namun, semua kepercayaan tersebut sudah tidak begitu berpengaruh lagi ke atas Orang Laut sekarang. Anak-anak mereka sudah mempunyai pemahaman keagamaan

yang lebih baik berbanding orang tua mereka pada amnya. Seperti kepercayaan terhadap hantu, bagi anak-anak itu diyakini hanya untuk menakut-nakuti mereka sahaja agar mereka tidak keluar malam. Jika anak-anak mereka menangis, ibu bapa akan mendiamkan yang menangis itu dengan menyebut “*nangislah teros, tu ada hantu dukang hisap darah kau*”, sehingga anak-anak mereka akan segera diam. Hal tersebut juga digunakan ketika mereka berkelahi, dan untuk memaki orang atau lawan mereka mengucapkan kata-kata “hantu kau”. Jadi, sekarang istilah hantu menjadi istilah untuk menunjukkan sesuatu kemarahan dan sebagainya.

Campur aduk keyakinan tersebut dapat dimaklumi, kerana kehidupan Orang Laut yang cukup lama dalam sampan dan tidak adanya pencerahan keagamaan sehingga pengetahuan keagamaan mereka cetek dan menjadi bercampur aduk dengan keyakinan nenek moyang. Namun, penerimaan mereka terhadap Islam sebagai satu-satunya agama yang mereka anuti juga dapat diakui kebenarannya, terutama jika dilihat daripada aspek tingkah laku dan ucapan mereka.

Dalam aspek yang lain juga boleh kita jadikan pijakan bahawa Orang Laut dari dahulunya sudah pernah mengenal Islam buktinya berdasarkan bacaan-bacaan mantera perubatan Orang Laut dengan menggunakan kalimat-kalimat al-Quran atau zikir-zikir Islam. Hal ini dapat dibuktikan pula dari temubual penulis dengan Mak Jemaan atau sering dipanggil mak Bi’ah 68 tahun (Tanjung Pasis, 15 Julai 2012), yang mendapati warisan dari orang tuanya berupa mantera-mantera yang dia gunakan untuk mengubati orang sakit, dan mengajarkan anak-anaknya mantera untuk bersolek, mantera untuk kecantikan dan lain-lain; (lihat Sitti Rahmah, 2001:81). Mantera tersebut adalah seperti berikut;

(1) Mantera Untuk Mandi

Tedong berkokok dalam tiang
Satu menjadi dua
Ayam berkokok Ari Nyak siang
Aku makai tongkat ali mude
Aku makai tongkat Allah
Aku makai tongkat nabi Muhammad
Tegak teguh uratku luar dalam
Cahaya Allah di mukeku
Jadi turun di badanku

(2) Jampi Angin

Bismillah
Air zam-zam menjadikan Allah
Pohon dingin tengah padang
Melalui rumpun padi
Sejukkan dingin air
Allah datang buang angin
Semuanya ilang semuanya sekian
Tumbuh badanku turun angin
Naik sekian tawa berdoa lailaha illallah
Muhammad darasulullah

(3) Tawa Kebas

Air zam-zam jadikan Allah
Lipas hitam di dalam pandan
Sejukkan dingin air Allah datang
Buang angin buang kebas
Kering di dalam tubuh
Turunlah kebas naikkan tawa
Berkat doa lailaha illallah
Muhammad darasulullah

(4) Mantera (Penawar) Pemanis

Bismillah...
Pancung Buluh atas bukit
Gunung segantam di tengah laut
Dari jauh senyum sedikit
Berkat aku memakai kerindangan nabi Daud
Bukan kata aku, tapi kata Allah
Bukan kuasa aku, tapi kuasa Allah
Kuuurr semangat si anu....
Tunduk kasih sayang si anu....
Kepada ku
Berkat Lailaha Illallah

Mohamad Zen (2002: 238) juga memaparkan dalam penelitiannya tentang masyarakat Mesuku atau disebut juga Orang Laut yang ada di Kabupaten Kepulauan Riau bahawa mantera-mantera yang digunakan tersebut memiliki nuansa keislaman. Hal tersebut mirip dengan mantera-mantera yang digunakan Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah. Hanya berbeza fungsi, iaitu mantera berupa penawar penyakit rusuk seperti berikut:

(5) Penawar Penyakit Rusuk

Bismillah

Tak nama Bapak tak nama Mak

Ku tikam pagi Kucabut Pagi

Kutikam petang Ku cabut Petang

Kutikam benci ku tikam dengki

Pulang kau dengki

Ku tau kau penyakit rusuk

Kau baliklah ke kayu Ara di bukit yang rindang

Kau naik tawa, kau turun bise

Bukan aku punya penawa

Tawa Allah, tawa Muhammad

Berkat Allah, ya Rasulullah (Muhammad Zen, 1993: 238)

Dari mantera-mantera tersebut dapat dijadikan pijakan bahawa Islam secara umum sudah diterima oleh nenek moyang mereka yang asal. Namun, kerana kehidupan yang berpindah-randah dan terpulau mengakibatkan mereka menjadi tidak mengetahui lagi isi ajaran agama dan mereka tidak pernah menambah pengetahuan keislaman. Khusus Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah sangat mengakui dan merasa yakin bahawa mereka benar-benar Islam.

Sekitar tahun 1980-an, didapati sudah tidak ada lagi Orang Laut yang tinggal di sampan, semuanya sudah naik ke darat dan menetap bersama keluarga di darat. Saat ini anak-anak Orang Laut ikut belajar mengaji, kerana rumah mereka berdekatan dengan rumah-rumah masyarakat lain seperti orang Melayu, Bugis dan Banjar. Anak-anak

mereka belajar ke rumah orang Bugis, Banjar dan Melayu. Ada juga yang diambil anaknya untuk bekerja di rumah orang Banjar atau Bugis dan mereka dididik dengan pendidikan agama Islam hingga mampu mengaji, shalat, puasa dan sebagainya.

Tanah Merah pada masa tersebut terdapat Orang Laut yang dikenali sebagai orang kaya, H. Selamat. Namanya sangat dikenali di kalangan Orang Laut, kerana ia banyak menyantuni sesama Orang Laut. Dia terlibat dalam menggerakkan aktiviti keagamaan di Tanah Merah, beliau membina sebuah Masjid khusus untuk mengajak Orang Laut shalat. Hingga sekarang Masjid tersebut masih kekal, dan kini bersebelahan masjid didirikan pesantren khusus untuk anak Orang Laut (Duanu) belajar agama Islam. Masjid ini sekarang tidak lagi khusus Orang Laut yang shalat, akan tetapi sudah digunakan oleh semua orang Islam. Namun, masyarakat tetap menyebutnya Masjid Orang Laut, kerana dibina oleh Orang Laut. Sebenarnya masjid tersebut namanya masjid Nurul Iman.

Semenjak mereka tinggal di darat, mereka pula mengikuti aktiviti keagamaan yang disediakan seperti anak-anak mereka mengaji dan menguasai Al Qur'an. Dalam aktiviti keagamaan, Orang Laut dengan masyarakat Islam lain bekerjasama, khasnya pada bulan Ramadhan untuk menyempurnakan amalan sepanjang bulan tersebut.

Tanah Merah dalam tahun 1930-an sudah ada beberapa Orang Laut yang tinggal di darat, tiga orang tersebut dikenali sebagai orang pertama naik ke darat, Ibrahim, Jouhari dan Banang mereka ini sudah memeluk agama Islam. Ketiga-tiga tokoh ini sebenarnya memberikan pengaruh kepada Orang Laut yang saat itu masih hidup di sampan. Dalam kehidupan bidang agama khasnya, beliau sering memberikan nasihat untuk hidup yang baik, seperti untuk berhenti meminum arak dan mengawasi Orang

Laut agar tidak terjadi pergaduhan samada sesama Orang Laut mahupun kepada orang lain.

3.6. Kegiatan Ekonomi Orang Laut

Mata pencarian Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah pada umumnya adalah sebagai nelayan. Mereka mencari Ikan dan bermacam-macam jenis binatang laut, misalnya udang, udang nenek⁹ (*lobster*), blangkas, kupang hijau, kupang putih, kupang hitam, tripang, lokan, kerang, siput, tiram dan lain-lain. Mereka sangat mahir dalam mencari kerang dengan menggunakan alat yang dikenal "*papan tongkah*" alat tersebut dibuat sendiri kerana tidak ada dijual di pasar, dapat dikatakan alat tersebut sebagai sebahagian daripada budaya mereka. Adapun bahan '*papan tongkah*' terbuat dari kayu Resak atau kayu Meranti yang diperoleh sendiri dari hutan, kemudian di belah dan rapikan sehingga menjadi pipih dengan ketebal 2 cm, lebar 75 cm dan panjang 1.5 m. Bahagian hujung depan dan belakang papan tongkah sedikit melentik ke atas untuk memudahkan meluncur di atas lumpur. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada gambar berikut ini:

Gambar 3.2. Gambar Papan Tongkah dan Cara Penggunaan



Sumber: Hasil Observasi Lapangan 2013

⁹ Udang nenek dikenali sebagai udang ketak atau udang lipan dikalangan masyarakat Malaysia.

Gambar: 3.3. Orang Laut Yang Sedang Menongkah




Sumber: Hasil Observasi Lapangan Tahun 2013

Dari gambar di atas dapat dilihat cara Orang Laut menggunakan papan tongkah untuk mencari kerang. Pengetahuan menongkah diwariskan secara turun temurun dan hanya diketahui oleh Orang Laut sahaja. Jika seseorang tidak mempunyai pengetahuan tentang cara menongkah akan tenggelam dalam lumpur dan sukar bergerak atau bahkan tidak boleh bergerak sama sekali. Gerakan dalam menongkah harus lincah maju dan mundur untuk mendapatkan atau menemukan kerang, udang nenek, kupang dan lain-lain yang dikumpul dalam keranjang atau karung yang telah disediakan. Jika *penongkah* tidak boleh menjaga keseimbangan, maka kerang yang sudah terkumpul akan tumpah. Pekerjaan *menongkah* boleh dikatakan sukar (berat) bagi orang lain. Kerajaan (pemerintah) mengiktiraf kegiatan menongkah Orang Laut sebagai suatu kearifan lokal, kerana semasa menongkah mereka tidak merusak lingkungan khasnya kerang dan binatang lain yang mereka buru, mereka menjaga kepupusan dengan tidak mengambil telur ataupun kerang yang masih kecil. Padang lumpur atau pantai lumpur sebagai ladang dan sumber kehidupan Orang Laut khususnya di kecamatan Tanah Merah. Luasnya pantai lumpur yang wujud di kecamatan Tanah Merah masih asli kerana tidak atau belum disentuh oleh penggunaan peralatan moden.

Orang Laut di kawasan Kecamatan Tanah Merah menjalankan kegiatan sebagai nelayan pencari ikan, kerang, udang, ketam dan lain-lain. Ada juga yang berniaga dan berwirausaha sebagai pengusaha boat dan pengeksport ikan dan udang atau menjadi penampung ikan, udang, kerang dan lain-lain. Penampung ada kalanya menjadi tengkulak (*middleman*), yang dianggap tauke, akan tetapi ada juga penampung benar-benar hanya menjadi penampung yang mengambil hasil tangkapan mereka, mereka jual kepada penampung yang telah menjadi langganannya. Namun, jika penampung telah menjadi tengkulak, maka mereka boleh meminjam wang sebelum barang datang, dan harga sudah ditentukan oleh si tengkulak. Ada beberapa bentuk peralatan yang digunakan Orang Laut untuk mencari ikan seperti pada jadual berikut ini:

Jadual 3.2. Sewa Peralatan yang Digunakan Nelayan Orang Laut



Sumber: Hasil Soal Selidik Lapangan Tahun 2013

Jadual 3.2 di atas menginformasikan bahawa para nelayan Orang Laut yang ada di Kecamatan Tanah Merah menggunakan alat papan tongkah (alat yang digunakan untuk mencari kerang), iaitu seramai 194 orang (47 peratus) dari jumlah ketua keluarga Orang Laut yang bekerja sebagai nelayan yang berjumlah 418 KK (Ketua Keluarga) se

Kecamatan Tanah Merah. Alat tangkap belat¹⁰ digunakan seramai 14 orang (3.3 peratus). Menggunakan Rawai seramai lima Orang (1 peratus). Orang Laut yang menggunakan rawai hanya merupakan hobbi sahaja, bukan untuk mendapatkan ikan dalam jumlah yang banyak, kerana perolehan ikan dengan merawai sangat sedikit sesuai dengan mata pancing yang dipasang. Seterusnya seramai 53 orang (13 peratus) menangkap ikan dengan menggunakan pukut dan yang mempunyai motor laut sendiri hanya 21 orang sahaja, selebihnya mereka hanya menjadi pekerja kepada taukeh Cina. Meskipun tidak semua orang Laut tidak mempunyai peralatan yang dinyatakan namun ada kalanya mereka meminjam dari rekan-rekan yang memilikinya. Hal ini membuktikan adanya solidaritas yang tinggi sesama orang Laut. Misalnya, ada jiran yang rajin turun menongkah, tetapi tidak punya papan tongkah, maka mereka boleh meminjam milik jiran yang tidak turun menongkah.

Pemandangan pantai lumpur yang luas dan tak terbatas, membuat Orang Laut merasa bahawa kehidupan itu sangat luas dan tidak pernah akan habis sepanjang manusia mahu bekerja. Ungkapan tersebut menjadi motivasi bagi mereka, sehingga memotivasi mereka untuk terus bekerja dalam memenuhi keperluan hidup. Dahulu, menurut Baiyyah (umur 56 tahun) Orang Laut tidak ada yang malas dan mahu berpangku tangan, mereka tidak mahu berdiam sahaja di rumah, mereka selalu ingin bekerja apa sahaja, boleh jadi kerana terinspirasi dari nenek moyang kami yang selalu memandang luas laut dan hamparan padang lumpur itu, demikian penjelasan daripada Sarpan dalam suatu temubual (Wawancara, 2014).

¹⁰ Belat adalah alat tangkap ikan yang diperbuat daripada buloh yang sudah diikat kemudian dipancangkan di pinggir sungai dengan bentuk bulat jika ikan sudah masuk tidak boleh keluar lagi, ketika air surut baru ikan boleh diambil.

Orang Laut juga dikenali sebagai pembuat jaring, dan kerja-kerja membuat jaring dilakukan di rumah-rumah mereka. Berikut ini gambar Orang Laut yang sedang memperbaiki jaring.

Gambar: 3. 4. Orang Laut sedang Memperbaiki Jaring



Sumber: Hasil Observasi Lapangan 2013

Gambar 3.4 adalah situasi pada petang hari, dimana Orang Laut sedang memperbaiki jaring yang rosak. Selain menjaring mereka juga dikenali sebagai pencari udang laut. Bidang ini menjadi pemangkin kelangsungan komuniti Orang Laut, kerana mendatangkan pendapatan yang cukup besar, khasnya udang nenek, kerana jenis udang nenek dijual dengan harga yang lebih tinggi. Jika dibeli di tempat mereka, harganya mencapai RM10¹¹ sehingga RM15 satu kilogram. Sedangkan jika dibeli di luar dari Sungai Laut harganya mencapai RM20 sehingga RM35 satu kilogram. Orang Laut yang tinggal di Sungai Laut jika dilihat daripada pendapatan harian mereka hanya cukup untuk memenuhi keperluan asas.

¹¹ Satu RM 1.00 bersama Rp 3500.

3.7. Organisasi Politik Orang Laut

Perbincangan tentang kepemimpinan Orang Laut akan terkait dengan sejarah awal naiknya Orang Laut ke darat, khususnya sejarah keberadaan Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah. Sebelum kedatangan suku-suku lain yang ada di Indonesia ke kawasan Sungai Indragiri Hilir, Orang Laut lebih dahulu berada di kawasan kuala-kuala sungai, sama ada sungai-sungai besar mahupun kuala-kuala sungai yang kecil, seperti Sungai Laut, Kuala Patah parang, Sungai Selat, Sungai Menit, Muara Sungai Indragiri bahagian selatan yang berada di hadapan Desa Tanah Merah. Desa Tanah Merah merupakan kawasan utama kedatangan Orang Laut dari arah selatan Sungai Indradiri. Jika dari arah barat mereka masuk dari kawasan Kecamatan Concong Luar, sedangkan dari utara mereka masuk dari kawasan Kecamatan Kateman dan Mandah.

Kawasan Kecamatan Tanah Merah pada masa penjajahan Belanda lebih dikenal dengan kawasan “Kewedanaan Enok”. Orang Laut pada masa itu belum ada yang naik ke darat. Sekitar tahun 1890-an terdapat rombongan pendatang dari Sulawesi dengan perahu Bugisnya ikut melabuhkan perahu mereka di kawasan kuala tersebut (saat itu belum ada nama Kuala Enok). Namun, kemudian rombongan perahu Bugis tersebut pergi ke kawasan lain dan sebahagian menetap di kawasan tersebut, iaitu Selat Nama. Sebahagian lagi kembali ke kawasan tersebut, kemudian naik ke darat dan membuka hutan. Perantau Bugis tersebut ialah keluarga H. Kalettung, ia memiliki lima orang anak, yang terdiri daripada empat orang lelaki dan satu perempuan. Keempat-empat anaknya itulah yang membantu ayahnya membuka hutan kawasan kuala tidak jauh dari pinggir Sungai Perigi, iaitu: H. Kallabe’ H. Latif, Buluk dan H. Puke. Keluarga tersebut adalah keluarga pertama yang naik ke darat dan membuka hutan dan membina rumah, kemudian datang lagi rombongan keluarga Bugis angkatan kedua, yang jumlahnya lebih kurang 35 orang dan semuanya tinggal di rumah H. Kalettung. Sementara itu, Orang

Laut belum ikut naik ke darat. Tidak lama kemudian Orang Laut yang ada di perairan Kuala Enok ikut naik ke darat membina rumah setelah perantau Bugis membina lima buah rumah. Padahal Orang Laut tersebut dari awal telah membantu keluarga Bugis dalam membina rumah, seperti membantu mencarikan kayu, papan dan bumbung (yang diperbuat daripada daun nipah dan rumbia), bahkan mereka yang mencari daun nipah dan membantu menganyam hingga jadi bumbung.


Tokoh pertama yang naik ke darat adalah Ibrahim, di kalangan Orang Laut memanggilnya Datuk Ibrahim, kerana beliau adalah datuk penghulu dari kumpulan Orang Laut yang berada di kawasan Kuala Indragiri bahagian Selatan. Tidak ada maklumat bertulis tentang sejarah asal usul datuk penghulu tersebut. Maklumat hanya diperolehi daripada cerita dari mulut ke mulut dan saksi mata pada masa itu, iaitu dari anak Buluk yang masih hidup iaitu Abdul Razak Rassake (wawancara, 2012). Diketahui pada masa itu bahawa semua Orang Laut sangat hormat kepada beliau, ketika beliau membina rumah semua Orang Laut yang ada di kawasan kuala ikut membantu sebagaimana yang mereka lakukan ketika orang perantau Bugis membina rumahnya. Namun yang lain tidak ikut naik, mereka tetap di dalam sampan. Kemudian naiklah keluarga Jauhari dan keluarga Banang. Jauhari dikenali sebagai Batin. Batin menurut Orang Laut pada masa itu adalah tokoh adat yang mengurus masalah hal ehwal di dalam kumpulan Orang Laut sahaja. Banang dikenal sebagai Jenang (Jenang diketahui sebagai pengawal datuk penghulu dan sekaligus membantu urusan datuk penghulu). Istilah tersebut masih melekat ketika mereka mula naik ke darat. Pada tahun 1950-1960-an dua keluarga terakhir ini dikenali sebagai orang kaya. Banang adalah orang kaya yang mencari ikan dan menjualnya langsung ke desa-desa dengan menggunakan bot laju.

Pada tahun 1949, Datuk Ibrahim meninggal dunia dan tidak mempunyai anak dan pewarisan tidak dapat diteruskan. Tidak ada Orang Laut yang berani menerima atau mengambil gelar tersebut. Datuk Ibrahim saat itu memang memiliki peranan yang besar terhadap Orang Laut, semua urusan Orang Laut dan masalah-masalah yang mereka hadapi diselesaikan oleh Datuk Ibrahim. Seperti masalah perkahwinan, khitanan, dan juga masalah pergaduhan antara keluarga atau anak-anak mereka, maka mereka mengadu pada Datuk Ibrahim. Kedudukan Datuk Ibrahim pada saat itu sejajar dengan penghulu Desa Kuala Enok, iaitu Penghulu Gembeng (H. Arsyad atau Mak Sah) yang merupakan penghulu pertama di Desa Kuala Enok dan Tanah Merah.

Datuk Ibrahim pada masa penjajahan disegani penjajah Belanda mahupun Jepun. Tidak ada kapal-kapal penjajah yang berani masuk dan tinggal di pinggir sungai Indragiri khasnya di kawasan Desa Tanah Merah atau pun Kuala Enok, kerana sampan-sampan Orang Laut menutupi desa tersebut yang menunjukkan banyaknya bilangan mereka. Mereka naik secara sporadik, iaitu naik satu persatu dan terus mengalami perpindahan hingga mendapatkan tempat di mana mereka merasa selesa untuk menetap.

Datuk adalah panggilan dari pemimpin Orang Laut dalam kumpulannya. Tidak diketahui seberapa besar bilangan anggota dalam kumpulannya, dan tidak diketahui ada berapa datuk Orang Laut yang terdapat di Indragiri Hilir, yang diketahui hanya yang ada di Tanah Merah. Demikian juga dengan Batin dan Jenang. Istilah tersebut ditemui hanya ada di Tanah Merah (lihat, Sitti Rahmah, 2000). Berikut adalah gambar hubungan pemimpin Orang Laut dengan pemimpin yang diangkat oleh kerajaan pada masa itu:

Gambar 3.5. Hubungan Pemimpin Tradisional Orang Laut dengan Pemimpin yang diakui Kerajaan Sebelum Tahun 2000



Sumber: Hasil Kajian Lapangan Tahun 2012

Gambar 3.5 di atas menjelaskan bahawa hubungan pemimpin Orang Laut dengan pemimpin yang ditunjuk oleh kerajaan mempunyai hubungan kerjasama yang baik dan jelas. Peran pemimpin tradisional sebagai penghubung atau perantara antara masyarakat Orang Laut dengan kerajaan, keadaan tersebut berjalan sejak masa Datuk Ibrahim hingga masa H. Selamat. Mereka sangat bergantung kepada pemimpin mereka (pemimpin tradisional), semua urusan melalui pemimpin mereka sendiri seperti urusan perkahwinan, demikian pula ketika akan membina rumah, akan ditentukan atau ditunjukkan oleh Datuk Ibrahim.

Orang Laut yang hidup di sampan sering naik ke darat dengan membawa anak-anak mereka dan sehari penuh berkumpul di rumah Ibrahim, Banang ataupun Jauhari setelah Ibrahim meninggal. Mereka tidak ada yang membina rumah dan tinggal dengan beberapa keluarga, begitu seterusnya hingga tahun 70-an. Namun, ada juga yang sudah membina rumah kemudian meninggalkannya dan kembali ke sampan dan pergi lagi mengembara. Ada yang kembali lagi dan ada yang tidak. Tetapi akhirnya mereka semua naik ke darat dan tinggal di Desa Sungai Rumah atau Sungai Laut, bahkan ada yang pergi ke Patah Parang, Concong dan sebagainya.

Pada tahun 1984, atas kompromi masyarakat Orang Laut dan pemerintah setempat maka dilantik H. Selamat sebagai ketua suku Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah. H. Selamat, salah seorang orang kaya dari kalangan Orang Laut ketika itu, sebenarnya juga masih pangkat cucu dari Datuk Ibrahim, kerana Selamat anak dari kakak sepupu Datuk Ibrahim. Pengukuhan sebagai ketua suku tersebut dihadiri oleh Bupati Indragiri Hilir saat itu adalah H. Baharuddin Yusuf. Dari tahun 1981-1998 pengaruh H. Selamat terhadap masyarakat umumnya dan Orang Laut khususnya cukup kuat dan disegani. Pemerintah setempat juga sentiasa melibatkan beliau ketika ada masalah ataupun untuk rapat di desa. Gambar 3.6 di bawah memperlihatkan betapa bersahajanya pemimpin tradisional Orang Laut. Mereka terbiasa langsung berkomunikasi dengan masyarakatnya, dan jika ada masalah langsung turun dan menyelesaikan masalah tersebut.

Gambar: 3.6. H. Selamat Melawat Orang Laut yang Sedang Berjualan




Sumber: Penelitian Lapangan Tahun: 2014

Orang Laut pada umumnya masih menghormati beliau, namun untuk urusan ke pemerintah sekarang ini sebahagian masyarakat Orang Laut sudah berani berurusan langsung ke pejabat Desa, bahkan mereka langsung ke pejabat kecamatan Tanah Merah.

Kecuali apabila mereka menghadapi masalah baharulah mereka mengadu kepada orang yang mereka tuakan. Sarpan menjelaskan bahawa “Orang Laut sekarang ini sudah merasa sama dengan masyarakat lain pada umumnya, mereka sudah tidak takut lagi untuk berurusan dengan pihak kerajaan, mereka boleh mengurus semua urusan mereka yang berkaitan dengan polis kerajaan secara langsung kepada kepala kampung atau kepala Desa (wawancara, 2013).

Namun pada tahun 2000, H. Selamat mengatakan bahawa: ‘sekarang ini ketua suku Orang Kami, sudah tidak jelas lagi, tidak ada pengukuhan kembali dan juga tidak pernah ada lagi koordinasi antara kami dengan ketua desa apalagi pemerintah’ (Sitti Rahmah, 2000: 94). Hal ini juga diungkapkan oleh H. Selamat ketika ditemuramah pada tahun 2014. Beliau merasa tidak selesa kerana perhatian kerajaan dalam hal itu boleh dikatakan tidak ada, khususnya pada masyarakat Orang Laut di Tanah Merah. Berikut gambar hubungan pemimpin Orang Laut dengan masyarakat dan pemimpin Desa:

Gambar 3.7. Pemimpin Tradisional Orang Laut Dalam Hubungan Sosial Kemasyarakatan Dari Tahun 2000 hingga sekarang



Adapun di Desa Tanjung Pasir yang dituakan dalam masyarakat Orang Laut adalah H. Naro, iaitu dari tahun 1986 sehingga 2007. Saat itu beliau termasuk orang yang disegani oleh pemerintah. Jika ada permasalahan dalam masyarakat Orang Laut di Tanjung Pasir, maka beliau yang menyelesaikannya. Namun sekarang beliau hanya sebagai tokoh masyarakat Orang Laut yang dituakan. Dia mempunyai keberanian dalam menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah Orang Laut di Desa Tanjung Pasir. Kerana Desa Tanjung Pasir sekarang ini mempunyai setiausaha desa yang berasal dari keturunan Orang Laut, iaitu Sarpan Firmansyah. Oleh itu, Orang Laut wujud di Desa Tanjung Pasir merasa lebih bermarwah lagi sehingga mereka terlihat lebih berani untuk tampil dalam kehidupan sosial kemasyarakatan dan masyarakat pun dalam berurusan merasa lebih leluasa dan langsung ke pejabat desa. Sarpan Firmansyah adalah Orang Laut yang bertempat tinggal di Desa Tanah Merah, namun beliau bertugas sebagai setiausaha desa di Desa Tanjung Pasir.

Desa Sungai Laut dahulu juga mempunyai seorang tokoh yang menjadi panutan mereka iaitu Minan. Namun, setelah ia meninggal tidak ada lagi tokoh yang menjadi panutan. Semua Orang Laut di Sungai Laut hanya mengikuti aturan umum seperti yang lain, tokoh masyarakat mereka mengikuti orang yang ditokohkan pada umumnya dalam masyarakat. Mereka hanya mengikuti aturan yang dibuat oleh kerajaan (pemerintah) dan mentaati peraturan pemerintah melalui ketua Rukun Warga (RW) dan Rukun Tetangga (RT), kerana ketua RW dan RT di lingkungan mereka juga Orang Laut. Jika urusan terkait dengan masalah kependudukan, seperti kartu tanda penduduk (KTP) mereka sudah mampu mengurus secara langsung mulai dari RT, RW hingga ke pejabat desa. Bahkan mereka juga sudah berani langsung berurusan ke pejabat Kecamatan Tanah Merah, seperti mengurus surat kartu miskin dan lain-lain. Menurut pengakuan Gunawan, seorang anak Orang Laut (temubual, 2013), ia juga bekerja di pejabat Desa

Sungai Laut sebagai anggota Satuan Polisi Pamong Praja (Satpol PP), iaitu bertugas untuk menjaga keamanan di Desa Sungai Laut dan ia melakukan pekerjaan tersebut selama tujuh tahun.

Memandang huraian dari peranan datuk penghulu Orang Laut dan pengikutnya yang wujud di Kecamatan Tanah Merah pada umumnya dan desa Tanah Merah khasnya bahawa ada kemungkinan kumpulan Orang Laut tersebut adalah kumpulan yang sempat tinggal di darat dan menjadi pengawal atau termasuk keluarga Orang Laut yang pernah terlibat dengan pihak Kerajaan Melaka atau Riau Lingga. Kerana ketiga-tiga tokoh ini dari sejak awal naik ke darat sudah mempunyai budaya yang umumnya ada pada masyarakat saat itu, seperti beragama Islam.

Sebenarnya kewujudan seorang pemimpin tradisional dalam satu kumpulan manapun tidak terkecuali bagi Orang Laut yang masih dianggap tertinggal seharusnya tetap wujud dalam kehidupan sosial mereka. Pihak kerajaan mempunyai kewajipan untuk mengawal kepemimpinan tradisional dalam membina kehidupan adat Orang Laut. Kerana dengan kewujudan pemimpin mereka akan memberi peluang bagi mereka untuk mempertahankan budaya yang lebih luas dan lebih bermartabat. Orang Laut memahami sejarah dan kewujudan mereka sebagai orang Asli, sehingga mereka mengharapkan kerajaan memperhatikan kumpulan mereka, khususnya untuk membina dan melestarikan budaya mereka yang sebenarnya.

3.8. Tradisi, Norma dan Nilai Orang Laut

Tradisi merupakan suatu sistem budaya yang mengandungi makna adanya sistem gagasan berdasarkan pengetahuan, keyakinan, norma dan nilai-nilai sosial yang ada

pada suatu masyarakat. Judistira K. Garna (1990: 2) menyatakan bahawa tradisi yang ada di dalam setiap masyarakat merupakan:

"Tatanan sosial yang berwujud mapan, sama ada mapan sebagai bentuk hubungan antara unsur-unsur kehidupan sebagai bentuk aturan sosial yang memberi pedoman tingkah laku dan tindakan atau sikap anggota waktu memerlukan sikap dan tindakan yang akomodatif dari anggota masyarakat, sehubungan dengan itu tradisi merupakan warisan sosial budaya yang selalu ingin dipertahankan oleh warga masyarakat pendukungnya sebagai identiti penting kehidupan mereka".

Setiap masyarakat pasti mempunyai kebiasaan-kebiasaan sendiri dan peraturan-peraturan sendiri dalam menghadapi pelbagai perkara, seperti peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan harian, iaitu kelahiran, perkahwinan dan kematian. Koentjaraningrat (1993: 33) menyatakan bahawa setiap manusia dalam hidupnya pasti mengalami tiga peristiwa penting tersebut. Kelahiran dan perkahwinan kedua-duanya merupakan peristiwa yang menyenangkan dan membahagiakan sehingga dilakukan bermacam upacara yang mengiringinya. Hal tersebut berlaku secara berulang-ulang dan terus menerus dengan tatacara yang sama sehingga menjadi kebiasaan. Demikian pula dengan kematian yang merupakan peristiwa duka atau kesedihan bagi keluarga yang ditinggalkan. Peristiwa ini juga sentiasa berulang terjadi pada manusia, sehingga muncul berbagai perilaku yang dilakukan untuk menghibur dan memberikan penghormatan terakhir pada orang yang meninggal. Perilaku tersebut dilakukan oleh masyarakat secara teratur dan terus menerus sehingga menjadi suatu kebiasaan bagi masyarakat yang bersangkutan, sehingga akhirnya menjadi suatu tradisi kematian.

Orang Laut sebagai masyarakat, yang digolongkan sebagai kumpulan Komuniti Adat Terpencil (KAT) juga mempunyai kebiasaan atau tradisi yang masih diamalkan hingga sekarang, seperti tradisi selepas melahirkan. Kebiasaan melaksanakan suatu acara yang disebut dengan istilah "*cuci lantai*", iaitu suatu tradisi yang sentiasa dilakukan selepas melahirkan anak dalam usia tujuh, sembilan atau 11 hari. Acara

tersebut mempunyai makna “doa selamat untuk si ibu yang melahirkan dan si anak yang dilahirkan”. Ada dua macam cara dalam proses pelaksanaannya. *Pertama*, keluarga yang melahirkan menyiapkan beberapa persyaratan yang harus dilengkapi sesuai permintaan dukun anak, kebanyakan Orang Laut yang akan melahirkan masih dibantu seorang dukun kampung. Persyaratan tersebut seperti garam, asam jawa, minyak tanah dan beras. Banyaknya terserah keluarga yang melahirkan. *Kedua*, jamuan makan lengkap, seperti akan menjamu orang makan. Yang hadir biasanya hanya keluarga terdekat sahaja. Seperti keluarga pihak wanita yang melahirkan, keluarga pihak suami dan dukun kampung, ada juga mengundang tokoh agama atau ulama untuk membacakan doa. Akan tetapi kebanyakan cukup dukun kampung atau dukun beranak yang memimpin doa.

Selain itu mereka juga melakukan khatan kepada anak-anak mereka sama ada kepada anak lelaki mahupun perempuan, kepada anak perempuan dikhatan sebelum dilakukan kenduri cuci lantai. Sedangkan anak lelaki dikhatan ketika mereka berumur 12 - 16 tahun. Bagi keluarga yang mampu maka mereka kenduri. Bagi mereka yang miskin dan anak yatim adakalanya kerajaan melakukan khatanan massal dan setelah khatan selesai mereka diberikan hadiah seperti kain sarung, baju kurung dan wang yang jumlahnya hingga RM300 – RM500. Tradisi khatan sudah mereka lakukan semenjak mereka hidup dalam sampan, pada masa itu mereka hanya menghantarkan anak mereka ke rumah Datuk Ibrahim dan Datuk Ibrahimlah yang mengurus pelaksanaan tersebut. Setelah anak mereka dikhatan mereka dihantar kembali ke sampan mereka.

Orang Laut dahulunya mengenal istilah upacara buang *sakat* (Muhammad Zen, 2011), iaitu upacara membuang gangguan roh jahat yang mengikuti atau melekat pada diri manusia sehingga membuat manusia sakit. *Sakat* bererti gangguan makhluk jahat.

Orang Laut Desa Tanah Merah hanya pernah mendengar istilah ini, namun mereka tidak pernah melakukannya, kerana bomoh Orang Laut di Desa Tanah Merah tidak seperti bomoh yang diyakini Orang Laut yang berada di daerah lain. Istilah *sakat* sama dengan istilah *buak-buak*, iaitu membuang roh jahat yang melekat pada manusia sebagaimana yang diungkapkan oleh Sopher dalam bukunya “*The see Nomads, A study of the Maritime Boad People of Soteast Asia* (1977).

3.9. Bahasa Orang Laut

Orang Laut sebagai salah satu Komuniti Adat Terpencil (KAT) juga mempunyai bahasa sendiri yang menjadi bahasa kebanggaan mereka dalam berkomunikasi sesama mereka. Bahasa tersebut dikenali sebagai bahasa Orang Laut atau bahasa Duanu. Bahasa tersebut mereka gunakan dalam berkomunikasi dengan keluarga dan jika bertemu dengan sesamanya. Mereka tidak hanya menggunakan dalam rumah mereka sahaja, akan tetapi juga digunakan di mana pun mereka berjumpa, sama ada dalam keramaian seperti di pasar mahupun di tempat acara selamatan tetangga, apalagi jika sesuatu yang ingin mereka bahas berupa rahasia.

Orang Laut yang ada di Indragiri Hilir mengaku diri mereka merupakan keturunan manusia Proto Melayu (Melayu Tua), iaitu manusia pertama yang menyebar di Asia pada umumnya. Bangsa Proto Melayu menggunakan bahasa Melayu tua yang bahagian dari rumpun bahasa Austronesia. Boleh jadi bahasa Melayu Orang Laut atau Duanu adalah bahasa asli Proto Melayu (Melayu Tua) yang masih tersisa dan yang masih boleh didengar (Sarpan Firmansyah, 2009: VIII).

Namun sekarang, bahasa Orang Laut atau Duanu terancam, kerana bahasa ini hanya dapat dituturkan oleh orang tua-tua, manakala di kalangan anak-anak muda

Orang Laut kebanyakan menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian mereka. Anak-anak Orang Laut sekarang ini sudah jarang yang pandai menggunakan bahasa Orang Laut atau Duanu. Hal ini umum terjadi di kalangan Orang Laut, sama ada di Desa Tanjung Pasir, Sungai Laut apalagi di Desa Tanah Merah. Di Desa Tanah Merah anak-anak mereka boleh dikatakan sudah betul-betul tidak ada yang pandai mengucapkan bahasa Orang Laut/Duanu, apalagi anak-anak yang ada di Tanah Merah pada umumnya bermain dengan anak-anak yang bukan anak Orang Laut. Salmah mengungkapkan “bahawa sebahagian besar anak-anak Orang Laut sekarang ini malu menggunakan bahasa Orang Laut atau Duanu dalam kehidupan harian, mereka lebih senang menggunakan bahasa Melayu dalam pergaulan hariannya, sama ada terhadap sesama Orang Laut apalagi jika berhadapan dengan bukan Orang Laut (Wawancara, 2013).

Oleh itu, Sarpan sebagai Ketua Komunitas Adat Orang Laut (KAT), membuat kamus bahasa Orang Laut dan mensosialisasikannya kepada anak-anak Orang Laut, dan memberikan motivasi agar anak-anak Orang Laut tidak malu dengan bahasa sendiri dan seharusnya mereka boleh bangga kerana mempunyai bahasa sendiri. Dalam wawancara Sarpan mengungkapkan bahawa:

Saya sangat khawatir dengan kondisi anak-anak kami sekarang, mereka hampir tidak pandai lagi berbahasa Orang Laut atau Duanu, kerana itu saya membuat kamus bahasa Orang Laut, agar bahasa kami tidak hilang dan anak-anak kami sedar dan tahu bahawa mereka memiliki bahasa sendiri yang harus mereka pelihara dan bangga untuk menggunakannya dalam kehidupan harian. Kami berharap pihak kerajaan (pemerintah) dan masyarakat mengetahui bahawa bahasa kami harus dilestarikan dan memohon kepada kerajaan (pemerintah) memperhatikan bahasa kami (wawancara, tahun 2012).

Bahasa Orang Laut mempunyai kedekatan dengan bahasa Melayu, dan sebahagian besarnya sama, hanya bahasanya lebih singkat dan dalam penyebutan huruf r dan beberapa huruf yang lain tidak jelas atau sedikit dihaluskan bunyinya. Bahasa

Orang Laut atau Duanu mempunyai 25 fonem yang terdiri dari 15 konsonan iaitu: b, c, d, g, h, j, k, l, m, n, p, s, t, y, w, dan 8 vokal iaitu; a, i, I, u, U, o, e, é (é ini disebut dengan é taling iaitu é yang dibaca sedikit lebih keras sedangkan e biasa dibaca biasa sahaja (nada lembut) seperti menyebut “teh”).

Beberapa contoh bahasa Orang Laut atau Duanu dapat dilihat seperti berikut:

- aro (Aro) : aku
- nU (nuu) : itu (*anek nU* = anak itu)
- betalak(betalak) : berkelahi (*anek nU betalak*= anak itu berkelahi)
- banga (banga) : busuk (*anek nU banga nah* = anak itu busuk sekali)
- bau (bau) : bahu (*baU kak bisU* = bahu ku sakit)
- pendak : Mau


3.10. Demografi Dan Pemukiman Orang Laut

3.10.1. Kecamatan Tanah Merah

Kecamatan Tanah Merah adalah salah satu kecamatan yang ada di Kabupaten Indragiri Hilir, Provinsi Riau, Indonesia. Berdasarkan kedudukan geografinya Kecamatan Tanah Merah, merupakan salah satu kecamatan yang paling strategis. Letaknya yang berada di pinggir Sungai Indragiri dan berhadapan dengan muara laut lepas yang menghubungkan sungai Indragiri dengan Laut Jawa, Cina dan Selat Melaka. Kawasan ini juga menjadi perlintasan paling ramai, sama ada dari Desa ke kecamatan, dan dari kabupaten ke provinsi, kerana dari muara itulah masuknya kapal-kapal besar, sama ada dari luar negeri mahupun dalam negeri. Seperti perjalanan dari Kecamatan Reteh ke ibu negeri atau bandar Kabupaten Indragiri Hilir iaitu Tembilahan, mestilah kenderaan seperti speed boat, kapal, motor pompong dan sebagainya, melalui hadapan Desa Tanah Merah, Kuala Enok, Tanjung Pasir dan lain-lain juga melalui Kecamatan Tanah Merah. Semua

kendaraan laut, sama ada dari antar provinsi seperti dari Jambi, Tanjung Pinang, Tanjung Balai Karimun dan Kuala Tungkal semua melalui hadapan Kecamatan Tanah Merah jika akan masuk ke bandar kota Kabupaten Indragiri Hilir. Jarak dari ibu negeri Kabupaten Indragiri Hilir ke ibu negeri Kecamatan Tanah Merah lebih kurang 51 km dan ke ibu negeri Provinsi Riau (Pekanbaru) 460 km atau lebih kurang 7 jam perjalanan. Letak kecamatan Tanah Merah tepatnya berbatasan dengan: di sebelah utara berbatasan dengan kecamatan Kuala Indragiri, sebelah selatan dengan kecamatan Reteh, sebelah barat dengan kecamatan Enok dan disebelah timur berbatasan dengan kecamatan provinsi Kepulauan Riau. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat peta kawasan kabupaten Indragiri Hilir, Riau dan dari peta tersebut boleh diketahui kawasan Kecamatan Tanah Merah berikut ini:

Gambar 3.8. Kawasan Kecamatan Tanah Merah Kabupaten Indragiri Hilir Riau.



Sumber: <http://www.riau.go.id>

Keadaan alam daerah Kecamatan Tanah Merah pada umumnya terdiri dari pulau-pulau kecil yang dikelilingi anak sungai dengan hutan dan rawa-rawa yang sangat luas, curah hujan sepanjang tahun setinggi 1,300 milimeter, dan jumlah hari hujan


sepanjang tahun antara 127 hingga 181 hari. Musim hujan berkisar antara bulan October sampai dengan bulan March setiap tahunnya. Pada musim kemarau hujan tidak turun antara tiga hingga lima bulan lamanya, sehingga menimbulkan masalah, seperti kesulitan air bersih bagi masyarakat, kerana masyarakat sangat bergantung pada air hujan (Indra Mukhlis Adnan: 2010). Seperti untuk mandi, mencuci piring, pakaian bahkan untuk masak dan minum juga menggunakan air hujan. Jika terjadi kemarau panjang maka masyarakat terpaksa menggunakan air asin untuk untuk mandi, mencuci piring dan pakaian.

Luas daerah Kecamatan Tanah Merah lebih kurang 72,156 Km² atau 72,156 Ha, yang terdiri daripada areal pemukiman masyarakat dan areal perumahan pekarangan sekitar 1,128 Ha, lahan perkebunan kelapa 24,436 Ha, perkebunan swasta 24,346 Ha, hutan Bakau 46,470 Ha, sungai dan laut sebagai jalur lalu lintas dan juga sebagai tempat dan modal bagi para nelayan untuk mencari nafkah.

Pada masa kini Kecamatan Tanah Merah telah semakin maju, jumlah penduduk yang terus bertambah. Kecamatan Tanah Merah merangkumi beberapa kawasan atau desa, iaitu; Desa Tanah Merah, Kelurahan Kuala Enok,¹² Desa Tanjung Pasir, Desa Tekulai Bugis, Tekulai Hilir, Tekulai Hulu, Desa Sungai Laut, Desa Tanjung Baru, Desa Sungai Nyiur dan Desa Selat Nama. Bilangan penduduk menurut jantina dapat dilihat pada carta di bawah ini:

¹² Kuala Enok merupakan salah satu desa yang ditunjuk kerajaan sebagai kelurahan. Kelurahan sama dengan desa, hanya sahaja Ketua kelurahan ditunjuk oleh kerajaan dari Pegawai Negeri Sipil (PNS), sedangkan pemimpin desa langsung dipilih oleh masyarakat melalui pemilihan kepala desa.


Carta 3.1. Bilangan Penduduk Kecamatan Tanah Merah Menurut Jantina Bagi Tahun 2012



Sumber: Pejabat Kecamatan Tanah Merah 2013 dan BPS INHIL 2012

Carta di atas menunjukkan bahawa bilangan kaum lelaki (15,565 orang) lebih ramai daripada kaum perempuan (15,444 orang), dan jumlah keseluruhan penduduk kecamatan Tanah Merah 31,009 orang. Penyebaran penduduk tidak merata, sebahagian besar penduduk berada di kawasan pabrik dan pusat pemerintahan kecamatan dan desa, dan sebahagian lagi tersebar di kampung di tengah-tengah kebun kelapa masyarakat. Penyebaran penduduk di Kecamatan Tanah Merah boleh dilihat pada carta di bawah ini:

Carta 3.2. Bilangan Penduduk Berdasarkan Kelurahan dan Desa di Kecamatan Tanah Merah




Sumber: Pejabat Kecamatan Tanah Merah 2013

Carta di atas memperlihatkan bahawa bilangan penduduk Kecamatan Tanah Merah sangat tidak berimbang dan tidak merata. Bilangan penduduk yang paling ramai jelas terlihat berada di Desa Tanah Merah, iaitu 13,607 orang (25 peratus), perbezaan bilangan penduduk dengan desa lain mencapai ribuan jiwa. Seperti kelurahan Kuala Enok yang letaknya berdampingan hanya dipisahkan oleh sebuah sungai, iaitu sungai Perigi dan dihubungkan dengan dua buah jambatan dan Kuala Enok juga merupakan ibu negeri Kecamatan Tanah Merah, namun penduduknya seramai 5,315 orang (9 peratus).

Kecamatan Tanah Merah mempunyai keunikan tersendiri berbanding kecamatan lain. Penduduknya yang sangat beragam dan terdiri daripada bermacam-macam suku, sehingga boleh dikata sebagai miniaturnya Indonesia. Penyebab ramainya penduduk Desa Tanah Merah dikeranakan oleh adanya perusahaan PT. Pulau Sambu, iaitu salah satu pabrik Minyak Kelapa terbesar di Riau yang membuat Minyak Kelapa cap “Dua Sapi”. Desa Kuala Enok terdiri dari suku Bugis, Minang, Cina, Banjar dan Melayu, Jawa, Sunda, Madura dan lain-lain. Berikut dapat dilihat bilangan penduduk Kecamatan Tanah Merah berdasarkan Suku Bangsa.

Carta 3.3. Bilangan Penduduk Kecamatan Tanah Merah Berdasarkan Etnik



Sumber: Pejabat Kecamatan Tanah Merah 2013

Carta di atas memperlihatkan peratus suku bangsa yang ada di Kecamatan Tanah Merah. Suku Bugis merupakan perantau paling ramai bilangannya iaitu 6,158 orang (19 peratus), Banjar 6,028 orang (19 peratus), Melayu 5,922 orang (19 peratus), Jawa 5,624 orang (18 peratus), Cina 2,369 orang (7 peratus), Orang Laut berada di tengah-tengah masyarakat yang mempunyai budaya yang sangat beragam, mereka berbilang 1,882 orang (6 peratus), Minang 1,445 orang (5 peratus), Sunda 920 orang (3 peratus), Madura 456 orang (1 peratus) dan lain-lain 205 orang (3 peratus).

3.10.2. Sosiobudaya Masyarakat Kecamatan Tanah Merah

Seperti yang telah dijelaskan di atas bahawa masyarakat Kecamatan Tanah Merah heterogen, terdiri dari pelbagai suku bangsa. Masyarakat yang berbeza-beza suku bangsa tersebut adalah para pendatang dari daerah lain yang ada di Indonesia. Mereka datang semenjak zaman kolonial Belanda dan Jepun. Mereka datang kerana melarikan diri dari kekejaman dan kejahatan penjajah Belanda, seperti orang Bugis, Banjar dan Jawa. Ada juga yang datang kerana faktor ekonomi, namun golongan terakhir ini datang setelah Indonesia merdeka iaitu setelah tahun 1945, kerana hutan dan tanah peladangan kawasan ini belum banyak diteroka.

Budaya Melayu lebih berpengaruh di kawasan-kawasan yang ramai ditempati orang Melayu, demikian juga bahasa hariannya, seperti di pasar-pasar, sekolah dan di dalam kumpulan-kumpulan pengajian atau majlis-majlis am. Sehingga anak-anak dari berbagai suku pun ikut menggunakan bahasa Melayu dalam kumpulan bermain dan di sekolah. Sedangkan Desa Kuala Enok lebih ramai dihuni orang Bugis sehingga bahasa Bugis dan budaya hariannya lebih dipengaruhi budaya bugis, seperti di sekolah swasta

misalnya, anak-anak kebanyakan berbahasa Bugis daripada berbahasa Melayu, kecuali di pasar, dalam jual beli mereka tetap berbahasa Melayu. Demikian juga dalam berurusan dengan pihak kerajaan (pejabat pemerintah), mereka tetap menggunakan bahasa Melayu (Bahasa Indonesia).

Dalam aktiviti sosial, seperti acara peringatan Hari Ulang Tahun (HUT) Kemerdekaan Republik Indonesia (RI), seluruh masyarakat meraikannya secara bersama-sama di dalam kumpulan masyarakat di bawah kuasa kerajaan desa. Mereka mengadakan pertandingan olahraga, seperti jalan kaki, bola sepak, badminton, pingpong dan lain-lain, dan juga pertandingan memasak bagi kaum lelaki. Ada yang dilaksanakan oleh pemerintah desa dan ada juga dari pihak organisasi sosial yang ada di masyarakat termasuk persatuan suku-suku. Seperti Orang Laut mengadakan pertandingan menongkah, iaitu suatu aktiviti Orang Laut mengambil kerang, dengan ditentukan bilangan yang harus diperolehi dalam waktu yang sudah ditentukan.

Dalam kehidupan keluarga, boleh dilihat sistem sosial budaya yang berasaskan suku ataupun kumpulan mereka. Perbezaan tersebut boleh dilihat ketika ada pesta perkahwinan. Misalnya orang Minang yang berkahwin, maka akan terlihat pakaian adat Minang dan makanan khas Minang (Randang, Sambal Lado Tanak, Dendeng dan sebagainya). Demikian juga dengan suku-suku yang lain termasuk Orang Laut juga demikian, mereka mempunyai pakaian dan makanan khas, dan juga mengadakan acara pesta pernikahan sesuai dengan prosesi adat istiadat yang biasa mereka lakukan.

Ada tiga perbezaan yang boleh diamati dalam kehidupan masyarakat yang heterogen di Kecamatan Tanah Merah iaitu: Bahasa sehari-hari dalam lingkungan keluarga, seperti Orang Laut dalam sehari-hari menggunakan bahasa Orang Laut di

dalam keluarganya dan sesamanya. Demikian pula dengan suku-suku lain yang tinggal di persekitaran mereka walaupun berjiran (bersebelahan) rumah, mereka tetap menggunakan bahasa mereka kepada keluarga dan sesama mereka; Pola makan, pada umumnya mengikuti pola kebiasaan yang ada dalam keluarga. Misalnya, orang yang terbiasa memakan makanan hasil tangkapan mereka dari laut, seperti kupang dan belangkas. Kupang mereka rebus dan belangkas mereka bakar dan dimakan begitu sahaja. Orang yang tidak biasa melihat makanan seperti itu akan jijik bahkan muntah dan menganggap makanan itu haram dan sebagainya. Sementara bagi mereka itu adalah hal yang biasa. Hal ini adalah pengaruh dari pola makan dalam kehidupan keseharian mereka. Demikian juga pada masyarakat heterogen yang ada di Kuala Enok, masing-masing suku memiliki kebiasaan makan dalam keluarga yang tidak sama antara satu sama lain. Kerana adanya kehidupan sosiobudaya yang berbeza tersebut masyarakat heterogen mempunyai daya tarik tersendiri untuk saling mengenal lebih dekat dan lebih baik. Sehingga terjadilah asimilasi dan tiru meniru pola-pola tertentu dalam kehidupan sosial.

3.10.3. Ekonomi Masyarakat Kecamatan Tanah Merah

Masyarakat Kecamatan Tanah Merah sebahagian besar adalah petani Kopra, iaitu petani kelapa yang membuat kelapa bulat menjadi kelapa kering (disalai), setelah kering itulah disebut "kopra". Petani di Kecamatan Tanah Merah sama dengan kawasan lain yang ada di Riau, di mana para petani dapat digolongkan ke dalam tiga golongan iaitu; Pertama, petani pemilik kebun kelapa dan mengerjakan sendiri kebun kelapanya; Kedua, petani Pelangkau, iaitu petani yang bekerja di kebun kelapa kepunyaan orang lain dan mereka hanya mengambil upah sahaja; Ketiga, petani kelapa kopra bekerjasama dengan orang lain (Pelangkau) dalam mengerjakan kebun kelapanya. Pekerjaan Pelangkau sama dengan istilah petani penggarap di kawasan lain. Istilah ini diambil dari kata

“melangkau”¹³, iaitu pekerjaan yang mengolah kelapa bulat dijadikan “kopra” dalam prosesnya itu disebut “melangkau”. Setelah semua pekerjaan selesai atau sudah menuai, maka mereka akan membagi hasil, biasanya ada istilah bagi dua, ada juga yang bagi lima. Bagi lima ertinya penghasilan tersebut dibahagi menjadi tiga bahagian, untuk pemilik kebun dan dua bahagian untuk pekerja atau pelangkau. Pembahagian kerja semacam ini sama dengan penjelasan Geertz (1983) dalam bukunya; “Involusi Pertanian Proses Perubahan ekologi di Indonesia”, bahawa petani di Jawa telah mengenal adanya pola kerjasama bagi hasil seperti yang ada pada petani kelapa kopra.

Petani kopra di Kecamatan Tanah Merah sekarang ini berkisar 60 peratus, sebelum tahun 1990 boleh dikatakan mencapai 90 peratus. Apalagi pada masa itu harga kelapa atau kopra sangat mahal sehingga masyarakat Kecamatan Tanah Merah khasnya dan Indragiri Hilir amnya hidup berkecukupan. Di samping petani kopra menanam kelapa, mereka juga menanam tanaman lain, iaitu sayur-sayuran, seperti pucuk ubi, pucuk katu, bayam, kacang panjang, labu dan sebagainya; buah-buahan, seperti jambu, mangga, nenas, ubi jalar, sirsak, pisang. Pisang sebagai penghasilan tambahan mereka yang boleh dikatakan cukup menjanjikan, kerana pisang memberikan hasil yang besar bagi petani kopra di Indragiri Hilir pada amnya, kerana di samping menunggu menuai buah kelapa, mereka membudidayakan tanaman hortikultura yang memberikan hasil lebih cepat dan wang yang lumayan.

Adapun sumber ekonomi masyarakat yang lain adalah pekerjaan menenun kain. Menenun kain ini dilakukan hanya oleh kaum perempuan, ini ditemui hanya di Desa Kuala Enok dan Tanah Merah. Selain itu ada juga yang bekerja di pabrik kelapa, sama ada lelaki mahupun perempuan. Peniaga pula kebanyakan pendatang dari Sumatera

¹³ Melangkau adalah istilah yang digunakan masyarakat Indragiri Hilir dari seluruh proses pengeringan kelapa untuk jadi kopra.


Barat yang biasa lebih dikenali dengan orang Padang. Mereka berniaga pakaian dan bahan kain baju, makanan dan lain-lain. Ada juga pekerjaan sebagai pelaut, iaitu pekerjaan yang mengangkut kopra atau kelapa bulat melalui distributor kelapa dari satu kawasan untuk dibawa ke kawasan pabrik atau ke daerah lain. Pekerjaan tersebut sering memakan waktu yang panjang iaitu mulai dari satu minggu hingga setengah bulan. Motor-motor pengangkut kopra harus antri menunggu giliran, pekerjaan ini disebut pelaut oleh masyarakat Tanah Merah, kerana mereka tinggal dalam kapal motor sehari-hari bahkan berminggu kerana mengangkut kopra tersebut.

3.10.4. Agama Masyarakat Kecamatan Tanah Merah

Jika dilihat dari sisi keagamaan, masyarakat Kecamatan Tanah Merah sama dengan masyarakat lain yang ada di Indragiri Hilir dan Riau pada umumnya, iaitu pada umumnya beragama Islam. Selain itu, ada juga yang menganut agama Budha dan Kristian. Khususnya orang Melayu umumnya beragama Islam, demikian juga dengan orang Bugis, Banjar, Jawa, Minang, Sunda dan Madura. Sedangkan yang beragama Kristian sebahagian orang Cina, Flores, Manado dan Jawa. Orang Cina sebelumnya semuanya beragama Budha, pada tahun 2000-an ada yang memeluk agama Kristian, setelah anak-anak mereka berkahwin dengan orang Cina di bandar, mereka pula menerima agama Kristiani. Sehingga Orang Cina menambah bilangan orang Kristiani yang ada di Kecamatan Tanah Merah.

Dalam kehidupan sosial kemasyarakatan antara umat beragama boleh hidup damai dan saling menolong, seperti dalam berjiran mereka saling menjaga keamanan dalam lingkungan mereka, ketika perayaan hari raya, sama ada hari raya umat Islam mahupun pada hari perayaan natal bagi umat Kristiani. Berikut ini dapat dilihat bilangan umat beragama di Kecamatan Tanah Merah dapat dilihat pada carta di bawah ini:

Carta 3.4. Klasifikas Agama Dalam Masyarakat Tanah Merah



Sumber:PejabatKecamatan Tanah Merah 2013

Carta di atas menggambarkan bahawa jumlah penduduk yang beragama Islam merupakan kumpulan majoriti iaitu mencapai 28,508 orang (92 peratus), Budha 1,490 orang (5 peratus) dan Kristiani 1,011 orang (3 peratus). Penganut Kristiani majoriti memeluk agama Kristiani Katolik yang terdiri dari orang Cina, Jawa dan Plores.

Di Kecamatan Tanah Merah kehidupan agama Islam sangat menonjol, hal ini terlihat jika adanya peringatan-peringatan hari besar Islam. Mereka sentiasa meraikan dengan meriah, seperti peringatan Maulid Nabi (iaitu peringatan hari lahirnya Nabi Muhammad SAW), mereka meraikan secara besar-besaran di setiap Masjid. Setiap warga membawa makanan dari rumah masing-masing dan menghidangkannya bersama-sama di Masjid, dan membawa telur rebus yang sudah dihias dengan bunga kertas dan mereka letakkan di seputar mimbar di depan penceramah. Mereka juga mengundang penceramah dari luar daerah, seperti dari Jakarta, Jambi dan Pekanbaru.

Aktiviti keagamaan di Kecamatan Tanah Merah berjalan damai, masing masing agama menjalankan aktiviti agama mereka dengan aman. Seperti agama Budha ketika

meraikan hari-hari besarnya, seperti hari raya Waisak atau Vaisakha Puja, Asadha, Khatina dan Magha Puja, maka orang Islam dan penganut agama lain menghormati dengan cara memberikan keamanan dan ketenangan. Demikian juga halnya ketika orang Islam meraikan hari-hari besar Islam. Misalnya, kegiatan peringatan “Israk dan Mi’raj nabi Muhammad SAW”, mereka rayakan secara bersama-sama dan saling tolong. Masing-masing mereka membawa makanan dan air minum ke masjid sesuai dengan kemampuan, dan dimakan bersama-sama dengan masyarakat lain. Orang Laut pun terlibat dalam aktiviti tersebut. Di dalam masjid, mereka duduk bersama-sama, tidak ada perbezaan antara Orang Laut dengan masyarakat lain. Ada Orang Laut yang terlibat dalam aktiviti kesenian rebana dan nasyid keduanya adalah musik Islami. Bahkan mereka tampil di desa-desa lain seperti Kuala Enok dan Tanjung Pasir. Demikian juga dalam majlis-majlis pengajian agama khususnya agama Islam, mereka (Orang Laut) bergabung bersama-sama dengan masyarakat lain dalam setiap ada pengkajian agama.

3.10.5. Pendidikan Masyarakat Kecamatan Tanah Merah

Berbincang mengenai pendidikan pastilah mengarah pada kemajuan dan kesejahteraan, kerana dengan pendidikan seseorang mendapatkan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan membawa manusia kepada pencerahan dan kejayaan. Kerana ilmu mendorong manusia untuk berjaya dan sejahtera. Kerajaan Indonesia berusaha keras untuk memajukan pendidikan di Indonesia, sama ada dari segi fizik mahupun bukan fizik. Pembangunan dari segi fizik iaitu pembangunan gedung atau sarana yang sangat diperlukan dalam proses pendidikan. Sedangkan dari segi bukan fizik adalah kualiti pengetahuan yang dimiliki anak didik mahupun guru, seperti pihak kerajaan menyediakan dana Bantuan Operasional Sekolah (BOS), di mana dana ini digunakan untuk membantu sesiapa anak didik yang berasal dari keluarga yang kurang mampu atau miskin. Untuk ini pihak kerajaan melarang adanya pungutan yuran pendidikan untuk peringkat pendidikan

dasar. Kerajaan juga mengadakan pelbagai seminar atau pelatihan untuk peningkatan kemampuan bagi guru mahupun untuk para murid, serta menyediakan beasiswa dan pelbagai kemudahan bagi guru dan mahasiswa untuk melanjutkan pendidikan mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Di Kecamatan Tanah Merah didapati beberapa institusi pendidikan yang dibiayai oleh kerajaan mahupun yang dibina oleh masyarakat. Seperti di Kecamatan Tanah Merah didapati Sekolah Dasar (SD) sebanyak 22 buah, untuk Desa Tanah Merah jumlah yang paling banyak iaitu ada enam buah sekolah Dasar, sedangkan daerah lainnya purata dua buah termasuk Desa Tanjung Pasir dan Sungai Laut. Untuk peringkat sekolah menengah (Sekolah Menengah Pertama/SMP) berjumlah tujuh buah sekolah Desa Tanjung Pasir. Sementara Tanah Merah dan Sungai Laut di masing-masing desa didapati satu Sekolah Menengah Pertama (SMP). Hanya ada satu Sekolah Menengah Atas (SMA) di Desa Tanah Merah. Sedangkan sekolah swasta seperti Madrasah Ibtidaiyyah hanya terdapat di Desa Kuala Enok dan Tsanawiyah terdapat di empat desa, iaitu Desa Sungai Laut, Kuala Enok, Tanah Merah dan Tekulai Bugis. Sekolah Aliyah yang sederajat dengan sekolah SMA hanya terdapat di Kecamatan Tanah Merah.

Adapun anak-anak suku Orang Laut sekarang ini telah mengikuti pendidikan di peringkat Sekolah Dasar (SD), tapi sayang mereka masih ramai yang tidak sampai menamatkan sekolahnya, hanya sedikit bilangan mereka yang mampu menyelesaikan sekolah peringkat dasar ini. Demikian pula pada peringkat Sekolah Menengah Pertama (SMP), Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA). Untuk tahun ini hanya ada dua orang. Kerana mereka kekurangan biaya untuk membayar yuran-yuran dari pihak sekolah. Di samping itu, keinginan bersekolah juga tidak kuat kerana motivasi dari orang tua juga kurang. Terlebih lagi anak-anak Orang Laut yang tinggal di Tanjung Pasir, mereka

harus menyeberang ke Kuala Enok atau Tanah Merah jika hendak melanjutkan sekolah ke peringkat SLTP atau SLTA. Mereka tidak mempunyai wang untuk membayar transportasi setiap hari dari Tanjung Pasir ke Tanah Merah. Biaya penyeberangan cukup mahal, sekali jalan dibayar RM1.00¹⁴ jadi jika ulang balek setiap hari menghabiskan RM2.00 belum termasuk belanja mereka, air minum dan makan. Akhirnya mereka terpaksa berhenti sekolah.

3.11. Profil Desa-Desa Yang Menjadi Tumpuan Kajian

Seperti yang telah disebutkan pada bab pendahuluan bahawa desa-desa yang menjadi tujuan kajian ini adalah Desa Sungai Laut, Tanjung Pasir dan Desa Tanah Merah. Semua desa tersebut berada di bawah kawasan Kecamatan Tanah Merah Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia. Berikut ini akan diberikan sedikit gambaran latar belakang tentang desa-desa tersebut:

a. Desa Tanjung Pasir

Desa Tanjung Pasir terletak kira-kira 15 km dari ibu negeri kecamatan atau dengan jarak tempuh 20 minit dengan menggunakan *speedboat*, sedangkan jarak ke ibu negeri kabupaten 30 km dengan jarak tempuh dua jam dengan menggunakan *speed boad*.


Adapun Desa Tanjung Pasir berbatas dengan:

- Sebelah utara berbatasan dengan Desa Tanjung Lajau
- Sebelah selatan berbatasan dengan Desa Sungai Enok
- Sebelah barat berbatasan dengan Desa Tanah Merah
- Sebelah timur berbatasan dengan Desa Sungai Laut

¹⁴ RM1.00 bersama Rp. 3,500 (tiga ribu lima ratus)

Bilangan penduduk Desa Tanjung Pasir 2,652 orang (lelaki 1,342 orang dan perempuan 1,282 orang) dengan jumlah 587 ketua keluarga. Sedangkan bilangan penduduk Orang Laut sebanyak 180 ketua keluarga atau 779 jiwa, dengan rincian lelaki seramai 390 orang dan perempuan seramai 389 orang. Orang Laut di Desa Tanjung Pasir boleh berbangga kerana setiausaha desa berasal dari suku Orang Laut. Untuk lebih jelas bilangan penduduk berdasarkan etnik yang ada di Desa Tanjung Pasir dapat dilihat pada carta di bawah ini:

Carta 3.5. Bilangan Penduduk Berdasarkan Etnik di Desa Tanjung Pasir 2012




Sumber: Pejabat Desa Tanjung Pasir 2012

Carta di atas memperlihatkan bilangan penduduk berdasarkan etnik yang ada di Desa Tanjung Pasir, dapat dilihat dengan jelas bahawa Orang Laut merupakan penduduk nombor dua teramai, iaitu 779 orang (29 peratus) setelah orang Bugis yang berjumlah 893 orang (34 peratus), kemudian orang Jawa 344 orang (13 peratus), selanjutnya orang Melayu 278 orang (10 peratus), Banjar 261 orang (10 peratus) dan lain-lain 97 orang (4 peratus). Perlu juga dijelaskan bahawa orang Bugis, Banjar, Jawa dan Melayu lebih ramai tinggal di pedalaman atau di tengah perkebunan mereka daripada tinggal di Bandar Desa Tanjung Pasir. Ertinya, Desa Tanjung Pasir majoriti

penduduknya adalah Orang Laut, mereka duduk di Desa Tanjung Pasir sahaja. Oleh itu dalam aktiviti hari-hari akan terlihat penduduknya adalah Orang Laut kerana orang Bugis dan Banjar serta Melayu mereka ramai di dalam perkebunan mereka.

Desa Tanjung Pasir mempunyai dua unit Taman Pendidikan al-Quran (TPA) dengan jumlah guru sebanyak enam orang dan muridnya 73 orang, dan ada 31 orang anak Orang Laut. Sekolah Dasar (SD) dua unit, dengan guru 10 orang dan jumlah murid 420 orang, anak Orang Laut yang duduk di bangku SD tersebut hanya 102 orang dari dua sekolah Dasar tersebut. SLTP dua unit dengan guru delapan orang dan murid 97 orang, anak Orang Laut hanya 12 orang sahaja dan ada satu orang yang bersekolah di Tsanawiyah iaitu sekolah agama yang ada di Tanjung Pasir. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada carta di bawah ini:

Carta 3.6. Taraf Pendidikan Orang Laut di Desa Tanjung Pasir



Sumber: Hasil Soal Selidik Lapangan Tahun 2013

Carta 3.6 di atas menunjukkan bahawa masih banyak Orang Laut yang buta huruf seperti dilihat di atas terdapat 287 orang yang buta huruf, dan yang tidak tamat sekolah Dasar seramai 127 orang, TADIKA 64 orang, tamat Sekolah Dasar (SD) 152 orang, 61 orang yang tamat SLTP dan ada 49 orang yang masih belajar, SLTA seramai 23 orang, dengan rincian: Satu orang lulusan SMK, 20 orang tamat SMA dan yang masih belajar di SMA seramai dua orang. Sedangkan di pengajian tinggi ada 4 orang, yang sudah tamat dua orang pada awal tahun 2014. Dari hasil angket (soal selidik) yang disebarakan secara merata di Desa Tanjung Pasir tahun 2012 didapati penjelasan bahawa ada 287 orang yang berusia dari 7- 60 tahun yang tidak pernah mendapatkan pendidikan, dan 127 orang yang pernah bersekolah di peringkat SD akan tetapi tidak tamat, ada 152 orang dewasa yang tamat SD (Sekolah Dasar), dan 49 orang tamat di sekolah tingkat SLTP/SMP (Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama/Sekolah Menengah Pertama) dan ada 20 yang tamatan SMA/SLTA (Sekolah Menengah Atas dan Sekolah Lanjutan Tingkat Atas). Satu kebanggaan Orang Laut Desa Tanjung Pasir anak mereka sudah ada yang sarjana, iaitu ada dua orang dan dua orang lagi sedang mengikuti kuliah (status mahasiswa) dan satu orang Sarjana Diploma (D3).

Selain itu, ditemui juga satu buah Pusat Layanan Kesehatan Masyarakat (Puskesmas) Pembantu, dan tiga buah Pusat Pelayanan Terpadu (Posyandu) istimewa untuk kesihatan anak-anak, bayi dan ibu-bu hamil. Kemudian terdapat juga Masjid tiga buah, Surau tiga buah. Ada posyandu khusus diadakan di kawasan mereka dengan tujuan agar mereka tidak merasa sungkan untuk memerikasakan kehamilan ibu dan menimbang anak-anak mereka. Para petugasnya juga dari kalangan mereka sendiri dan dibantu oleh bidan Puskesmas Pembantu (Pustu) yang ada di Desa Tanjung Pasir.

Desa Tanjung Pasir yang lama terkikis kerana terjadinya abrasi¹⁵ di dinding tanah desa, sehingga penduduknya satu persatu meninggalkan desa tersebut. Di samping itu, pernah terjadi masuknya perompak di tahun 1970-an sehingga satu persatu masyarakat keluar dan berpindah meninggalkan bandar desa tersebut, mereka pindah ke dalam ke kawasan perkebunan. Desa Tanjung Pasir seperti hilang ditelan bumi, namun secara administratif nama desa tetap ada kerana penduduknya masih didapati di daerah pedalaman. Pada akhir tahun 1970-an tersebut Orang Laut yang ada di Desa Tanah Merah mula pindah ke daerah seberang Tanah Merah, di mana di daerah tersebut ketika itu hanya ada sebuah bangunan iaitu gudang kopra milik seorang tokoh masyarakat Tanah Merah iaitu H. Naimuddin CS. Orang Laut membuat rumah tidak jauh dari gudang tersebut, tidak lama kemudian Orang Laut mula naik membina rumah di kawasan tersebut, sama ada yang datang dari Tanah Merah mahupun pendatang baru. Kerana sudah ramai Orang Laut yang tinggal di kawasan tersebut, akhirnya disebut dengan istilah Sungai Rumah, kerana Orang Laut yang ada di Desa Tanah Merah berbondong-bondong pindah di kampung sungai Rumah tersebut. Kemudian dalam masa 10 tahun kampung tersebut berkembang menjadi Desa Tanjung Pasir kerana penduduknya pun sudah ramai dan tidak hanya dihuni oleh Orang Laut sahaja. Akan tetapi suku-suku lain pun ikut tinggal dan pindah ke sana. Tidak hanya pendatang dari Desa Tanah Merah, tetapi juga dari berbagai daerah lain yang ada di Indragiri Hilir. Apalagi saat adanya pabrik kayu (*sowmel*), sehingga ramai orang yang datang datang dari berbagai daerah baik dari sekitar kecamatan Tanah Merah mahupun dari provinsi bahkan dari pulau Jawa, seperti orang Surabaya, Semarang dan lain-lainnya, khususnya mereka yang mencari pekerjaan di pabrik kayu tersebut, ramainya pada masa itu adalah di sekitar tahun 1985-2000.

¹⁵ Abrasi adalah peristiwa pengikisan pantai atau tanah dipinggir sungai akibat gelombang laut atau arus laut yang merusak, dalam bahasa Malaysia disebut lelasan


b. Desa Sungai Laut

Desa Sungai Laut terletak kira-kira 18 km dari ibu negeri kecamatan atau dengan jarak tempuh 35 minit dengan menggunakan bot laju (*speedboat*). Sedangkan jarak ke ibu negeri kabupaten 40 km dengan jarak tempuh dua jam dengan menggunakan bot laju (*speedboat*). Adapun desa Sungai Laut berbatasan dengan:

- Sebelah utara berbatasan dengan Sungai Buluh (Kecamatan Concong)
- Sebelah selatan berbatasan dengan Desa Tanjung Pasir
- Sebelah barat berbatasan dengan Desa Tanjung Lajau
- Sebelah timur berbatasan dengan Laut Berhala (Kepri)

Bilangan penduduk Desa Sungai Laut adalah seramai 2,582 orang (lelaki 1,349 jiwa dan perempuan 1233 orang) dan sebanyak 630 ketua keluarga. Dari bilangan tersebut, didapati Orang Laut seramai 166 ketua keluarga atau 729 orang dengan rincian lelaki 417 orang dan perempuan 312 orang. Desa Sungai Laut sama dengan desa-desa yang lain di mana masyarakatnya juga didapati cukup beragam, selain dari Orang Laut didapati juga orang Jawa, Banjar, Melayu, Bugis dan Cina. Orang Bugis, Banjar dan Melayu bilangan mereka ramai, namun sebahagian besar mereka duduk di pedalaman, tidak di bandar Desa Sungai Laut. Orang Laut di desa Sungai Laut berada di kawasan RW III, kawasan tersebut berada di ujung tanjung daripada desa tersebut. Kerana hampir semua orang Cina menjadi tauke bagi Orang Laut. Orang Cina pun sekarang ini sudah banyak yang tinggal di luar bandar Sungai Laut, mereka ulang-alik mengurus usaha mereka sahaja, mereka mengikuti anak-anak mereka yang pindah ke bandar lain. Untuk lebih jelasnya bilangan dan ragam suku yang ada di Desa Sungai Laut dapat dilihat carta berikut ini:

Carta 3.7. Bilangan Penduduk Desa Sungai Laut Mengikut Etnik Tahun 2013




Sumber: Pejabat Desa Sungai Laut 2013

Dari carta di atas dapat dilihat bahawa jumlah Orang Laut merupakan penduduk yang paling ramai di Sungai Laut, iaitu 729 orang (28 peratus), Bugis 559 orang (22 peratus), Melayu 497 orang (19 peratus), Banjar 557 orang (22 peratus) dan Cina 123 orang (5 peratus). Kendatipun orang Cina sedikit bilangannya, tetapi mereka sangat berpengaruh dalam bidang perekonomian masyarakat Sungai Laut. Sedangkan Orang Laut tinggal di bandar desa sahaja, hal ini terkait dengan kebiasaan mereka yang memang tidak boleh tinggal di pedalaman kerana jauh dari laut.

Didapati dua buah Taman Pengajian al-Quran (TPA), iaitu tempat belajar membaca kitab suci al-Quran bagi anak-anak orang Islam dan satu buah Taman Kanak-kanak (TADIKA) dengan jumlah murid hanya 42 orang, dan hanya ada dua orang anak dari suku Orang Laut. Sekolah Dasar (SD) dua buah, jumlah murid dari kedua-dua SD tersebut seramai 532 orang, ada 112 orang anak Orang Laut. Kerajaan memberikan perhatian yang besar ke atas pendidikan di Desa Sungai Laut dengan membangun dua buah gedung Sekolah Menengah Pertama (SMPN), dari kedua-dua sekolah tersebut hanya ada 181 orang murid, dan hanya ada tujuh orang anak Orang Laut yang

bersekolah di SMP tersebut. Satu buah pesantren Madrasah Aliyah (MA) iaitu sekolah sederajat dengan Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA), yang dibina oleh masyarakat. jumlah murid 59 orang, tidak ada satupun anak Orang Laut yang mengikuti pendidikan di Pesantren. Berikut dapat dilihat taraf pendidikan Orang Laut di desa Sungai Laut pada carta sembilan :

Carta 3.8. Taraf Pendidikan Orang Laut di Sungai Laut 2013



Sumber: Diolah dari Soal selidik di Lapangan 2013

Dari carta 3.8 di atas dapat dilihat bahawa pertumbuhan anak di bawah lima tahun (balita) akhir-akhir ini meningkat kerana banyak yang menikah dalam usia yang sangat muda, iaitu usia 17 tahun mereka sudah berkahwin. Sehingga anak usia yang belum bersekolah mencapai angka 120 orang. Buta huruf pada amnya adalah dari kalangan tetua-tetua mereka yang lahir di seputaran tahun 1930 hingga tahun 1980, iaitu seramai 188 orang. Yang tamat SMA ada tiga orang dan yang sedang bersekolah di SMA ada dua orang, mereka ini sekolah di Desa Tanah Merah dan harus menyeberang setiap hari dari Desa Tanjung Pasir ke Desa Tanah Merah yang memakan waktu 15 minit. Yang menamatkan SD seramai 160 orang. Anak-anak Orang Laut kebanyakan

hanya sampai SD sahaja, setelah itu mereka berhenti sekolah dan sebahagian ikut orang tua mereka untuk mencari nafkah atau hanya bermain sahaja sebagai pengangguran.

Selain itu, didapati juga satu buah Pusat Layanan Kesehatan Masyarakat (Puskesmas) Pembantu, dan tiga buah Pusat Pelayanan Terpadu (Posyandu) iaitu pelayanan kesihatan terpadu untuk ibu hamil dan balita. Satu Posyandu diadakan khusus di sekitar kawasan Orang Laut. Pihak kerajaan sengaja mendirikan satu Posyandu lagi di lingkungan mereka guna mempermudah memberikan pelayanan kesihatan ibu dan anak bagi Orang Laut. Kemudian didapati tiga buah Masjid, satu buah Masjid berada di persekitaran tempat tinggal Orang Laut, empat buah Surau dan satu Vihara.

Terdapat seorang pejabat desa (pejabat ketua kampung) dengan enam orang kaki tangan pejabat dan ada dua orang Orang Laut yang menjadi staf desa, delapan orang BPD (Badan Pengawas Desa) serta enam RW (kelompok masyarakat berdasarkan tempat tinggal). Kemudian terdapat 29 Rukun Tetangga (ketua kumpulan masyarakat berdasarkan banyaknya rumah).

Nama Desa Sungai Laut sudah dikenali oleh masyarakat jauh sebelum kemerdekaan negara Republik Indonesia, iaitu sekitar tahun 1930-an. Awalnya sebagai tempat persinggahan sementara bagi para nelayan Melayu, Bugis dan Banjar yang menanam belat di kawasan persekitaran Sungai Laut. Khususnya Orang Laut masa itu masih hidup sebagai penghuni perahu secara nomaden atau berpindah-pindah, ketika itu mereka banyak yang berlabuhkan di sepanjang sungai Laut tersebut. Desa Sungai Laut memang agak unik, kualanya berhadapan dengan laut lepas, namun perumahan yang dibina oleh masyarakat agak masuk ke dalam muara sungai. Makanya, kemudian orang yang tinggal di sana disebut dengan Sungai Laut. Namun, ada versi lain yang

menyatakan bahawa kerana kampung itu pertama kalinya dibangun dan dihuni oleh Orang Laut, tempatnya pula berada di pinggi sungai sehingga desa tersebut diberi nama dengan Sungai Laut, dan sungainya pula dipenuhi oleh sampan-sampan Orang Laut yang berehat di sungai tersebut. Menurut salah seorang tokoh Orang Laut “Gunawan” bahawa Desa Sungai Laut memang yang pertama kali membina (membuat) rumah adalah keluarga ”Menan, Naim” dan kemudian naik satu persatu keluarga Orang Laut yang lain ikut membina rumah. Tetapi ketika itu mereka tidak tinggal lama, mereka hanya tinggal beberapa bulan kemudian pergi lagi dan meninggalkan kampung tersebut berkelana di laut lepas dalam sampan bersama beberapa keluarga mereka. Biasanya mereka naik ke darat membina rumah sederhana selama musim penghujan dan angin kencang, selepas musim tersebut mereka meninggalkan pondok yang mereka bina.

Pada tahun 1940-an barulah mula ramai penduduk yang tinggal dan menetap di Desa Sungai Laut. Di awal kemerdekaan Desa Sungai Laut dihuni oleh tiga suku, iaitu Orang Laut, Orang Cina dan Bugis. Ada beberapa orang tokoh dalam masyarakat Sungai Laut pada masa itu yang disegani oleh masyarakat Sungai Laut, iaitu Pak Latif, A Seng (Cina), H. Rike dan Menan mereka adalah tokoh Orang Laut pada tahun 1980-an (wawancara, 12 Mei 2012). Orang Cina umumnya sebagai pebisnis dan Bugis sebahagian besar petani kopra dan sebahagian besar orang Bugis tinggal di tengah-tengah perkebunan mereka di pedalaman, sedangkan Orang Laut pada umumnya sebagai nelayan, makanya mereka pada amnya tinggal di kuala sungai atau di pinggiran kampung yang dekat dengan sungai atau laut. Pada masa penjajahan, Desa Sungai Laut juga dijadikan benteng pertahanan dan tempat para tentara Indonesia bersembunyi melawan penjajah Belanda mahupun Jepun.

c. Desa Tanah Merah


Desa Tanah Merah terletak di ibu negeri kecamatan, jarak ke ibu negeri kabupaten 30 km dengan jarak tempuh satu jam dengan menggunakan bot laju (*speedboat*). Desa Tanah Merah berbatasan dengan:

- Sebelah utara berbatasan dengan Kecamatan Kuindra
- Sebelah selatan berbatasan dengan Kecamatan Reteh
- Sebelah barat berbatasan dengan Kecamatan Enok
- Sebelah timur berbatasan dengan Provinsi Kepulauan Riau

Desa Tanah Merah adalah desa yang paling ramai bilangan penduduknya, iaitu berjumlah 13,607 orang (lelaki 6,825 orang dan perempuan 6,782 orang) dengan 3,285 ketua keluarga. Sedangkan bilangan Orang laut didapati sebanyak 374 orang dengan 99 ketua keluarga, dengan rincian lelaki 161 orang dan perempuan 213 orang. Sebelum tahun 1980, Tanah Merah sebagai tempat yang paling ramai Orang Laut, sehingga ada kawasan yang dianggap sebagai kawasan Orang Laut dan disebut dengan nama “Kampung Laut”. Istilah ini hingga sekarang masih digunakan oleh masyarakat Tanah walaupun “Kampung Laut” tersebut sekarang sudah tidak banyak lagi Orang Laut, namun masyarakat masih menyebut kawasan itu sebagai kawasan “Kampung Laut”. Orang Laut dari kawasan ini berpindah ke desa seberang yang disebut dengan Sungai Rumah dan sekarang lebih dikenali dengan Desa Tanjung Pasir. Sekarang kawasan tersebut berada di sekitar dua RW (Rukun Warga), iaitu RW IV dan V dan terkumpul di RT VII dan III. Namun, dalam kumpulan tersebut mereka tetap hidup berdampingan dengan suku-suku bangsa yang lain, seperti berjiran dengan orang Cina, Bugis, Melayu dan lain-lain. Ada orang Batak, Menado dan flores yang bilangannya hanya beberapa orang sahaja, di antara mereka ada yang datang kerana mendapatkan tugas dari kerajaan, dan ada yang datang kerana mencari pekerjaan sebagai nelayan atau bekerja

dengan orang Cina. Untuk lebih rinci mengenai penduduk mengikuti etnisiti dapat dilihat pada carta di bawah ini:

Jadual 3.3. Kumpulan Etnik yang Terdapat di Desa Tanah Merah




Sumber: Pejabat Desa Tanah Merah 2013

Jadual 3.3 di atas menunjukkan bahawa Orang Laut hidup berdampingan dengan bermacam-macam suku bangsa, dan bilangan mereka lebih banyak daripada Orang Laut, seperti orang Bugis seramai 2665 orang, disusul orang Melayu seramai 2568 orang, kemudian orang Banjar 2441 orang, Jawa 2110 orang, Minang 1226 orang, Cina 1962 orang, Sunda 141 orang, Madura 103 orang, dan suku-suku lain seramai 17 orang.

Didapati seorang pejabat desa (pejabat ketua kampung) dengan sembilan orang kaki tangan pejabat desa, 11 orang BPD (badan Pengawas Desa) serta delapan RW (kumpulan masyarakat berdasarkan tempat tinggal). Kemudian terdapat 46 Rukun Tetangga (ketua kumpulan masyarakat berdasarkan banyaknya rumah).

Didapati empat buah Taman Pengajian al-Quran (TPA), iaitu tempat belajar membaca kitab suci al-Quran bagi anak-anak orang Islam dan dua buah Taman Kanak-kanak (TADIK) serta Sekolah Dasar (SD/MI) tujuh buah, dan SLTP satu buah, enam buah pesantren dan satu buah SLTA. Adapun keadaan pendidikan Orang Laut desa Tanah Merah dapat dilihat pada carta dibawah ini :

Jadual 3.4. Taraf Pendidikan Orang Laut di Desa Tanah Merah 2013



Sumber: Hasil soal selidik Lapangan 2012

Jadual di atas menjelaskan bahawa ada 31 orang anak Orang Laut yang belum bersekolah, 21 orang anak yang mengikuti pendidikan Taman Pendidikan Kanak-kanak (TADIK), 68 orang yang sedang mengikuti pendidikan Sekolah Dasar (SD), sembilan orang yang sedang bersekolah di Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan yang Tamat di bangku sekolah SMP seramai 18 orang, tiga orang merupakan tamatan sekolah agama iaitu Tsanawiyah di Tanah Merah, ada 63 orang yang buta huruf, namun mereka boleh membaca al-Quran. Didapati 110 orang yang pernah bersekolah namun tidak sampai menyelesaikan pendidikan tersebut.

Selain itu didapati juga kemudahan asas iaitu sebuah Pusat Layanan Kesehatan Masyarakat (Puskesmas) Pembantu, dan empat buah Pusat Pelayanan Terpadu (Posyandu) istimewa untuk kesihatan anak-anak, bayi dan ibu-bu hamil. Kemudian terdapat juga Masjid tiga buah, empat buah Surau, satu Gereja dan satu buah Vihara.

3.12. Rumusan

Kecamatan Tanah Merah adalah salah satu kecamatan yang ada di Kabupaten Indragiri Hilir Provinsi Riau Indonesia. Kecamatan Tanah Merah mempunyai 11 desa dan satu kelurahan, iaitu Kelurahan Kuala Enok, Desa Tanah Merah, Tanjung Pasir, Tanjung Baru, Tekulai Bugis, Tekulai Hilir, Tekulai Hulu, Sungai Laut, Sungai Nyiur dan Desa Selat Nama.

Masyarakat Tanah Merah sangat heterogen, hampir seluruh semua suku yang ada di Indonesia terdapat di Kecamatan Tanah Merah. Kerana masyarakatnya sangat heterogen, maka budayanya juga heterogen. Namun, budaya yang berbeza-beza tersebut menjadi penyatu bagi masyarakat dan menjadi pengikat serta daya tarik dari satu suku bangsa dengan suku bangsa lain. Hal ini terbukti dengan terjalinnya hubungan antara satu dengan yang lain. Bahkan hubungan baik tersebut dibuktikan dengan terjadinya ikatan perkahwinan di antara mereka. Sebutan Orang Laut sekarang ini sudah mula berkurang kerana Orang Laut Tanah Merah sudah lebih suka menyebut diri mereka dengan sebutan “Duanu”. Mereka tidak mau disebut Orang Laut.

Orang Laut di kecamatan Tanah Merah pernah mempunyai kepemimpinan dari kalangan mereka sendiri yang berperan memimpin Orang Laut di kawasan Kecamatan Tanah Merah, pemimpinnya pada masa itu adalah H. Selamat, yang dikukuhkan dan diresmikan oleh wakil Bupati Indragiri Hilir, iaitu Drs. H. Baharuddin Yusuf pada tahun

1981. Namun, sekarang sudah tidak ada pengukuhan kembali dan juga boleh dikata bahawa pemimpin mereka tidak mendapat pengakuan lagi dari pihak kerajaan. Hal-hal tersebut menunjukkan bahawa Orang Laut mempunyai tradisi, norma dan nilai sendiri serta mempunyai bahasa sendiri yang disebut dengan bahasa “Orang Laut” atau “Duanu”.

Pada masa kini Orang Laut sudah hidup di darat, mereka tinggal di tiga kawasan iaitu; Desa Tanjung Pasir, Sungai Laut dan Tanah Merah. Mereka telah mempunyai kehidupan sendiri dan sistem sosiobudaya sendiri seperti sistem kekerabatan bilateral, agama atau kepercayaan iaitu Islam, mata pencaharian sebagai nelayan dan terkenal sebagai pencari segala macam binatang laut, khususnya pencari kerang dengan cara “*menongkah*”.

BAB IV

ADAPTASI SOSIOBUDAYA ORANG LAUT

4.1. Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang adaptasi Orang Laut terhadap kehidupan sosiobudaya di Kecamatan Tanah Merah. Untuk melihat adaptasi sosiobudaya suatu masyarakat, maka yang menjadi fokus perhatian adalah proses dan strategi adaptasi yang mereka lakukan. Proses dan strategi adaptasi adalah sistem tingkah laku yang terbentuk sebagai akibat adanya keinginan dan usaha penyesuaian manusia terhadap perubahan lingkungan atau persekitaran, dan untuk menjaga keseimbangan hubungan tindak balas dalam menerima situasi persekitaran sosial dan persekitaran alam agar dapat bertahan hidup (*survive*). Rappaport (1971: 24) mengemukakan bahawa adaptasi adalah suatu proses organisma atau kumpulan organisma yang menghadapi perubahan yang bersifat responsif sehingga keadaan, struktur dan komposisi mengatur secara homeostatis terhadap perubahan, sama ada yang bersifat jangka pendek mahupun perubahan lingkungan yang bersikap jangka panjang. Oleh itu, bab ini pula menganalisa secara rinci: proses dan strategi adaptasi persekitaran yang meliputi tempat tinggal Orang Laut, proses dan strategi adaptasi terhadap mata pencarian, agama atau kepercayaan, perkahwinan campur, organisasi sosial, pendidikan, serta proses dan strategi adaptasi terhadap politik. Kemudian bab ini juga menganalisa tentang pola adaptasi Orang Laut.

4.2. Adaptasi Terhadap Lingkungan Baru

Bennett (1976: 272) menjelaskan bahawa proses adaptasi adalah saling hubungan antara manusia dan alam sekitar. Manusia membangunkan tingkah laku yang sesuai dengan cabaran. Kemampuan manusia untuk membina citra (*image*) dalam suatu dunia fizik (*material*) bagi bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari realiti empiri. Selanjutnya,

Hardesty (1977: 22) juga menjelaskan bahawa proses adaptasi terjadi dalam tiga tingkatan, iaitu tingkah laku, fisiologi dan genetik atau demografi. Sedangkan strategi menurut Bennett (1976: 281) adalah manusia sebagai subjek menentukan suatu tujuan, dengan memandang sasaran atau persekitaran yang akan, sedang atau telah dihadapinya sebagai objek di mana manusia harus menetapkan pilihan untuk melakukan sesuatu atau beradaptasi dengan melihat, mengingat dan mempertimbangkan faktor risiko suatu objek yang dihadapinya.

Proses dan strategi perpindahan ke darat bersifat sporadik, kerana perpindahan tersebut tidak sepenuhnya dirancang, sama ada oleh mereka sendiri mahupun oleh pihak kerajaan pada masa dahulu. Oleh itu, perpindahan tersebut tidak purata di suatu tempat dan tidak sama keadaannya. Demikian pula halnya dengan orang-orang yang ada dipersekitaran mereka, kerana setiap ada kawasan baharu yang mereka tempati selalu mempunyai hubungan dengan orang yang ada di persekitaran tersebut. Seperti sebelum Ibrahim naik ke daratan Tanah Merah, sebenarnya kawasan ini memang sudah menjadi kawasan persinggahan mereka untuk beristirahat selepas melakukan perjalanan jauh, kerana muara sungai Indragiri yang ada di hadapan Kuala Enok bertemu dengan perairan Kepulauan Riau yang dahulu disebut dengan perairan Riau Lingga. Perairan Kepulauan Riau (Riau Lingga) tembus dengan perairan Provinsi Jambi, iaitu perairan Tanjung Jabung. Perairan ini bertemu dengan perairan Sungai Indragiri yang ada di depan Desa Tanah Merah, Kuala Enok dan sekitarnya. Jadi, Kuala Enok dan Tanah Merah sebagai gerbang perairan untuk memasuki sungai Indragiri, seperti kerajaan Indragiri yang berkedudukan di Rengat. Oleh itu, Orang Laut yang telah melakukan perjalanan melalui rute perairan tersebut, mereka menduduki kawasan Kuala Enok dan Tanah Merah dan menjadikan sebagai tempat peristirahatan, namun mereka tetap dalam

sampai kajangnya dan tidak naik ke darat. Kawasan ini belum dihuni oleh sesiapa pun, masih merupakan hutan-hutan bakau dan nipah di sepanjang pantai.

Pada tahun 1868 beberapa rombongan perahu Bugis memasuki kawasan Indragiri. Mereka merupakan perantau Bugis yang mencari tempat yang subur untuk berkebun. Sebelumnya mereka sudah menetap di kawasan Kalimantan Barat, iaitu kawasan Kutai, mereka merasa tidak cocok duduk di kawasan tersebut mereka menerusi perjalanan ke Johor, kemudian ke Melaka dan menetap beberapa tahun. Namun, mereka belum juga mendapatkan tempat duduk yang sesuai sehingga mereka menyusuri selat Melaka hingga sampai di muara sungai Indragiri sekitar kawasan Kuala Enok dan Tanah Merah masa kini (masa itu belum mempunyai nama). Pada tahun itu mereka membuka kebun di kawasan sebelah kiri muara Sungai Indragiri Hilir iaitu Sungai Udang (seberang Desa Kuala Enok sekarang) kerana di kampung Sungai Udang sudah ramai perantau Bugis yang menetap di sana, dan Kuala Enok belum mereka tempati, untuk memenuhi keperluan mereka sehari-hari, mereka berbelanja ke Kecamatan Enok, kerana Kecamatan Enok saat itu sudah merupakan salah satu kota Keresidenan yang dibina oleh Belanda. Kerana sering melewati kawasan tersebut, akhirnya pada tahun 1879, Kalettung bersama dengan keluarganya beberapa orang bugis lain, naik ke darat Kuala Enok dan membina rumah bersama dengan anak lelaki mereka iaitu Kallabe, Latif, Bulu dan Puke⁷. Lebih kurang 35 orang dalam satu rumah dan beberapa perahu Layar Bugis yang ikut membantu membina rumah. Kemudian dalam beberapa bulan berikutnya ramailah perantau Bugis, Cina, Banjar dan Melayu yang datang dan tinggal bersama mereka, hingga akhirnya mereka ikut membina rumah di sekitar rumah tersebut (Kuala Enok). Orang Bugis sebahagian merupakan pelarian dari kekejaman Belanda seiring dengan peristiwa pembunuhan beramai-ramai yang dikenali dengan peristiwa *Westerling* di Sulawesi Selatan. Hasil temubual dengan salah seorang anak Buluk yang

masih hidup, iaitu Abdul Razak Rassake (wawancara, 20 Julai 2012), menceritakan Buluk membuka hutan disebelah kanan sungai Perigi, dan beberapa orang Orang Laut yang bersahabat dengan Buluk ikut membantu dan sekaligus mengambil kayu untuk kayu bakar untuk memasak. Namun, mereka masih menetap di dalam sampan. Setelah Buluk membawa pindah keluarganya di daerah baharu tersebut, mulailah datang etnis lain ikut membina rumah dan membuka hutan di kawasan tersebut, seperti orang Cina dan Orang Melayu, Banjar dan lain-lain. Sedangkan daerah Kuala Enok diperluas oleh Kuraga (juga perantau Bugis) yang ikut membuka hutan di sebelah kiri sungai Perigi. Kerana Sungai yang ada di hadapan kampung itu merupakan gerbang masuk ke Enok, maka orang yang melewati sering menyebutnya dengan nama Kuala Enok, akhirnya tersebarlah nama Desa Kuala Enok hingga masa kini. Sedangkan kawasan yang dibuka oleh Buluk sebelah kanan Sungai Perigi lebih dikenal dengan Tanah Merah, kerana setelah kawasan ini berkembang ada tumpukan tanah merah bekas tempat membuat arang dan membuat parang yang dibuat oleh orang Cina. Bekas onggonan arang yang menyatu dengan tanah tersebut kelihatan merah, sehingga disebut kawasan tersebut Tanah Merah.

Dengan naiknya Datuk Ibrahim ke darat, diikuti Jauhari dan Banang serta yang lain merupakan awal proses dan strategi adaptasi Orang Laut terhadap lingkungan darat di kawasan Tanah Merah. Seperti sudah dijelaskan pada bab terdahulu bahawa proses Orang Laut naik ke darat tidak serta merta, mereka sebenarnya mempunyai strategi yang bijak untuk menyesuaikan diri terhadap alam sekitar dan lingkungan sosial. Seperti di Desa Tanah Merah (Kuala Enok), sebelum Orang Laut naik ke darat mereka sudah menetap di seputar kawasan tersebut dengan menambat sampan-sampan atau perahu mereka di kuala sungai dan di pinggir pantai Desa Tanah Merah dan Kuala Enok. Mereka tetap dalam sampan, namun dalam kehidupan sehari-hari mereka selalu

ke darat dan melakukan pendekatan dengan masyarakat yang ada di darat. Mereka mengenali masyarakat dikawasan mana-mana yang mereka rancangkan untuk berduduk di sana, mereka melihat-lihat orang di keramaian atau dengan sengaja singgah mendekati orang-orang yang ada di darat atau singgah pada tempat-tempat tertentu dengan mengajaknya berbincang dan dengan menawarkan kerang, belangkas, udang atau ikan dari hasil tangkapan mereka. Steward (1955:30) mengungkapkan bahawa dengan ekologi budaya boleh menjelaskan interaksi yang spesifik antara lingkungan dan proses terbentuknya kebudayaan. Hal ini yang terjadi pada Orang Laut, dimana mereka naik ke darat dan mendekati masyarakat. Melalui interaksi tersebut Orang Laut dapat mengetahui dan memahami kehidupan orang di darat. Mereka melihat tidak hanya ada satu suku dan budaya yang ada di darat, sehingga mereka boleh yakin bahawa mereka pun boleh naik di darat dan hidup sepertimana orang lain.

Soerjono Soekanto (1984: 10) mengatakan bahawa adaptasi mengandungi empat masalah pokok yang harus menjadi perhatian, iaitu: Pertama, proses mengatasi halangan-halangan dari lingkungan; Kedua, proses perubahan untuk menyesuaikan diri dengan situasi yang berubah; Ketiga, penyesuaian dari kumpulan terhadap lingkungan; Dan keempat, penyesuaian biologis atau budaya sebagai hasil seleksi alam. Oleh itu, penting untuk mengamati proses dan strategi Orang Laut dalam mengatasi berbagai rintangan hidup terhadap lingkungan, dalam penyesuaian terhadap berbagai perubahan, persekitaran sosial dan budaya.

Menurut Abdul Razak Rassake' (82 tahun) informan yang pernah tinggal bersama-sama dengan Orang Laut di Desa Tanah Merah menyata bahawa :

Orang Laut sebelum naik ke darat dan membina rumah, mereka menetap dalam sampan yang tidak jauh dari kampung dimana mereka akan membina rumah. Dengan mengamati situasi lingkungan, mereka sebenarnya berusaha mengenali orang-orang yang ada dipersekitaran tersebut, sehingga apabila mereka membangun rumah, mereka sudah dikenali oleh masyarakat sekitarnya.

Setelah mereka naik ke darat, Orang Laut yang sudah membina rumah, terkadang mereka menempatnya hanya dalam beberapa minggu sahaja. Kemudian mereka pergi meninggalkan rumahnya, ada yang kembali lagi dan ada yang tidak. Mereka sangat mudah untuk datang dan pergi meninggalkan rumah pada saat itu. Tidak seperti sekarang mereka sudah harus mengikuti peraturan kerajaan dan undang-undang.

Saya menyaksikan beberapa keluarga Orang Laut yang naik ke darat membina rumah yang tidak jauh dari rumah kami. Orang Laut pertama yang naik ke darat di Desa Tanah Merah adalah Ibrahim, Orang Laut menyebutnya 'Datuk Ibrahim', kemudian diikuti oleh Jauhari bersama keluarganya, kemudian Banang. Ketiga-tiga orang tersebut dianggap sebagai tokoh Orang Laut mula hidup dalam sampan. Lama kemudian baru naik Orang Laut yang lain secara seporadik.

Mereka membina rumah daerah ujung tanjung, kemudian bergeser hingga ke darat bahagian dalam. Mereka selalu mencari dan mendekati orang-orang yang tinggal dipersekitaran tersebut dan berusaha mengenalinya. Mereka berpura-pura minta air hujan untuk memasak, disamping itu mereka juga mencari tokoh Orang Laut dan melaporkan keinginannya untuk membangun rumah. Kejadian seperti ini masih dapat disaksikan hingga tahun 1970-an.

Rumah yang mereka bangun biasanya sangat sederhana, di dalamnya tidak ada bilik, lurus terbuka, tidak ada ruang tamu, ruang makan, dan bilik tidur, tanpa ada hiasan rumah, kerusi tamu dan sebagainya. Namun, lama kemudian rumah mereka mulai bersekat dua, iaitu sekat antara ruang tamu dengan bilik tidur dan dari bilik tidur ke dapur. Sekarang rumah-rumah mereka sudah sama dengan rumah masyarakat pada umumnya sesuai dengan situasi dan kondisi keuangan mereka.

Dari penjelasan Abdul Razak Rassake' tersebut jelas dapat diketahui bahawa dalam proses adaptasi Orang Laut untuk menentukan lingkungan tempat tinggal mereka tidaklah serta merta. Mereka mempelajari lingkungan tersebut sebelum naik ke darat, sama ada dari segi lingkungan alam mahupun lingkungan sosialnya. Mereka mengenali orang-orang yang ada di persekitaran rumah yang akan mereka dibina hingga kaitannya dengan kemudahan mereka dalam bekerja dan memenuhi keperluan hidup. Persekitaran sosial yang dimaksudkan dan sebagai persyaratan penting bagi mereka adanya Orang Laut lain yang mereka kenali dipersekitaran tersebut.

Ketika mereka sudah naik dan membina rumah dan tinggal beberapa minggu atau bulan, namun apabila mereka merasa tidak selesa atau merasa aktiviti mereka terganggu, maka mereka kembali turun ke laut. Walaupun mereka telah membina rumah, mereka kembali ke sampan dan mengembara di sepanjang Sungai Indragiri dan laut hingga kawasan laut lepas yang menembusi Selat Berhala dan Selat Melaka. Mereka terus berpusing mengelilingi Pulau Indragiri dari Kuala Indragiri bahagian

selatan, utara, timur dan barat kembali ke selatan, hingga akhirnya mereka satu persatu naik ke darat dan menetap, ada juga kembali lagi ke rumah yang sudah mereka tinggalkan. Ada kalanya mereka menetap dalam waktu satu bulan dan bahkan ada yang kurang dari satu bulan sudah pindah lagi mencari kawasan baharu yang mereka anggap lebih sesuai.

Rumah yang sudah mereka bina ditinggalkan begitu sahaja tanpa ada rasa khawatir diambil orang. Hal ini berlaku kerana pada masa itu mereka mengambil bahan-bahan bangunan rumah tersebut langsung dari hutan dan atap mereka anyam sendiri. Izin membina juga tidak ada, apalagi tanah untuk membina juga tidak dibeli, sehingga sangat mudah bagi mereka datang dan pergi meninggalkan apa yang sudah mereka buat. Hal tersebut dapat dikatakan sebagai masa proses adaptasi awal untuk naik ke darat dan menetap di darat. Situasi seperti ini terjadi hingga tahun 1980-an.

Selepas tahun 1980-an sehingga masa kini, Orang Laut tidak mudah lagi untuk membina rumah sesuka hatinya, khususnya di wilayah Desa Tanah Merah. Mereka sudah harus mengikuti undang-undang (aturan) atau polisi kerajaan tentang pemilikan harta dan kewajiban mempunyai surat keterangan pemilikan serta jual beli tanah sehingga surat bukti pembayaran cukai rumah. Disamping itu, memang tidak ada lagi tanah kosong yang bebas untuk dibina seperti yang terjadi pada sebelum tahun 1980-an. Mereka harus membeli tanah dengan masyarakat yang ada dipersekitaran tersebut, ini menyebabkan telah semakin ramainya bilangan mereka yang naik ke darat. Sebahagian mereka ada juga yang pergi mencari kawasan yang dianggap sesuai, bebas dan tidak terikat dengan peraturan. Hal ini sejalan dengan apa yang dianggap sebagai proses adaptif oleh Parson (1972: 193), bahawa:

Adaptasi bermula dari adanya suatu ketegangan yang dapat dilihat sebagai suatu ketidaksesuaian antara adanya suatu sistem yang ada dengan keadaan yang diinginkan,

atau terjadi kerana kurangnya suatu pemuasan yang menyenangkan ataupun semakin kurangnya keseimbangan. Ketegangan tersebut mendorong adaptasi dari satu tujuan tertentu (*goal attainment*) serta menggiatkan dorongan yang diarahkan untuk mencapai tujuan, dan untuk mencapai tujuan tersebut harus melalui tahap-tahap genting yang menyebabkan tujuan-tujuan tersebut tertunda. Dalam tahap pencapaian tujuan secara khas diikuti oleh suatu tekanan integrasi bahawa seluruh solidariti diperkuat, pada gilirannya tahap ini akan diikuti oleh tahap pemeliharaan untuk mempertahankan pola yang bersifat laten (*latent pattern maintenance*).

Ungkapan Parsons tersebut dapat dilihat dari proses adaptasi yang berlaku pada Orang Laut yang dihuraikan di atas, demikian juga ketika sebahagian mereka yang keluar dari Desa Tanah Merah dan membangun kampung baharu sebelum tahun 1980-an. Yacob seorang Orang Laut yang datang dari kawasan Kecamatan Concong dan pada awalnya pernah tinggal di darat, kemudian meninggalkan kampung tersebut dan kembali mengembara hingga tiba di seberang Desa Tanah Merah dan membangun rumah di kawasan yang belum ada satupun rumah atau manusia yang tinggal di persekitaran tersebut. Tidak lama kemudian Naro dari Desa Tanah Merah juga merasa kurang selesa tinggal di Tanah Merah juga mencari kawasan baharu. Melihat ada rumah Orang Laut yang tinggal di seberang, ia pun ikut membina rumah di kawasan tersebut. Ia merasa Desa Tanah Merah sudah tidak sesuai lagi baginya kerana penduduknya yang sudah ramai dan ingin mencari tempat tinggal yang lebih bebas dan dekat dengan tempat kerang. Setelah dia tinggal di sana, mula berdatangan Orang Laut yang lain, terutama dari Desa Tanah Merah. Satu persatu ikut membina rumah di seberang sehingga dalam waktu tiga hingga lima tahun ramailah bilangan penduduknya. Akhirnya kampung tersebut dikenali dengan nama kampung Sungai Rumah. Tidak jauh dari Sungai Rumah terdapat sebuah Gudang Kopra, suatu perusahaan jual beli kopra milik masyarakat. H. Naro (57 tahun) menuturkan: Ketika Beliau dan isteri masuk kampung ini pada tahun 1980, sudah ada pak Yacob dari Concong yang lebih dahulu membina rumah dan tinggal dengan keluarganya di sini. Kemudian barulah Orang Laut yang lain ikut tinggal di sini, terutama dari Tanah Merah. Ada juga dari Sungai Laut dan dari daerah lain yang ikut tinggal di sini. Mereka menyenangi kawasan ini kerana dekat

dengan laut. Dahulu beliau juga seorang pelaut, sekarang sudah tidak melaut lagi kerana sudah tua. Saat itu jika mahu membeli keperluan asas seperti beras, minyak dan lain-lain kami harus turun menyeberang ke Kuala Enok atau Tanah Merah. Oleh itu, Beliau berniaga dengan membuka kedai runcit supaya masyarakat di kampung itu tidak perlu lagi menyeberang untuk membeli keperluan asas mereka.

Pada masa itu kawasan tersebut masih bebas bagi masyarakat untuk membina rumah tanpa ada jual beli dan kewajipan lain. Kemudian kawasan tersebut mula dihuni oleh ramai Orang Laut, dan mereka menamakan 'Sungai Rumah'. Nama tersebut lebih dikenali lagi selepas kerajaan menjadikannya sebagai kawasan "Projek Pengembangan Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKSMT)" pada tahun 1983 dan berjalan hingga tahun 1995. Peringkat awal projek tersebut cukup ramai masyarakat yang mendiaminya, namun tidak sampai satu tahun kebanyakan penghuninya meninggalkan rumah tersebut dan ada yang menyewakan kepada orang lain. Pemilik rumah kembali turun ke laut (kembali mengembara). Ada yang kembali ke Desa Tanah Merah, ada pula yang pergi hanya beberapa bulan kemudian kembali lagi dan menyewa rumah di bahagian luar dari kawasan tersebut.

Terdapat beberapa faktor mengapa Orang Laut meninggalkan rumah yang telah disediakan kerajaan tersebut; pertama, rumah tersebut jauh dari laut atau sungai, sehingga sebahagian Orang Laut yang termasuk dalam kumpulan yang mendapatkan bantuan dari kerajaan meninggalkan rumah tersebut; kedua, sehingga mereka merasa bimbang kepada sampan mereka yang ditinggalkan jauh dari tempat tinggal dan mereka merasa tidak selamat; ketiga, rumah tersebut sempit dan ini menyebabkan mereka merasa tidak selesa untuk tinggal di situ. Lantas mereka menyewa rumah di luar kawasan tersebut, namun anak-anak mereka tetap meneruskan pendidikan dan aktiviti

belajar mengaji dan mendalami ilmu keagamaan. Dalam satu wawancara dengan salah seorang warga binaan Jabatan Sosial pada masa itu ialah Mi'ah (45 tahun) menyatakan bahawa:

Kami senang dapat rumah dari kerajaan (pemerintah) kerana dapat rumah tempat tinggal, tetapi lama-lama kami susah juga kerana di sana kami sangat payah untuk melakukan berbagai pekerjaan, terutama untuk turun ke laut. Kerana rumah yang kami duduki jauh dari laut. Begitu juga kami merasa tersisih dari keluarga kerana jauh dari mereka. Lebih susah lagi kalau musim kemarau payah kami untuk mengambil air. Suami saya mengajak pindah, akhirnya tongkat dan papan serta atap rumah pembahagian tersebut kami cabut, dan kami pindahkan ke tepi sungai, supaya kami senang menjaga sampan dan mudah untuk turun ke laut. Apalagi kalau kami mahu turun melaut malam hari senang kerana sampan kami dekat (wawancara, 2013).

Dari ungkapan Mi'ah di atas jelas kelihatan bahawa orang luar mungkin melihat mereka senang kerana mendapat rumah tempat tinggal percuma, akan tetapi Mi'ah yang mendapatkan bantuan ternyata tidak merasakan keselesaan dengan rumah yang didapati, kerana rumah tersebut membuat beliau dan keluarga merasa tidak selesa untuk beraktiviti dengan baik. Sehingga menimbulkan ketegangan hidup yang mereka alami dan untuk menyesuaikan diri dengan alam sekitar dan persekitaran sosial serta situasi kehidupan yang mereka hadapi. Sebaliknya mereka melakukan strategi-strategi baharu demi untuk meneruskan hidup (*survive*). Proses dan strategi adaptasi tidak berjalan dengan lancar, ada kalanya harus meninggalkan tempat dan menolak fasiliti yang diberikan. Hal ini selari dengan apa dikatakan oleh Steward (1955: 38) bahawa adaptasi setiap masyarakat tidak dapat dielakkan dari kebudayaan dan proses adaptasi boleh terjadi dalam struktur masyarakat manapun.

Sungai Rumah yang terus ramai dan berkembang menjadi perkampungan, penduduknya tidak hanya Orang Laut lagi. Penduduknya bertambah dari pelbagai suku sehingga oleh kerajaan dijadikan ibu negeri Desa Tanjung Pasir, menurut penjelasan dari sekretaris Desa Tanjung Pasir Sarfan: "bahawa pada tahun 1985 bilangan penduduk desa Tanjung Pasir hanya 1,256 Orang, sebahagian besar tinggal di kebun mereka, sedangkan yang tinggal di kota sekitar 218 rumah atau sekitar 224 ketua keluarga.

Sekarang bilangan penduduknya sudah berjumlah 2,652 orang, dengan 262 jumlah rumah. Orang Laut yang ada di Desa Tanjung Pasir sebahagian besar adalah penduduk yang berasal dari Desa Tanah Merah dan mereka mendapatkan bantuan dan pembinaan dari kerajaan pada program Program Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKSMT). Di desa ini terjadi interaksi yang sangat padu dimana masyarakat tumbuh dan berkembang bersama-sama tanpa ada perbezaan antara satu suku dengan suku yang lain. Orang Laut menerima keberadaan orang-orang lain (suku-suku lain) yang masuk dan membina rumah serta tinggal dan menetap di kawasan mereka.

Kawasan Tanjung Pasir menjadi ramai dan pertumbuhan sosiobudaya pun ikut tumbuh dan berkembang selari dengan pertumbuhan penduduk, khususnya dalam penyusunan tempat kediaman (perumahan). Orang Laut sudah membina rumah sebagaimana rumah masyarakat di persekitaran mereka. Kebanyakan rumah yang dibina mereka tersebut berada di tepi pantai dengan tiang-tiang yang tinggi mencapai lima hingga sembilan meter dari permukaan tanah dan bentuk dalam rumah mereka yang paling mudah bersekat dua, iaitu sekat pertama antara ruang tamu dan bilik tidur dan sekat kedua antara bilik tidur dan dapur.

Sementara bagi rumah yang telah moden, bilik orang tua dan anak-anak sudah dilainkan untuk bilik anak lelaki dan anak perempuan. Namun, sebahagian yang lain, hanya sekedar mempunyai sekat ruang tamu, bilik dan dapur, tetapi tidak mempunyai pintu bilik dan juga tidak mempunyai perabotan, seperti kerusi tamu dan sebagainya. Untuk lebih jelas dapat dilihat pada Rajah 4.1 berikut:

Rajah 4.1. Proses Adaptasi dari Bentuk Rumahan

A) Tahap Awal

Peralatan Masak
Ruang Makan
Tempat Tidur
Peralatan Kerja

B) Tahap Pertengahan

Tempat Masak
Ruang Makan
Bilik Tidur
Ruang Tetamu Tempat Jaring, Gayung dan lain- lain

C) Tahap Semasa

Tempat Masak Dan Bilik Makan	Bilik Anak
Dan Bilik Keluarga	
Bilik Orang Tua	Bilik Tetamu

Rajah 4.1 proses Awal, adalah proses awal adaptasi Orang Laut terhadap rumah yang mereka bina pertama kali naik ke darat, iaitu rumah yang dibina dari pada bahan kayu dan daun nipah. Tiangnya diperbuat daripada kayu dan dindingnya daripada daun nipah dan hanya sebahagian sahaja yang berdinging, serta bumbung diperbuat dari daun nipah. Lantainya juga berjarak-jarak sehingga air laut boleh dilihat dari atas rumah. Ruang rumah lurus dan lapang tanpa di sekat, di ruang ini mereka meletakkan semua peralatan-peralatan mereka untuk bekerja, peralatan masak atau dapur, perlengkapan kerja seperti jaring, gayung, tempat air dan bakul atau goni, sedangkan ruang untuk mereka berbaring atau tidur, biasanya sudah ada di bahagian tengah rumah.

Tahap Pertengahan adalah tahap adaptasi Orang Laut yang sudah mendiami di darat untuk masa yang agak lama iaitu 10 –15 tahun sehingga mereka sudah mulai beradaptasi dengan keadaan rumah yang dibina oleh masyarakat lain dan mula menyesuaikan dengan rumah yang ada dipersekitaran dengan sedikit berbeza dari yang pertama, pada tahap ini sekat (dinding) telah dibina bagi memisahkan antara ruang tengah dan ruang tetamu, ruang tengah dan dapur. Ruang pertama sebagai ruang tetamu dan meletakkan semua peralatan kerja mereka seperti jaring dan lain-lain. Ruang tetamu pula dijadikan tempat rehat di siang hari khasnya kaum lelaki dan anak-anak mereka.

Ruang tengah di sebalik sekat adalah bilik tidur untuk semua keluarga dan menyimpan semua pakaian harian keluarga dalam bakul atau pun keranjang kain atau disangkutkan di dinding yang sudah ada paku dan peralatan dapur.

Tahap semasa memperlihatkan bagaimana Orang Laut telah membina sekat yang berbentuk bilik khusus untuk kegunaan ibu bapa dan anak-anak, serta mempunyai tempat tidur seperti kasur dan bantal. Ruang tetamu dilengkapi dengan kerusi dan hiasan seperti foto dan sebagainya. Mempunyai ruang dapur yang lengkap dan meja makan.

Adapun rumah yang dibina oleh kerajaan (pemerintah), khususnya Jabatan Sosial pada tahun 1996 sudah menjadi rumah moden, iaitu rumah yang mempunyai bilik dengan saiz kecil. Saiz rumah dengan lebar lima meter dan panjang tujuh meter, ruang tetamu dengan lebar lima meter panjangnya dua setengah meter (2.5 m), satu buah bilik 3 x 3 meter persegi, dan ruang dapurnya panjang satu setengah meter (1.5 m) dengan lebar lima meter. Sekarang ini sebahagian besar rumah tersebut sudah diubah oleh pemiliknya, terutama bentuk dalamnya seperti dinding bilik didepannya (pintu kamar) mereka buka kerana mereka menganggap rimas jika ada pintu dan dinding tersebut. Berikut ini boleh dilihat gambaran rumah yang dibina oleh kerajaan :

Rajah 4.2. Rumah Yang Dibina Oleh Kerajaan Pada Tahun 1996.



Rajah 4.2. di atas ini adalah gambaran rumah yang dibina oleh kerajaan, rumah yang hanya boleh diduduki oleh keluarga inti sahaja. Kerana dia hanya mempunyai satu bilik sahaja dan ruang tetamu, dan peralatan dapur dan ruang makan, ruang keluarga di depan bilik tidur dan bilik tetamu. Dan ada teras rumah tempat mereka meletakkan peralatan melaut dan tempat mereka berehat di waktu petang. Orang Laut cenderung sudah mempunyai minat untuk mempunyai rumah yang luas, dilengkapi bilik untuk anak dan bilik-bilik khusus yang mereka perlukan. Seperti bilik belajar untuk anak-anak mereka. Hal ini selari dengan pandangan Garna (1993) dalam kajian lepas menyatakan bahawa pembangunan yang ditaja oleh kerajaan sering tidak sejalan dengan keinginan masyarakat, khasnya masyarakat Komunitas Adat Terpencil (KAT). Oleh itu sebaiknya projek pembangunan harus dimusyawarahkan terlebih dahulu bersama mereka agar sesuai dengan kehendak masyarakat.

Seperti yang sudah diketahui secara umum bahawa banyak rumah-rumah bekas binaan kerajaan robohkan oleh masyarakat diambil tiang dan semua kayu-kayunya mereka pindahkan ke tempat lain. Dengan menggunakan bahan tersebut mereka membina rumah ditempat lain yang sesuai dengan keperluan mereka. Seperti mereka membina rumah yang menghadap ke sungai atau membelakangi sungai, kerana mereka mahu meletakkan sampan mereka dihadapan atau dibelakang rumah mereka serta membuat bilik-bilik untuk anak-anak mereka.

Adapun proses adaptasi Orang Laut di desa Sungai Lautpula tidak jauh berbeza dengan yang berlaku di desa Tanah Merah ataupun di Desa Tanjung Pasir. Mereka yang pertama membina rumah, meninggalkannya dan kemudian kembali lagi. Hanya perbezaannya, Orang Laut yang membina rumah di Desa Sungai Laut meninggalkan dan kembali lagi ke rumah yang sama kerana tidak ada orang lain yang menghuni

kampung tersebut sehingga rumah-rumah mereka tetap ada. Hal ini dikeranakan setiap Orang Laut yang datang membina rumahnya sendiri-sendiri. Pada masa penjajahan Belanda, hanya tentara Indonesia yang datang untuk bersembunyi di desa tersebut. Kerana kuala sungai yang tidak bernama itu hanya dipenuhi oleh perahu-perahu atau sampan-sampan Orang Laut, makanya kampung ini di sebut Desa Sungai Laut. Abdul Razak atau Rassaké (82 tahun) menceritakan seperti berikut:

Dahulu saya sering ke Sungai Laut untuk menemani H. Rike (almarhum), yang membuka usaha kilang kopra. Pada masa itu, rumah Orang Laut sekitar 32buah sahaja, dua orang Cina dan satu keluarga orang Bugis iaitu Pak Latip. Orang Laut yang tinggal di Sungai Laut umumnya nelayan, pencari kerang dan lain-lain. Rumah-rumah mereka terbuat dari kayu nibung dan dindingnya dari daun nipah. Hanya tiga rumah yang berdindingkan kayu atau papan. Yang saya lihat rumah yang berdindingkan kayu adalah milik tokoh yang disegani di kalangan Orang Laut, mereka tidak turun melaut, kerana mereka hanya turun *menongkah* (mencari kerang) di bawah rumah dan halaman kampung. Mereka mencari kerang, lokan, kupang, teripang, kepiting dan belangkas di sekitar Sungai Laut. Ada kalanya rumah-rumah yang berdindingkan atap saya lihat sering kosong, penghuninya kadang pergi meninggalkan rumah untuk menjual kerang atau apa sahaja dari hasil tangkapan mereka dalam jangka waktu yang tidak menentu, kadang dua hari baru kembali (wawancara, 2013).

Dari kesaksian Abdul Razak Rassake' tersebut dapat diketahui proses dan strategi adaptasi Orang Laut di Sungai Laut juga mengalami ketegangan-ketegangan, antara keinginan untuk menetap dan untuk kembali ke sampan, atau antara suka dan tidak suka untuk duduk di suatu kawasan.

Usaha Orang Laut dalam menghadapi cabaran perubahan tempat tinggal tidak terlepas dari kebiasaan awal dimana kehidupan yang lebih condong dekat dengan laut. Oleh itu, proses adaptasi seperti ini oleh Bennett (1976: 284) disebut dengan “proses adaptasi yang berkait dengan kepentingan khusus dan pola pemecahan terhadap masalah atau kesempatan, bukannya pada suatu perencanaan strategi jangka panjang untuk perubahan seluruh sistem dan menggambarkan sumber daya”. Hal ini sangat jelas terlihat dari strategi adaptasi Orang Laut pada umumnya mempunyai usaha yang keras dari mereka disebabkan situasi dan keadaan alam yang sudah tidak memungkinkan untuk mereka terus bertahan hidup di dalam sampan, meskipun pada saat itu belum ada

anjuran atau pun ajakan dari pihak kerajaan atau pemerintah. Mereka naik ke darat dengan usaha sendiri setelah melihat sebahagian besar Orang Laut sudah naik ke darat sehingga yang lain pun ikut naik ke darat.

Proses naik turun ke darat bagi Orang Laut pada saat itu dianggap hal biasa sahaja, kerana sebagai strategi untuk mendapatkan tempat tinggal yang sesuai dengan keinginan mereka, dan disesuaikan dengan kondisi kehidupan serta keselesaan dalam memenuhi hajat hidup. Terkadang juga dikeranakan pilihan-pilihan dari keluarga dan anak-anak mereka yang sudah berteman dengan anak-anak yang ada di darat. Hal ini juga di antara penyebab bagi orang tua Orang Laut harus naik ke darat kerana anak mereka sudah tidak mahu lagi turun ke sampan atau perahu, apalagi jika sudah menemukan keluarga mereka tinggal di darat. Yudistira K. Garna (1995: 7) mendedahkan bahawa intensiti dan luasnya rakan kongsi dalam suatu komuniti yang mengalami perubahan bergantung pada darjah kemampuan adaptasi terhadap berbagai perlengkapan keperluan hidup yang baharu. Oleh itu, strategi adaptasi Orang Laut dalam menentukan tempat tinggal mereka amat beragam kerana dipengaruhi oleh kemampuan hubungan (*relation*) yang ada pada masyarakat tersebut serta keperluan mereka. Dari strategi yang dilakukan oleh Orang Laut dapat dikatakan bahawa mereka mempunyai motivasi yang kuat dalam menentukan pilihan untuk menetap di darat sehingga mereka berusaha secara maksimum untuk memenuhi keperluan hidup. Mereka bersedia menerima pelbagai rintangan dan risiko selepas tinggal di darat, kendatipun orang luar melihat hal tersebut sebagai sesuatu yang berat. Namun, mereka tetap melakukan sesuatu yang boleh membuat mereka bertahan dalam keadaan yang mereka hadapi.

Adapun bentuk rumah Orang Laut di Desa Sungai Laut sama dengan desa-desa yang lain. Namun, kebanyakan rumah penduduk di Desa Sungai Laut masih banyak seperti rajah 4.1. Tahap Awal dan Tahap Pertengahan yang telah dijelaskan di atas. Rumah mereka dibina secara ringkas dan dinding rumah mereka diperbuat dari kayu dan bahagian bubungnya terdiri dari atap nipah. Saiznya kecil, dengan lebar tiga meter dan panjang empat meter. Tidak ada perabot, kecuali tikar dan beberapa bantal untuk tidur. Ada sekat atau dinding yang menghadkan tempat tidur. Bagi mereka bentuk dan saiz rumah bukan sesuatu yang diprioriti, yang penting bagi mereka adalah mempunyai rumah sendiri untuk membina keluarga.

4. 3. Adaptasi Terhadap Mata Pencarian

Orang Laut yang telah naik dan mempunyai tempat tinggal serta menetap di Desa Tanah Merah telah mengalami pelbagai perubahan serta proses dan strategi adaptasi terhadap persekitaran yang sedia ada. Seperti perubahan tempat tinggal yang biasanya di dalam sampan sekarang naik ke darat dengan membina rumah dan tinggal menetap. Hal tersebut tentu akan memberi kesan kepada aspek kehidupan yang lain. Tinggal di darat akan bertemu dan berinteraksi dengan orang lain yang mempunyai watak yang berbeza, suasana persekitaran yang berbeza serta kehidupan harian yang berbeza dari biasanya. Kesemua ini memberi kesan ke atas pola mata pencarian.

Hidup dalam sampan membentuk watak kehidupan yang sangat mudah dan kehidupan yang ringkas. Mereka tidak memerlukan barangan seperti pakaian, pinggan, mangkok dan gelas yang banyak. Mereka juga tidak memerlukan kasut, selipar dan sebagainya, mereka hidup dan makan ala kadar. Mereka makan bila terasa lapar, dan tidak ada jadual makan bersama dan menu yang berbeza-beza. Selebihnya tidur atau

bekerja membawa sampan (berdayung) mengikuti kemahuan dan memenuhi keperluan biologis sahaja.

Manakala kehidupan di darat tentunya berbeza, kebiasaan di dalam sampan tidak boleh mereka lakukan lagi dalam kehidupan harian mereka. Mereka harus mampu hidup bersama dengan masyarakat yang ada di persekitaran, bersaing dan bertahan hidup untuk memenuhi segala keperluan sepertimana layaknya manusia yang lain. Dalam masa sepuluh tahun pertama mereka masih boleh hidup dengan mempertahankan budaya mereka dan penampilan sepertimana di dalam sampan. setiap hari dengan pakaian yang sama, mandi apabila mereka mahu, sehingga masyarakat persekitaran harus mengerti dan menahan bau yang datang dari tubuh mereka. Mereka tetap turun ke laut atau menongkah dan mencari ikan untuk memenuhi keperluan asas.

Namun, setelah memasuki kehidupan di darat dalam sepuluh tahun ketiga dan seterusnya kembali menghadapi ketegangan-ketegangan hidup, khususnya dalam bidang pekerjaan dalam memenuhi keperluan asas. Mereka sudah tidak mempunyai sampan atau perahu lagi, awalnya mereka masih mampu menyewa perahu atau sampan, akhirnya mereka berusaha menyesuaikan diri dengan lingkungan yang ada. Mereka melakukan strategi baharu khususnya dalam mencari pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan mereka. Walaupun mereka tidak memiliki alat pengangkutan untuk turun ke laut, namun mereka mampu mengusahakan dengan cara lain, iaitu menumpang dengan sesama Orang Laut yang turun ke laut, dan ada juga yang berusaha menyewa sampan orang lain. Keadaan seperti ini pada awalnya sebagai perkara yang baharu bagi mereka, kerana biasanya masing-masing mereka melaut secara bersendirian. Sekarang ini masih ditemui ada 35 orang nelayan (11 peratus) dari jumlah keseluruhan iaitu 99

ketua keluarga Orang Laut yang ada di Desa Tanah Merah. Selebihnya sudah memilih berbagai macam profesion atau pekerjaan lain.

Disebabkan mereka harus memenuhi segala keperluan hidup khasnya kehidupan di darat dimana mereka sendiri sudah mengalami perubahan yang mereka alami dan sudah tidak mungkin lagi turun dan tinggal di sampan atau perahu seperti masa lalu. Apalagi mereka sudah mula memahami perlunya menggunakan selipar, pakaian, membeli sabun untuk mandi dan sebagainya yang semuanya harus dibeli, hal tersebut adalah proses adaptasi yang mahu tidak mahu mereka jalani, dan perubahan ini pula sesuatu yang sudah mereka terima sebagai perkara yang harus dijalani. Oleh itu, mereka harus mencari wang untuk memenuhi semua keperluan tersebut. Walaupun pada awalnya kebanyakan dari mereka untuk mendapatkan pakaian ganti harus memintaminta baju terpakai kepada orang-orang yang ada di darat. Kebiasaan seperti itu sebenarnya sudah dimulai semenjak hidup dalam sampan, namun hanya satu kali dalam beberapa tahun, kerana cukup lama baharu mereka mengganti pakaian yang ada pada diri mereka. Zubaedah (73 Tahun) mendedahkan kesaksiannya:

Waktu kami remaja dahulu, kalau melihat Orang Laut naik kami lari sembunyi dalam rumah, kami takut dengan mereka. Orang tua kami sering mengatakan “awas jangan berkeliaran nanti ditangkap Orang Laut”. Mereka juga dikenal punya ilmu hitam. Penampilan mereka kotor dan berbau busuk kerana selalu berpakaian kumal dan rambut yang berserakan tidak pernah disisir serta baju yang kusam dan kotor kerana mereka jarang menggantinya. Mereka selalu naik untuk meminta baju bekas, kain sarung, celana panjang bahkan mereka mengumpulkan barang-barang yang sudah tidak dipakai lagi seperti ceret, periuk untuk mereka gunakan sehari-hari. Sekarang mereka sudah tinggal di darat dan mereka sudah pandai membeli sendiri pakaian yang baru walaupun sebenarnya masih banyak yang suka meminta pakaian bekas dari kami (wawancara 2013).

Dari penjelasan itu dapat di pahami bahawa proses adaptasi Orang Laut tidaklah mudah setelah tinggal di darat, kerana mereka harus menyesuaikan diri dengan masyarakat yang ada di persekitaran, terutama belajar untuk hidup bersih, paling tidak mandi dan menukar pakaian. Hal ini memberi kesan kepada kehidupan ekonomi kerana harus memenuhi keperluan baharu iaitu membeli sabun mandi. Anak-anak juga dididik

untuk membersihkan diri. Hal ini terus menerus terjadi sehingga diketahui oleh keluarga mereka dan akhirnya menjadi suatu keharusan bagi keluarga tersebut untuk mandi dan menggunakan sabun. Mungkin sebelumnya mereka juga mengenal mandi bahkan berenang di laut, tetapi bukan tujuannya untuk membersihkan diri, tetapi sekedar keinginan untuk berenang atau kepanasan atau juga kerana pekerjaan dan sebagainya.

Dalam situasi seperti ini mereka mula mencari pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan, yang penting bagi mereka mendapatkan wang untuk memenuhi keperluan hidup keluarganya, seperti keperluan sabun, sikat gigi untuk anak mereka. Seterunya untuk memenuhi keperluan tersebut isteri-isteri atau perempuan Orang Laut juga ikut serta mencari pekerjaan demi memenuhi keperluan keluarga. Perempuan mereka mendatangi rumah-rumah orang yang mereka anggap memerlukan tenaga mereka, mereka menawarkan pekerjaan untuk mereka, ada yang bekerja sebagai pamarut kelapa dan mengolahnya untuk dijadikan minyak kelapa, ada yang bekerja sebagai pembantu yang mengerjakan pekerjaan rumah. Mereka tidak meminta gaji bulanan, mereka meminta upah secara langsung kerana untuk keperluan harian mereka, jika merasa tidak cukup dari gaji yang mereka terima pagi ini ia akan melanjutkan dengan mencari pekerjaan ke rumah yang lain hingga petang harinya demi mendapatkan sejumlah wang yang ia inginkan.

Pada masa kini, perempuan Orang Laut di Desa Tanah Merah tidak ada lagi yang bekerja mencari kerang (menongkah). Hal ini sudah mula terjadi semenjak tahun 1995. Mereka sudah mula terlibat dengan pelbagai bentuk pekerjaan. Contohnya bekerja di gudang ikan milik Orang Cina, sebagai pekerja memilih dan memisahkan ikan dan udang serta semua hasil tangkapan trol atau pukot harimau. Ada yang bekerja pada

Penampungan¹⁶ ikan, udang, kerang, siput, dan lain-lain. Ada juga Penampung udang sahaja dan mereka membuat udang kering (ebi), ada yang bekerja pada penampung ini bekerja dengan mengeringkan dan menjemur serta memukul udang hingga jadi ebi (udang kering yang sudah dikupas kulitnya). Ada pula bekerja sebagai tukang jahit dan lain-lain. Patia (umur 57 tahun) berikut ini:

Saya dulu merasakan mencari kerang, tidak pernah kami merasa takut dan tidak memperhatikan hari dan masa, yang penting kami memperhatikan air pasang atau surut, orang tua kami sudah tahu tanda-tanda alam apakah aman dalam perjalanan. Maksudnya, apakah ada hujan, angin kencang atau badai. Menjelang akan surut kami turun ke laut, tidak peduli senja hari, malam hari, tengah malam atau subuh kami semua harus berangkat ke laut, menuju lokasi hamparan pantai lumpur seperti pantai yang ada di Sungai Laut atau dekat Patah Parang. Kami sekeluarga semua turun dengan suami dan anak-anak yang sudah besar. Tapi saya sudah lama tidak pernah berkerang lagi hampir 30 tahun lebih. Kalau saya pikir memang kuatlah orang kami dulu dan sangat berani mengharungi lautan. Sekarang anak-anak muda tidak ada yang mahu berkerang lagi. Mereka baru boleh melihat orang menongkah saat ada pertandingan menongkah di Pantai Bidari. Saya sendiri kalau disuruh melaut sekarang ini saya tidak mahu, lebih baik saya menjahit. Rasanya jauh lebih senang bekerja menjahit daripada turun melaut. Waktu pun habis di laut, kerana kadang kami menunggu surut lama dan mengambil kerang juga lama, sampai di darat langsung kami menjual. Saya sekarang banyak tinggal di rumah, jika ada yang minta dijahitkan gordien, baju, ya saya jahit, jika pesanan kosong saya ikut pengajian (wawancara 2013).

Patia salah seorang wanita Orang Laut yang sempat mengalami hidup dalam sempan ketika masih bayi hingga umur empat tahun, kemudian orang tuanya mengikuti keluarga besarnya naik dan tinggal di Tanah Merah dan tidak pernah turun atau berpindah tempat lagi. Ia mendedahkan pengalamannya bahawa zaman dahulu dia pernah merasakan menongkah mengikuti orang tuanya. Namun itu tidak berlangsung lama, kerana orang tua mereka cukup mampu memenuhi keperluan mereka. Pada usia remaja, ia sering bermain dengan anak-anak dari suku lain sehingga dia mengikuti aktiviti teman-temannya. Ia tidak pernah bersekolah, akan tetapi ia ikut mengaji, belajar membaca dan mengenal angka dari teman-temannya, hingga selepas berkahwin ia belajar menjahit dengan cara belajar sendiri (*autodidact*). Hingga sekarang ia sudah menekuni usahanya tersebut sebagai sumber mata pencarian.

¹⁶ Penampung disebut juga tauke, yang sentiasa membeli semua hasil yang mereka dapatkan. Kemudian Penampung menjual lagi ke Bandar melalui distributor yang lain.

Golongan lelaki Orang Laut di Desa Tanah Merah juga mempunyai pekerjaan yang cukup berbeza-beza, ada yang berdagang ikan dan ada juga yang menjadi tauke. Bekerja sebagai tauke hasil nelayan dapat dibahagi ke dalam dua golongan; ada tauke yang mempunyai modal besar, hasil tampungan mereka tidak dijual kepada masyarakat tempatan tetapi hasil yang dikumpulkan dijual ke luar bandar, bahkan ke luar negara. Sedangkan yang memiliki modal kecil, menjual hasil nelayan yang mereka kumpulkan dalam kampung sahaja (tempatan). Masih ada yang bekerja sebagai nelayan, tetapi sudah tidak menggunakan sampan atau perahu, juga tidak menggunakan alat-alat dan cara-cara lama seperti belat, sondong, lukah dan merawai. Mereka sudah menggunakan motor pompong, iaitu sampan yang sedikit lebih besar dengan alat penggeraknya menggunakan mesin. Sedangkan alat-alat yang mereka gunakan iaitu pukot harimau. Contohnya Safar (umur 43 tahun) menyatakan:

Saya sudah empat tahun bekerja dengan orang Cina, sebagai anak buah kerja troll. Saya mendapatkan gaji yang cukup untuk membiayai keluarga, pulang dari troll kami pun boleh membawa ikan pulang. Kerja troll itu tidak setiap hari, dalam satu bulan hanya tiga kali, lokasi mencari ikannya jauh-jauh iaitu di laut lepas. Kami sampai kawasan Kepulauan Riau bahkan sampai pantai timur Sumatra arah ke Palembang. Waktunya 7 hingga sembilan hari dalam satu trip. Saya menikmati pekerjaan ini. Orang kami yang sama bekerja di sini seramai empat orang (wawancara: 2013).

Ungkapan tersebut memperlihatkan bahawa Orang Laut sudah beradaptasi terhadap pekerjaan yang berbeza dari nenek moyang mereka, iaitu hanya mencari kerang atau menongkah dan mencari ikan dengan merawai, menombak dan bersampan. Sekarang mereka mengikuti perkembangan baharu (moden), dengan menggunakan alat-alat moden atau teknologi baharu di bidang perikanan. Sistem bekerja juga sudah mengalami perubahan dan beradaptasi dengan sistem yang baharu, seperti melalui bekerjasama dalam kumpulan dan dengan alat-alat teknologi penangkapan ikan yang baharu.

Selanjutnya, Orang Laut sekarang juga banyak yang bekerja sebagai buruh pelabuhan, buruh harian lepas. Selain itu, ada juga yang bekerja sebagai tukang rumah kerana rumah masyarakat di Desa Tanah Merah mempunyai tiang-tiang tinggi yang mencapai tujuh sehingga sembilan meter dari dasar tanah dan harus menggunakan kayu khas seperti nibung, ulin dan lain-lain. Orang Laut dianggap masyarakat yang mahir untuk memasang kayu-kayu rumah tersebut. Anak muda Orang Laut juga banyak yang menjadi tukang ojek¹⁷ dalam desa. Selain itu, ada pula yang menekuni pekerjaan profesion, seperti sebagai nakhoda bot laju. Profesion ini juga diwarisi kepada anak-anak mereka, sehingga semua ikut menjadi nakhoda bot laju antar ibu negeri kecamatan, dan dari kecamatan ke ibu negeri kabupaten. H. Selamat (umur 67 tahun) mengungkapkan:

Saya dari kecil sudah ikut bekerja dengan orang yang memiliki bot laju, dari sebagai *kenek* atau anak buah sampai menjadi nakhoda bot laju (*speedboat*). Dari pengalaman ini, saya akhirnya mencuba beli bot laju sendiri, dibantu oleh kawan-kawan dan langsung saya yang menjadi nakhodanya. Waktu itu saya masih menggunakan satu mesin yang memiliki kekuatan 200 PK (kuasa kuda/kekuatan lari). Setelah saya punya modal yang cukup, saya pun membeli lagi bot laju (*speedboat*) dengan menggunakan 2 dua mesin. Alhamdulillah usaha saya ini lancar, hingga sekarang anak-anak saya lagi yang menjalankan kerana saya sudah tua dan sudah tidak kuat lagi untuk mengemudi atau menjadi nakhoda bot (*speedboat*). Ya, saya sudah mahu menikmati masa tua sahaja (wawancara: 2014).

Ungkapan tersebut membuktikan bahawa Orang Laut sudah mengalami proses adaptasi yang panjang (lama) dan sudah menyesuaikan diri terhadap perubahan-perubahan. Seperti H. Selamat dan keluarganya telah mempunyai keahlian dan usaha sendiri sebagai pemilik bot laju (*speedboat*) yang terkenal di Indragiri Hilir dan anak-anaknya turut menjadi nakhoda bot laju yang ia punya. Sedangkan keneknya atau anak buahnya terdiri daripada Orang Laut dan ada juga dari suku lain. Boat laju milik H. Selamat bermesinkan 400 PK jenama Yamaha, yang setiap harinya membawa penumpang dari Desa Tanah Merah dan Kuala Enok menuju Tembilahan (ibu negeri Kabupaten Indragiri Hilir). Penumpangnya setiap hari lebih kurang 70 sehingga 120

¹⁷Ojek adalah sebutan untuk mengangkut penumpang dengan menggunakan motorsikal.

orang perhari. Sekali berangkat penumpangnya seramai 40 hingga 60 orang, demikian juga pulangnya. Biaya yang dikenakan untuk setiap penumpang adalah sebesar RM1.10¹⁸.

Selain H. Selamat, Orang Laut yang mempunyai bot laju di Tanah Merah pada masa itu ialah Banang. Ia merupakan satu-satunya Orang Laut yang menjual ikan dengan menggunakan bot laju. Sebenarnya ia adalah seorang penampung ikan dan lain-lain. Penampung yang aktif kerana dia tidak hanya menunggu orang menghantarkan hasil tangkapannya, akan tetapi ia sendiri langsung menjemput hasil tangkapan nelayan di rumah mereka dan membeli hasil tangkapan nelayan. Kemudian ia menjual ikannya dengan cara menjaja atau berpusing dari satu kampung ke kampung lain hingga dagangannya habis. Mesin bot laju yang ia gunakan berjenama Johnson, yang berkuatan 40 PK. Ukuran botnya lebih kecil, dengan panjang 3.5 meter dan lebar satu meter, hal ini supaya untuk lebih memudahkan memasuki sungai.

Orang Laut yang ada di Desa Tanah Merah sebahagian besar sudah meninggalkan kebiasaan melaut. Berkaitan dengan mata pencarian dan meningkatkan pendapatan ekonomi, mereka melakukan pekerjaan apa sahaja yang boleh mereka lakukan untuk memperoleh pendapatan yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka. Orang Laut menunjukkan kemahuan keras untuk bertahan hidup. Perkara ini mereka perlihatkan dengan menceburi berbagai aktiviti ekonomi asal mereka boleh bertahan hidup. Bennett (1976: 166) menjelaskan keadaan seperti ini sebagai perilaku atau aktiviti yang dilakukan secara sedar dalam memilih dan memutuskan apa yang harus dilakukan demi mempertahankan dan menjaga kelangsungan hidup. Hasil pilihan dan putusan mereka sebagai ekspresi adaptasi ke atas persekitaran dan proses perubahan.

¹⁸ Bersama dengan Rp. 40,000 (empat puluh ribu rupiah).

Orang Laut di Desa Tanah Merah tidak merasa malu mengatakan bahawa mereka ingin maju sepertimana orang lain. Mereka ingin mempunyai anak yang berpendidikan, berjaya dan berhasil dalam mengharungi kehidupan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Sinah (umur 62 tahun):

Aku inginlah anakku maju seperti kalian, aku dulu bekerja di rumah keluarga H. Langke (orang Bugis), aku diperlakukan seperti keluarganya. 20 tahun aku ikut sama keluarga tersebut, aku diajar menabung, menyimpan wang, kerana orang tuaku sudah mati semua. Sampai aku boleh membeli kalung emas 20 mayam dan aku punya gelang emas 3 buah. Terus aku berkahwin dan ikut suami sampai punya 2 orang anak, tapi tak mahu sekolah, yang kecil sekolah tapi tidak tamat. Emas aku sekarang semua sudah habis, aku belikan anak aku yang besar rumah di Balai, dia ikut suaminya tapi juga tidak mampu. Aku sekarang tinggal sama anak yang kecil. Anak akulah yang memberi aku makan. Dia bekerja di gudang ikan (wawancara, 2014).

Sangat jelas terlihat bagaimana keinginan untuk maju dan mempunyai anak yang berpendidikan serta kehidupan yang bahagia, tetapi sebenarnya anak-anak mereka masih terpengaruh dengan anak-anak sesama Orang Laut sehingga mereka sukar untuk mengikuti pendidikan, mereka lebih suka bersolek, berpakaian cantik dan bergaya dengan mewarna rambut mereka dengan berwarna warni bagi yang perempuan, sedang yang lelaki sebahagian juga demikian seperti mewarna rambut, berpakaian seperti perempuan dan berkelakuan seperti perempuan. Padahal keinginan orang tua mereka untuk memajukan pendidikan anak-anak mereka, namun dorongan untuk bersekolah dari lingkungan mereka masih sangat kurang.

Perjuangan Orang Laut untuk maju dan hidup seperti masyarakat lain sama ada penyesuaian yang baik ataupun yang tidak baik pada umumnya jelas terlihat dalam upaya mereka memenuhi hajat hidup, adalah sebagai suatu wujud proses adaptasi dalam menghadapi perubahan di Kecamatan Tanah Merah pada umumnya. Mereka tidak pernah berputus asa, usaha keras mereka terlihat dengan jelas bagaimana mereka memenuhi semua keperluan khususnya keperluan asas. Bagi mereka yang penting setiap hari boleh mendapatkan wang dan makanan, habis hari ini besok cari lagi hingga semua keluarganya dapat makan dan dapat hidup sama seperti orang lain.

Proses adaptasi dalam aspek mata pencarian juga berlaku di Desa Tanjung Pasir. Namun, orientasi sebahagian besar mereka tetap melaut, iaitu mencari ikan dan binatang-binatang laut seperti, kerang, kupang (hijau dan hitam), teripang, senteng, belangkas, kepiting (ketam), lokan, siput, lobster dan udang nenek¹⁹. Hanya dalam sistem bekerja yang mengalami perubahan. Mereka yang mempunyai sampan sendiri hanya sekitar 15 peratus, selebihnya menyewa dan sebahagian lagi bekerja secara berkumpulan dengan seorang tauke. Sistem seperti ini tidak pernah berlaku pada masa dahulu. Orang Laut dalam mencari kerang atau bekerja sebagai nelayan sebelumnya bekerja sendiri-sendiri atau dengan keluarganya sahaja, terutama pada masa mereka masih mempunyai sampan. Hal ini seperti dijelaskan Syarif (umur 45 tahun) bahawa:

Saya sudah 16 tahun bekerja mengambil kerang (*menongkah*) denganikut orang.Kami dalam satu rombongan (kumpulan) ada 6 orang semua satu pompong. Berangkat bersama-sama, pulang juga bersama-sama. Ada lelaki ada perempuan. Ada yang sudah tua dan tidak bisa ikut lagi, maka anaknya yang menggantikan. Dalam rombongan saya ada dua perempuan. Kalau turunnya malam, mereka tetap ikut. Keuntungan bekerjasama mengambil kerang dengan cara seperti ini kita tidak pikirkan lagi wang belanja, kerana kami sudah diberi duluan untuk belanjarumah. Nanti seberapa banyak yang kami dapatkan, dipotong wang yang sudah kami ambil. Sistem seperti ini juga memudahkan kami, kerana kami tidak harus ke pasar menjual kerang lagi, kerang yang kami dapatkan langsung di ambil oleh tauke (wawancara, 2013).

Syarif dan kumpulannya adalah contoh dari sebahagian besar Orang Laut menongkah dengan sistem bertauke bahawa mereka merasa sesuai sahaja dengan keadaan yang mereka alami sekarang. Sementara dahulu mereka berangkat bersama keluarga dengan sampan sendiri untuk menongkah, dan menjual sendiri hasil yang mereka dapatkan dengan harga yang mereka kehendaki atau mengikuti harga pasaran. Sedangkan melalui tauke, harga kerang yang mereka jual jauh lebih rendah daripada jika mereka jual sendiri. Namun, dengan keadaan sekarang mereka tetap menikmati kerana menganggap merasa sudah lebih mudah lagi mereka turun menongkah kerana tidak memikirkan lagi pembelanjaan kos yang harus dikeluarkan untuk motor pompong

¹⁹ Udang nenek adalah sejenis udang dalam bahasa Inggris disebut 'Mantis Shrimp'. Udang nenek mempunyai panjang 15 - 30 cm, memiliki permukaan tubuh berwarna kuning, berkulit keras, bahagian kepala ada sepit (capit). Di Malaysia dikenali sebagai udang lipan atau ketak.

yang mereka guna. Bagi mereka yang penting dapat turun menongkah bekerja dan mendapatkan kerang yang banyak.

Upaya Orang Laut untuk tetap hidup boleh dilihat dalam cara-cara mereka berupaya untuk memenuhi keperluan asas, dan menyesuaikannya dengan situasi yang ada. Kerana kepandaian atau keahlian mereka adalah menongkah atau mencari kerang, sementara mereka untuk menuju ke padang lumpur tersebut tidak mempunyai sampan atau perahu ataupun pompong. Oleh itu, mereka cuba mencari jalan atau berunding dengan orang yang punya sampan dan melakukan negosiasi sehingga terbentuklah kumpulan-kumpulan usaha seperti yang dijelaskan di atas. Proses tersebut ada kalanya datang dari mereka ada kalanya datang dari pihak luar yang mempunyai motor pompong dan memahami keperluan Orang Laut. Akhir-akhir ini kebanyakan tawaran datang dari pemilik motor pompong dengan cara mencari dan mengumpulkan Orang Laut yang ingin turun melaut (menongkah), dengan perjanjian mereka mahu menjual kerang kepada pemilik motor pompong dengan harga yang telah disepakati. Proses adaptasi seperti ini menurut Bennet (1976: 285) adalah proses adaptasi yang bersifat setengah-setengah atau belum sepenuhnya. Dikatakan setengah-setengah kerana pada satu sisi Orang Laut merubah kebiasaan yang ada pada mereka. Mereka menyesuaikan diri dengan keadaan yang ada pada lingkungan mereka. Namun, disisi lain mereka mempertahankan budaya mereka. Perubahan pada sistem perseorangan dan kumpulan keluarga kepada kerjasama yang bersifat umum dan mempunyai kontrak tertentu dalam proses pekerjaan. Sistem kumpulan seperti ini sudah banyak jumlahnya. Hampir semua Orang Laut yang tidak mempunyai sampan masuk dalam jaringan tersebut. Demikian juga dalam mencari udang, kepiting, udang nenek, kupang dan sebagainya. Sedangkan proses mengambil kerang tetap dengan alat yang sama yang digunakan nenek moyang mereka. Sekarang bahkan sudah ada pemikiran dikalangan Orang Laut untuk

menggantikan alat menongkah dari kayu dengan alat menongkah atau papan tongkah yang terbuat dari fiber (sejenis plastik). Mereka sedang mencari pelebun yang mahu memberikan modal kepada mereka.

Di desa ini juga didapati Orang Laut yang bekerja di kapal-kapal nelayan besar milik orang Cina dan sebagai buruh pelabuhan. Seperti yang dijelaskan oleh salah seorang informan, Haron (48tahun), bahawa ia harus mencari pekerjaan apa sahaja yang boleh mendatangkan wang untuk memenuhi keperluan keluarga. Ia merasa bahawa kalau hanya mencari kerang sahaja tidak cukup untuk menghidupi anak-anak, walaupun isterinya masih turun ikut mencari kerang dengan orang lain seperti yang ia ungkapkan:

Isteri saya tetap turun *menongkah*, saya tidak, kerana pendapatan darimenjual kerang sahaja tidak cukup untuk membiayai kami sekeluarga, makanya saya bekerja sebagai buruh pelabuhan. Saya boleh mendapatkan wang sehari antara Rp.200.000 hingga Rp.300.000. Jika banyak kapal atau motor barang yang datang, maka pendapatan saya pun dapatlah untuk makan lima hingga enam hari. Tapi jika kapal tidak banyak yang masuk, pendapatan kami pun tidak banyak. Jika tidak ada kapal yang masuk, saya cari lagi pekerjaan lain, seperti membantu kawan *betukang* rumah sampai ke Kuala Enok, Tanah Merah, dapat Rp.25.000 sehari, yang penting setiap hari ada wang masuk, kerana saya juga merokok.

Penjelasan tersebut menggambarkan bahawa Orang Laut dalam upaya mempertahankan hidup dan supaya tetap bertahan hidup (*survive*), berusaha memilih pekerjaan dan membuat keputusan berkaitan dengan pekerjaan yang sesuai dengan kemampuannya. Hal ini dapat dikatakan sebagai proses pemanfaatan sumber daya yang ada pada dirinya. Bennet (1976: 846) menjelaskan bahawa usaha seperti tersebut adalah proses adaptasi persaingan sumber daya dimana proses ini sebagai penetrasi fenomena sosial dan ekologi yang berkaitan dengan manusia secara keseluruhan. Boleh dikatakan usaha yang baik di mana ritmenya bagaikan *homeostatis*, ertinya bahawa Orang Laut dalam hal ini sudah mampu menyesuaikan diri ke atas lingkungan dengan mengupayakan seluruh kemampuannya untuk bertahan hidup.

Selain itu, ada juga pekerjaan yang baharu yang sedang ditekuni Orang Laut yang ada di Tanjung Pasir, iaitu penanaman pokok bakau (*mangrove*). Dalam hal ini proses adaptasi juga terjadi kerana pekerjaan ini sangat berbeza daripada kebiasaan mereka yang biasa turun ke laut. Namun, kerana pokok bakau adalah pokok yang tumbuh di tepi-tepi laut dan sangat mereka kenali, sehingga pekerjaan ini mudah mereka lakukan, sehingga Orang Laut di Desa Tanjung Pasir ramai yang ikut menanam pohon bakau. Orang muda dan orang tua turut menanam, mereka digaji berdasarkan bilangan pokok yang mereka tanam. Setiap satu pokoknya mereka dibayar RM0.80²⁰. Pekerjaan ini dianggap murah dan mudah, kerana mereka tidak menggunakan modal yang besar. Mereka hanya membeli kantong pelastik (*polybag*) untuk pot. Kemudian biji dan tanah mereka ambil langsung di tepi hutan bakau yang banyak tumbuh di seputaran Tanjung Pasir dan Kecamatan Tanah Merah pada amnya. Adi (umur 39 tahun), yang mempunyai usaha penanaman pohon Bakau menyatakan bahawa:

Saya sudah empat tahun menekuni usaha penanaman pokok Bakau. Awalnya ada orang dari luar mencari pokok Bakau, saya tanya untuk apa dan berapa pokok, saya fikir mereka mahu membeli pokok Bakau dalam jumlah yang besar. Setelah dia bercerita akhirnya saya baru faham. Dari situlah saya berfikir dan cuba mengembangkannya sendiri. Akhirnya, saya berhasil membibitkan pokok Bakau dalam jumlah yang cukup banyak, kemudian saya hubungi orang tersebut yang pernah datang di desa ini, akhirnya dia mahu membeli dan bahkan hingga sekarang permintaan terus datang dalam jumlah yang lebih besar, iaitu mencapai ribuan pohon. Ini menjadi peluang pekerjaan baru untuk kami Orang Laut di Tanjung Pasir kerana baru kami yang membibitkan Kayu Bakau di sini. Pekerjaan ini sangat menyenangkan kerana pekerjaan baharu ini boleh menambah pendapatan kami (Wawancara: 2014).

Adi adalah orang pertama yang memulakan penanaman pokok bakau dalam pot (*polybag*) di Desa TanjungPasir. Bermula dari pertemuannya dengan ahli perniagaan bakau, yang sedang mencari pokok bakau yang ada dijual di Desa Tanjung Pasir. Bermula daripada pertemuan tersebut, Adi cuba menanam pokok bakau. Ternyata membawa hasil yang gemilang dan berjaya sehingga ia mampu menghasilkan pekerjaan baharu kepada Orang Laut di Desa Tanjung Pasir. Oekan S. Abdoellah (1990: 7) mendedahkan bahawa keupayaan suatu komuniti memanipulasi persekitaran dan

²⁰ Bersama Rp. 2,500 (dua ribu lima ratus rupiah).

memberikan pelbagai hasil yang tidak diduga sebagai salah satu bentuk kemampuan beradaptasi. Dan itu juga boleh dikatakan sebagai salah satu strategik bagi komuniti untuk mempertahankan hidup.

Pernyataan di atas memberikan gambaran bahawa dalam mempertahankan hidup, Orang Laut selalu mendapatkan alternatif tindakan yang boleh mereka lakukan untuk menghadapi lingkungan. Hal ini juga menandakan bahawa Orang Laut cenderung memberikan respons perubahan yang berlaku. Berusaha sedemikian rupa dengan kemampuan dan ketersediaan yang ada pada lingkungannya. Mereka menyesuaikan diri terhadap alam yang terbentang di sekitar mereka. Selain ini, terdapat juga Orang Laut yang membuka kedai harian, iaitu H. Naro, seperti yang sudah dijelaskan sebelumnya. Kehidupan ekonominya pun terus meningkat dan akhirnya ia pun dapat menunaikan rukun Islam yang kelima, iaitu naik Haji. Anak-anaknya pun terbilang sukses kerana sudah dua orang sarjana dan satu sudah dilantik menjadi pegawai negeri (wawancara, 2014).

Pada masa kini, Orang Laut sudah mempunyai keragaman pekerjaan, sama ada lelaki mahupun perempuan. Ada juga ibu-ibu yang menjual sayur di pasar kampung, dimana perkara seperti ini tidak ada di daerah lain. Hal ini juga menunjukkan betapa tingginya motivasi Orang Laut di Tanjung Pasir untuk berjuang dan berusaha untuk dapat hidup sama seperti orang lain yang ada di persekitaran mereka. Terdapat juga Orang Laut yang membuka gerai minuman, hal ini sebenarnya adalah kemajuan yang hebat, kerana dahulu di Desa Tanah Merah jangankan gerai minuman, masakan mereka sahaja tidak mahu dimakan oleh etnis lain, kerana dianggap tidak bersih, bahkan najis kerana mereka tidak membaca *basmalah*. Sekarang ini semua itu sudah lenyap, tidak ada lagi perbezaan antara Orang Laut dengan yang lain. Artinya, Orang Laut sekarang

boleh membuka gerai minuman atau apa sahaja kerana masyarakat sudah boleh menerima keberadaan mereka dalam kehidupan harian. Hal ini terbukti daripada ramainya pelanggan yang mengunjungi gerai minuman mereka (peneliti juga sempat menikmati minuman yang mereka jual). Pada petang hingga malam hari ada yang menjual pisang goreng, kuih-muih buatan kaum perempuan Orang Laut di sekitar kedai.

Selama penelitian dilakukan di ketiga kampung tersebut, dipemerhatian tidak melihat adanya eksploitasi bidang pekerjaan baik daripada perempuan mahupun lelaki. Orang Laut sangat berani dan tegas, mereka akan meminta upah sesuai dengan yang sudah mereka sepakati, apabila tidak sesuai dengan keinginan mereka tidak mahu bekerja. Demikian pula dalam berjualan, mereka akan menawarkan barangan jualan mereka sesuai dengan yang mereka inginkan bilamana orang menawarkan barangan mereka tidak sesuai dengan kemahuan mereka maka mereka akan menolak dan tidak menjualnya.

Sesuatu yang menarik perhatian di Desa Tanjung Pasir adalah adanya anak-anak dalam usia antara 12 hingga 14 tahun yang membawa (menjinjing) kantung plastik hitam di kiri dan kanan mereka. Setelah diperhatikan selama penyelidikan berlangsung di lapangan, dan setelah diselidiki dalam temubual, ternyata mereka menjajakan jualan, iaitu mereka menjual kerang dari rumah ke rumah, dan mereka sudah memiliki pelanggan tetap yang membeli kerang. Jika langganan tidak mengambil kerangnya, mereka menawarkan kerang tersebut kepada orang yang baharu datang atau pendatang baharu di kampung. Hal ini adalah proses adaptasi yang mempunyai dinamika yang tinggi, kerana proses adaptasi berlangsung daripada berbagai kalangan sebagai bentuk upaya memenuhi keperluan hidup serta bertindak balas pada perubahan. Hardesty (1977) menyatakan bahawa semua bentuk kehidupan manusia menuntut terpenuhinya

semua keperluan. Semua masalah tersebut berkaitan dengan lingkungan dan memerlukan penyelesaian dan penyesuaian. Hal ini pula yang dilalui oleh Orang Laut, bahawa kemampuan mereka untuk memilih berbagai usaha dan alternatif pekerjaan dalam merespons perubahan dan usaha untuk menyesuaikan diri terhadap perubahan dan perkembangan secara sedar, sehingga mereka tetap bertahan hidup (*survive*). Dilihat daripada perilaku adaptif, Orang Laut di Desa Tanjung Pasir mampu mengatasi cabaran hidup, mampu mengembangkan, menciptakan usaha dan alternatif pekerjaan, melakukan berbagai upaya menghadapi cabaran lingkungan serta mampu bertahan hidup bahkan lebih baik daripada keadaan semula. Binnett (1976: 246) menyatakan bahawa adaptasi yang demikian adalah proses adaptasi yang bersifat responsif, di mana manusia berusaha menjaga hubungan timbal balik yang seimbang dalam menerima masukan dari ekosistem agar tetap bertahan. Manusia menunjukkan kemampuan beradaptasi dengan membuktikan kemampuan mereka dalam memecahkan masalah dan menghadapi cabaran alam sekitar.

Proses adaptasi dari aspek mata pencarian pada Orang Laut di Desa Sungai Laut tidak begitu terlihat seperti mana yang berlaku di desa-desa yang disebutkan terdahulu. Orang Laut yang berada di desa tersebut kelihatannya lebih tenang dan tidak mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat, seperti yang berlaku di Desa Tanah Merah dan Tanjung Pasir. Pada umumnya mata pencaharian mereka adalah sebagai nelayan dan berkerang (*menongkah*). Proses adaptasi terjadi hanya dalam sistem perkumpulan atau sistem bertauke (*tengkulak*). Hal itu dilakukan kerana dengan sistem bertauke, mereka boleh meminjam wang terlebih dahulu sebelum turun menongkah. Sehingga mereka merasa mendapat kemudahan dan ini juga mendorong mereka untuk bekerja lebih giat kerana wang sudah diambil terlebih dahulu. Seperti yang dijelaskan Jana (umur 43 tahun) bahawa:

Saya sudah lima tahun ikut dengan kawan-kawan berkumpul turun berkerang (*menongkah*). Kami ada 8 orang perempuan semua, yang membawa pompong sahaja lelaki. Turun bersama-sama ini lebih baik daripada turun sendiri dari rumah. Kita tidak tahu apa yang akan terjadi di jalan, kalau berkumpul kita lebih bersemangat. Kalau saya tidak mahu mengambil wang duluan, lebih baik saya terima wang setelah saya pulang dari *menongkah* (berkerang), dan saya pun langsung menerima wang sesuai dengan hasil yang saya peroleh (wawancara, 2012).

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa ada adaptasi dalam proses kerja mencari kerang yang bersifat terancang. Hal ini berlaku kerana upaya menghadapi perubahan dan cabaran lingkungan. Menghadapi perubahan dimaksudkan kerana situasi mereka yang berbeza dari keadaan yang lama. Mereka sudah menetap di darat dalam tempoh yang sudah cukup lama sehingga tidak mempunyai sampan peribadi untuk dipakai menongkah. Untuk mempertahankan kepandaian dan kebiasaan menongkah tersebut dan mengatasi masalah yang dihadapi, mereka berupaya dengan segala kemampuan yang ada dan kondisi yang ada agar tetap dapat mempertahankan tradisi menongkah, iaitu dengan cara ikut dalam suatu kumpulan. Kumpulan tersebut mereka bentuk dan bekerjasama dengan pihak lain yang mempunyai modal, seperti motor pompong (pengganti perahu), dan memiliki wang untuk membeli semua hasil tangkapan kerang mereka. Kumpulan kedua berbeza dari yang sebelumnya, iaitu mereka juga dalam kumpulan tersendiri, namun cara kerja mereka berbeza, iaitu kumpulan lepas. Dikatakan kumpulan lepas kerana mereka hanya berkumpul dalam bekerja, tetapi dengan sistem menyewa motor pompong. Jadi, mereka hanya dihantar ke lokasi mengambil kerang kemudian ditunggu hingga selesai dan kembali lagi ke kampung. Sedangkan hasil kerang yang mereka perolehi boleh dijual sendiri. Proses kerja mengambil kerang (*menongkah*) tidak mengalami perubahan, kerana alat yang digunakan masih tetap seperti apa yang dilakukan nenek moyang mereka. Ada keinginan masyarakat Orang Laut untuk menggantikan papan tongkah dari kayu dengan yang terbuat dari fiber. Namun, belum mendapatkan modal ataupun investor yang boleh memenuhi keinginan mereka. Mereka sudah mengajukan proposal kepada pihak

kerajaan, namun hingga sekarang belum ada realisasi. Sarfan (umur 42 Tahun) menyatakan bahawa “kami sangat mengharapkan bantuan kerajaan (pemerintah) untuk mewujudkan cita-cita kami, kerana harga kayu makin mahal dan makin sulit untuk kami perolehi (wawancara, 2012).

Selain menongkah, Orang Laut di Sungai Laut menangkap ikan masih menggunakan jaring (menjaring). Bahannya terbuat dari benang nilon, dan dipasang di tengah laut atau pinggir laut yang jaraknya dari tepi laut lebih kurang 8 hingga 10 kilometer. Untuk menahan jaring agar pangkalnya tetap tegantung di permukaan air laut, maka disangkutkan pada beberapa pelampung. Bahagian ujungnya dipasang batu untuk menahan jaring di dasar air laut agar ikan terperangkap. Setelah dibiarkan beberapa jam baharu diambil. Sebenarnya, cara ini juga bukan kebiasaan Orang Laut dalam menangkap ikan. Dapat dikatakan cara ini sebagai salah satu bentuk adaptasi setelah tinggal di darat. Kerana asalnya mereka menangkap ikan dengan cara “merawai, menombak dan memancing”. Perbezaannya adalah merawai ikan dilakukan dengan cara membentangkan tali dan memasang umpan dengan beberapa mata kail atau mata pancing. Hasilnya juga berbeza, merawai mendapatkan ikan tidak banyak sesuai bilangan mata kail yang dipasang. Sedangkan menangkap ikan dengan menggunakan jaring, hasilnya lebih banyak. Dalam hal ini juga ada proses adaptasi dimana mereka turun memasang jaring ada yang menggunakan bot laju (*speedboat*) dan ada yang menggunakan perahu.

Selain menangkap ikan, Orang Laut di Sungai Laut juga dikenal sebagai pencari udang nenek. Jika masyarakat Kecamatan Tanah Merah ingin membeli udang nenek yang murah dan dalam porsi besar, maka mereka pergi ke Sungai Laut. Dalam hal ini dapat juga dianggap sebagai proses adaptasi dalam bidang mata pencarian, dimana

mereka mencari udang nenek dengan alat yang disebut "sondong" yang dipasang di pinggir-pinggir sungai dan sedikit dangkal atau menggunakan "kelong" yang terbuat dari bambu yang sudah dibelah-belah kemudian di anyam jarang-jarang kira-kira ikan atau udang dan sebagainya tidak dapat keluar, dan dibentuk dengan membuat perangkap agar ikan tidak dapat keluar apabila sudah masuk. Kemudian, nelayan menunggu air surut baru mereka mengambil ikan atau nenek udang yang terperangkap di dalam. Pekerjaan sondong dan belat ini sama dengan pekerjaan mengambil kerang, yaitu menunggu air surut. Jika air sudah mulai surut, maka mereka baru turun, sebelum kering air di pinggir pantai mereka turun untuk menongkah, demikian juga pada sondong dan belat. Sondong dilakukan dengan cara menarik alat sondong keluar dari tempat yang sudah dipasang. Sedangkan belat, nelayan turun ke dalam belat yang sudah disiapkan tangga-tangga kecil yang hanya muat satu orang untuk menyendok ikan dan udang yang sudah terperangkap di dalamnya. Setelah di darat mereka memisahkan udang-udang yang didapati masih hidup, kerana udang khususnya udang nenek yang hidup akan disimpan untuk ditanam atau dikembang biakkan. Strategi tersebut dilakukan supaya memudahkan nelayan mendapatkan udang nenek tersebut dalam keadaan hidup, kerana harga udang nenek yang dijual hidup-hidup lebih mahal daripada udang nenek yang sudah mati. Harga nenek udang di tempat (maksudnya dibeli langsung pada nelayan) hanya RM10²¹ hingga RM10.08 satu kilogram. Jika dibeli kepada penampung harganya naik menjadi RM15 hingga RM20 satu kilogram, dan jika dibeli di pasar ikan harganya mencapai RM25 hingga RM30 satu kilogram.

Proses dan strategi aspek mata pencarian telah mengalami adaptasi yang luas, strategi menggunakan alat-alat teknologi baharu dalam sistem penangkapan ikan merupakan hal yang banyak dilakukan oleh Orang Laut. Mereka sudah banyak

²¹ RM10 bersama Rp. 35,000 (tiga puluh lima ribu rupiah).

meninggalkan cara-cara lama dalam menangkap ikan, seperti yang dihuraikan pada bab sebelumnya dari total keseluruhan nelayan, hanya ada lima orang sahaja yang masih menggunakan rawai, itu pun sebenarnya bukan menjadi mata pencaharian utama. Setelah diselidiki melalui temubual, mereka merawai kerana kesenangan sahaja sehingga tidak pernah boleh berhenti. Alasannya, merawai boleh dilakukan dimana sahaja, boleh turun ke laut boleh juga tidak. Ertinya, cukup merawai di ujung tanjung atau duduk-duduk di tepi laut dekat jerambah itu pun sudah boleh dapat ikan untuk makan sehari dua. Selain itu, ada juga alat tangkapan lain, seperti *bubu*, *lukah* atau juga *tentuang*. Alat-alat menangkap ikan seperti ini boleh dikatakan tidak lagi digunakan oleh Orang Laut.

4.4. Adaptasi Terhadap Agama

Orang Laut yang ada di Kecamatan Tanah Merah mengaku beragama Islam, sama ada semasa mereka tinggal di dalam sampan mahupun setelah naik kedarat. Sitti Rahmah (2000: 88-89) mengatakan bahawa Orang Laut yang ada di Kecamatan Tanah Merah semua mengaku beragama Islam, namun sebahagian besar mereka hanya mengaku sahaja, tetapi belum melaksanakan syari'at Islam yang sebenar. Masih ramai yang tidak pandai membaca al-Quran. Sebenarnya, ini juga merupakan salah satu strategi yang diperankan Orang Laut, kerana dengan mengakui beragama Islam mereka akan lebih mudah beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan masyarakat sekitar. Pada bulan Ramadhan mereka tidak puasa, mereka juga tidak mendirikan shalat. Keadaan tersebut disaksikan oleh masyarakat umum yang hidup pada masa itu, khususnya sebelum tahun 1970-an. Hal tersebut diungkapkan oleh Mariyana (84 tahun) bahawa:

Orang Laut zaman dulu penampilannya kotor dan tidak bersih. Mereka mengaku beragama Islam, tetapi tidak ada yang shalat, tidak puasa dan tidak pandai membaca al-Quran. Hanya sedikit diantara mereka yang benar-benar menjalankan syari'at Islam. Boleh dihitung ketua keluarga dan ahli keluarga yang benar-benar Islam, seperti keluarga Johari, Ibrahim, Jamaan, Bujang, Narah dan Banang. Kita mengetahui demikian kerana kita dapat melihat langsung mereka shalat, puasa dan mengaji. Di samping itu, rumah kami bersebelahan hanya dibatasi dinding papan, jadi kami boleh melihat semua aktiviti

mereka. Yang lain tidak demikian, mereka tidak segan sama kita, mereka makan minum dan merokok di bulan Ramadhan. Bahkan yang suka minum-minuman alkohol tetap minum dan mabuk di tepi jalan hingga digotong orang ke rumahnya. Sekarang hal ini sudah jarang kita lihat (jarang terjadi), mereka sekarang benar-benar sudah sadar bahawa mereka beragama Islam. Mereka ke masjid, dan ikut dalam kumpulan yasinan kita walaupun sebenarnya dikalangan yang seumur saya masih banyak yang tidak pandai mengaji. Mereka ikut yasinan membuka al-Quran terbalik-balik, tetapi kami diamkan sahaja yang penting mereka mengikuti bacaan Yasin yang kami baca (Tanah Merah, wawancara, 2013).

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa Orang Laut yang hidup sekitar 1970-an masih sangat terkebelakang. Walaupun mereka mengaku beragama Islam, namun pada hakikatnya masih sangat jauh dari ajaran Islam yang sebenar. Mereka belum menerima Islam dengan sepenuhnya, maka didapati mereka tidak shalat, puasa di bulan Ramadhan atau mengeluarkan zakat. Mereka hanya tahu “syahadat due”, iaitu rukun Islam yang pertama yang disebut dengan *kalimah syahadatain*²² Sering juga dijumpai Orang Laut yang hanya boleh mengatakan kalimah “*syahadat due*”, tetapi ketika disuruh membacanya mereka tidak mampu mengucapkannya. Kalimah *syahadat due* mereka pelajari untuk dibaca pada saat akan menikah dan pada saat anak-anak mereka akan dikhitan (suntat). Pada saat itulah mereka mempelajari cara membaca kalimah *syahadat due*, demikian pula bacaan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan proses pernikahan atau perkahwinan. Acara perkahwinan mereka berbeza dengan masyarakat umum yang biasa diadakan di persekitaran mereka. Jika anak mereka akan berkahwin mereka bawa ke Kantor Urusan Agama (KUA) dan menikahkan anak mereka di sana, setelah itu baharu mereka kendurikan di rumah. Sedangkan masyarakat yang lain menikahkan anak mereka di rumah dan saat mengucapkan (*shigat*) nikah disaksikan oleh para jemputan. Menurut Safar (umur 48 tahun) menyatakan bahawa mereka malu menikah di rumah, kerana mereka tidak fasih mengucapkan kalimah *syahadat due*. Mereka harus berulang-ulang mengucapkannya sehingga lama baharu selesai ucapan

²²Kalimah syahadatain itu berbunyi :“*Asyhadu an la ilaha illallah wa asyhadu anna Muhammad Rasulullah; yang bermakna aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah utusan Allah*”.

nikahnya. Selain itu, mereka merasa lebih praktikal menikahkan anak di Kantor Urusan Agama (KUA).

Namun, dengan pengakuan mereka sebagai seorang Islam maka mereka perlu mengikuti kebiasaan masyarakat Islam yang ada di persekitaran mereka. Sebagaimana diungkapkan oleh Mariyana, bahawa mereka mengikuti berbagai kumpulan pengajian, namun mereka sebenarnya belum pandai membaca al-Quran, bahkan tidak mengenal huruf-hurufnya. Namun, mereka boleh membaca '*basmalah* dan *ta'awuz*', bahkan ketika mereka memegang surat 'yasin' dalam keadaan terbalik, namun masyarakat yang menyaksikan hal tersebut hanya membiarkan dan kemudiannya diajarkan apa yang tidak diketahui.

Pada Tahun 1980-an, anak-anak mereka sudah mula banyak belajar mengaji dan mengikuti pendidikan Islam. Seperti anak-anak yang dimasukkan ke sekolah Madrasah Diniyyah Awaliyah (MDA) dan Taman Pendidikan Islam (TPA). Kedua-dua institusi pendidikan Islam tersebut sebagai pendidikan bukan formal, iaitu pendidikan yang disediakan oleh masyarakat Islam untuk memberikan pendidikan agama kepada anak-anak mereka. Jam belajar disesuaikan dengan keadaan pendidikan formal agar anak-anak masyarakat Islam dapat mengikuti pendidikan Islam di luar pendidikan formal. Misalnya, anak-anak yang sekolah formal pada pagi hari seperti Sekolah Dasar Negeri (SD Negeri), maka mereka akan mengikuti sekolah di Madrasah Diniyyah Awaliyah (MDA) atau Taman Pendidikan Al Qur'an (TPA) pada siang hingga waktu petang. Jika mereka mengikuti pendidikan formalnya pada siang hari, maka sekolah Islam bukan formal akan diikuti pada pagi hari hingga tengah hari. Demikian juga dengan keadaan anak-anak Orang Laut yang ada di Kecamatan Tanah Merah, khususnya di tiga desa lokasi kajian. Anak-anak Orang Laut yang lahir selepas tahun 1980-an pada umumnya

sudah mengikuti pendidikan Islam, sehingga sudah pandai mengaji, mendirikan shalat dan puasa. Pengaruh pendidikan yang diterima oleh anak-anak mereka dapat memberikan pengaruh kepada orang tua dan keluarga. Sering kali juga anak-anak mereka yang menegur orang tuanya untuk shalat dan mengaji. Keadaan ini menyebabkan para orang tua mula ikut belajar mengaji dan shalat.

Selepas tahun 1980-an, sudah mula Orang laut datang ke Masjid untuk ikut shalat berjamaah. Dalam tahun 1985 Orang Laut pertama yang melaksanakan ibadah haji adalah Selamat, ketika itu ia berumur 46 tahun. Ia berangkat menunaikan haji bersama isteri keduanya (orang Banjar). Semenjak H. Selamat (sekarang telah berusia 67 tahun) menunaikan ibadah haji, Orang Laut mulai ramai datang ke masjid, demikian juga dalam pengajian-pengajian di masjid dan dari rumah ke rumah. Pengajian dari rumah ke rumah itu dikenali dengan istilah wirid dan yasin ibu-ibu. Pada awalnya, orang Laut tidak berani membawa pengajian ke rumah mereka. Mereka hanya mengikuti pengajian di rumah masyarakat Islam yang lain, kerana masyarakat Islam lainnya juga masih merasa tak selesa untuk masuk ke rumah Orang Laut. Kemudian isteri H. Selamat yang berasal dari etnis Banjar sering membawa pengajian ibu-ibu ke rumahnya, dan Orang laut terlibat tampil untuk memulai wirid serta menghidangkan makanan, maka masyarakat lain tanpa menyadari sudah merasa terbiasa dan tidak merasa ada perbezaan dengan mereka. Tidak diketahui secara pasti rumah Orang Laut mana yang pertama menerima aktiviti pengajian atau wirid di rumah. Ertinya, saat itu sudah mula ada keterbukaan antara Orang Laut dengan masyarakat persekitaran dalam aktiviti keagamaan. Mereka sudah tidak merasa ada perbezaan. Mereka merasa bahawa sesama umat Islam, saling menghormati dan saling menasehati, sehingga wirid yasinan ibu-ibu sudah melibatkan Orang Laut secara penuh hingga sekarang.

Aktiviti keagamaan dalam masyarakat Kecamatan Tanah Merah tidak hanya dalam aspek ibadah sahaja, malah termasuk aktiviti peringat hari-hari besar Islam, seperti maulid Nabi Muhammad SAW, Isra' dan Mi'raj Muhammad SAW, hari 'Asyura dan awal masuknya bulan Muharram. Aktiviti tersebut melibatkan semua masyarakat Islam tidak terkecuali Orang Laut, mulai dari anak-anak, remaja dan orang-orang dewasa. Anak-anak biasanya mengikuti pelbagai pertandingan, seperti pertandingan azan, membaca al-Qur'an, menghafal surah-surah pendek dalam al-Qur'an dan lain-lain yang diadakan di Madrasah Diniyah Awaliyyah (MDA) dan Taman Pendidikan Al Qur'an (TPA). Terdapat juga aktiviti yang bersifat sosial, iaitu untuk membantu anak-anak orang Islam yang kurang mampu, seperti aktiviti "sunatan massal" (khitan massal), di sinilah biasanya anak-anak Orang Laut terbantu untuk mengkhitankan anak-anak mereka yang belum disunat atau dikhitan.

Demikian juga dalam bidang kesenian Islam. Orang Laut tidak ketinggalan dalam aktiviti kesenian Islam seperti rebana. Mereka mempunyai kumpulan rebana sendiri yang terdiri dari 12 orang dan semua anggota adalah terdiri daripada Orang Laut. Ertinya, mereka yang menjadi penyanyinya dan juga memainkan semua alat muzik. Di samping itu, mereka juga terlibat dan ikut dalam kumpulan-kumpulan rebana di luar kumpulannya. Mereka juga mempunyai suara yang bagus dan penampilan yang tidak kalah dengan masyarakat lain yang ada di persekitaran.

Pada masa kini Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah sudah menyesuaikan diri dengan kehidupan berlandaskan agama Islam. Ertinya, mereka sudah masuk dalam kehidupan Islam dipersekitaran mereka, seperti cara berpakaian. Dalam era 1970-an hingga 1980-an, masih jarang melihat perempuan Orang Laut yang menggunakan tudung. Kalau pun ada, mereka bukan bertudung tetapi menggunakan kain sarung di

kepala untuk mengelakkan terik matahari. Selain itu dari tahun ke tahun berlaku peningkatan bilangan Orang Laut yang menunaikan ibadah haji.

Ramai yang mengaku telah berpuasa di bulan Ramadhan. Mereka malu jika tidak berpuasa di bulan Ramadhan, walaupun sebenarnya mungkin masih ada yang tidak berpuasa. Demikian juga dalam melaksanakan ibadah tarawih yang dilakukan pada malam hari di bulan Ramadhan, sebahagian ada yang ikut dan sebahagian lagi tidak. Ketika hari raya tiba mereka semua ikut meraikannya sama dengan orang Islam dari suku lain.

Orang Laut di Desa Tanjung Pasir juga sama dengan yang di Desa Tanah Merah. Kebanyakan Orang Laut yang ada di Desa Tanjung Pasir berasal daripada Desa Tanah Merah, sehingga tidak jauh berbeza dengan apa yang berlaku di Desa Tanah Merah. Seperti aktiviti pengajian, atau wirid yasinan ibu-ibu sama dengan yang ada di Desa Tanah Merah. Hanya di Desa Tanjung Pasir pernah menjadi kawasan Program Pemukiman Kembali Masyarakat Terasing (PKMT) tahun 1996 oleh Kementerian Sosial RI, maka masyarakat Orang Laut di kawasan ini lebih terbina aktiviti keagamaannya. Pendidikan dan pengajian Islam diberikan atau dibimbing oleh guru agama yang ditugaskan dan digaji oleh kerajaan. Pada tahun 1996, Program Pemukiman Kembali Masyarakat Terasing (PKMT) membina Orang Laut sebanyak 52 KK (ketua keluarga), dan yang tidak mendapatkan bimbingan dan perumahan sebanyak 48 KK (ketua keluarga). Ertinya, lebih banyak jumlah masyarakat yang mendapatkan bimbingan daripada yang tidak (Rahmah, 2000: 44). Dengan demikian, kehidupan dalam kompleks perumahan tersebut dapat mempengaruhi masyarakat yang berada di luar perumahan. Hal ini juga diungkapkan oleh Rubiah (umur 52 tahun) bahawa ia sangat merasa bersyukur tinggal di dalam kompleks perumahan kerana selama tinggal

di sana, ia mengikuti pengajian sehingga ia sudah pandai membaca al-Quran. Sebelumnya, ia sama sekali buta al-Quran. Ia juga sudah memahami syari'ah Islam, khususnya tentang *fardhu kifayah*²³, seperti tata cara memandikan mayat atau jenazah orang Islam. Banyak hal yang diajarkan dalam pendidikan tersebut, termasuk masalah kesihatan, sama ada melibatkan Jabatan Kesihatan mahupun Jabatan Agama. Sehingga warga binaan tersebut dapat memahami kehidupan yang layak sebagaimana mestinya masyarakat pada umumnya (wawancara, 2014).

Masyarakat yang mendapatkan bimbingan di dalam kompleks perumahan juga mengikuti aktiviti keagamaan di luar kompleks, kerana masjid mereka hanya ada satu dan terdapat di luar kompleks. Masyarakat yang telah mendapatkan bimbingan lebih percaya diri untuk tampil dalam berbagai aktiviti keagamaan, seperti memimpin pembacaan yasin, tahlilan serta mereka juga sudah mampu memimpin bacaan doa yasin. Mereka juga yang memandikan jenazah jika Orang Laut yang meninggal dunia. Hal ini memberikan dampak terhadap Orang Laut yang berada di luar kompleks untuk ikut belajar agama Islam, bahkan mereka tidak segan ikut dalam kumpulan pengajian yang diadakan dalam kompleks. Hal ini terjadi setelah 4 tahun berjalannya aktiviti pembinaan dalam kompleks, kerana tahun-tahun terakhir pembinaan terhadap Orang Laut sudah mulai berkurang.

Mereka juga terlibat dalam berbagai aktiviti kesenian Islam, seperti rebana dan bacaan *Sholawat* atau *berzanji* (adalah doa-doa berupa pujian-pujian kepada Muhammad SAW). Orang Laut yang mampu mengaji dan mendirikan shalat pada umumnya berusia 50 tahun ke bawah. Hanya ada beberapa orang sahaja yang umurnya

²³Fardhu kifayah ialah kewajipan yang bersifat umum dan wajib dilakukan oleh orang Islam walaupun hanya satu orang yang mengerjakannya, maka umat Islam yang lain terlepas dari kewajipan tersebut.

di atas 50 tahun yang boleh mengaji dan shalat. Peneliti pernah mengikuti kumpulan pengajian Orang Laut di Desa Tanjung Pasir. Peneliti menyaksikan beberapa orang wanita yang usia lanjut terbalik dalam memegang surah Yasin yang diberikan kepada setiap orang yang mengikuti pengajian ibu-ibu tersebut. Yang hadir lebih dari 40 orang, dan ketika itu ada tujuh orang yang terbalik memegang buku Yasin. Tetapi mulut mereka mampu mengikuti bacaan yang dipandu oleh seseorang yang diketuai dalam kumpulan tersebut dan kemudian diikuti oleh peserta dengan membaca secara bersama-sama. Hal tersebut menunjukkan kemauan yang tinggi untuk mempelajari dan memahami Islam.

Sedangkan aktiviti keagamaan di Desa Sungai Laut tidak terlalu menonjol, mereka biasa sahaja. Orang Laut juga mengikuti aktiviti pengajian keagamaan dan pengajian wirid ibu-ibu, namun mereka bergabung sahaja dengan masyarakat umum. Ada beberapa orang Orang Laut yang aktif dalam berbagai aktiviti keagamaan dan aktiviti sosial yang diadakan oleh kerajaan (kepala desa/kampung). Mereka adalah Orang Laut yang dalam keluarganya terjadi perkahwinan campur, misal suaminya orang Bugis atau orang Banjar.

Di Desa Sungai Laut terdapat sebuah masjid yang terletak di dekat perkampungan Orang Laut. Namun, masjid tersebut lebih banyak diisi oleh bukan Orang Laut. Orang Laut dapat dihitung jumlahnya, seperti dalam shalat Jumaat paling ramai bilangan mereka yang datang ke masjid berkisar antara sembilan hingga lima belas orang. Akan tetapi dari kalangan anak lelaki mereka ramai yang datang ke masjid bersama dengan teman-teman mereka yang bukan anak Orang Laut. Penyelidik menyimpulkan keadaan ini disebabkan oleh anak-anak mereka mengikuti pendidikan

Taman Pendidikan Al Qur'an (TPA), sehingga mereka mengetahui bahawa shalat Jumaat itu wajib bagi lelaki.

Secara umum masyarakat Sungai Laut mengaku beragama Islam, walaupun mereka tidak solat. Sama halnya dengan Orang Laut yang ada di desa-desa lain. Mereka melihat orang-orang muslim ke masjid kerana rumah mereka dekat dengan masjid, namun mereka tidak pergi solat. Mereka tetap duduk di depan rumah. Ketika ditanyakan kenapa mereka tidak pergi solat Jumaat, jawapan mereka baru pulang dari laut, penat dan sebagainya. Dan ada yang hanya tersenyum sahaja dan tidak memberikan jawapan. Seperti yang dinyatakan oleh Sahal (58 tahun) ketika ditanya “kenapa tidak ke masjid pak, dengan ringan sahaja dia menjawab lagi penat”.

Pada saat mereka mendapati musibah seperti kematian, maka jenazah mereka tetap diselenggarakan secara Islam. Mereka juga dimandikan dengan cara Islam, *dikafani*, dishalatkan di masjid dan dikuburkan di pemakaman umum orang Islam. Bulan Ramadhan mereka juga berpuasa (menurut pengakuan mereka). Pada saat hari raya mereka meraikannya sebagaimana umat Islam yang lain. Mereka juga menghidangkan bermacam-macam kueh mueh. Mereka juga saling berkunjung dan bersilaturahmi sesama jirannya. Pada acara peringatan Maulid Nabi Muhammad SAW yang diadakan di masjid di persekitaran mereka, mereka ikut menghadirinya dan ikut bergabung bersama-sama dengan orang Islam yang ada di Desa Sungai Laut. Tidak hanya orang tua yang hadir, anak-anak mereka juga ikut meramaikan masjid.

Dari kajian tersebut dapat dikatakan bahawa pengakuan Orang Laut sekarang terhadap kehidupan beragama sangat baik berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya: Dahulunya hanya sekedar mengaku sebagai orang Islam tetapi mereka sebenarnya tidak

ataupun belum tahu tentang ajaran Islam yang sebenarnya. Kerana keinginan mereka yang tinggi serta kemahuan mereka pula tinggi mendorong mereka mempelajari agama Islam hal ini boleh dikatakan sebagai salah satu keberhasilan adaptasi. Keadaan ini sangat berbeza dengan kewujudan Orang Laut yang berada di Kepulauan Riau seperti di Batam, Tanjung Pinang dan sekitarnya. Mereka hanya sedikit yang beragama Islam, bahkan diperkirakan masih kuat pengaruh animisme.

4.5. Adaptasi Terhadap Perkahwinan

Permulaan daripada kehidupan kekerabatan adalah terjadinya perkahwinan. Perkahwinan ialah hubungan terikat antara dua orang yang diiktiraf oleh pihak berkuasa sivil dan/atau diikat oleh kepercayaan agama peserta-peserta (Kamus Bahasa Melayu, 2012).

Orang Laut yang ada di Kecamatan Tanah Merah telah mengenal istilah perkahwinan semenjak nenek moyang mereka. Ketika mereka ingin membentuk keluarga baharu, maka mereka akan melamar perempuan yang disukai atau boleh berkahwin dan ada juga orang tua mereka yang mencadangkan calon isteri anak, atau orang tua perempuan yang mengajak seorang anak muda untuk berkahwin dengan anak gadisnya. Setelah kata sepakat dicapai mereka akan naik ke darat untuk bertemu dengan bapak penghulu, iaitu Pencatat Pernikahan dan Perceraian Talak Rujuk (P3NTR) di mana sahaja mereka berlabuh, dan perkahwinan dilakukan. Tidak ada majlis perkahwinan yang melibatkan ramai saudara-mare, seterusnya mereka langsung sahaja pindah sampan baharu (Sitti Rahmah, 2001: 107). Namun kini Orang Laut sudah mengalami penyesuaian terhadap budaya yang ada dipersekitaran mereka, khasnya budaya Melayu. Mereka sudah mengamalkan beberapa proses perkahwinan, seperti merisik, nyebet atau melamar, bertunang, hantar belanja atau *ntet belanja*, nikah dengan

cara Islam, kemudian pesta walimah atau *bersandeng*. Merisik pada hakekatnya adalah menilik calon istri, merisik dilakukan oleh pihak lelaki, untuk mengenal pasti dari mana asal usul dan keluarga bakal pihak perempuan. Orang Laut tidak menggunakan jasa orang lain untuk menilik, mereka langsung sahaja, apalagi jika mereka sudah mengenali anak perempuan yang menjadi calon anak mereka. Mereka langsung sahaja mendatangi orang tuanya dan memberitahu bahawa anaknya sudah sama-sama suka. Setelah kedua pihak bersetuju mereka langsung menentukan hari melamar (*nyebet*). Sesungguhnya budaya merisik dan melamar ini sudah merupakan hasil penyesuaian Orang Laut terhadap budaya masyarakat tempatan, kerana Orang Laut ketika hidup dalam sampan tidak melakukan proses melamar. Apabila mereka mengetahui anaknya suka dengan seorang perempuan sesama Orang Laut, maka orang tua mereka langsung memberi tahu dan mengahwinkan mereka. Berkahwin pun ada yang naik ke darat dikahwinkan oleh penghulu, ada yang dikahwinkan oleh ketua kumpulan mereka sahaja. Sekarang mereka sudah mengikuti budaya luar dengan melakukan merisik dan melamar dengan melaksanakan upacara penyambutan, iaitu selepas memberitahu orang tua calon menantu, maka mereka langsung menentukan masa untuk bertunang, dengan mengundang kedua keluarga masing-masing dan memberikan cincin tunangan, kemudian menentukan masa lamaran, hantaran dan masa pesta perkahwinan yang akan dilaksanakan, ditutup dengan menyantap hidangan yang telah disiapkan tuan rumah. Sementara bentuk makanan yang dihidangkan seperti soto, bubur kacang hijau dan lain-lain.

4.5.1. Perkahwinan Campur dan Kesannya ke Atas Pola Petempatan

Orang Laut bersifat terbuka terhadap pemilihan pasangan, sehingga ada diantara mereka yang berkahwin dengan orang Melayu, orang Banjar, Bugis, Minang, Jawa bahkan ada dengan orang Cina. Perkahwinan itu disebut perkahwinan campur, maka perkahwinan

campur di kalangan Orang Laut cukup banyak, sebagaimana yang sudah disebutkan dalam Bab III. Perkahwinan campur telah memberi kesan terhadap adaptasi sosiobudaya Orang Laut juga ke atas pola petempatan.

Oleh itu perkahwinan campur adalah salah satu proses dan strategi yang tidak kelihatan (terselubung), sama ada disedari atau tidak bahawa ini merupakan penyesuaian dan peleburan Orang Laut ke dalam budaya luar, kerana dengan perkahwinan akan lebih mudah terjadi penyesuaian dan peleburan budaya. Dalam satu temu bual dengan salah seorang informan yang mengalami perkahwinan campur di Desa Tanah Merah, iaitu Nurimah (umur 56 tahun) mendedahkan bahawa:


Perkahwinan kami sudah 27 tahun, selama ini kami tidak ada masalah dalam hubungan keluarga pihak suami mahupun pihak saya. Saya dalam keluarga suami biasa sahaja kerana mertua saya yang perempuan tinggal bersama kami, dan mertua lelaki sudah meninggal. Adik beradik suami (saudaranya) semuanya sudah mempunyai keluarga masing-masing. Anak kami yang besar dan yang nombor dua sudah menikah, tinggal anak perempuan yang belum menikah. Anak kami kahwin dengan orang Melayu dan orang Banjar. Adat istiadat yang kami amalkan dalam keluarga kami adalah adat Melayu, mengikut keluarga saya.

Dari ungkapan tersebut dapat diketahui bahawa perkahwinan campur memberikan pengaruh terhadap peribadi dan keluarga yang terkait dengan perkahwinan tersebut, termasuk keluarga besar. Sehingga terjadilah penyesuaian-penyesuaian, sama ada disengaja ataupun tidak terhadap budaya yang lebih dominan. Anak-anak dari hasil perkahwinan campur banyak tidak berkahwin dengan Orang Laut. Banyak daripada mereka menikah dengan suku lain, atau keluarga ibunya yang bukan Orang Laut. Ada juga yang berkahwin sesama Orang Laut, namun bilangannya sedikit sekali. Hal ini seperti diungkapkan Pendi (umur 36 tahun) bahawa *"jika kahwen dengan orang lain banyak pilihan, cantek-cantek, jika sama Orang kami biase sahaje"*. Ungkapan ini menunjukkan adanya kecenderungan mereka untuk kahwin dengan orang luar dari kumpulan mereka dan ini merupakan terbukanya pilihan untuk hal tersebut.

Di samping itu, sebenarnya perkahwinan campur juga memberikan pengaruh terhadap stratifikasi sosial dalam kehidupan masyarakat. Mereka yang sudah melakukan perkahwinan campur pada umumnya dapat dengan leluasa bergabung dengan masyarakat luas dalam pelbagai aktiviti kehidupan sosial, khasnya berinteraksi dan menyesuaikan diri dalam keluarga isteri atau suami yang bukan Orang Laut. Mereka tidak memperlihatkan kejanggalan dan rendah diri. Sedangkan keluarga yang tidak terjadi perkahwinan campur lebih bersifat inklusif dalam aktiviti sosial. Kalaupun mereka terlibat dalam pelbagai aktiviti maka mereka akan mendapat upah dari pekerjaan mereka seperti pada acara pesta perkahwinan jiran, jika perempuan biasanya mereka membatu bekerja sebagai pencuci piring, jika lelaki mengangkat barang-barangan apa sahaja yang diperlukan oleh yang punya hajat, ada juga memperbaiki jerambah atau jalan. Namun jika mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau kerana hubungan perkahwinan atau dari seorang diantara mereka ada yang berkahwin campur maka mereka diikutkan sebagai jawatan kuasa dalam perkahwinan anak jiran mereka. Hal tersebut menunjukkan bahawa begitu besar kesan atau impak daripada berkahwin campur terhadap kehidupan sosial Orang Laut dalam masyarakat Kecamatan Tanah Merah dan khasnya di Desa Tanah Merah.

Perkahwinan campur pula memberi kesan ke atas pola petempatan, mereka yang sudah berkahwin campur akan membina rumah yang berjiran dengan keluarga suami atau isteri yang bukan Orang Laut. Rumah mereka sentiasa berselang-seling dengan rumah orang lain, misalnya mereka berjiran dengan orang Bugis, kerana suaminya orang Bugis.

Gambar 4.1. Keadaan Perumahan Orang Laut di Desa Tanah Merah



Sumber: Diolah dari hasil penelitian lapangan 2013

Keterangan simbol:

-  Kumpulan Orang Laut sahaja
-  Kumpulan masyarakat Melayu
-  Kumpulan masyarakat lain
-  Sekola
-  Fasiliti Kesihatan (asas)
-  Masjid
-  Masjid
-  Masjid

Gambar di atas menjelaskan bahawa pada tahun 1980-an mereka hidup masih dalam kumpulan sahaja, seperti kumpulan yang berwarna merah, namun sekarang ini mereka sudah disemat seperti dalam gambar warna hijau yang mana rumah-rumah

Orang Laut berada di sela-sela rumah suku-suku lain. Bagi mereka yang berkahwin campur satu dua keluarga ada yang tinggal dengan keluarga pihak suami yang bukan Orang Laut, sedangkan yang lainnya mereka tetap terpusat dalam satu kawasan RW (Rukun Warga) atau RT (Rukun Tetangga) namun rumah mereka sudah disela-sela orang lain., iaitu di RW IV dan VI, sebagaimana dapat dilihat dalam gambar 4.1 di atas tentang batas RW pada garis berwarna biru.


Perkahwinan Campur boleh dikatakan sebagai salah satu proses adaptasi dimana setiap tindakan dilakukan secara sedar oleh masing-masing pasangan (khususnya Orang Laut). Orang Laut sedar dan aktif dalam memilih dan memutuskan pilihan atau pasangan yang menjadi pilihan, sebagai upaya keberlangsungan hidup komuniti Orang Laut. Hal tersebut sesuai dengan pendapat Bennett (1976: 166) bahawa penentuan pilihan dan keputusan yang diambil adalah sebuah ekspresi adaptasi ke atas lingkungan dan merupakan proses perubahan. Ertinya bahawa perkahwinan campur menjadi salah satu proses adaptasi yang dilakukan secara sedar dalam rangka melakukan perubahan terhadap eksistensi keluarga dan gengsi keluarga di tengah-tengah masyarakat.

Demikian juga perkahwinan campur yang terjadi pada masyarakat Desa Tanjung Pasir. Masa kini masyarakat tidak lagi mempertikaikan adanya perkahwinan campur antara Orang Laut dengan orang lain, bahkan dengan Orang Cina. Desa Tanjung Pasir terdapat 180 ketua keluarga Orang Laut, dan ada 69 ketua keluarga yang berkahwin dengan bukan Orang Laut. Ada perubahan yang jelas dapat diamati dalam kehidupan masyarakat Orang Laut di Desa Tanjung Pasir, khususnya mereka yang melakukan perkahwinan campur. Setakat ini mereka tinggal di luar kawasan Orang Laut. Mereka ada yang tinggal di pasar dan membuka perniagaan kecil seperti membuka kedai makanan dan minuman.

Rumah-rumah Orang Laut yang berkahwin campur tinggal di beberapa persekitaran RW yang lain, dan tidak tertumpu pada satu RW dan RT sahaja. Boleh dikatakan bahawa Orang Laut di Desa Tanjung Pasir lebih maju dan lebih bermasyarakat dan terbuka, mereka tidak lagi terkumpul di satu kawasan tempat tinggal. Mereka mengikuti anak mereka yang sudah berkahwin dengan suku lain dan tinggal di lingkungan baharu dan keluar dari lingkungan mereka. Perubahan ini sebenarnya boleh dikatakan sebagai perubahan yang sangat menarik untuk di teliti, kerana pada tahun 1970-an hal ini belum muncul sama sekali. Perkara ini masih bersifat inklusif dan tertutup, keadaan ini berlaku hingga tahun 1980-an. Namun, sekarang ini perkahwinan campur sangat terbuka dan tempat tinggal mereka pun sudah tidak berada dalam lingkungan Orang Laut sahaja, tetapi bertabur ke pelbagai kawasan, sehingga mereka tidak merasa adanya perbezaan dengan suku lain, mereka boleh mencari tempat tinggal dimana sahaja yang mereka inginkan. Hanya sebahagian masyarakat luar masih merasa tidak senang jika anak-anak mereka kahwin dengan Orang Laut. Bahkan ada yang mengusir dari rumah dan dikeluarkan dari keluarga dan ada juga yang tidak diakui sebagai keluarga lagi.

Susunan rumah Orang Laut di Desa Tanjung Pasir sudah tidak terkumpul pada satu RW sahaja, tetapi sudah hidup berpadu dengan masyarakat lain. Rumah mereka sudah berselang-seling dalam kawasan kampung tersebut, khasnya yang sudah melakukan berkahwin campur. Berikut adalah gambaran susunan rumah Orang Laut di Desa Tanjung Pasir:

Gambar: 4.2. Keadaan Perumahan Orang Laut di Desa Tanjung Pasir



Sumber: Olahan Hasil Kajian Lapangan 2013

Keterangan Simbol:

-  Kumpulan Orang Laut
-  Kumpulan Masyarakat lain
-  Kumpulan Masyarakat Melayu
-  Sekolah
-  Fasiliti Kesihatan (asas)
-  Masjid

Dari gambar 4.2. tersebut di atas menunjukkan bahawa rumah Orang Laut yang ada di desa Tanjung Pasir pada awalnya terpusat pada satu kampung yang dikenali sebagai kampung Sungai Rumah seperti dalam gambar warna merah hal ini berlaku

pada tahun 1980-an hingga 1990²⁴, kemudian pada tahun berikutnya mulalah Orang Laut disemat terutama akibat dari adanya Progam Kesejahteraan Masyarakat Terasing (PKMT) dari kerajaan. Maka Orang Laut mulai berdatangan dan mereka duduk di mana sahaja mereka boleh mendapatkan tanah untuk membina rumah, khususnya mereka yang berkahwin campur maka mereka membina rumah dekat dengan keluarga suami atau isteri yang dari orang lain dan merekapun tersebar dihampir semua sudut, mereka tidak terkumpul dalam satu kawasan sahaja. Mereka hidup berjiran dengan berbagai macam suku yang ada di desa Tanjung Pasir, seperti terlihat dalam gambar warna merah dan hijau. Rumah-rumah mereka pula sama dengan bentuk mahupun keadaan rumah masyarakat lainnya, sesuai dengan keadaan kemampuan ekonmi, yang mempunyai uang yang banyak mereka akan membina rumah yang lebih layak dan sesuai dengan kemahuan mereka, mereka yang tidak mampu maka mereka tetap membina rumah yang sederhana. Keadaan tersebut mencetuskan terjadinya penyesuaian yang lebih laju dan lebih baik lagi.


Di Desa Sungai Laut masyarakatnya lebih tenang, penduduknya tidak seramai di Desa Tanjung Pasir. Masyarakat Orang Laut masih tinggal dalam kumpulannya. Mereka terkumpul dalam satu Rukun Warga (RW) sahaja. Seperti di lingkungan RW 02, penduduknya boleh dikatakan hanya Orang Laut sahaja, tidak ada yang mencampuri mereka kecuali yang berkahwin dengan Orang Laut. Masyarakat Orang Laut terdiri dari 166 ketua keluarga dan yang berkahwin campur ada 44 ketua keluarga.

Perkahwinan campur di Desa Sungai Laut tidak terlalu kelihatan, kerana mereka tetap tinggal dalam lingkungan Orang Laut atau mereka keluar dari Desa Sungai Laut dan mengikuti suami atau isteri mereka ke desa lain. Sehingga yang berkahwin campur

²⁴ Kesah tentang keadaan Orang Laut dari tahun 1980-an sehingga kini diperolehi dari hasil temubual dengan tokoh masyarakat Tanjung Pasir H. Naro 13 September 2013.

jumlahnya sedikit, dan mereka membina rumah yang tidak jauh dari petempatan Orang Laut.

Gambar 4.3. Keadaan Perumahan Orang Laut di Desa Sungai Laut



Sumber: Diolah dari hasil penelitian lapangan 2013

Keterangan simbol:

-  Kumpulan Orang Laut
-  Kumpulan Masyarakat Lain
-  Sekolah
-  Masjid
-  Masjid
-  Fasiliti Kesihatan (asas)

Gambar di atas memperlihatkan bahawa kehidupan Orang Laut di Desa Sungai Laut hidup dalam kumpulannya sahaja, seperti dapat dilihat pada gambar di atas, bahawa yang berwarna merah adalah kawasan RW III di mana yang membina rumah di kawasan tersebut hanyalah Orang Laut sahaja. Mereka tidak bercampur baur dengan suku lain atau orang lain. Dalam aktiviti sehari-hari mereka juga keluar dari rumah, mereka mengenali masyarakat yang ada di kampung tersebut khususnya orang yang

dikenali di kampung itu, seperti kepala kampung, kaki tangan di kantor Desa dan ketua-ketua Rukun Warga (RW) mereka juga mengikuti aktiviti yang berlaku di kampung khususnya yang dilakukan oleh kerajaan seperti pengobatan untuk awam yang tidak dikenakan bayar. Biasanya jika ada orang yang belum mereka kenali datang ke kampung tersebut, mereka hanya melihat sahaja dan masuk ke dalam rumah. Secara umum mereka tetap mengikuti aktiviti ketua kumpulan organisasi mereka jika ada aktiviti, seperti aktiviti posyandu, PKK, RW dan RT, namun tetap tidak berbaur dengan orang luar. Yang mengikuti aktiviti di luar daripada kumpulan mereka hanyalah pengerusi yang duduk dalam organisasi PKK tersebut. Para pengerusi PKK itu pula yang memberikan arahan dan kadang mereka mengundang ketua Tim Penggerak PKK desa untuk mendampingi.

Masyarakat Orang Laut di Desa Sungai Laut membina rumah di kawasan desa yang paling pinggir, dan boleh dikatakan di ujung tanjung yang dekat sekali dengan muara sungai dan menghadap ke laut lepas. Sehingga jika anggota keluarga bertambah, maka mereka akan membina rumah disepertaran tempat tinggal keluarga atau orang tua mereka dan tidak keluar dari kumpulan tersebut.

4. 6. Adaptasi Terhadap Organisasi Sosial

Organisasi sosial adalah suatu sistem kerjasama yang ada dalam masyarakat, sama ada dalam bidang ekonomi, sosial kemasyarakatan, agama dan sebagainya. Konsep organisasi sosial harus dikaitkan dengan struktur dan fungsi sosial dalam masyarakat. Konsep fungsi adalah fungsi daripada gejala sosial untuk memelihara keperluan masyarakat demi kelangsungan masyarakat dalam kesatuan yang holistik. Organisasi sosial adalah pengaturan daripada seluruh jaringan struktur sosial dan institusi sosial dimana manusia hidup bersama dan sentiasa dinamik. Koentjaraningrat (1987: 193-

194) menjelaskan bahawa struktur sosial itu sentiasa bergerak dan hidup, ada tiga bentuk gerak struktur sosial, iaitu:

- a. Bergerak, kerana suatu hubungan itu sentiasa aktiviti berjalan terus, dalam ruang dan waktu.
- b. Bergerak, kerana berterusan daripada struktur sosial dalam ruang dan waktu.
- c. Bergerak, kerana proses pertumbuhan daripada struktur sosial.

Ketiga-tiga hal tersebut menjadi satu kesatuan yang sentiasa tumbuh dalam organisasi sosial, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya. Organisasi sosial yang paling jelas dapat diamati adalah keluarga. Walaupun Orang Laut dianggap sebagai masyarakat sederhana dan digolongkan dalam Komuniti Adat Terpencil (KAT), mereka juga tetap mengalami perubahan. Seperti kehidupan keluarga dalam masyarakat Orang Laut terus mengalami perubahan. Perubahan tersebut berlaku secara berterusan, sama ada perubahan yang tidak tampak mahupun yang tampak jelas, seperti perkahwinan campur.

Begitu pula halnya dengan organisasi sosial yang lain, seperti sistem kerjasama yang biasanya melibatkan orang lain. Perkara ini menghendaki Orang Laut melakukan interaksi dan menyesuaikan terhadap aturan-aturan yang berlaku dalam kumpulan tersebut. Hal ini memaksa anggota masyarakat untuk mengembangkan organisasi sosial dan institusi sosial yang lebih luas, kompleks dan bersifat impersonal. Dalam perkembangan selanjutnya merangsang munculnya pertumbuhan nilai-nilai budaya yang baharu dan institusi baharu dalam kehidupan sosial Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah. Orang Laut sudah mulai terlibat dalam pelbagai organisasi sosial, sama ada yang bersifat formal mahupun bukan formal dalam berbagai aktiviti sosial seperti; menyesuaikan diri terhadap peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Tidak ada sebarang apapun yang boleh mereka lakukan tanpa mengikuti aturan yang ditetapkan

oleh kerajaan. Mereka boleh terlibat dalam organisasi sosial yang sudah mendapat kebenaran dari kerajaan.

Dalam bidang ekonomi, Orang Laut terlibat dalam organisasi sosial ekonomi, sama ada formal mahupun tidak formal. Organisasi formal adalah organisasi yang dibentuk oleh kerajaan, dari masyarakat untuk masyarakat namun kerajaan memberikan bantuan berupa dana, seperti adanya Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat (PNPM)²⁵ Mandiri. Program ini memusatkan perhatiannya kepada masyarakat sangat miskin di perdesan. PNPM Mandiri memberikan fasiliti pemberdayaan berupa dana bantuan untuk usaha dengan memberikan latihan dan mentor. Hanya satu orang daripada Orang Laut di Desa Tanah Merah yang mendapatkan dana PNPM Mandiri, selebihnya masyarakat lain.

Selain itu, ada juga Koperasi Unit Desa (KUD). Koperasi ini berada di bawah naungan kerajaan tingkat desa dan dikendalikan oleh masyarakat desa, serta dikawal langsung oleh kerajaan (pemerintah) tingkat desa. Dana KUD sebahagian berasal daripada bantuan desa dan dikembangkan oleh masyarakat desa. Orang Laut di Desa Tanah Merah tidak banyak yang terlibat dalam organisasi ini. Berbeza halnya dengan masyarakat Orang Laut yang ada di Desa Tanjung Pasir dan Sungai Laut, di mana mereka lebih ramai yang terlibat langsung dalam aktiviti kerajaan tingkat desa.

Selanjutnya, ada juga Usaha Peningkatan Pendapatan Keluarga (UP2K). Organisasi ini sebagai sub organisasi dari Pemberdayaan Kesejahteraan Keluarga

²⁵ PNPM adalah salah satu program kerajaan di bawah Jabatan Pemberdayaan Masyarakat dan Desa (PMD). Kementerian Dalam Negeri RI. Program ini bertujuan untuk memberdayakan masyarakat miskin yang berada di desa-desa dengan memberikan fasiliti pendampingan, pelatihan dan memberi wang langsung pada masyarakat.

(PKK) yang memberi dana pinjaman dalam jumlah yang kecil. Tujuannya adalah hanya untuk memberikan pinjaman modal usaha peningkatan pendapatan keluarga melalui ibu-ibu (kaum perempuan) usaha kecil, seperti modal membuat kueh-mueh untuk jualan, keropok dan sebagainya. Jumlahnya berkisar antara RM250 hingga RM500 dan ada had masa pinjaman. Dana pinjaman tersebut harus dikembalikan untuk digulirkan lagi kepada kader atau anggota yang lain. Orang Laut di Desa Tanah Merah hanya sebahagian kecil yang menjadi anggota PKK sehingga kesempatan untuk ikut mendapatkan bantuan dana UP2K tersebut juga terhad.

Ada beberapa institusi sosial kemasyarakatan yang ada di Desa Tanah Merah, Tanjung Pasir dan Sungai Laut, sama ada yang formal mahupun bukan formal. Seperti Lembaga Ketahanan Masyarakat Desa (LKMD), Tim Penggerak Pemberdayaan Kesejahteraan Keluarga (TP. PKK), Pemberdayaan Kesejahteraan Keluarga di tingkat Rukun Warga (PKK RW), Pemberdayaan Kesejahteraan Keluarga di tingkat Rukun Tetangga (PKK RT), Bina Keluarga Balita (BKB)²⁶ dan Pusat Perkhidmatan Masyarakat Terpadu (Posyandu)²⁷. Semua organisasi yang disebutkan di atas adalah organisasi formal yang di dirikan oleh masyarakat namun dan mendapat kawalan kerajaan (pemerintah) ditingkat paling bawah, iaitu desa. Sedangkan organisasi sosial kemasyarakatan bukan formal atau yang bersifat tradisional seperti paguyuban²⁸ Orang Laut, Kumpulan Remaja Masjid, Majlis taklim, kumpulan seni muzik Islam, kumpulan-kumpulan usaha masyarakat dan lain-lain. Organisasi sosial tersebut membantu masyarakat Orang Laut untuk beradaptasi dengan masyarakat secara luas.

²⁶ Bina Keluarga Balita atau disingkat dengan istilah BKB adalah sebuah organisasi sosial yang membantu masyarakat/ibu-ibu yang mempunyai bayi berumur 0 – 5 tahun cara mengurus anak usia tersebut.

²⁷ Posyandu adalah organisasi sosial dari masyarakat untuk masyarakat dalam hal pelayanan kesihatan dasar dan keluarga berencana.

²⁸ Paguyuban adalah organisasi sosial yang bersifat keluarga (tradisional) mengutamakan sifat gotong royong dan kebersamaan.

Orang Laut yang ada di Desa Tanah Merah hampir semuanya terlibat dalam organisasi sosial, kerana mereka memasuki hampir semua aktiviti kemasyarakatan, sama ada disengaja ataupun tidak. Dari kalangan ibu-ibu misalnya, yang masih mempunyai balita otomatis mereka secara teratur mendatangi Posyandu (Pos pelayanan terpadu) untuk ibu dan anak. Salah seorang informan Habibah (umur 29 tahun) menjelaskan bahawa:

Posyandu sangat membantu kami dalam mendidik dan menjaga kesehatan anak kami. Dengan adanya Posyandu, kami boleh mengetahui berat badan anak kami, dan kalau turun beratnya kami diberi nasihat dan pengetahuan untuk mengurus makanan anak. Kalau kami hamil juga diberi susu dan banyak keistimewaan kalau kita rajin datang ke Posyandu. Saya suka anak-anak juga dikasi bubur kacang hijau dan makanan lain. Kami datang setiap bulan ke Posyandu. Sambil menunggu giliran anak kami ditimbang, kami diberi pengarahan bersama dengan ibu-ibu yang lain (wawancara, 2014).

Dari huraian tersebut boleh dilihat bahawa aktiviti sosial seperti Posyandu dapat memberi pengaruh kepada Orang Laut yang terlibat dalam aktiviti tersebut, khasnya mengenai tata cara hidup sihat, cara mengurus dan mengasuh anak yang sihat sesuai dengan petunjuk doktor. Disamping itu, mereka di Posyandu bergabung dengan masyarakat yang lain, sehingga terjadi interaksi sosial. Anak-anak mereka juga bermain bersama dengan anak masyarakat lain, sehingga pertemuan tersebut sudah barang tentu membawa nilai-nilai perubahan dan adaptasi terhadap nilai-nilai tertentu bagi para anggotanya.

Selain organisasi Posyandu, ada juga kumpulan ibu-ibu khusus yang mempunyai bayi yang berumur di bawah lima tahun atau yang lebih dikenali dengan istilah balita²⁹. BKB memberikan bimbingan kepada ibu-ibu yang mempunyai bayi diajarkan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan cara mengurus dan memelihara diri sendiri, mulai dari hamil,

²⁹ Balita adalah kependekan dari kata Bawah Lima Tahun, ertinya bayi di bawah usia lima tahun. sebuah istilah yang digunakan oleh masyarakat Indonesia pada umumnya dan untuk memotivasi ibu-ibu yang mempunyai bayi di bawah lima tahun supaya mendidik anaknya dengan baik dan benar kerana usia itu adalah usia pertumbuhan yang sangat penting (usia emas) yang sangat membutuhkan penanganan yang baik dan benar.

melahirkan dan juga setelah melahirkan atau semasa anaknya berada dalam usia di bawah lima tahun. Ibu-ibu diajarkan bagaimana mengetahui pertumbuhan anak dalam usia tersebut sehingga mampu memberi bimbingan dengan cara yang benar. Pengetahuan yang diberikan sebenarnya memberikan dampak yang besar terhadap perubahan cara mengurus dan mendidik anak daripada kebiasaan yang mereka miliki. Seperti perhatian yang penuh terhadap perkembangan dan pertumbuhan anak boleh merubah kebiasaan mereka yang tidak peduli terhadap pertumbuhan dan perkembangan anak. Anak mereka bawa kemana sahaja mereka pergi dan kurang peduli terhadap kesihatan dan pertumbuhannya. Apa yang mereka makan itu juga diberikan kepada anak-anak mereka. Demikian juga kepada anak Batita³⁰ dan Balita. Dengan bergabung dalam organisasi-organisasi kesihatan tersebut mendorong mereka untuk menyesuaikan diri terhadap perubahan, khasnya tentang menjaga kesihatan, pertumbuhan dan perkembangan anak.

Orang Laut di Desa Tanah Merah juga aktif dalam organisasi-organisasi sosial keagamaan, seperti pengajian, majlis taklim ibu-ibu dan juga dalam kesenian Islam. Keterlibatan mereka dalam organisasi-organisasi keislaman tersebut memberikan dorongan terhadap pemahaman agama yang mereka anut. Pemahaman yang lebih baik berdampak kepada perubahan dalam berbagai aspek kehidupan, kerana agama mendorong umatnya untuk berubah sesuai dengan anjuran agama yang dianut. Contoh, mereka dahulu tidak mengenal jilbab, sekarang sudah berjilbab, dan mereka bergabung dengan umat Islam yang lain dalam berbagai aktiviti keagamaan yang diadakan, seperti pada peringatan Maulid Nabi Muhammad SAW. Mereka berhadir dan bercampur baur dengan masyarakat Islam yang lain, kerana sebagai anggota pengajian atau majlis taklim. Demikian juga dengan para lelaki Orang Laut, sebelum mereka aktif dalam

³⁰ Batita adalah kependekan daripada bayi di bawah tiga tahun, ertinya bayi yang berumur di bawah tiga tahun

organisasi sosial keagamaan (Islam) mereka tidak merasa malu untuk minum-minuman yang memabukkan (alkohol) dan mabuk di jalan. Keadaan seperti ini sekarang sudah tidak terlihat lagi. Masih ada yang minum-minuman yang memabukkan, namun mereka tidak berkeliaran di jalan sebaliknya hanya tertumpu di tempat tertentu sahaja.

Bidang ekonomi juga menjadi sarana interaksi dan penyesuaian diri bagi masyarakat Orang Laut. Sebenarnya mereka tidak menyedari bahawa organisasi moden, seperti koperasi telah membawa mereka kepada tata cara hidup moden. Misalnya, Orang Laut sudah masuk ke dalam beberapa kumpulan koperasi yang dibentuk oleh beberapa orang tokoh masyarakat yang ada di Desa Tanah Merah, Tanjung Pasir dan Sungai Laut. Mereka masuk menjadi anggota, dan kebanyakan mereka meminjam wang di koperasi untuk memenuhi keperluan ekonomi, seperti untuk modal usaha kedai makanan dan minuman atau untuk usaha yang lain. Ada juga mereka yang masuk dalam suatu koperasi yang khusus membelikan anggotanya barang-barang keperluan rumah tangga, seperti peti sejuk, kipas angin, televisyen dan lain-lain.

Orang Laut di Desa Tanjung Pasir dalam aktiviti organisasi sosial lebih jelas terlihat kerana sebenarnya bilangan mereka lebih ramai daripada suku-suku yang lain. Meskipun berdasarkan data pejabat desa disebutkan bahawa jumlah suku yang paling ramai adalah orang Bugis, namun sebenarnya jumlah Orang Laut lebih besar. Hal inidikeranakan Orang Laut yang menikah dengan orang Bugis, kemudian mempunyai anak, maka data keluarga mereka berubah menjadi orang Bugis. Dalam kehidupan seharian sebenarnya mereka tetap sama seperti Orang Laut. Organisasi sosial yang ada di Tanjung Pasir umumnya diisi oleh Orang Laut, sama ada organisasi sosial yang dibentuk oleh kerajaan mahupun oleh masyarakat. Setiausaha Desa Tanjung Pasir berasal daripada Orang Laut, sehingga semua aktiviti yang melalui organisasi sosial

yang dibentuk oleh kerajaan (pemerintah) desa banyak melibatkan Orang Laut, seperti LKMD, PKK Desa dan lain-lain. Mereka tidak merasa rendah diri kerana setiausaha mereka Orang Laut. Sarpan sendiri terus memberikan motivasi kepada warga Orang Laut untuk terus maju dan mengambil setiap kesempatan yang diberikan kerajaan agar mereka cepat maju dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang dihadapi. Masyarakat Orang Laut di Desa Sungai Laut aktif dalam aktiviti Posyandu, apalagi mereka tinggal dalam satu RW sehingga semua kegiatan harus mereka lakukan sendiri. Contoh, sebagai ketua Posyandu beserta ahli kepengurusannya melaksanakan aktiviti satu kali dalam satu bulan berupa pemeriksaan ibu hamil, penimbangan anak-anak bayi dan kanak-kanak kecil atau Bawah Lima Tahun (Balita), serta imunisasi. Isteri Ketua Kampung dan kaki tangan Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas) setempat hanya mendampingi sahaja aktiviti tersebut. Demikian juga dalam aktiviti PKK, majlis taklim dan pengajian. Perkara serupa juga berlaku dalam pertandingan bola sepak antar desa dan lumba masak-memasak dari utusan PKK, ramai Orang Laut yang terlibat.

Demikian pula dengan Orang Laut di Desa Sungai Laut, mereka terlibat dalam organisasi formal di bawah kerajaan setingkat desa, seperti Lembaga Ketahanan Masyarakat Desa (LKMD), Pemberdayaan Kesejahteraan Keluarga (PKK) dan pengajian keagamaan serta majlis taklim. Namun, mereka tidak mempunyai kumpulan khusus seperti yang terjadi di desa lain, sama ada kumpulan aktiviti keagamaan mahupun sosial yang lain, kecuali kumpulan bidang ekonomi. Keterlibatan tersebut tidak hanya sebagai anggota, akan tetapi juga terlibat dalam mengambil keputusan dan kebijakan. Mereka terlibat sebagai pengurus organisasi desa tersebut. Bahkan ketua keamanan desa berasal dari Orang Laut.

Organisasi dari pihak luar juga sering memberikan perhatian kepada Orang Laut yang ada di Riau atau Komunitas Adat Terpencil (KAT) pada umumnya. Seperti Badan Koordinasi Kegiatan Kesejahteraan Sosial (BK3S) Provinsi Riau sering mengadakan dialog bersama dengan tokoh-tokoh KAT dengan tujuan mendengarkan keluhan-keluhan dan keinginan mereka. Kemudian cuba untuk mengimplementasikan apa yang menjadi keinginan mereka. Septina Primawati Rusli sebagai ketua BK3S Riau mengadakan Jambore khas masyarakat KAT (Komunitas Adat Terpencil) di Pekanbaru dari tanggal 21-23 Augustus 2013 yang lalu. Beliau menyatakan bahawa tujuan Jambore KAT tersebut ‘adalah untuk memberikan wawasan kepada mereka tentang pembangunan dan peran dalam kehidupan bermasyarakat’. Dalam aktiviti tersebut Orang Laut yang ada di Kecamatan Tanah Merah tidak ketinggalan, mereka ikut terlibat sebagai peserta Jambore KAT tersebut. Ada 12 orang dari utusan Kecamatan Tanah Merah dan dua orang yang mewakili setiap desa. Mereka mengikuti berbagai aktiviti diantaranya adalah seminar tentang pembangunan, sosial dan budaya. Yang paling menarik adalah yang tampil sebahagian daripada pembicaranya adalah tokoh-tokoh Orang Laut yang sudah maju dari daerah lain, seperti salah satu pembicara adalah seorang perempuan Orang Laut dari Bengkalis yang pernah menjadi camat (kepala subdistrik) di Kabupaten Bengkalis. Dan ada satu orang Orang Laut yang boleh dianggap berjaya kerana menjawat jawatan sebagai pensyarah di sebuah Universiti negeri di Pekanbaru Riau. Selain itu, mereka mengikuti *citytour* dengan tujuan agar mereka boleh melihat keindahan kota dan hasil pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan. Mereka juga mengikuti *outbond* dengan tujuan agar mereka dapat berinteraksi dan beradaptasi dengan sesama warga KAT yang lain.

Dengan keterlibatan mereka dalam berbagai organisasi mempercepat terjadinya adaptasi sosiobudaya masyarakat Orang Laut yang ada di Kecamatan Tanah Merah.

Sebahagian mereka berupaya memasuki berbagai organisasi untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan dalam berbagai urusan. Seperti dengan masuknya mereka ke dalam organisasi Lembaga Ketahanan Masyarakat Desa (LKMD) memudahkan mereka mendapatkan akses informasi dari pihak kerajaan, misalnya jika pihak kerajaan akan memberikan bantuan pemodalan, maka mereka boleh lebih dahulu mendapatkannya. Kerana mereka sudah kenal dan sudah dikenali oleh pihak kerajaan terendah di desa. Keterlibatan Orang Laut dalam berbagai kegiatan dalam organisasi dapat mendorong Orang Laut menyesuaikan diri kepada persekitaran sosialnya dan menambah wawasan mereka kepada sosiobudaya yang ada daripada sekitaran mereka.

4.7. Adaptasi Terhadap Pendidikan

Pendidikan adalah salah satu wadah yang paling pokok untuk bersosialisasi dan beradaptasi. Kerana pendidikan sebagai suatu proses pembentukan karakter yang dengan sengaja diusahakan secara sistematis dengan tujuan tertentu. Artinya, pendidikan adalah rangkaian aktiviti yang dengan sengaja dilakukan secara sistematis untuk mencapai tujuan yang telah disepakati. Dalam proses pendidikan akan membentuk kepribadian seseorang kepada pola perilaku positif agar menjadi manusia yang berkepribadian baik, sama ada untuk dirinya sendiri mahupun untuk lingkungannya.

Data lapangan menunjukkan bahawa taraf pendidikan Orang Laut sangat rendah. Kebanyakan mereka hanya di tingkat Sekolah Dasar (SD) sahaja, dan sebahagian besar menamatkan pengajian Sekolah Dasar (SD). Bahkan sebahagian besar mereka tidak pernah bersekolah. Namun, sekarang ini orang tua sangat menginginkan anak-anak mereka bersekolah. Orang tua Orang Laut sekarang ini sudah memahami betapa pentingnya pendidikan, sehingga mereka mendorong anak-anaknya untuk terus sekolah. Namun, kenyataannya anak-anak mereka kebanyakan tidak mahu bersekolah walaupun

sudah didorong oleh orang tua mereka. Setiap tahun di awal sesi anak-anak Orang Laut ramai yang masuk sekolah, namun dipertengahan jalan mereka ada yang mula berhenti hingga akhirnya yang menamatkan pengajian Sekolah Dasar (SD) hanya dua hingga lima orang dalam setahun. Salah seorang informan di Desa Tanah Merah, Penti (36 tahun) mendedahkan tentang pentingnya pendidikan bagi anak mereka seperti berikut:

Kami sangat bahagia melihat anak kami boleh bersekolah dengan baik, ia boleh mendapatkan teman yang baharu, dan boleh mengikuti peraturan sekolah sehingga menjadi anak yang disiplin, kerana anak-anak sekarang ini lebih patuh pada nasihat ibu guru daripada orang tuanya sehingga apa-apa yang diperintah oleh guru mereka sangat patuhi, seperti disuruh bangun tidur pagi-pagi kerana tidak boleh terlambat sekolah, semua itu membantu bagi orang tua dalam mendidik anaknya.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa dengan pendidikan memberikan budaya baharu bagi mereka, kerana anak bersekolah, maka keluarga pun ikut memperhatikan anaknya dengan cara mendampingi pada pagi hari dengan menyiapkan makanan dan pakaian sekolah, sehingga terbentuk budaya baharu dalam keluarga untuk bangun pagi, sarapan pagi, menggunakan baju yang bersih dan sebagainya. Di sekolah, anak-anak mendapatkan rakan baharu, sama ada Orang Laut mahupun yang bukan Orang Laut. Hal ini juga memberikan pengaruh dalam membentuk pola perilaku harian. Di desa Tanah Merah, anak-anak Orang Laut kini hampir semuanya sudah mengikuti pendidikan Sekolah Dasar (SD). Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan pula sudah menjadi bahagian penting dalam kehidupan mereka sehingga para orang tua sentiasa mendorong anak-anak mereka untuk menamatkan pengajian SD mahupun SMP.

Demikian juga halnya yang terjadi di desa Tanjung Pasir, bahawa proses pendidikan telah menjadi sarana adaptasi sosiobudaya, sama ada disadari mahupun tidak. Melalui pendidikan budaya-budaya baharu yang akan membentuk kepribadian atau pola perilaku masyarakatnya. Mereka yang bersekolah atau mengikuti pendidikan akan memberi pengaruh pada persekitaran mereka, khususnya dalam keluarga. Walaupun jumlah Orang Laut hanya sedikit yang menamatkan sekolahnya, namun

sebahagian mereka pernah atau sempat merasakan bagaimana mengikuti pendidikan sedikitnya telah memberi impak dan mendorong berlakunya adaptasi dalam pola-pola prilaku yang selama ini tidak pernah mereka kerjakan, contohnya, mereka sebelum pergi sekolah mereka diwajibkan gosok gigi, pakai baju yang bersih, pakai sepatu dan rambut yang rapi. Pola prilaku ini menjadi nilai-nilai yang mereka lakukan sehari-hari hingga mereka dewasa.

Pendidikan boleh menjadikan modal insan (*human capital*), kerana dari pendidikan boleh membawa kepada adaptasi terhadap perubahan-perubahan yang ditimbulkan dari akibat bertambahnya pengetahuan kerana pendidikan. Oleh itu seharusnya kerajaan memberikan perhatian khusus kepada anak-anak Orang Laut, dan memberikan kesempatan kepada mereka melanjutkan pendidikannya sehingga ke perguruan tinggi serta memberikan bantuan dana pendidikan sampai mereka menamatkan pendidikannya. Jika kerajaan sudah membantu masyarakat awam dengan memberikan pendidikan Sekolah Dasar (SD) dan Sekolah Menengah Pertama (SMP) atau pendidikan 9 tahun dengan cuma-cuma maka sebaiknya anak-anak Orang Laut diberikan pendidikan cuma-cuma hingga perguruan tinggi. Apalagi bilangan mereka tidak ramai, sekitar lima atau delapan orang paling banyak, kerana ramai pula di kalangan mereka jika sudah menamatkan pengajian SD mereka membantu orang tua mereka mencari nafkah. Orang Laut yang dapat pendidikan penuh bilangan mereka sangat sedikit. Di Desa Tanjung Pasir hanya ada 4 (empat) Orang, di Desa Tanah Merah satu orang dan di Desa sungai Laut belum ada yang bersekolah diperguruan tinggi. Pendidikan sangat penting untuk anak-anak mereka, kerana pendidikan sangat terkait dengan jenis pekerjaan yang diceburinya. Ertinya bahawa dengan pendidikan anak-anak mereka boleh mendapatkan pekerjaan yang lebih baik daripada masa kini, misalnya

tidak hanya menjadi buruh pelabuhan atau sebagai nelayan dan mencari kerang atau bekerja kepada orang lain.

4. 8. Adaptasi Terhadap Politik

Pada bab terdahulu sudah dijelaskan tentang kepemimpinan Orang Laut di wilayah Kecamatan Tanah Merah. Disebutkan bahawa pada tahun 1900-an Orang Laut mengenal istilah “datuk, batin dan jenang”. Pada awal sepuluh tahun pertama istilah jenang dan batin sudah mula tidak digunakan lagi, istilah itu hanya didengar pada masa mereka hidup dalam sampan. Begitu datuk Ibrahim meninggal dunia, istilah datuk sudah hilang kerana tidak ada yang mewarisi, apalagi datuk Ibrahim tidak mempunyai anak kandung, hanya mempunyai anak saudara sahaja.

Kepemimpinan tradisional Orang Laut pernah berjaya mengawal kehidupan komuniti mereka. Khasnya pada masa Ibrahim, Jauhari dan Banang, mereka memperlihatkan adanya kekompakan dalam memimpin Orang Laut semenjak dari dalam sampan hingga naik ke darat. Hal tersebut dapat diketahui dari sejarah proses ketika pertama naik ke darat, sebagaimana sudah dibentangkan pada Bab III. bahawa pada masa Ibrahim dan keluarganya naik ke darat Orang Laut yang lain tetap bertahan dalam sampan dan menjaga keamanan di perairan seputar Kuala Enok dan Tanah Merah yang merupakan muara Sungai Indragiri bahagian selatan, ertinya bahawa kawasan ini merupakan pintu keluar-masuk ke kawasan Indragiri bahagian selatan. Setelah keluarga Ibrahim naik, baru keluarga Jauhari yang merupakan Batin terakhir dari Orang Laut yang ada di Kecamatan Tanah Merah dan kemudian keluarga Banang dan terakhir baharulah Orang Laut lainnya ikut naik hingga mereka semua sudah naik ke darat. Hal tersebut menunjukkan adanya keteraturan yang lebih mengutamakan orang yang mereka anggap sebagai pemimpin atau orang yang mereka tuakan dalam rombongan mereka dan menjaga keamanan mereka.

Proses adaptasi tidak mungkin terlepas dari pengaruh persekitaran, demikian pula dengan strategi. Strategi terjadi secara bertahap dan berdasarkan kapabiliti kemampuan manusia dalam melakukan hubungan timbal balik dengan persekitaran yang menyebabkan mereka berubah dalam pola tingkah laku dan watak manusia. Sebagaimana proses adaptasi dan strategi mereka dalam menghadapi dua persoalan, iaitu polisi kerajaan dan pemimpin tradisional.

Proses kepemimpinan tradisional dan hubungannya dengan kerajaan (pemerintah) serta masyarakat Orang Laut tersebut pada hakekatnya tidak terlepas dari akibat adanya perubahan-perubahan yang terjadi dalam kehidupan masyarakat Orang Laut, perubahan tersebut diasiasi oleh Orang Laut atau mereka merangka strategi sendiri khususnya yang terkait dengan polisi kerajaan, seperti peraturan pembuatan identiti seseorang atau yang lebih dikenali dengan istilah Kartu Tanda Penduduk (KTP). Dalam upaya mempertahankan diri, strategi yang mereka lakukan adalah memutuskan sendiri untuk mengurus pembuatan KTP tanpa melalui pemimpin mereka. Mereka beranggapan bahawa pemimpin mereka pula tidak boleh mengeluarkan KTP, kerana hanya pejabat kerajaan (Camat) yang mempunyai kuasa mengeluarkan KTP tersebut. Oleh itu, semua urusan mereka tidak lagi meminta bantuan kepada pemimpin mereka, kerana semua urusan boleh mereka urus sendiri. Hal ini juga secara tidak langsung menyebabkan pengaruh kepemimpinan tradisional mereka lenyap.

Hilangnya sebahagian dari fungsi kepemimpinan tradisional tersebut dalam masyarakat Orang laut juga berimpak kepada lemahnya pengaruh kepemimpinan tradisional yang selanjutnya lenyapnya pengaruh kepemimpinan secara keseluruhan. Apalagi tidak adanya perakuan kembali atas kepemimpinan mereka yang sebelumnya

wujud dari pihak kerajaan. Pada hakikatnya adaptasi dari pelbagai aspek boleh dibanggakan dan memang diinginkan, namun adaptasi kepemimpinan tradisional berakibat mengeneipkan kepemimpinan tradisional yang mereka miliki, padahal kepemimpinan tradisional sangat penting bagi kehidupan suatu komuniti khususnya Orang Laut. Kerana dengan mempunyai kepemimpinan tradisional memperkokoh perpaduan, kekeluargaan, sistem pengetahuan khasnya yang mereka miliki (*indigenous knowledge*). Hilangnya kepemimpinan tradisional tersebut di Kecamatan Tanah Merah iaitu di tiga desa tersebut. Sebenarnya kepemimpinan tradisional sangat diperlukan kewujudannya dalam suatu komuniti khasnya Komuniti Adat Terpenci (KAT) khasnya lagi Orang Laut. Pemimpin tradisional memiliki khasnya tersendiri dalam kehidupan sosiobudaya mereka dan menjaga kestabilan budaya komuniti dan keberlangsungan sosiobudaya mereka, seperti perpaduan masyarakat dalam menjaga dan memelihara budaya mereka dan sikap saling menghormatipun akan terbina. Dengan lenyapnya kepemimpinan tersebut maka juga berimpak hilangnya saling menghormati serta lebih dominannya sifat individual dalam kehidupan sosial. Kehilangan sosok yang disegani, dituakan serta yang dihormati.

Adapun strategi Orang Laut terhadap perkembangan situasi politik sekarang ini menunjukkan perkembangan adaptasi yang lebih maju, kerana Orang Laut tidak hanya sebagai penonton sahaja dalam pelaksanaan pesta demokrasi rakyat Indonesia. Proses politik mereka ikuti melalui keikutsertaan mereka dalam pemilihan perwakilan rakyat melalui Pemilu (pemilihan raya) sejak tahun 1970. Orang Laut sebahagian sudah mengerti dengan perkembangan parti-parti politik yang terjadi di Negara Kesatuan Republik Indonesia. Sekarang ini mereka sudah ada yang ikut berpolitik, ertinya mereka sudah masuk dalam beberapa parti, seperti dalam parti politik Golkar (Parti Golongan Karya), bahkan ada yang ikut mencalonkan diri dalam pemilu (pemilihan umum)

sebagai anggota DPR Tingkat Kabupaten, seperti dari parti PDIP (Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan). Baru priode ini iaitu tahun 2014-2019 sudah ada yang mendapat kerosi DPR dari parti PDIP iaitu Orang Laut dari daerah Kecamatan Concong³¹, namun kawasan pemilihannya termasuk kecamatan Tanah Merah.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas bahawa Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah telah mengalami proses yang panjang dan strategi adaptasi yang boleh dianggap berhasil dalam pelbagai kehidupan. Proses dan strategi adaptasi yang sudah mereka lalui seperti, terhadap lingkungan perumahan (tempat tinggal), mata pencarian, agama (kepercayaan), perkahwinan campur, organisasi sosial, pendidikan serta politik. Semua proses dan strategi tersebut merupakan satu rangkaian yang saling kait mengkait antara satu dengan yang lain yang mewujudkan budaya baru dan khas bagi Orang Laut.

Pilihan tinggal dan menetap di darat berimpak kepada aspek kehidupan yang lain, seperti mata pencarian, kebutuhan tempat tinggal yang lebih baik, keharusan memenuhi kebutuhan berpakaian yang bagus dan bersih (sandang) dan makanan yang sehat dan beragam. Untuk memenuhi semua keperluan tersebut mereka harus bekerja agar mempunyai wang untuk memenuhi semua keperluan hidup mereka. Di sini terjadi adaptasi dalam bidang mata pencarian, mereka berupaya agar tetap bertahan serta memenuhi semua keinginan baharu sebagaimana yang mereka lihat pada orang yang mereka jumpai di darat. Selanjutnya, muncul diversifikasi mata pencaharian sebagai salah satu strategi dalam upaya memenuhi keperluan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa Orang Laut masuk dalam suatu *strategy design* (strategi reka bentuk), iaitu strategi yang melibatkan rangkaian penggubalan selaras dengan pengaruh lebih daripada yang diperlukan oleh satu komponen strategi atau transaksi yang digunakan dalam satu

³¹ Asmawi, salah seorang anggota DPR Kabupaten Indragiri Hilir yang berasal dari Orang Laut.

putaran tunggal (Bennett, 1976: 283). Artinya, dalam proses dan strategi adaptasi Orang Laut, dari semula mereka tinggal di sampan dan kemudian naik ke darat, maka mereka harus menambah mata pencarian sampingan, bersosial dengan persekitaran sosial, dan juga menunjukkan bahawa mereka beragama Islam. Ketiga-tiga perkara ini menjadi rangkaian penggubalan strategi yang tidak dapat dipisahkan bahawa pada masasama ketiga-tiganya harus digunakan secara selari (bersamaan) dalam satu putaran kehidupan.

Demikian juga halnya bagi mereka harus berpakaian sebagaimana layaknya orang-orang yang ada di persekitaran mereka, sekurang-kurangnya sudah boleh berganti pakaian dan mandi. Mereka tidak boleh sesuka hati sebagaimana ketika di dalam sampan (perahu dahulu). Tidak berbaju, cukup dengan celana pendek atau celana panjang, atau berbaju tetapi pakaian koyak-koyak, lusuh dan kumal, hal itu akan mengganggu keselesaan orang lain. Pada sepuluh tahun pertama masih ada yang demikian, namun kerana proses adaptasi, mereka telah menyesuaikan diri dengan perilaku umum yang ada pada kehidupan masyarakat. Hal ini selari dengan ungkapan Soerjono Soekanto (1990: 52-53) bahawa ada beberapa hal yang mempengaruhi kelangsungan proses interaksi sosial iaitu; Pertama, meniru (imitasi), iaitu seseorang terdorong untuk berbuat sesuatu kerana meniru orang lain, sama ada yang bersifat positif mahupun negatif dimana imitasi ini dapat melemahkan dan mematikan daya kreativiti seseorang; Kedua, saranan (sugesti), iaitu suatu sikap yang datang dari individu yang kemudian diterima oleh orang lain; Ketiga, pengenalan (identifikasi), iaitu merupakan kecenderungan-kecenderungan hubungan dalam diri individu untuk menjadi sama dengan orang lain; Keempat, simpati, iaitu suatu proses dimana seseorang merasa tertarik untuk menjadi sama dengan orang lain. Orang Laut telah mengalami proses tersebut secara nyata, dimana mereka meniru hampir semua pola perilaku masyarakat yang ada dipersekitaran mereka. Mereka mempunyai semangat untuk

diterima oleh masyarakat secara am, seperti mengaku diri mereka beragama Islam merupakan muara terbukanya peluang bagi mereka untuk masuk dan berinteraksi dengan bebas dalam masyarakat persekitaran. Agama menjadi pengenalan atau identifikasi diri bagi Orang Laut untuk boleh menjadi sama dengan masyarakat persekitaran, dan juga menjadi daya tarik bagi mereka untuk masuk secara utuh dalam kehidupan sosiobudaya dalam masyarakat. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya bahawa agama dijadikan sebagai salah satu strategi Orang Laut untuk mendapatkan pengakuan dalam kehidupan sosial khasnya dan sosiobudaya pada amnya. Pada awalnya, mereka tidak menunjukkan sikap seperti orang yang beragama Islam, terbukti dari cara hidup, perilaku dan penampilan, seperti tidak solat, tidak puasa khususnya pada bulan Ramadhan, tidak pernah mengeluarkan zakat dan sebagainya, bahkan kerap sekali mereka mabuk kerana minuman haram. Seperti diungkapkan oleh Nawawi (67 tahun):

Kami dahulu waktu kecil sering melihat Orang Laut kalau sudah pulang dari melaut, dan memiliki wang yang banyak, maka mereka sering membeli minuman beralkohol, yang membuat mereka mabuk. Jika mereka sudah mabuk suasana jadi ramai, kerana mereka ada yang mengamuk dan ada yang mengoceh tidak ada hentinya sesuai dengan apa yang berlaku pada diri mereka. Kami tidak berani keluar rumah kerana mereka memukul atau meninju sesiapa sahaja yang dia lihat. Mereka hanya takut dengan salah seorang tokoh masyarakat di Tanah Merah, iaitu H. Langke. Kerana jika pak Haji melihat mereka mabok, maka mereka dipukul dengan tongkat sehingga mereka sedar dan minta ampun, kami baharu berani keluar rumah jika pak Haji ada di luar rumahnya. (Wawancara, 2013)

Demikian salah satu perilaku Orang Laut pada masa sepuluh tahun pertama mereka tinggal di darat. Mereka masih sangat jauh dari kehidupan Islam, mereka meniru apa sahaja yang mereka sukai, walaupun sebenarnya yang mereka tiru itu adalah sesuatu yang tidak baik, seperti minuman keras tersebut.

Dengan mengaku sebagai orang Islam, mereka boleh duduk bersama dengan orang Islam lain, kerana hal tersebut memang diajarkan dalam Islam bahawa manusia itu sama di sisi Tuhannya (Allah SWT) yang membezakannya hanyalah keimanan dan

ketaqwaannya sahaja (QS.al-Hujarat: 13). Oleh itu, jika ada Orang Laut meninggal dunia (mati), maka orang muslim lainnya (semua orang muslim) yang ada di persekitaran wajib mengurus jenazah orang meninggal tersebut (fardhu kifayah). Hal ini dikeranakan tidak ada Orang Laut pada masa awal itu yang pandai mengurus jenazah, maka orang Islam yang lain (selain Orang Laut) mengurus penyelenggaraan fardhu kifayah tersebut. Ini salah satu contoh bahawa pengakuan terhadap agama sebagai salah satu strategi adaptasi yang sangat penting dalam kehidupan Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah. Hal ini sejalan dengan apa yang dikatakan Soerjono Soekanto (1984), bahawa adaptasi seperti itu dapat digolongkan pada adaptasi sosial, iaitu adaptasi yang berhubungan antara kumpulan atau lembaga dengan lingkungan sosial yang mendukung kewujudan kumpulan atau lembaga tersebut. Orang Laut sangat takut jika dikatakan bukan orang Islam kerana mereka sangat takut jika mati mayatnya akan dibuang ke laut.

Setelah menetap dan tinggal di darat baharulah mereka mempelajari Islam dengan sebenar, dan kemudian anak-anak dan cucu-cucuk merekalah yang baharu mempraktikkan ajaran Islam yang sebenar. Kerana anak-anak merekalah yang boleh membaca kita suci al-Quran, sedangkan orang tua mereka pada umumnya tidak pandai membaca al-Quran.

Dengan mereka terlibat dalam pelbagai organisasi sosial telah membawa mereka kepada adaptasi terhadap pelbagai aktiviti, sehingga membuat mereka mampu beradaptasi dengan masyarakat secara luas dan membuka wawasan tentang kehidupan yang layak dan yang lebih bermakna. Pendidikan juga telah menjadi sarana dalam membentuk karakter mereka menjadi manusia yang utuh dan beradaptasi dengan lebih baik serta terarah. Kerana sebagaimana diketahui dari data bahawa kendatipun sebahagian mereka tidak bersekolah, akan tetapi banyak diantara mereka yang pernah

merasakan duduk dibangku sekolah sehingga ada peluang bagi mereka mampu menyesuaikan diri dengan baik.

4.9. Pola Adaptasi Sosiobudaya Orang Laut

Pola adaptasi sosiobudaya yang terjadi dalam kehidupan Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah berbeza-beza di setiap desa, kerana setelah mereka pindah dan menetap di desa-desa yang menjadi pilihan mereka, desa-desa tersebut tumbuh dan berkembang sesuai dengan pertumbuhan masyarakat di desa masing-masing. Kemudian juga berbagai faktor lain memberi dorongan berlakunya adaptasi pada Orang Laut, seperti lingkungan alam, lingkungan sosial serta kebudayaan setempat. Oleh itu, berikut diuraikan pola adaptasi berdasarkan perkembangan dan pertumbuhan masyarakat di masing-masing desa:

4.9.1. Desa Tanah Merah

Masyarakat Desa Tanah Merah boleh dikatakan sebagai masyarakat yang sudah maju dan moden. Perkara ini boleh dilihat daripada cara hidup, peralatan yang mereka gunakan, cara berpakaian serta menghias diri. Mereka sudah mandi secara teratur, mengganti pakaian, bahkan mereka pandai berhias dan bergaya, sama ada lelaki mahupun perempuan. Semua itu berlaku kerana mereka menyesuaikan diri dengan lingkungan mereka.

Dengan demikian, lingkungan telah memberikan pengaruh yang besar terhadap kehidupan sosiobudaya Orang Laut. Perubahan lingkungan yang dihadapi Orang Laut menjadi pendorong untuk beradaptasi dengan merubah beberapa sikap dan perilaku yang ada pada diri mereka. Sikap dan perilaku tersebut dalam adaptasi merujuk kepada proses adaptasi dan strategi yang sudah mereka lakukan (seperti yang sudah dijelaskan

pada bab sebelumnya). Aktiviti dan tindakan yang ditunjukkan berakibat kepada lahirnya pola kehidupan baharu. Pola kehidupan tersebut dipengaruhi oleh kebudayaan yang berkembang dalam kehidupan persekitaran masyarakat dan akan menjadi pola adaptasi pula pada kumpulan Orang Laut (yang mengalami adaptasi).

Pola perilaku akan terbentuk seiring dengan proses dan strategi yang dilakukan oleh suatu komuniti seiring dengan aktiviti dan perilaku yang diikuti menjadi suatu kebiasaan (*habits*) yang terus menerus dilakukan. Seperti yang dialami oleh Orang Laut dalam menceburi suatubidang usaha untuk memenuhi keperluan hidup. Mereka harus berjuang terus kerana telah menetap di darat, agar boleh bertahan hidup (*survival*) mereka harus mencari pekerjaan untuk memperoleh wang demi memenuhi keperluan keluarga. Mereka melakukan sesuatu sepertimana yang mereka lihat dalam kehidupan masyarakat yang ada di persekitaran. Sehingga terjadi pengembangan pola perilaku yang baharu dalam kehidupan dengan cara mendapatkan pekerjaan untuk memenuhi keperluan hidup, menyesuaikan pola perilaku dengan yang ada di persekitaran, mengenal pasti sumber mata pencarian baharu selain daripada mencari kerang (menongkah). Orang Laut tidak terikat lagi pada pekerjaan menongkah (mencari kerang) untuk mendapatkan wang, mereka boleh mencari wang dengan mengikuti pola-pola yang wujud dipersekitaran mereka, jika mereka merasa mampu melakukannya. Sehingga pola-pola ekonomi baharu pun terjadi dan berketerusan mengikuti perkembangan yang ada pada persekitaran, seperti adanya usaha menjual ikan berkeliling dengan menggunakan bot laju (*speedboat*), menjadi penampung dan pedagang ikan, menyewa sampan untuk turun melaut dengan cara berkumpul kerana mereka sudah tidak mempunyai sampan atau motor pompong, menjadi buruh nelayan orang Cina, menjadi nakhoda *speedboat* dan pengusaha *speedboat*, menjadi tukang rumah dari kayu (rumah panggung) dan sebagainya.

Berkaitan dengan pertumbuhan mata pencarian baharu yang mereka peroleh, dan pola baharu tersebut boleh meningkatkan kualiti kehidupan Orang Laut sehingga berpengaruh kepada kehidupan sosial mereka. Mereka juga menginginkan status sosial dan pengakuan dari masyarakat, kerana mereka telah memperlihatkan kemampuan untuk bersaing dalam memenuhi keperluan hidup yang layak, bahkan mampu menyamai (minimal) atau melebihi masyarakat lain. Kartasapoetra (1992: 12) menyatakan bahawa perubahan pola hubungan dalam komuniti tercermin dalam proses adaptasi yang terinternalisasi, sehingga berimpak kepada upaya pemenuhan keperluan dan kepemilikan harta yang didorong oleh keinginan mendapatkan status sosial. Perkara ini boleh dicapai oleh Orang Laut dengan baik, seperti terlihat dalam kehidupan Orang Laut di Tanah Merah. Mereka berusaha mendapati harta dan kejayaan dalam kehidupan sehingga mereka dihormati oleh masyarakat sebagaimana masyarakat lain. Seperti H. Selamat, Banang, Jauhari dan anak-anaknya serta Sarfan selaku ketua Komunitas Adat Trasing (KAT) di Indragiri Hilir Riau sekarang ini.

Pola adaptasi terus berlanjutan dalam aspek lain, tidak berhenti pada aspek ekonomi sahaja, kerana Orang Laut hidup dalam lingkungan sosial, dimana mereka saling berhubungan dan berinteraksi satu sama lain. Akibat adanya hubungan tersebut belaku pula asimilasi dan akulturasi budaya dalam kehidupan Orang Laut. Asimilasi dan akulturasi jelas terlihat dalam proses sebelum perkahwinan, iaitu pada acara meminang, melamar, hantaran (jujukan) dan kenduri majlis perkahwinan. Mereka pula melaksanakan cara-cara tersebut walaupun dengan sederhana. Hal ini boleh dikatakan sebagai pola baharu dalam kehidupan sosial Orang Laut dalam proses perkahwinan. Sebelumnya, mereka tidak mengenal istilah merisik, meminang, hantar belanja dan juga tidak mengenal istilah kenduri majlis perkahwinan. Demikian juga cara menggunakan pakaian (gaun) pengantin, mereka meniru pakaian-pakaian pengantin sesuai yang

mereka lihat dan yang dipakai oleh masyarakat dipersekitaran mereka, apalagi sekarang semua boleh disewa asalkan yang punya hajat memiliki wang.

Demikian juga halnya dalam aturan hidup sosiobudaya. Kerana nilai-nilai dan norma-norma yang diamalkan dalam kehidupan sosial berasaskan agama Islam, maka mereka menggolongkan diri mereka sebagai orang Islam. Seperti mereka mengaku beragama Islam dan sebagai orang asli yang mensinonimkan diri mereka dengan masyarakat Melayu, sehingga mereka menyerap nilai-nilai Islam dalam praktik kehidupan harian. Misal, mengenakan tudung, baju kurung atau kebaya dalam kehidupan harian. Dengan demikian, terbentuklah pola-pola kehidupan islami dalam keseharian mereka dan selanjutnya menjadi pola baharu dengan mengamalkan nilai-nilai tertentu dalam komuniti Orang Laut.

Sosiobudaya yang lama dalam kehidupan Orang Laut mula diganti dengan pola-pola baharu. Pola kehidupan yang tidak Islamik, seperti perilaku minum-minuman yang memabukan, berkelahi dengan sesama atau dengan isteri dan suami secara terbuka di luar rumah sudah sama sekali hilang. Ertinya, adaptasi terhadap nilai malu yang merupakan salah satu konsep iman dalam Islam mula mereka fahami sebagai sumber nilai dalam kehidupan sosial. Islam sebelumnya hanya berbatas pengakuan sahaja, namun setelah di darat Islam sudah memberikan corak dalam kehidupan Orang Laut, dan sekaligus menjadi pola-pola tertentu dalam banyak aspek kehidupan sosiobudaya Orang Laut. Pola perilaku animisme juga sudah mula terhakis kerana adaptasi terhadap tuntutan ajaran Islam yang sudah banyak mereka fahami.

Pola kepemimpinan tradisional juga sudah tidak menjadi panutan lagi, kerana mereka lebih mengikuti pola kepemimpinan formal atau kerajaan. Sehingga kehidupan

sosiobudaya mereka dengan sendirinya tidak memiliki kontrol yang terstruktur, kecuali hanya mengikuti arahan dari Ketua Komunitas Adat Terpencil (KAT). Ketua KAT tidak sama dengan kepemimpinan tradisional yang kharismatik.

Jadi dapat disimpulkan bahawa pola adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Desa Tanah Merah lebih cenderung mengikuti pola-pola umum yang ada dalam masyarakat. Sedangkan untuk nilai dan norma-norma umum yang berlaku pada masyarakat umumnya adalah berasaskan pada nilai dan norma Islam, kerana 90 peratus penduduk Kecamatan Tanah Merah adalah Islam.

4.9.2. Desa Tanjung Pasir

Pada awalnya pola adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Desa Tanjung Pasir tidak jauh berbeza dengan pola adaptasi sosiobudaya masyarakat Orang Laut yang ada di Desa Tanah Merah yang bersemangat mengikuti perkembangan dan pertumbuhan masyarakat dipersekitaran. Namun, pertumbuhan pola adaptasi Orang Laut di Desa Tanjung Pasir tumbuh berbeza dengan Orang Laut yang ada di Desa Tanah Merah, kerana Orang Laut di Desa Tanjung Pasir itu sendiri yang tumbuh dan berkembang bersama-sama dengan masyarakat lain, semangat Orang Laut dalam menyesuaikan diri sangat pesat, sehingga pola adaptasi Orang Laut di Desa Tanjung Pasir lebih tumbuh sejajar dengan masyarakat lain yang ada di Desa Tanjung Pasir.

Orang Laut di Desa Tanjung Pasir lebih cepat bertindak balas perubahan, mereka lebih terbuka terhadap pengaruh dari luar. Pola adaptasi sosiobudaya yang dikembangkan Orang Laut di Desa Tanjung Pasir mencerminkan perkembangan dan pertumbuhan serta kemajuan masyarakat setempat. Mereka tidak sekadar mengikuti atau menyesuaikan diri dengan situasi dan keadaan persekitaran, tetapi lebih mandiri

dan terlibat langsung dalam pelbagai aktiviti kehidupan baik ekonomi mahupun sosiobudaya. Dalam aspek ekonomi atau mata pencarian Orang Laut membuat usaha sendiri dan mampu merekrut sesama Orang Laut, sehingga mereka boleh maju dan berjaya bersama. Hampir semua bidang mereka geluti, mereka tidak hanya sebagai penonton atau mengikuti orang lain, tetapi justeru sebagai penggerak dari aktiviti dalam semua aspek, sama ada ekonomi, sosial, budaya dan lain-lain.

Pola adaptasi suatu komuniti boleh menyebabkan warganya melakukan perubahan daripada apa yang biasa dilakukan. Misal, H. Naro yang biasanya ikut berkerang (menongkah) dan pernah juga menjadi nelayan, tetapi kerana situasi yang sulit untuk memenuhi keperluan rumah tangga yang mengharuskan bolak-balik ke Kuala Enok atau Tanah Merah turun berbelanja, akhirnya ia memutuskan untuk membuka kedai runcit dengan menjual segala keperluan harian keluarga dan masyarakat lain. Akhirnya, usaha tersebut berhasil membuat ia maju dan berjaya. Pemenuhan keperluan melalui penambahbaikan ekonomi, pengambilan keputusan dalam mata pencarian, dan merubah strategi untuk memenuhi keperluan serta pengambilan keputusan untuk meningkatkan kualiti hidup membentuk pola adaptasi yang baharu.

Pola adaptasi ini peneliti anggap sebagai pola adaptasi yang agresif kerana semangat mereka yang sangat bersemangat untuk berjaya membuat mereka seperti bukan 'Orang Laut' atau 'Masyarakat Terasing' atau 'Komunitas Adat Terpencil' (KAT), yang sentiasa menunggu dan mengharapkan bantuan pihak kerajaan. Tetapi sebaliknya kemahuan dan kemampuan mereka beradaptasi, seperti mereka membuat dan mengisi pasar daripada hasil saradiri masyarakat dan mendapat sokongan dari kerajaan (pemerintah) merupakan hasil perjuangan dan kemahuan bersama mereka. Hal ini selari dengan pandangan Hardesty (1977: 238-240) yang menyatakan bahawa

adaptasi adalah pengambilan ruang dalam perubahan budaya teknologi, organisasi dan ideologi. Selanjutnya dia menjelaskan bahawa ada dua macam perilaku adaptif yang perlu diamati dalam mengkaji adaptasi manusia, iaitu adaptasi dalam bentuk perilaku yang bersifat unik (*unique*) atau *idiosyncratic*, ertinya bahawa individu mampu mengembangkan diri dan menyesuaikan dirinya pada persekitaran dengan pelbagai cara sesuai dengan kemampuannya dan sesuai dengan keadaan lingkungan yang dihadapinya. Kelincahan Orang Laut di Desa Tanjung Pasir yang menciptakan lapangan pekerjaan atau mata pencarian (ekonomi) boleh dianggap sebagai "*idiosyncratic*" atau perilaku unik dalam upaya mempertahankan kehidupan, dan yang kedua, adalah adaptasi budaya yang bersifat dipolakan. Hal tersebut bagi Orang Laut di Desa Tanjung Pasir dalam melakukan adaptasi sosiobudaya yang bersifat dipolakan terlihat dengan jelas, bahawa mereka sepertinya mengikuti pola yang ada dalam budaya namun mereka tidak sekedar mengikuti pola itu, tetapi mereka terlibat langsung dan mengendalikan aktiviti budaya tersebut, misalnya kegiatan keagamaan, pengajian, kegiatan sosial PKK, Posyandu dan LKMD mereka menjadi pemimpin atau orang yang terlibat dalam pengambilan keputusan. Hal ini berbeda dengan desa Tanah Merah yang mereka juga terlibat dalam pelbagai aktiviti namun hanya mengikuti pola yang wujud (aktiviti) tidak mengendalikan aktiviti. Mengendalikan aktiviti ini yang penulis anggap sebagai suatu adaptasi aktif sebab adaptasi yang dilakukan Orang Laut di Desa Tanjung Pasir mempunyai perpaduan daripada pelbagai mekanisme biologi dan pengubahsuaian budaya supaya bertahan hidup (*survival*).

4.9.3. Desa Sungai Laut

Pola adaptasi masyarakat Orang Laut di Desa Sungai Laut sedikit berbeza daripada apa yang sudah diuraikan di dua desa terdahulu iaitu Desa Tanjung Pasir dan Tanah Merah.

Mereka mempunyai pola adaptasi tersendiri sesuai dengan lingkungan dan persekitaran dalam menghadapi cabaran persekitaran.

Sepanjang berjalannya strategi dan proses adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Sungai Laut pada awalnya berjalan sama dengan strategi dan proses yang terjadi di Desa Tanah Merah dan Tanjung Pasir. Bahkan Orang Laut di Desa Sungai Laut menjadi pelopor utama yang membin arumah di kampung tersebut, namun perjalanan selanjutnya Orang Laut di Sungai Laut justru tetap bertahan dalam kawasannya sahaja. Mereka mempunyai pola tersendiri, iaitu bertahan terhadap pola kulturalnya sahaja. Dalam aktiviti sehari-hari mereka tetap melakukan kontak dan komunikasi, namun mereka tidak bergeser dari kawasan tempat duduk semula, walaupun kontak dan komunikasi boleh menjadi faktor daripada adaptasi, namun kontak tersebut berbeza jika kontak terjadi secara lebih dekat, seperti Orang Laut di desa lain. Mereka berjiran dengan suku lain sehingga kontak mereka lebih tinggi berbanding dengan Orang Laut yang wujud di Desa Sungai Laut. Oleh itu, lingkungan sangat mempengaruhi pola adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Desa Sungai Laut.

Kehidupan Orang Laut di Desa Sungai Laut terpusat dalam kumpulan sendiri, sehingga adaptasi sosiobudaya terlihat lamban berbanding dengan desa lain, yang terlibat dalam aktiviti sosial terhad sesuai dengan kepentingannya sahaja. Demikian juga dengan aktiviti bidang ekonomi dan sosiobudaya yang lain, sangat sedikit yang terlibat. Seperti pembuatan Kartu Tanda Penduduk (KTP), pada usia lanjut hampir tidak ada yang membuat KTP kerana mereka menganggap tidak penting, sehingga komunikasi ke kantor desa sangat jarang. Sebahagian besar mereka hanya melakukan aktiviti ekonomi sahaja (untuk memenuhi keperluan hidup mereka) hal itupun berkerang dan menanam nenek udang (*lobstetr*), kemudian sisa waktunya digunakan untuk rehat,

makan dan tidur. Mereka sangat jarang mengikuti pengajian keagamaan, kerana alasan sudah penat bekerja, sehingga yang terlibat dalam aktiviti sosial dan keagamaan kebanyakan adalah anak-anak mereka yang muda. Anak muda ini yang membawa pengaruh adaptasi sosiobudaya pada keluarga mereka. Sehingga kesan adaptasi sosiobudaya secara keseluruhan terlihat lambat dan mereka pada umumnya hanya mengikuti sahaja apa yang berlaku dalam lingkungan atau persekitaran mereka.

Memperhatikan pola adaptasi Orang Laut di Sungai Laut yang terkesan lambat dan tidak berkembang. Maka peneliti menggunakan teori perubahan dalam mengamati adaptasi tersebut. Selari dengan pandangan Garna (1999: 13), yang menghuraikan bahawa perubahan sosial adalah sebaran penyesuaian yang berlaku kepada pola interaksi antara individu-individu sebagai unit sosial dalam sebuah masyarakat. Garna selanjutnya menghuraikan bahawa perubahan menyangkut dalam pelbagai hal, seperti perubahan fizik oleh proses alami dan perubahan kehidupan manusia oleh dinamika kehidupan. Perubahan yang terkait dengan kehidupan manusia atau terkait dengan lingkungan kehidupan, yang berupa fizik, alam semula jadi dan sosial. Oleh sebab itu perubahan berimpak kepada perubahan sosial dan perubahan kebudayaan. Soelaiman (1998: 115-120) menegaskan bahawa perubahan sosial dan perubahan kebudayaan sulit untuk dipisahkan, akan tetapi secara teori perubahan sosial mengacu kepada perubahan dalam struktur sosial dan hubungan sosial, sedangkan perubahan kebudayaan mengacu kepada perubahan pola-pola prilaku dan teknologi. Hal ini selari dengan pandangan Moore (1967), yang menyatakan bahawa perubahan mempunyai tiga dimensi, iaitu dimensi struktur, kultur atau budaya dan interaksi. Ertinya bahawa Orang Laut Sungai Laut belum mengalami adaptasi yang sebenarnya akan tetapi baharu masuk dalam tatanan perubahan. Dimana sedang dalam proses perubahan struktur, kultur atau budaya dan interaksi. Perubahan struktur dalam kehidupan Orang Laut di Sungai Laut terutama

pergeseran atau hilangnya peran kepemimpinan tradisional dan membawa pengaruh pada interaksi sosial khususnya dalam stratifikasi sosial, yang tidak ada memberikan dorongan dan motivasi sosial dalam kehidupan sosial mereka. Kemudian terjadinya perubahan serta adaptasi dalam aspek budaya dalam kehidupan mereka khususnya dalam penggunaan teknologi dan transportasi yang harus mereka hadapi. Sementara itu mereka tidak mempunyai pimpinan yang boleh memberikan arahan dalam semua perubahan tersebut. Akhirnya mereka menghadapi dua pertembungan yang keduanya bagi mereka sama pentingnya dan sama mendesak kehidupan mereka antara keinginan untuk beradaptasi dengan kehidupan moden dan mempertahankan budaya mereka. Akibat hal tersebut berlaku ketegangan yang berakibat stres atau tidak berkembang (stagnan) dalam adaptasi dan perubahan. Hal ini pula selari dengan pandangan Moore (1967), yang menjelaskan bahawa perubahan terjadi pada setiap masyarakat, sekalipun terhadap masyarakat terpulau atau suku asli. Hal tersebut didorong oleh wujudnya kemajuan teknologi, komunikasi dan transportasi yang sangat cepat. Orang Laut Desa Sungai Laut sekarang ini mengalami perubahan tersebut khususnya kerana wujudnya barangan teknologi dan komunikasi dipersekitaran mereka sehingga mempengaruhi pola perilaku budaya khususnya anak-anak mereka yang mengambil nilai-nilai yang mereka anggap baik untuk mereka.

Kehidupan rumah tangga yang tidak lagi menjunjung tinggi nilai-nilai yang mereka punyai seperti nilai hormat terhadap orang tua dan orang yang dituakan dalam lingkungan komuniti mereka. Khususnya mereka juga sudah tidak mempunyai pemimpin tradisional dalam masa yang sangat panjang. Sehingga boleh dikatakan bahawa sedang terjadi kekacauan ideasional mahupun budaya dalam kehidupan sosiobudaya Orang Laut di Desa Sungai Laut. Oleh Moore (1967), dikatakan sebagai perubahan semasa (*contemporary change*), situasi yang mereka hadapi sekarang ini bersifat sementara dan

suatu masa nanti akan terjadi situasi yang normal (*normality of change*). Namun semua itu memberi impak negatif bagi kehidupan komuniti Orang Laut, kerana mereka tidak mempunyai pemimpin tradisional yang sangat mereka butuhkan dalam mengawal dan memelihara kelangsungan institusi sosiobudaya khususnya lagi pengetahuan yang mereka miliki secara turun temurun seperti pengetahuan tentang air, cuaca, musim ikan dengan mengikuti perjalanan bulan dan sebagainya atau yang boleh disebut sebagai "indigenous knowledge".

4.10. Rumusan

Orang Laut telah mengalami proses adaptasi yang panjang dan strategi yang cerdas selama hidup menetap di darat dalam kawasan kecamatan Tanah Merah. Proses dan strategi adaptasi tersebut mereka tunjukkan dalam tahapan-tahapan yang mereka lalui. Seperti dalam menentukan tempat tinggal, mereka tidak serta merta naik ke darat, namun mengalami beberapa proses. Hal tersebut adalah strategi untuk mendapatkan tempat tinggal yang sesuai dengan keinginan mereka dan kondisi kehidupan serta untuk memenuhi hajat hidup keluarga mereka.

Dalam aspek politik, mereka memang sudah tidak mempunyai pemimpin tradisional lagi, kerana kerajaan sudah memandang mereka sama dengan suku-suku lain dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Kendatipun mereka dianggap sebagai masyarakat Komunitas Adat Terpencil (KAT), namun mereka sudah mampu mengikuti peraturan pemerintah, sehingga hak dan kewajiban mereka tegakkan, walaupun tetap mendapat kemudahan dari pemerintah dalam berbagai hal.

Adapun pola adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah sangat dipengaruhi daripada banyaknya macam kebudayaan dan masyarakat yang

wujud di masing-masing desa. Desa Tanah Merah mempunyai budaya yang beragam mempengaruhi pola adaptasi Orang Laut dimana mereka mengikuti pola-pola yang sedia ada. Seperti ragam mata pencarian, mereka mengikuti pertumbuhan dan perkembangan yang ada, dan mereka menyesuaikan pula dengan kemampuan mereka sehingga ada yang menjadi tukang pembuat rumah panggung dan sebagainya. Pola adaptasi Orang Laut di Desa Tanah Merah hanya sebatas meniru atau mengikuti pola-pola yang ada. Berbeza dengan Orang Laut yang ada di Desa Tanjung Pasir, pada awalnya mereka sama dengan masyarakat Orang Laut yang ada di Desa Tanah Merah, namun seiring dengan pertumbuhan penduduk Orang Laut di Desa Tanjung Pasir, maka pola adaptasinya lebih dinamis. Mereka mencipta pola baharu dalam mata pencarian, demikian pula dalam aspek sosial, organisasi mahupun budaya. Sedangkan di Desa Sungai Laut mempunyai pola adaptasi tersendiri kerana kehidupan mereka yang terpusat dalam kumpulannya sahaja sehingga adaptasi mereka terkesan lambat dan apalagi kehidupan yang sangat sederhana dan aktiviti mereka hanya terkait dengan hal-hal yang pokok sahaja, waktu luang mereka gunakan untuk istirahat melepas lelah setelah bekerja dan tidur.

BAB V

FAKTOR ADAPTASI SOSIOBUDAYA

5. 1. Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan tentang faktor-faktor yang mendorong mahupun yang mempengaruhi berlakunya adaptasi sosiobudaya dalam kehidupan Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, dan menghuraikan berdasarkan desa-desa yang menjadi tumpuan kajian ini. Kemudian akan dihuraikan pula tentang pandangan Orang Laut terhadap adaptasi sosiobudaya yang berlaku dalam kehidupan Orang Laut pandangan Orang Laut terhadap adaptasi sosiobudaya, hal ini akan dilihat dari tiga aspek, iaitu pandangan mereka terhadap adaptasi yang mereka alami dalam aspek kehidupan sosial (pengalaman tinggal di darat dan bersosialisasi dengan masyarakat persekitaran), pandangan Orang Laut terhadap budaya suku lain yang ada di persekitaran mereka, dan pandangan Orang Laut terhadap nilai budaya yang mereka amalkan sekarang ini.

5.2. Faktor-faktor yang Mendorong Berlakunya Adaptasi

Adaptasi pada hakekatnya tidak terjadi serta merta, kerana adaptasi terkait dengan lingkungan persekitaran. Dalam mempertahankan dan memenuhi keperluan hidup manusia juga dipengaruhi oleh faktor lingkungan fizik dan sosiobudaya di mana mereka hidup. Sebagaimana diketahui bahawa setiap manusia hidup dalam pola-pola tertentu yang sudah ada dalam lingkungan dimana manusia itu lahir dan dibesarkan khususnya yang berkaitan dengan faktor sosiobudaya.

Oleh itu, dalam usaha mempertahankan kelangsungan hidupnya, manusia beradaptasi secara aktif dan budaya menjadi alat penterjemah untuk mencapai matlamat tersebut. Misal, ketika manusia baharu lahir ia harus beradaptasi dengan sesama atau persekitaran baharu, untuk bertahan hidup manusia beradaptasi dengan susu ibu. Hal itu

terus berlangsung, ketika susu ibu tidak berproduksi sang bayi harus menyesuaikan diri dengan susu tiruan, hal ini tidak hanya beradaptasi dengan susunya sahaja akan tetapi beradaptasi terhadap benda-benda yang diperlukan terkait dengan susu buatan tersebut, contohnya botol, putingnya yang keras dan sentuhan kulit ibu serta rasa susu itu yang berbeza yang ia rasa sewaktu menyusu pada ibunya, demikian pula dengan Orang Laut, mereka berinteraksi dengan budaya yang wujud di persekitarannya dari benda-benda yang sangat sederhana sahaja misalnya manfaat sandal yang mereka pakai setiap hari sekarang ini. Bennett (1976: 28) mendedahkan bahawa penyesuaian tidak cukup hanya ditentukan oleh keinginan, keperluan dan matlamat sahaja, melainkan juga ditentukan oleh persekitaran setempat. Demikian halnya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah dalam usaha menyesuaikan diri terhadap sosiobudaya. Mereka berusaha untuk menyesuaikan diri terhadap lingkungan sosiobudaya masyarakat tempatan agar mudah mencapai matlamat mereka. Namun, untuk mencapai kesempurnaan adaptasi mereka dipengaruhi beberapa faktor yang menentukan. Secara umum ada beberapa faktor yang mempengaruhi adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah iatu:

- i. Adanya keinginan daripada Orang Laut untuk berubah. Faktor utama yang mendorong berlakunya adaptasi Orang Laut adalah pada umumnya Orang Laut yang tinggal di semua kampung atau desa menunjukkan keinginan untuk berubah, iaitu keinginan untuk berjaya sepertimana masyarakat lain. Mereka melihat kehidupan di darat sudah sangat aman, sehingga mendorong keinginan mereka untuk duduk di darat. Keinginan tinggal di darat bererti keinginan untuk berinteraksi dengan masyarakat dan selanjutnya keinginan untuk mendapatkan sesuatu yang dimiliki oleh masyarakat sekitar dan akhirnya keinginan untuk berubah dan menyesuaikan diri seperti kehidupan mereka sekarang.
- ii. Ekonomi, kemajuan ekonomi yang dialami Orang Laut telah menjadi faktor pendorong berlakunya adaptasi sosiobudaya. Ekonomi boleh dikatakan sebagai

roda dalam kehidupan yang bergerak membawa Orang Laut berubah dari kehidupan sederhana menjadi konsumtif, kerana mempunyai wang, sehingga mendorong mereka untuk mempunyai benda-benda material yang memang mereka perlukan dalam kehidupan moden. Seperti mempunyai peti ais, mempunyai televisyen, parabola, video dan sebagainya. Kehidupan ekonomi mereka pula telah mengalami kemajuan kerana mereka ikut menceburkan diri dalam sistem ekonomi moden seperti perniagaan, usaha bot laju dan begitu pula dalam sistem bertauke dan kumpulan-kumpulan usaha ekonomi yang boleh membawa kemajuan ekonomi Orang Laut.

- iii. Pengakuan sebagai orang Islam. Pengakuan terhadap agama Islam dapat dikatakan sebagai salah satu faktor utama yang mempermudah atau memperlancar adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah. Dengan mengaku beragama Islam masyarakat menerima keberadaan mereka, kerana masyarakat Tanah Merah majoriti penduduknya beragama Islam. Oleh itu, meskipun sebenarnya masyarakat mengetahui bahawa agama Islam yang mereka akui sebagai agamanya hanyalah Islam Kartu Tanda Penduduk (KTP), ertinya pengakuan Islam Orang Laut hanya sebagai identiti sahaja, kerana pada masa itu (sebelum tahun 60-an) mereka sebahagian masih dianggap sebagai manusia perahu yang memang sangat sulit untuk menegakkan syariat Islam yang sebenarnya. Kerana mereka belum menjalankan ajaran agama Islam yang sesuai dengan syariat Islam, namun keteguhan untuk mempertahankan serta pengakuan terhadap keyakinan yang mereka akui sebagai umat Islam memberikan apresiasi yang tinggi dari masyarakat bagi mereka sehingga mereka dapat diterima secara baik dalam kehidupan sosial hingga sekarang ini.
- iv. Perkahwinan campur antara Orang Laut dengan suku-suku lain yang ada di persekitaran mereka. Perkahwinan campur ini berkiat rapat dengan pengakuan

mereka sebagai orang Islam. Kerana pengakuan sebagai Orang Islam, maka mereka lebih mudah diterima untuk menjadi menantu dalam keluarga Orang muslim yang lain. Jika mereka tidak Islam tentu akan menjadi permasalahan yang besar dalam melakukan perkahwinan campur. Perkahwinan campur juga sebagai salah satu faktor penting dalam berlakunya adaptasi sosiobudaya dalam kehidupan Orang Laut, kerana bersatunya dua orang yang berbeza akan mempengaruhi kehidupan sosiobudaya satu samalain, khususnya bagi budaya yang lebih kuat berpengaruh akan lebih menonjol penggunaannya berbanding budaya yang lain.

- v. Dukungan dari masyarakat luas terhadap Orang Laut. Masyarakat Kecamatan Tanah Merah secara umum sangat mendukung Orang Laut untuk maju bersama masyarakat lain. Sejak awal adanya rumah pertama yang dibina oleh keluarga besar H. Kalettung (H. Kallabe, H. Latief, H. Puke) mereka semua sudah bersahabat baik dengan Orang Laut. Bahkan Orang Laut turut membantu menebas hutan dan mencari kayu untuk perlengkapan pembangunan rumah. Hubungan dan dukungan masyarakat inilah akhirnya Orang Laut semakin terdorong untuk beradaptasi dengan kehidupan di darat.
- vi. Dukungan dari Pemerintah sebagai pengakuan terhadap hak dan kewajiban sebagai warga masyarakat serta pengakuan terhadap kebudayaan yang mereka punyai dalam bentuk pengakuan terhadap Komuniti Adat Terpencil (KAT). Hal ini telah mendorong dan menambah semangat Orang Laut untuk terus memperbaiki diri demi mencapai kejayaan hidup dan beradaptasi dengan masyarakat sekitar.
- vii. Kemajuan teknologi telah menambah semaraknya keinginan beradaptasi Orang Laut terhadap kemajuan yang dicapai oleh manusia. Kehadiran alat-alat rumah tangga dan keperluan individu dari hasil kemajuan teknologi telah mendorong Orang Laut untuk terus beradaptasi terhadap kehidupan dan sosiobudaya yang ada di sekitar mereka. Seperti penggunaan teknologi rumah tangga rice cooker,

kompor gas, telefon bimbit, strika, radio, bahkan parabola dan kipas angin. Untuk memenuhi semua itu mereka sanggup membeli dengan cara kredit. Mereka juga merasa bangga jika sudah mempunyai barang-barang tersebut. Apalagi telpon bimbit, hampir setiap keluarga memilikinya bahkan yang mempunyai wang banyak membelikannya untuk anak-anak mereka.

viii. Pendidikan turut menjadi pautan penting berlakunya adaptasi. Semakin ramai anak-anak Orang Laut yang mengikuti program pendidikan, baik tingkat TADIKA, SD, SMP SMA hingga Pengajian Tinggi maka semakin ramai yang menjadi penggerak pembaharuan dan adaptasi terhadap hal-hal yang baharu. Kerana dalam pendidikan anak-anak Orang Laut tanpa disedari telah terjadi proses adaptasi pada mereka dan selanjutnya berpengaruh kepada keluarga dan masyarakat Orang Laut pada umumnya.

Faktor-faktor tersebut purata di ketiga-tiga desa yang menjadi tumpuan kajian ini, namun pertumbuhan adaptasinya berbeza di setiap desa kerana mobiliti masyarakat Orang Lautnya juga berbeza, sehingga laju adaptasi mereka juga berbeza. Lebih lanjut akan dihuraikan seperti berikut:

5.2.1. Desa Tanah Merah

Keberadaan Orang Laut di desa Tanah Merah berbeza dengan keberadaan Orang Laut yang ada di desa lain. Mereka berbaur dalam berbagai aspek kehidupan dengan masyarakat pada umumnya. Faktor kedudukan rumah turut mempengaruhi adaptasi sosiobudaya dalam kehidupan mereka kerana rumah-rumah mereka hanya berbatas dengan dinding papan sahaja, sangat dengan sama dengan satu rumah yang hanya dihadkan sekat dinding papan sahaja. Sehingga apapun yang mereka kerjakan akan

diketahui dan didengar atau bahkan dilihat oleh jiran sehingga begitu dekat hubungan mereka dengan jirannya, sehingga mempengaruhi adaptasi tersebut.

Anak-anak mereka juga akrab dengan jiran, mereka saling menitipkan sesuatu, misalnya orang tua dari anak jiran sebelah keluar rumah, maka orang tua jiran tersebut menitipkan anaknya kepada tetangganya. Demikian hubungan antara jiran dengan masyarakat Orang Laut dengan masyarakat lainnya. Demikian pula pada makanan, mereka saling memberi dan bahkan kadang-kadang mereka makan bersama di teras depan atau belakang rumah mereka. Keakraban tersebut telah mengangkat kedudukan Orang Laut sama dengan masyarakat lain pada umumnya dan secara sadar mahupun tidak Orang Laut mengambil nilai-nilai ataupun norma-norma yang wujud dalam masyarakat. Contoh yang sangat sederhana iaitu cara berpakaian ibu-ibu setiap hari di persekitaran Orang Laut di desa Tanah Merah, mereka tidak ada yang menggunakan seluar panjang atau skirt pendek di atas lutut atau yang panjang melebihi lutut, umumnya mereka menggunakan kain sarung batik dalam kehidupannya. Maka ibu-ibu Orang Laut pula menggunakan kain sarung dan tidak ada yang menggunakan seluar panjang atau skirt pendek seperti ibu-ibu (nyonya) orang cina. Demikian juga kerudung, ibu-ibu Orang Laut sekarang ini hampir semua memakai tudung dan sebahagian sudah menggunakan tudung (jilbab) iaitu tudung yang dililitkan di kepala. Jadi faktor keakraban dengan jiran sangat pula mempengaruhi adaptasi Orang Laut di desa Tanah Merah. Adaptasi yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Orang Laut di Desa Tanah Merah selari dengan pandangan Bennett (1976: 51) yang menyatakan bahawa adaptasi adalah suatu proses yang berkaitan antara manusia dengan persekitaran fizik dimana individu berusaha menyesuaikan tingkah lakunya dengan lingkungannya. Dan proses adaptasi meliputi pelbagai hal: seperti terkait dengan konsep heoristik, sosial dan yang paling penting adalah kemampuan manusia.

5.2.2. Desa Tanjung Pasir

Faktor pendorong berlakunya adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Desa Tanjung Pasir sama sahaja dengan faktor-faktor yang berlaku secara umum di Desa Tanah Merah. Hanya bezanya di Desa Tanjung Pasir masyarakat Orang Laut betul-betul sudah menyatu dengan masyarakat lain. Mereka juga hidup berjiran dengan suku-suku lain namun Orang Laut di Desa Tanjung Pasir lebih aktif dan lebih agresif dalam pelbagai gerakan yang wujud dalam masyarakat. Mereka tidak menunggu adanya perubahan atau pembaharuan dari pemerintah ataupun dari mana-mana pihak, mereka terlebih dahulu membangunkan diri dalam berbagai bidang, seperti bidang perniagaan, bidang sosial dan lain-lain (seperti yang sudah dikupas dalam bab VI), mereka membuat usaha kumpulan bersama untuk maju dan berjaya. Mereka juga hidup menyebar di hampir semua sudut kampung sehingga terlihat mereka tidak terpusat pada kawasan tertentu. Pada setiap bidang pekerjaan atau usaha mereka terlibat di dalamnya. Mereka sentiasa ada bersama dengan orang-orang di sekitar mereka. Misal, program bantuan usaha masyarakat miskin, koperasi, pinjaman lunak mahupun perniagaan yang bersifat saradiri. Mereka aktif dalam berbagai bidang, sama ada dengan masyarakat lain sehingga tidak terlihat bahawa mereka adalah masyarakat yang dianggap sebagai suku terasing, tertinggal, masyarakat terpulau dan sebagainya.

Salah satu faktor yang membuat masyarakat Orang Laut Desa Tanjung Pasir lebih agresif dalam melakukan adaptasi sosiobudaya adalah kerana mereka merasa bahawa mereka berada di dalam kawasannya sendiri, di mana mereka mempunyai pemimpin dari kalangan mereka, walaupun itu bukan pemimpin tradisional mereka, namun ada orang dari kalangan mereka (Orang Laut) yang duduk sebagai pejabat Desa di desa Tanjung Pasir. Tidak hanya satu orang tetapi ada juga kaki tangan pejabat kepala kampung dari kalangan Orang Laut, sehingga membuat Orang Laut Desa

Tanjung Pasir merasa percaya diri untuk melakukan pelbagai aktiviti dalam kehidupan sosiobudaya secara umum.

Keaktifan Oranng Laut dalam pelbagai aktiviti mempengaruhi proses adaptasi yang sedang berlaku dalam kehidupan mereka. Walaupun sebenarnya kesan dari keaktifan tersebut menjadikan Orang Laut lebih dominan dalam kehidupan sosial, mereka menjadi motor penggerak kegiatan dalam masyarakat dan mereka meniru aktiviti sosial di luar kampung mereka dan melaksanakannya di desa mereka. Adaptasi yang terciptakan oleh mereka dari luar, kemudian mereka melaksanakan dalam masyarakat persekitarannya di desa Tanjung Pasir. Ertinya bahawa faktor-faktor adaptasi Orang Laut di desa Tanjung Pasir disebabkan kerana mereka menyambut perubahan (adaptasi) itu kemudian melakukannya hal yang sama dipersekitaran mereka.

5.2.3. Desa Sungai Laut

Kedudukan Desa Sungai Laut sedikit berbeza dari desa-desa lain. Kehidupan Orang Laut di Sungai Laut masih sangat sederhana dan terisolasi, namun sebenarnya regangan adaptasi tetap mempengaruhi kehidupan mereka, seperti halnya di desa-desa lain. Kerana mereka hidup berkumpulan (homogen) sehingga adaptasi yang terjadi kelihatan lambat dan tidak terlihat sebagaimana di desa-desa lain.

Walaupun mereka hidup dalam kumpulannya, namun mereka dalam kesehariannya tetap melakukan komunikasi dengan orang luar terutama dalam aktiviti harian, seperti aktiviti ekonomi, sosial, kegiatan pendidikan anak-anak mereka tetap berjalan, saling menyapa dengan masyarakat sekitar saat berpapasan di pasar atau di tempat-tempat umum. Hal ini memperlihatkan bahawa mereka sedar bahawa mereka adalah anggota masyarakat Desa Sungai Laut dan sedar bahawa mereka bahagian

daripada kesatuan sosial. Mereka menerima apa yang mereka lihat atau dengar dari persekitaran mereka dan mereka meniru apa yang mereka lihat atau dengar.

Perlu diketahui pula bahawa Orang Laut di Sungai Laut tidak sama dengan Orang Laut di Desa Tanjung Pasir dan Tanah Merah kerana Orang Laut di Desa Sungai Laut selepas mencari nafkah mereka lebih ramai pergi tidur dan berehat di rumah masing-masing. Hanya sedikit sekali masa yang boleh mereka gunakan untuk leka. Mereka sebahagian besar adalah nelayan dan pengambil kerang sehingga waktu mereka disibukkan dengan pekerjaan tersebut. Namun anak-anak mereka yang sehari-hari mereka tinggalkan, kemudian anak mereka pula setiap hari bersekolah dan di sekolah mereka berteman dengan anak-anak yang bukan Orang Laut, sehingga adaptasi berlaku dalam seharian mereka dari sekolah kemudian mereka membawa nilai-nilai, norma-norma ataupun aturan-aturan dari sekolah mereka kepada keluarga mereka, tanpa orang tua mereka menyedari bahawa mereka sedang atau dalam proses penyesuaian diri terhadap sosiobudaya yang mereka bawa dari sekolah anak-anak mereka, perubahan tersebut tanpa disedari oleh seluruh keluarga bahawa mereka dalam proses penyesuaian diri terhadap sosiobudaya yang berlaku khususnya peraturan-peraturan dari sekolah. Demikian pula anak-anak mereka yang mempunyai anak atau cucu, kerana mereka mengikuti pelbagai program kerajaan untuk kesihatan anak dan ibu pula telah mendorong mereka untuk menyesuaikan diri terhadap tatacara hidup sihat dan dengan makanan yang bergizi dan sihat.

Namun adaptasi tersebut terbatas dikalangan ibu-ibu usia produktif, anak sekolah dan pasangan muda, kerana mereka yang ramai berurusan dalam pelbagai kegiatan organisasi mahupun dalam urusan sosial. Sedangkan bagi orang tua menengah ke atas (usia lanjut) mereka tidak mengikuti aktiviti-aktiviti sosial mahupun organisasi

sosial, dan mereka hanya tertumpu pada pekerjaan untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Mereka terlibat dalam pelbagai adaptasi bidang ekonomi namun kehidupan mereka secara menyeluruh tidak memperlihatkan adanya perkembangan sebagaimana adaptasi yang terjadi di desa Tanjung Pasir dan Tanah Merah.

5.3. Pandangan Orang Laut Terhadap Adaptasi Sosiobudaya

5.3.1. Kehidupan Sosial

Orang Laut sebagai komuniti Adat Terpencil (KAT), dan sebagai salah satu kumpulan masyarakat yang mengalami hidup di dua tempat yang berbeza, iaitu hidup dalam sampan dan kemudian naik ke darat, kehidupan di darat mendorong mereka untuk mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran. Keadaan ini tentu sahaja memberi kesan tersendiri bagi Orang Laut tentang apa yang berlaku dalam kehidupan mereka dengan keadaan yang berbeza daripada masyarakat lain yang memang sudah sejak semula tinggal di darat. Meskipun begitu, tidak membuat mereka kecut dan gentar terhadap kehidupan di darat, walaupun mereka lahir di dalam sampan, masa kanak-kanak mereka habiskan di dalam sampan, dan setelah dewasa mereka naik ke darat dan menetap di darat. Dalam pandangan mereka kehidupan dulu dalam sampan juga mempunyai sistem kehidupan sosial tersendiri, sebagaimana Taneko (1994: 22) menjelaskan ciri-ciri kehidupan sosial iaitu;

Adanya manusia yang hidup bersama, manusia tersebut bergaul dan hidup bersama-sama dalam tempoh masa yang lama dan hidup bersama-sama, maka akan terjadi adaptasi dan pengoransiasian perilaku serta munculnya suatu perasaan sebagai satu kesatuan, sehingga dalam kehidupan sosial itu ditandai pula oleh, adanya kesedaran bahawa mereka merupakan satu kesatuan, yang kemudian menjadi, dan wujudnya sistem kehidupan bersama.

Orang Laut yang hidup di dalam sampan hanya bersama keluarga inti, iaitu ibu bapa dan anak-anaknya. Ramainya bilangan ahli keluarga bergantung dengan jumlah anak yang mereka miliki. Dalam satu sampan keluarga Orang Laut bisanya berkisar lima sehingga delapan orang. Namun, jumlah tersebut mula menurun selpeas tahun 60-

an, kerana ada yang mula naik ke darat. Meskipun sudah naik ke darat, mereka tetap saling mengenali dan saling menyedari bahawa mereka merupakan bahagian daripada Orang Laut yang dalam istilah Sarpan disebut “duane”. Menurut Sarpan, jika Orang Laut bertemu sesamanya di mana sahaja dan meskipun tidak saling mengenal, mereka akan saling menyapa (bertanya) dengan ucapan sapaan “*duane ha?*” (maksudnya adalah “*Orang Laut juga kah kamu?*”) dijawab dengan kata “*ye duane*”. Oleh itu, *duane* (bahasa Orang Laut) dalam hal ini boleh dikatakan sebagai salah satu sistem sosial Orang Laut yang masih dipertahankan. Dengan alasan demikian, peneliti menganggap bahawa Orang Laut masih mempunyai satu kesatuan budaya sendiri dan bahasa mereka sendiri yang masih mereka jaga dan pelihara. Meskipun sekarang ini mereka hidup terpisah-pisah dalam beberapa sampan dan perkampungan setelah naik di darat, mereka tetap menggunakan bahasa mereka dalam mengenali kaum atau kumpulan mereka melalui bahasa mereka yang masih mereka kenali dan boleh menjadikan alat yang menyatukan mereka dalam kumpulannya.

Sekarang mereka telah merasakan, menyaksikan serta mengalami langsung hidup menetap di darat. Proses adaptasi yang berlangsung dalam kehidupan mereka, sehingga mereka sedar bagaimana perbezaan mereka dengan orang lain. Juana (86 tahun) menceritakan pengalamannya ketika hidup dalam sampan seperti berikut:

Aku masih ingat waktu kecil tidak dapat bermain seperti anak-anak di darat. Kami bermain saat mandi sepuasnya di laut setelah itu kami langsung pakai baju dan memancing sampai dapat ikan. Setelah kami dapat ikan, baru kami boleh makan, begitulah setiap hari. Jika bapak atau emak kami naik ke darat dan aku kadang-kadang diikutkan juga, maka aku boleh melihat anak-anak yang sebaya bermain tali, main kejar-kejaran dan memiliki banyak teman. Mereka tidak mahu bermain dengan kami kerana takut kami bawa lari ke sampan. Padahal orang kami tidak pernah mengganggu anak orang. Aku di sampan hanya adik beradik, tidak punya teman bermain. Hidup di darat seperti sekarang ini jauh lebih baik, kerana semuanya kita boleh dapati, kalau hidup dalam sampan penat naik turun dan semuanya sempit dan tempatnya terbatas. Tidak ada permainan dan tidak ada kebebasan. Tinggal di darat jauh lebih senang, hidup ini terasa lebih tenang dan semua boleh kita kerjakan dengan tenang dan senang.

Dari beberapa orang yang ditemui dalam temubual dan ditanya pandangan mereka setelah naik dan menetap di darat, umumnya memberikan jawapan yang sama, iaitu “*senanglah*”. Ungkapan yang memberikan kesan menyeluruh bahawa hidup di darat dan menyesuaikan diri dengan persekitaran sebagai sesuatu yang mereka rasakan baik dengan kata “*senanglah*”. Sebagaimana yang dijelaskan Janah bahawa kehidupan dalam sampan terasa sulit dan sempit. Sementara kebanyakan orang luar melihat kehidupan mereka di dalam sampan adalah kehidupan yang merdeka, kerana boleh hidup sesuka hati, tanpa ada aturan sosial yang harus mereka hadapi. Ternyata sangat berbeza dengan pandangan orang luar atas diri mereka dengan apa yang mereka rasakan hidup di dalam sampan. Sebagai manusia, mereka merasakan betapa indahnyanya hidup bersama-sama, dan indahnyanya dapat bermain dan memiliki teman yang banyak. Ertinya, kehidupan dalam sampan yang terlihat bebas, merdeka dan seluas laut memandang, ternyata jiwa sosial mereka merasa sepi, hidup tersisih dan kehidupan yang serba terbatas. Inilah yang mendorong mereka untuk naik ke darat. Apalagi setelah melihat saudara-saudara mereka yang naik dapat beradaptasi dan bersosialisasi dengan baik dalam kehidupan di darat bersama dengan Orang Laut yang lain.

Sekarang mereka merasakan kehidupan di darat yang begitu nikmat dan sempurna sebagai manusia. Kerana mereka mampu bersosialisasi, saling mengenal dan saling berkomunikasi satu sama lain dalam kumpulannya di samping dengan masyarakat yang lain. Mereka boleh mengembangkan apa sahaja yang boleh mereka lakukan, dan perkara itu membuat jiwa mereka merasa senang. Kesederhanaan hidup yang mereka alami selama di dalam sampan telah membentuk jiwa mereka yang tetap sederhana dan tidak terlalu memaksakan untuk memenuhi keperluan sekunder. Bagi mereka yang penting adalah boleh memenuhi keperluan asas keluarga.

Sinah (64 tahun) yang ditemui dalam temubual juga mengungkapkan bahawa ia sangat berterima kasih dengan kehidupan yang dialaminya sekarang ini, kerana dapat hidup layak dan merasakan kasih sayang daripada lingkungannya sebagai sesama manusia. “Aku dari kecil diambil sama pak Haji, dan diajari mengaji, sembahyang sampai saya *belaki* (berkahwin) dan mengikuti ajaran beliau”. Sinah mengungkapkan bagaimana awal mula ia naik ke darat dan tinggal di rumah keluarga orang yang mengambilnya kemudian beradaptasi dengan lingkungan yang serba baharu. Ia diperlakukan secara baik, sehingga boleh beradaptasi dengan baik hingga dia dewasa dan berkahwin. Dia seorang yatim piatu dan ikut bersama pamannya dalam sampan yang berbeza hingga bertemu dengan orang tua yang mengambilnya sebagai anak angkat. Sarpan (42 tahun) Ketua KAT menjelaskan bawah:

Kehidupan sosiobudaya Orang Laut sekarang ini lebih nyata (*reality*), Orang kami semenjak hidup di dalam sampan sudah memiliki sistem budaya sendiri, seperti bahasa sendiri, sistem mata pencarian dan sistem sosial. Sekarang kehidupan kami lebih terwujud maksudnya bahawa budaya kami sudah boleh diamalkan sebagaimana layaknya manusia lain. Jika dahulu tidak begitu berkembang kerana kami hidup dalam sampan dan terpencar-pencar, tapi kami tetap saling mengenal satu sama lain. Sekarang kehidupan di darat memberi kesempatan kepada kami untuk hidup lebih baik dan berkembang. Tetapi terus terang anak-anak kami lebih tertarik dengan bahasa orang lain dan lebih menyukai budaya orang lain daripada budaya sendiri, sehingga saya pun merasa khawatir pada anak-anak sekarang khasnya bahasa kami akan hilang.

Sarpan terlihat sangat khawatir terhadap kemajuan yang dicapai oleh anak-anak Orang Laut (Duano) sekarang ini, kerana dalam kehidupan sosial sekarang ini anak-anak mereka lebih tertarik dengan budaya-budaya luar daripada budaya sendiri. Rohani (2001) mengungkapkan bahawa Orang Laut sekarang ini sudah mengalami perubahan nilai, antara lain: Pertama, sistem pemukiman yang telah menetap telah mempengaruhi Orang laut dalam mengambil keputusan yang berkaitan dengan pelbagai aspek; Kedua, sebahagian Orang Laut sudah merasa penting untuk mempercantik diri dan menggunakan pelbagai mode pakaian; Ketiga, Orang Laut boleh menerima pelbagai jenis alat rumah tangga. Huraian Rohani tersebut selari dengan pandangan Sarpan yang mengkhawatirkan perubahan yang terjadi pada Orang Laut, Orang Laut sekarang sudah

mula meninggalkan kebiasaan lama mereka, anak-anak mereka lebih suka berhias dan berdandan daripada turun menongkah bersama keluarga, anak-anak sekarang juga merasa malu jika berbahasa orang laut ditengah-tengah orang ramai, mereka pula menertawakan jika ada Orang Laut yang masih boleh menyanyikan nyanyian yang berbahasa Orang Laut (Duanu). Perubahan nilai tersebut adalah boleh dikatakan sebagai wujud penyesuaian terhadap sosiobudaya terhadap lingkungan baharu, namun mereka hanya mengambil yang mereka anggap baik atau moden bahagi mereka.

5.3.2. Budaya Luar

Orang Laut sebagai manusia yang pernah hidup dalam sampan, berpindah-pindah dan bertemu dengan pelbagai macam suku bangsa dan budaya, sama ada di laut mahupun di darat membuat mereka tidak merasa canggung menghadapi manusia-manusia lain dari kumpulan mereka. Semenjak zaman nenek moyang mereka hidup di perairan Melaka hingga di perairan Indragiri sudah pernah bertemu dengan bangsa-bangsa asing, seperti Belanda, Inggeris, Cina, Jepun dan bangsa-bangsa lain yang ada di negeri sendiri. Pandangan Orang Laut terhadap budaya luar (suku lain) yang ada di persekitaran mereka sangat terbuka. Perkara ini boleh dilihat daripada sikap dan perilaku mereka dalam pergaulan kehidupan sosial harian, bahawa Orang Laut boleh dikatakan mampu beradaptasi terhadap berbagai suku yang ada di persekitaran mereka. Misal mereka boleh berkahwin dengan suku-suku lain yang ada di persekitaran mereka, seperti yang sudah dijelaskan sebelumnya.

Hal tersebut berimpak kepada mudahnya terjadi adaptasi sosiobudaya Orang Laut, kerana mereka boleh bercampur baur dalam kehidupan sosiobudaya masyarakat yang ada di persekitaran, seperti kumpulan orang Bugis, Banjar, Melayu dan lain-lain. Orang Laut mampu berkomunikasi dengan semua suku yang ada di lingkungan mereka.

Tidak pernah terjadi konflik di dalam kehidupan bermasyarakat, biasanya jika ada anak mereka yang berkelahi, maka biasanya mereka memarahi dan memukul anak-anaknya. Demikian juga halnya dengan suku lain yang ada di persekitaran mereka. Sarah (47 tahun) mengungkapkan pandangannya tentang suku lain seperti berikut:

Manusia itu sama sahaja semuanya, baik buruk semuanya sama sahaja, Orang Laut juga ada yang jahat, juga ada yang baik. Demikian juga orang lain ada baik ada yang jahat, jadi bergantung kita sahaja. Jika kami tahu orang itu jahat, ya kami jauhi sahaja. Jika dia baik bolehlah kita tegur atau jika kita ada keperluan boleh minta bantu. Menantu saya orang suku lain, dalam kehidupan harian kelakuannya sama sahaja dengan kami, kerana dia orang Minang selalu mahu makan sambal lade (cabe merah). Kami harus belajar sama dia masak-masakan Padang.

Dari uraian Sarah (47 tahun) dapat diambil kesimpulan bahawa mereka berusaha untuk menyesuaikan diri dengan orang lain, apalagi jika terjadi perkahwinan campur dengan suku lain. Hal serupa juga yang dialami H. Selamat (68 tahun), ia memiliki 3 orang isteri, isteri pertama Orang Laut, isteri kedua dan ketiga orang Banjar. Kedua-dua isterinya yang dari suku lain dibawanya dalam lingkungan keluarganya di Desa Tanah Merah, dan sudah 34 tahun bersama isteri kedua dan 29 tahun bersama isteri ketiga. Mereka boleh berdamai, saling mengerti dan menyesuaikan diri, bahkan mereka hidup satu rumah dengan anak-anak tiri mereka. H. Selamat mengungkapkan pandangannya terhadap suku lain bahawa:

Kita ini sama sahaja. Aku tidak merasa orang asing dengan suku-suku lain, kerana aku memang sudah semenjak kecil tinggal sama mamak angkat saya orang Melayu Bugis. Saya tiga bersaudara, 2 lelaki dan satu perempuan, kerana ibu bapa saya sudah wafat maka kami tinggal sama orang tua angkat kami H. Salim dan Hj. Nuriya. Kami bergaul dengan semua orang dengan tidak memandang suku, aku juga sering ikut bekerja dengan orang Bugis dan dengan orang lain. Jadi aku merasa biasa sahaja, sekarang isteri-isteri aku orang Banjar, menantu aku juga ada orang Duano (Orang Lau), ada Minang, Jawa dan lain-lain, semuanya sama sahaja. Dalam kehidupan sehari-hari, kami saling berbagi, saling berkasih sayang samalah dengan orang lain pada umumnya. Dan kami sering berkumpul di rumah saya.

H. Selamat dapat merasakan kebersamaan bersama keluarga dan menantunya yang bukan Orang Laut, ia merasa biasa sahaja dalam pergaulan dengan berbagai suku yang ada di persekitaran mereka. Sebagaimana ia jelaskan bahawa isteri dan anak menantunya, sama ada Orang Laut mahupun bukan Orang Laut semuanya berkumpul

bersama dalam kehidupan harian tanpa merasa ada perbezaan. Dari huraian tersebut dapat diketahui bahawa sifat Orang Laut yang sangat terbuka terhadap orang luar membuat mereka mudah untuk beradaptasi. Mereka tidak menghadapi kesulitan yang bererti dalam menjalani adaptasi sosiobudaya dalam kehidupan di Desa Tanah Merah.

Idrus (58 tahun) mengungkapkan bahawa:

Semenjak saya hidup di dalam sampan, saya sudah biasa bergaul dengan orang-orang di darat. Jika kami naik ke darat untuk membeli keperluan, mereka baik kepada kami, dan kami juga tegur mereka seperti orang Bugis. Nenek moyang kami sudah lama mengenali orang Bugis, Melayu, Banjar. Kadangkala kami singgah meminta air minum. Sekarang apalagi kami sudah tinggal di darat dan berjiran dengan orang Melayu, orang Bugis, ya... seperti saudara kami. Anak-anak kami mereka ajarkan mengaji.

Dari ungkapan Idrus tersebut dapat diketahui bahawa pandangan Orang Laut terhadap suku-suku yang ada di sekitaran mereka cukup baik dan mereka menerima keberadaan orang lain di persekitaran dan merasa sudah dapat diterima dengan baik oleh masyarakat pada umumnya. Oleh itu, sangat mudah berlakunya adaptasi sosiobudaya, saling meniru dan berasimilasi, sama ada budaya disengaja mahupun tidak. Seperti boleh dilihat pada acara perkahwinan, mereka melakukan upacara-upacara yang tidak biasa dilakukan di kalangan mereka (Orang Laut), namun kerana orang di seputar lingkungan melakukan, maka mereka ikut melakukannya. Seperti memasang inai (berinai), meskipun mereka tidak melakukan upacara berinai, tetapi mereka ikut menggunakan inai sebagai tanda bahawa dia calon pengantin atau sudah pengantin. Berinai merupakan salah satu adat (budaya) orang Melayu di Indragiri Hilir khususnya atau Riau pada umumnya, iaitu memberikan inai pada jari-jari kaki dan tangan hingga telapak tangan pada calon pengantin (Tennas Efendi: 67).

Apa yang berlaku di Desa Tanjung Pasir tidak jauh berbeza dengan Desa Tanah Merah, kerana Orang Laut yang ada di Desa Tanjung Pasir berasal dari Desa Tanah Merah, mereka boleh bergaul dan berkomunikasi dengan berbagai suku. Dari beberapa orang yang ditemubual, jawapannya selari dengan pandangan Orang Laut yang ada di

Tanah Merah bahawa mereka merasa tidak berbeza dengan suku-suku yang ada di sekitar mereka. Mereka boleh menerima dan berinteraksi serta mampu berkomunikasi dengan baik kepada orang lain. Darul (64 Tahun) mengungkapkan bahawa: Kami semenjak dari dahulu bahkan dari nenek moyang kami sudah bergaul dengan suku-suku lain seperti Melayu, Bugis, Banjar dan Jawa. Jadi tidak ada masalah jika anak-anak kami berkahwin atau berkawan dengan mereka dan saya tidak mengkhawatirkan mereka.

Berbeza halnya dengan Orang Laut di Desa Sungai Laut. Mereka boleh menerima orang luar (suku lain) berteman dengan mereka, berkahwin pula bersama orang luar mereka dibolehkan, namun mereka tetap lebih merasa nyaman tinggal dan menetap dalam kumpulannya sendiri. 'Kami lebih senang tinggal dalam kumpulan kami di sini kerana dari dahulu kami memang tinggal disini bersama-sama', ungkap Isah (54 tahun). Orang Laut di Desa Sungai Laut masih tinggal dalam kumpulannya, ada yang tinggal di luar tetapi masih dalam kawasan perbatasan. Namun, mereka tetap bergaul dalam kehidupan harian dan tetap saling menyapa bagi yang mereka kenal. Pandangan mereka selari dengan pandangan Orang Laut dari desa lain bahawa mereka memandangi baik semua budaya orang yang ada di persekitaran mereka dan dapat menerimanya. Ketika ditanyakan mengapa memilih tempat tinggal di sini dalam kumpulannya sahaja, mereka menjelaskan bahawa tempat tinggal sekarang ini merupakan peninggalan nenek moyang mereka, sejak dahulu orang tua mereka sudah tinggal di kawasan ini, makanya mereka tetap tinggal di kawasan ini sahaja. Jika keluar dari kawasan ini mereka harus membeli lagi, bayar pajak dan sebagainya, makanya mereka tidak mahu pindah dari tempat yang sudah mereka duduki semenjak nenek moyang mereka. Mereka juga menganggap bahawa lingkungan sekarang sudah mereka kenali, sehingga mereka merasa senang tinggal di dalam kawasan tersebut. Alasan lain yang dikemukakan adalah

mereka merasa aman dengan orang yang sudah mereka kenali dan mengetahui asal usul mereka.

5.3.3. Budaya Sendiri

Ketika ditanyakan soalan budaya atau nilai dan norma yang mereka amalkan dalam kehidupan di darat sekarang, Orang Laut tidak merasakan sesuatu yang berat, atau pun sesuatu yang berbeza dalam kehidupan mereka, kerana mereka merasa sebagai “orang asli”, maksudnya mereka merasa juga sebagai “orang Melayu”, sehingga amalan-amalan dalam kehidupan sosial sama sepertimana diamalkan oleh orang Melayu pada umumnya. Sarpan (42 tahun) mengungkapkan bahawa:

Kami Orang Duanu atau “orang asli”, bahawa ertinya kami ini pula termasuk rumpun orang Melayu atau proto Melayu dan memiliki budaya Melayu. Makanya kami tidak mahu disebut Orang Laut kerana kami berbeza dengan Orang Laut yang ada di Riau Kepulauan, mereka masih ada yang berfahaman animisme dan tidak beragama Islam, bahkan mereka ada yang tidak jelas agamanya, mereka memakan makanan yang haram seperti babi, anjing dan lain-lain. Kalau kami di sini (Orang Laut di Kuala Enok atau Indragiri Hilir pada umumnya), semua jelas beragama Islam, makanya kami menyebut diri kami Orang Duanu. Kami memiliki budaya sendiri dan Melayu dalam pengertian umum, samalah dengan orang Minang, Bugis atau Jawa. Adaptasi yang berlaku merupakan suatu keharusan bahawa sebagai manusia pastilah mengalami perubahan dan manusia memiliki keinginan-keinginan untuk maju dan berjaya. Orang kami baharu mengalami masa ini, khususnya nenek-nenek kami. Kerana kalau kami tentu tidak merasakan bagaimana hidup di dalam sampan, kerana kami sudah lahir dan besar di darat.

Sarpan menjelaskan secara tegas bahawa proses adaptasi yang dialami keluarga atau orang tua mereka adalah sesuatu yang manusiawi, kerana sebagai manusia tentu mereka juga ingin maju dan berjaya. Sarpan juga membezakan dirinya (sebagai Orang Laut yang ada di Kuala Enok dan Indragiri Hilir pada umumnya) dengan Orang Laut yang ada di Kepulauan Riau. Orang Laut yang ada di Kuala Enok khususnya dan di Indragiri Hilir Riau pada umumnya adalah Orang Duanu, kerana mereka semuanya beragama Islam. Sarpan pula tidak mengingkari tentang keyakinan lama daripada nenek moyang mereka tentang hantu polong, hantu kuntilanak dan sebagainya. Namun, sekarang ini hanya menjadi cerita sahaja, dan untuk menakuti anak-anak gadis mereka agar tidak

keluar rumah waktu shalat maghrib dan jangan keluyuran di malam hari. Demikian juga dengan percaya kepada Bomoh, sekarang ini sudah boleh dikatakan bahawa tidak ada lagi Bomoh, anak-anak sekarang (Orang Laut sekarang) sudah tidak mengenal Bomoh atau dukun. Jika ada yang sakit mereka langsung berobat ke doktor, bidan atau tenaga kesihatan. Bomoh menurut mereka hanya cerita sahaja. Hal ini juga menunjukkan bahawa Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah lebih banyak memahami keyakinan Islam daripada kepercayaan nenek moyang mereka. Dukun atau orang pintar yang biasa mereka datangi sekarang adalah bidan kampung sahaja, sekaligus mengobati anak-anak mereka yang demam mungkin disebabkan keteguran dan sebagainya. Jika anak mereka demamnya berterusan, biasanya bidan kampung menyarankan agar dibawa ke doktor atau Mentari kesihatan di kampung atau langsung ke Pusat Kesehatan Masyarakat (Puskesmas). Pada dasarnya mereka tidak menggunakan istilah Bomoh kepada dukun beranak atau dukun kampung.

Ada beberapa pandangan yang menjadi kebanggaan Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah saat ini terhadap kebudayaan serta amalan-amalan asal yang masih dipertahankan iaitu:

- a. Bahasa, Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah masih mempunyai bahasa sendiri yang mereka gunakan dalam percakapan harian dalam komunikasi sesama mereka, khususnya dalam keluarga. Walaupun sebahagian orang tua-tua mengkhawatirkan bahasa Orang Laut ini akan hilang kerana anak-anak mereka kebanyakan sudah tidak menggunakannya dalam percakapan harian, namun sebahagian lagi masih meyakini tetap bertahan kerana masih ada orang tua yang masih menggunakan bahasa tersebut, seperti diungkapkan Junaidi (55 tahun) bahawa: “jika orang tua mereka terus menggunakan bahasa ini pasti bahasa ini tidak akan hilang, kerana kami hanya membiasakan bahasa kami

dalam keluarga sehingga anak-anak kami pandai juga bahasa kami. Anak-anak sering dengar, dia akan faham sendiri” (temubual, Junaidi: 14 Juni 2013).

- b. Menongkah, salah satu budaya yang masih mereka pertahankan sebagai salah satu mata pencarian dalam memenuhi keperluan hidup sekaligus menjadi kebanggaan Orang Laut, kerana merupakan salah satu kemahiran khas mereka. Pada masa sekarang di Indragiri Hilir ada tari menongkah untuk menghargai budaya Orang Laut. Hal ini juga dibanggakan oleh pihak kerajaan (pemerintah) kerana menongkah boleh dikatakan sebagai salah satu kegiatan yang bersifat ”kearifan lokal” sebab kegiatan menongkah dipertahankan demi menjaga keselamatan lingkungan, tidak ada satu orang pun dari masyarakat yang boleh mengambil kerang dengan jalan menggunakan alat-alat yang boleh merosakkan alam sekitar, khasnya pantai lumpur tempat mereka mengambil kerang.
- c. *Duanu ha*, suatu “pembuka kata” sebagai pengenalan jika berjumpa sesama mereka di mana sahaja. Untuk memastikan apakah Orang Laut atau bukan, tradisi ini masih dipelihara dan digunakan dalam situasi apa sahaja.

Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah menyedari bahawa kebudayaan yang mereka amalkan tidak lagi murni sebagai budaya mereka sendiri, kerana sudah terjadinya interaksi dengan berbagai suku bangsa yang amat memungkinkan berlakunya adaptasi sosiobudaya dalam kehidupan mereka. Etinya, pada masa sekarang Orang Laut sudah maju, anak-anak mereka sudah banyak yang menuntut ilmu dan sudah ada yang sarjana. Oleh itu, banyak di kalangan mereka memandang bahawa budaya nenek moyang mereka sudah tidak sesuai lagi dengan zaman dan harus ditinggalkan. Kehidupan di darat menurut mereka merupakan suatu kesedaran yang tinggi dan kemajuan yang mereka alami kerana sudah memahami pentingnya kehidupan yang layak dan sempurna sebagai manusia. Mereka sedar bahawa tidak mungkin terus hidup

di dalam sampan, kerana perlu mengembangkan diri, keinginan untuk mencapai kehidupan yang lebih baik, begitu pula agama dan kepercayaan yang selama ini mereka yakini perlu memperlihatkan jati diri, “bila kami terus tinggal di laut belum tentu seperti sekarang ini, dapat menyempurnakan rukun Islam kami yakini” ujar H. Naro (68 Tahun).

5.4. Rumusan

Dengan berjayanya Orang Laut menjalani proses adaptasi sosiobudaya dalam kehidupan, menimbulkan semangat dan kebahagiaan dalam diri mereka, serta rasa syukur sehingga mereka boleh hidup sepertimana layaknya manusia yang lain. Mereka boleh menikmati dan mengembangkan potensi yang ada pada diri mereka dan komunitinya berbanding daripada kehidupan masa lalu yang hidup terpulau dan penuh dengan kekhuwairan dengan berbagai ancaman yang mereka rasakan di mana orang lain tidak dapat merasakan hal itu.

Sejak dahulu, nenek moyang mereka hidup terpulau dalam pengembaraan di laut mahupun selat, namun mereka tetap mempunyai jiwa yang terbuka. Ertinya, mereka tetap mampu berkomunikasi dengan orang luar, sama ada bangsa-bangsa penjajah, seperti orang Belanda, Inggeris mahupun Jepun dan juga dengan suku-suku bangsa yang ada di Indonesia seperti orang Bugis, Melayu, Banjar, Minang dan lain-lain yang mereka jumpai. Sifat keterbukaan ini pula membuat mereka boleh beradaptasi seperti yang terjadi sekarang ini. Orang Laut hingga sekarang masih boleh berbangga dengan budayanya sendiri, kerana budayanya sekarang ini telah diakui oleh kerajaan sebagai budaya Orang Laut (Duanu), seperti menongkah. Banyak faktor yang mendorong Orang Laut mengalami adaptasi sosiobudaya di Kecamatan Tanah Merah, antara lain: kerana kemahuan Orang Laut yang mahu berubah, kemajuan ekonomi yang mereka alami,

pengakuan terhadap agama Islam sebagai agama yang mereka anut, perkahwinan campur, dukungan dari kerajaan dan masyarakat pada umumnya, kemajuan teknologi juga turut mendorong adaptasi yang berlaku dalam kehidupan mereka. Kemudian pula dengan situasi dan kondisi yang wujud dalam lingkungan tempat tinggal Orang Laut dan lingkungan sosial juga sangat mempengaruhi adaptasi sosiobudaya Orang Laut samada di Desa Tanah Merah, Tanjung Pasir mahupun di Desa Sungai Laut.

University of Malaya

BAB VI

KESIMPULAN

6.1. Pengenalan

Perbincangan-perbincangan dalam bab terdahulu sudah menyatakan rumusan-rumusan mengenai penemuan-penemuan empiri kajian ini. Bersama itu pula bahawa percubaan untuk mentafsir atau menghuraikan pelbagai fenomena yang dijumpai di lapangan, khususnya mengenai perkaitan di antara pelbagai angkubah, telah dibuat di beberapa tempat. Jadi untuk menutup perbincangan ini, maka akan dipadukan pula pelbagai rumusan dan tafsiran itu untuk merumuskan satu keseluruhan yang lebih teratur. Perkara ini dilakukan untuk melihat kedudukan hipotesis kerja (sementara) kajian ini, sama ada bersesuaian dengan realiti atau sebaliknya.

6.2. Penemuan-penemuan Utama Dari Kajian

Pada hakekatnya manusia manapun di dunia, sama ada manusia moden mahupun terpulau, primitif dan tertinggal mestilah mengalami penyesuaian diri (adaptasi) terhadap persekitarannya, sama ada lingkungan fizikal mahupun sosiobudaya. Sifat itu pula berkait dengan hakikat manusia yang selalu dinamik dan berupaya untuk bertahan hidup dan kerana itu ia berjuang dan mempertahankan kehidupannya, hal tersebut selari dengan ungkapan Steward (1955: 38) yang menyatakan bahawa sifat adaptasi suatu komuniti tidak dapat dihindarkan dari kebudayaan dan proses adaptasi boleh berlaku di dalam struktur masyarakat manapun.

Penemuan utama kajian ini menunjukkan bahawa telah terjadi adaptasi sosiobudaya dalam kehidupan Orang Laut, iaitu daripada kehidupan dalam sampan dan

mengembara di laut kepada kehidupan menetap di darat, mereka beradaptasi dalam pelbagai aspek kehidupan antara lain;

- i. Agama (Islam). Selama ini Orang Laut mengaku beragama Islam semenjak mereka hidup dalam sampan, namun hanya sebatas pengakuan sahaja. Dalam praktik dan pengamalan syari'at Islam masih sangat jauh dari sebenarnya. Namun, setelah menetap di darat Orang Laut mengalami proses penyesuaian (adaptasi) dan sekarang telah menunjukkan keislaman yang sebenarnya, punca dari itu sudah ramai Orang Laut yang menunaikan ibadah haji. Pengakuan terhadap Islam juga memberi kesan terhadap kehidupan sosial yang lain, iaitu penerimaan masyarakat terhadap kehadiran dan kehidupan bersama dengan Orang Laut yang selanjutnya terjalin hubungan persaudaraan dan kekeluargaan melalui “perkahwinan campur”. Perkahwinan campur merupakan salah satu strategi adaptasi, baik disengaja atau tidak namun sangat mempengaruhi adaptasi sosiobudaya yang lebih luas dalam kehidupan sosial Orang Laut, mereka boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam kehidupan sosial kemasyarakatan.
- ii. Orang Laut telah beradaptasi dalam bidang ekonomi. Hal ini terbukti banyaknya bentuk upaya ekonomi Orang Laut dalam memenuhi kebutuhan hidup mereka, Orang Laut mengalami proses dan strategi adaptasi yang menarik untuk bertahan hidup (*surviva*), mereka tidak hanya sebagai nelayan, menongkah dan merawai sahaja, mereka melakukan pelbagai jenis pekerjaan. Mereka menciptakan lapangan pekerjaan baharu yang sesuai dengan kemampuan mereka, seperti menjadi tukang membuat rumah kayu, berniaga, membuka kedai runcit, dan melakukan budidaya udang nenek, Orang Laut di Desa Tanjung Pasir bahkan mengadakan budidaya (nursery) bakau dengan mengajak Orang Laut yang lain. Ada yang menjadi agen minyak tanah, bensin dan gas, mereka juga

terlibat dalam pelbagai organisasi bidang ekonomi, seperti koperasi, dan kumpulan-kumpulan Usaha Peningkatan Pendapatan Keluarga (UP2K), bahkan sebagai pebisnis, seperti H. Selamat yang mempunyai beberapa buah bod laju khusus untuk penumpang dari bandar Tembilahan ke bandar kecamatan Tanah Merah, Reteh, Kuala Gaung dan sebagainya. Pada masa kini upaya Orang Laut dalam bidang ekonomi sudah sama dengan masyarakat lain. Mereka juga sudah ada yang bekerja di kantor kerajaan, menjadi guru. Kaum perempuan pun sudah memiliki pekerjaan yang bermacam-macam, seperti menjadi tukang jahit pakaian, bekerja di kantor camat Tanah Merah dan lain-lain. Semua itu menunjukkan adanya adaptasi dibidang ekonomi.

- iii. Orang Laut juga berhasil beradaptasi dalam bidang kepemimpinan (politik). Ada dua bentuk adaptasi yang wujud dalam kehidupan Orang Laut dalam bidang ini; pertama, mereka masa kini tidak lagi bergantung kepada pemimpin tradisional, sebelum tahun 2000-an mereka masih memiliki pemimpin tradisional, dan segala urusan yang berkaitan dengan polisi kerajaan, ketika akan membuat kartu identiti diri (KTP) maka yang mengurus mereka adalah pemimpin tradisional, sementara masa kini sudah sangat berbeda, kerana mereka sudah boleh mengurus sendiri segala hal yang berkaitan dengan polisi kerajaan, seperti membuat kartu identiti, membayar cukai rumah dan lain-lain; kedua, keterlibatan mereka dalam aspek 'politik', khususnya dalam politik peraktis. Orang Laut tidak hanya jadi penonton dalam pilihan raya masyarakat (Pemilihan Umum atau Pemilu). Akan tetapi masa kini khususnya generasi muda mereka sudah banyak yang terlibat dalam parti politik dan bahkan ikut mencalonkan diri dalam pemilihan raya (pemilihan anggota DPR) tingkat Kabupaten Indragiri Hilir (INHIL). Untuk pemilihan raya perode 2014-2019 satu orang berhasil mendapatkan suara sehingga Berjaya menduduki kerosi Dewan Perwakilan

Rakyat (DPR) dari parti 'Demokrasi'. Sebelumnya tidak ada Orang Laut yang berhasil mendapatkan kerusi. Mereka dalam pelbagai parti, seperti Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan (PDIP), ada juga yang di parti Golongan Karya (GOLKAR) dan lain-lainnya. Mereka boleh masuk dimana-mana sahaja parti yang boleh menerima mereka. Sebelum tahun 2000-an mereka hanya masuk dalam parti PDIP.

- iv. Orang Laut telah mengalami penyesuaian atau adaptasi dalam bidang keluarga, masa kini kehidupan keluarga Orang Laut sudah mengikuti budaya melayu dan moden. Hal ini dapat dilihat ketika mereka akan melakukan perkahwinan, maka mereka mengadakan melamar (nyeбет), bertunangan (bertunang), menghantar belanja (ntet belanja), nikah (berkahwin), dan bersanding (besandeng). Pada masa mereka hidup dalam sampan mereka tidak menggunakan istilah tersebut, jika mereka akan berkahwin langsung saja membawa anak mereka dan calon pasangannya ke penghulu atau Pegawai Pendaftaran dan Pencatatan Nikah Talak dan Cerai (P3NTR), dan tidak ada kenduri walimah dan lain-lain. Mereka juga sudah berminat untuk membawa anak-anak mereka ke sekolah untuk mengikuti pendidikan. Mereka pula sudah boleh berkahwin dengan orang lain, dikenali dengan istilah 'perkahwinan campur'. Perkahwinan campur pula telah memberi kesan ke atas kehidupan sosiobudaya dan petempatan. Dengan perkahwinan campur membuat Orang Laut mahu keluar dari kumpulan mereka dan tinggal di lingkungan orang lain. menjadi pemangkin perubahan dan adaptasi dalam keluarga mereka;
- v. Adaptasi dalam hal nilai, norma dan tradisi dapat dikatakan telah terjadi adaptasi yang sebenarnya, sebagaimana dapat diketahui dari peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan Orang Laut. Misalnya peristiwa kelahiran, mereka juga mengenal istilah mencuci lantai, aqiqah dan khatan. Demikian juga dalam

upacara kematian, Orang Laut jika meninggal maka dikuburkan sesuai dengan tradisi Islam. Nilai, norma dan tradisi boleh dikatakan bahawa Orang Laut di kecamatan Tanah Merah lebih cenderung kepada nilai-nilai dan norma-norma Islam hal ini terkait dengan pengakuan mereka sebagai orang Islam. Tradisi yang masih dipertahankan daripada tradisi lama adalah tradisi menongkah, masa kini kerajaan Indragiri Hilir sering memperkenalkan tradisi menongkah dengan melakukan pertandingan menongkah.

- vi. Bahasa adalah alat untuk berkomunikasi, oleh itu, Orang Laut mempunyai bahasa khusus yang dikenali dengan bahasa Orang Laut atau bahasa Duanu. dikalangan orang tua-tua Orang Laut merasa bangga dengan bahasa mereka. Bahasa Duanu masa kini hanya boleh di dengar di kalangan orang tua-tua, sedangkan dikalangan anak muda hampir tidak didengar, kerana anak-anak muda mereka masa kini malu untuk berbahasa Duanu atau Orang Laut. Namun orang tua-tua mereka tetap memakai bahasa Duanu dalam berkomunikasi dengan anak-anak mereka walaupun anak-anak mereka menjawabnya dengan bahasa Melayu. Mereka menginginkan agar bahasa Orang Laut atau Duanu dapat dipertahankan, mereka sangat khawatir bahasa Orang Laut lenyap.

Kajian ini juga mendapati pola adaptasi Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, iaitu ada tiga bentuk pola adaptasi Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah; Pertama, adalah pola adaptasi yang stabil, iaitu pola adaptasi masyarakat Orang Laut di Desa Tanah Merah. Dimana mereka mengikuti pola-pola yang wujud di tengah-tengah masyarakat, sama ada dalam aktiviti sosiobudaya, ekonomi (mata pencarian) mahupun agama, mereka hidup dengan tenang dan mereka tidak terlalu menonjol dan tidak pula tertinggal atau terkebelakang. Sehingga mereka mampu mencapai taraf hidup yang

tinggi dan tidak ada yang terlalu miskin, boleh dikatakan sama ada dengan masyarakat lain; Kedua, adalah adaptasi agresif. Iaitu pola adaptasi yang didapati pada Orang Laut di Desa Tanjung Pasir. Pada awalnya mengikuti pola Orang Laut di Desa Tanah Merah, namun kemudian mereka mengembangkan pola sendiri di mana mereka mengembangkan pola-pola baharu dalam pelbagai aspek, khasnya aspek sosiobudaya dan aspek ekonomi mereka jauh lebih maju daripada masyarakat Orang Laut di Desa Tanah Merah. Demikian pula dalam kegiatan organisasi sosial mahupun kehidupan sosial, mereka berperanan aktif tidak hanya sebagai anggota dalam perkumpulan melainkan menjadi ketua dalam pelbagai aktiviti organisasi; Ketiga, adalah pola adaptasi lamban. Iaitu pola adaptasi yang ada pada masyarakat Orang Laut di Desa Sungai Laut. Mereka boleh dikata bahawa telah beradaptasi dalam pelbagai aspek, seperti tempat tinggal, ekonomi, aspek budaya, namun adaptasi mereka masih sangat lamban dan seperti berjalan di tempat. Dalam aspek organisasi ekonomi mereka sudah beradaptasi seperti ikut dalam kumpulan-kumpulan menongkah, koperasi dan sudah menggunakan peralatan yang moden namun dalam pertumbuhan ekonomi dan kehidupan sosial mereka tidak menunjukkan adanya kemajuan yang sesungguhnya. Rumah-rumah mereka purata pada tahap awal dan tahap pertengahan sahaja.

Ada beberapa faktor umum yang mendorong berlakunya adaptasi Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, iaitu: Faktor kemahuan yang kuat dari diri mereka, faktor pengakuan terhadap Islam, perkahwinan campur, dukungan dari masyarakat, dukungan dari kerajaan, kemajuan teknologi, dan pendidikan.

Di samping itu, ada faktor khas yang mendorong berlakunya adaptasi dan pola adaptasi yang berbeda dalam masyarakat Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, perbezaan tersebut adalah kerana perbezaan pertumbuhan dan perkembangan dalam

masyarakat di kampung. Kehidupan sosiobudaya dan ekonomi Orang Laut di desa Tanah Merah stabil, maka adaptasi dan pola yang tumbuh juga stabil, ertinya tidak ada yang menonjol sebab mereka boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam kehidupan sosial masyarakat secara umum. Sedangkan di desa Tanjung Pasir masyarakatnya boleh agresif dan tumbuh berkembang dengan baik kerana mereka tidak merasa hanya duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi, tetapi mereka mempunyai kekuatan dari dalam kumpulan kerana adanya orang nomor satu di kampung tersebut dari kalangan mereka, iaitu adanya pepejabat kerajaan dari kalangan mereka sendiri walaupun pemimpin tradisional mereka tidak ada, namun mereka boleh dekat dengan pihak kerajaan, faktor ini telah mempengaruhi spirit mereka untuk beradaptasi dan bangkit dari situasi mereka yang lama. Sehingga adaptasi mereka lebih nyata dan menunjukkan kemajuan. Sedangkan di Desa Sungai Laut, bagi masyarakat Sungai Laut tidak ada yang boleh mereka banggakan, kerana mereka tidak mempunyai orang yang boleh diteladani dalam kumpulan mereka, dari aspek ekonomi pula mereka masih tergolong miskin, perilaku ekonomi yang mereka usahakan hanya sekadar untuk mencukupi keperluan asas mereka sahaja. Oleh itu peneliti sebut sebagai adaptasi yang bersifat lamban.

6.3. Implikasi Penemuan ke atas Teori

Berdasarkan penjelasan daripada bab-bab terdahulu, khasnya yang terkait dengan adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah menunjukkan bahawa telah terjadi adaptasi secara umum yang diamati melalui proses dan strategi yang dilakukan Orang Laut, terbukti dengan tidak adanya lagi Orang Laut yang hidup di dalam sampan dan mengembara di laut sekitar kawasan Kabupaten Idragiri Hilir. Orang Laut semua telah naik ke darat dan mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran dengan membina rumah, menyesuaikan diri dengan pelbagai mata pencarian (ekonomi),

kehidupan sosial, agama (kepercayaan) dan politik. Hal tersebut selari dengan pandangan teori adaptasi yang dihuraikan secara umum, bahawa adaptasi adalah suatu bentuk penyesuaian umum yang dilakukan oleh manusia terhadap alam sekitar atau terjadinya proses pengaruh timbal balik dari satu populasi sebagai akibat adanya interaksi dengan persekitarannya. Steward (1955: 67), Rappaport (1971: 24), Alland (1973: 6), Bennett (1976: 50), Hardesty (1977: 22), Soekanto (1984: 10) dan Abdoellah (1990: 2), (Hutcheon,2013).

Kajian adaptasi sosiobudaya Orang Laut khususnya yang tumbuh dan berkembang di Desa Tanjung pasir dan Desa Tanah Merah mengukuhkan dapatan kajian Vadya dan Rappaport, Hardesty dan Bennett yang menghuraikan bahawa adaptasi adalah pengambilan ruang dalam perubahan, dimana perubahan wujud di dalam perilaku budaya, teknologi, organisasi dan ideologi. Hutcheon (2013) memperjelas lagi bahawa adaptasi berlaku kerana banyak motif sehingga adaptasi boleh terjadi dalam banyak bentuk. Vadya dan Rappaport menjelaskan bahawa ada dua aspek adaptasi yang harus menjadi perhatian dalam mengamati kehidupan sosial, iaitu mengamati perilaku individual yang unik dalam menghadapi isu-isu alam yang di sebut sebagai “*idiosyncratic*”, dan kedua adalah mengamati adaptasi budaya yang bersifat dipolakan. Kelincahan Orang Laut di Desa Tanjung Pasir yang menciptakan lapangan pekerjaan atau pelbagai mata pencarian (ekonomi) boleh dianggap sebagai “*idiosyncratic*” atau perilaku unik dalam upaya mempertahankan kehidupan, Orang Laut desa Tanjung Pasir memperlihatkan kebolehannya dalam menyesuaikan diri terhadap persekitaran, mereka tidak bertahan hanya sebagai nelayan tetapi mereka betul-betul mengembangkan diri mereka dalam pelbagai aktiviti dalam beradaptasi.

Adaptasi yang berlaku pada masyarakat Orang Laut sebenarnya pula telah berlaku perubahan dan perubahan kebudayaan, dengan menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat di persekitaran mereka yang baharu sehingga berlaku perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka seperti, aspek tempat tinggal, kegiatan ekonomi dan sebagainya. Hal ini sesuai dengan pendapat Parsudi Suparlan (2004) yang menyatakan bahawa masyarakat dengan sendirinya mempunyai kebudayaan sendiri-sendiri sesuai dengan keadaan lingkungan hidup tempat mereka bermukim dan tempat tinggal. Selari pula dengan pendapat Budhi Santoso (1995) yang menyatakan bahawa, setiap kebudayaan dengan semua sistemnya sentiasa akan mengalami perubahan kerana tidak ada kebudayaan yang tetap (statis). Walaupun masyarakat sentiasa memelihara dan mempertahankan kebudayaan masing-masing secara utuh, namun tidaklah berarti bahawa ia boleh mempertahankan kebudayaan itu tanpa adanya suatu perubahan.

Kedua, adalah adaptasi budaya yang bersifat dipolakan. Hal tersebut tercermin dalam pola perilaku Orang Laut di Desa Tanjung Pasir dalam melakukan adaptasi sosiobudaya yang bersifat dipolakan tersebut, bahawa mereka telah mengikuti pola budaya yang wujud ditengah-tengah masyarakat, namun mereka tidak sekedar mengikuti pola itu, tetapi mereka terlibat langsung atau dalam teori dikatakan bahawa terjadi perubahan peranan dan mengendalikan aktiviti budaya tersebut, misalnya kegiatan keagamaan, pengajian, kegiatan sosial PKK, Posyandu dan LKMD, mereka menjadi agen minyak, gas dan sebagainya dalam berniaga. Mereka menjadi pemimpin atau orang yang terlibat dalam pengambilan keputusan (seperti yang dibahas dalam bab IV). Sehingga mereka boleh menguasai pelbagai bidang kehidupan di persekitaran mereka (mereka eksis) atau dalam teori juga dikatakan sebagai adaptasi aktif. Boleh juga dikatakan bahawa adaptasi yang berlaku di Desa Tanah Merah dan Tanjung Pasir sesuai dengan ungkapan Bennett yang menyarankan agar manusia sebagai pelaku perlu

menentukan suatu tujuan yang lebih matang dalam menghadapi persekitaran yang akan atau sedang dihadapinya dan manusia perlu beradaptasi dengan melakukan pilihan dengan cara melihat, mengingat dan mempertimbangkan risiko dari persekitaran yang dihadapi.

Namun dalam mengkaji adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Desa Sungai Laut tidak cukup hanya menggunakan teori adaptasi, kerana Orang Laut di desa Sungai Laut mempunyai persekitaran yang berbeza dengan Orang Laut di Desa Tanah Merah dan Tanjung Pasir, demikian pula dalam pertumbuhan dan perkembangan sosiobudaya dalam masyarakat. Orang Laut di Desa Sungai Laut kehidupan ekonomi mereka purata hidup dalam kemiskinan, demikian pula dalam aktiviti kehidupan beragama mereka pula tidak terlihat berperanan aktif. Adaptasi yang berlaku bagi Orang Laut di Desa Sungai Laut seolah-olah tidak berkembang (stagnan), mereka hidup dalam kumpulannya sahaja, mereka hidup dalam keadaan miskin, rumah-rumah mereka pula masih dalam proses awal dan proses pertengahan (seperti yang sudah di bahas dalam bab IV). Oleh itu kajian ini menggunakan analisa teori perubahan dimana kajian ini selari dengan pendapat Moore (1967), yang menghuraikan bahawa setiap masyarakat akan mengalami perubahan, sekalipun terhadap masyarakat asli atau terpulau. Perubahan tersebut cepat atau lambat, hal tersebut didorong oleh faktor kemajuan teknologi, komunikasi dan transportasi yang sangat cepat.

Orang Laut Desa Sungai Laut kini sedang mengalami perubahan, namun perubahan tersebut tidak sama dengan Orang Laut di dua desa tersebut, perubahan yang mereka alami sangat lambat, proses perubahan tersebut kerana adanya kemajuan teknologi dan komunikasi dipersekitaran mereka sehingga mempengaruhi pola prilaku budaya, seperti, anak-anak mereka menonton televisyen dengan mengambil nilai-nilai

yang mereka anggap baik untuk mereka. Kehidupan rumah tangga yang tidak lagi menjunjung tinggi nilai-nilai yang mereka punyai seperti nilai hormat terhadap orang tua dan orang tua-tua dalam lingkungan komuniti mereka, namun keadaan ini tidak lama kerana orang tua mereka tidak segan memukul anak mereka jika mereka anggap menyalahi kebiasaan mereka. Kemudian juga terjadinya perubahan dalam kepemimpinan tradisional, yang merupakan perubahan salah satu institusi atau lembaga dalam kehidupan komuniti Orang Laut yang menimbulkan hilangnya tokoh orang yang mereka hormati dan panuti dalam komuniti mereka. Sehingga situasi sekarang ini boleh dikatakan bahawa sedang terjadi kekacauan ideasional, organisasi mahupun budaya dalam kehidupan Orang Laut di Desa Sungai Laut. Moore (1976), situasi tersebut dikatakan sebagai perubahan semasa (*contemporary change*), situasi yang menunjukkan tidak berkembang mereka hadapi sekarang ini bersifat sementara dan suatu masa nanti akan terjadi situasi yang normal yang dia sebut sebagai situasi "*normality of change*". Apabila keadaan sudah normal kembali peluang untuk pertumbuhan adaptasi terhadap persekitaran akan terjadi lagi dalam kehidupan masyarakat Orang Laut di desa Sungai Laut.

Adaptasi mahupun perubahan yang terjadi dalam kehidupan masyarakat terpulau, orang asli atau Komuniti Adat Terpencil (KAT) sebenarnya adalah sesuatu yang sangat diharapkan dan memang diperlukan oleh Orang Laut mahupun kita semua. Namun adaptasi mahupun perubahan yang terjadi dalam kehidupan Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah secara keseluruhan telah memberi impak negatif kehidupan komuniti Orang Laut, kerana proses dan strategi yang mereka lakukan telah mengeneipkan kewujudan kepemimpinan tradisional yang pernah wujud dalam kehidupan Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah. Kepemimpinan Tradisional pada hakikatnya sangat mereka perlukan dalam mengawal dan memelihara kelangsungan

institusi sosiobudaya khasnya lagi pengetahuan yang mereka miliki secara turun-temurun seperti pengetahuan tentang air, cuaca, musim ikan dan udang dengan melihat bulan atau perjalanan bulan, angin dan sebagainya yang disebut sebagai pengetahuan asli atau "*indigenous knowledge*".

6.4. Implikasi Penemuan ke atas Kerajaan

Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, yang tergolong dalam kumpulan masyarakat Komuniti Adat Terpencil (KAT) mempunyai semangat tinggi untuk maju dan berjaya. Hal ini mereka tunjukkan dari mula kajian bahawa mereka dengan bersemangat penuh membina rumah di mana mereka inginkan. Ketika mereka merasa kurang selesa (tidak nyaman) dengan keadaan lingkungan atau persekitaran, mereka tidak segan untuk meninggalkan rumah yang sudah mereka bina, bahkan mereka membina lagi di tempat yang baharu hingga mereka merasa selesa dan aman serta sesuai dengan keinginan mereka. Hal ini mereka lakukan kerana pada masa itu belum berlaku cukai, pajak dan peraturan-peraturan tentang pertanahan, kependudukan dan pelbagai macam pelesenan daripada kerajaan.

Selepas tahun 1980-an mula berlaku semua aturan dari kerajaan terhadap mereka, seperti kewajipan mempunyai kartu identitas diri (KTP), surat kepemilikan rumah, surat motor air seperti pompong dan *speedboat*. Dan setelah tahun itu pula kerajaan melalui Kementerian Sosial mula memberikan perhatian kepada masyarakat Komuniti Adat Terpencil (KAT), untuk Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah mendapat projek PKSMT (Pembinaan Kesejahteraan Masyarakat Terasing). Dalam pembinaan tersebut Orang Laut mendapatkan relokasi perumahan untuk 40 ketua keluarga pada tahun 1985, rumah tersebut dibangun di kawasan Desa Tanjung Pasir dekat perumahan Sungai Rumah, iaitu perkampungan yang dibangun secara saradiri oleh Orang Laut.

Kajian ini mendapati bahawa tidak maksimalnya dan meratanya bantuan pemerintah atas kehidupan masyarakat Orang Laut atau Komuniti Adat Terpencil (KAT) di Kecamatan Tanah Merah, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau. Hal tersebut berimpak terhadap maksimal atau tidaknya adaptasi Orang Laut. Sekarang ini Orang Laut hanya mendapatkan bantuan dari kerajaan kerana mereka masuk dalam organisasi sosial yang digerakkan oleh kerajaan di tingkat desa, sehingga mereka boleh mendapatkan pinjaman wang dari PNPM Mandiri. Program ini juga boleh dinilai bahawa kerajaan (dari program tersebut) menganggap bahawa Orang Laut sama ada dengan orang miskin, jadi bukan lagi digolongkan kepada masyarakat tertinggal atau terasing.

Demikian pula dengan program-program pemerintah yang lain, Orang Laut boleh mendapatkan bantuan ataupun pinjaman melalui organisasi sosial yang ada di kampung di mana mereka tinggal, seperti Koperasi Unit Desa (KUD), Usaha Peningkatan Pendapatan Keluarga (UP2K) dari Pemberdayaan Kesejahteraan Keluarga (PKK) Kampung. Program tersebut memang bukan dikhususkan untuk masyarakat “suku asli” tetapi untuk awam, sehingga Orang Laut yang boleh mendapatkan pinjaman adalah mereka yang terlibat dalam organisasi sosial sahaja. Hal tersebut sebenarnya juga telah merumitkan Orang Laut untuk mendapatkan bantuan sebab mereka harus bersaing dengan masyarakat lain, oleh sebab itu sebaiknya pemerintah membuatkan program tersendiri untuk bantuan peningkatan ekonomi bagi Orang Laut.

Peranan kerajaan sangat dipentingkan dalam mengawal adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, khasnya dalam mengaktifkan kembali kewujudan kepemimpinan tradisional yang pernah wujud di tengah-tengah kehidupan masyarakat suku asli (Orang Laut), kerana dengan wujudnya kepemimpinan tradisionl

diharapkan akan terkawal budaya khas iaitu pengetahuan asli (*indigenous knowledge*) yang wujud dalam budaya Orang Laut dan sekaligus yang menjadi kebanggaan kerajaan dan masyarakat Kecamatan Tanah Merah, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

- Adrian B Lopian (2009). *Orang Laut Bajak Laut Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX*. Jakarta. Komunitas Bambu.
- Alland. Jr. & Bonnie McCay. (1973). *The Concept of Adaptation In Biological and Culture Evolution*. Chapel Hill : University of North Carolina.
- Alland. Jr. (1975). *Adaptation : Annual Review of Anthropology*. California : Sage Publication Inc.
- Anderson, James. (1973). *Ecological Anthropological Ecology : John J. Harigmann (ed). Handbook of Social and Cultural Anthropology Chapel Hill : University of North Carolina*.
- Anton M. Moeliono, Cs. (1988). *Kamus Bahasa Indonesia*. Jakarta. Balai Pustaka.
- Atik Rahmawati. (2011). *Pelaksanaan Program Pemberdayaan Komunitas Adat Terpencil (PKAT): Studi pada Komunitas Suku Laut di Pulau Batam (Kota Batam)*. Tesis Master. [http://lontar.ui.ac.id/opac/themes/green/detail2.jsp?Id=20233694 & lokasi = lokal](http://lontar.ui.ac.id/opac/themes/green/detail2.jsp?Id=20233694&lokasi=lokal). Didownload tanggal 10 Maret 2012.
- Baron A. Roberta dan Donn Byrne. (2004). *Psikologi Sosial* (Alih bahasa; Ratna Djuwita, et.al.). Jilid 1. Edisi Kesepuluh. Jakarta: Erlangga.
- Becker, Howard, and Harry Elmer Barnes. (1952). *Social Thought from Lore to Science*. 2nd edition, 2 volume. Washington D.C: Harren.
- (2005). *Psikologi Sosial*. (Alih bahasa; Ratna Djuwita, et.al.). Jilid 2. Edisi Kesepuluh. Jakarta: Erlangga.
- Bennett, John W. (1976). *The Ecological Transition: Cultural Anthropology and Human Adaptation*. New York: Pergamon Press Inc.
- , (1976). *Northern Plainsmen : Adaptive Strategy and Agrarian Life*. Chicago : Aldine.
- Bertrand. Alvin L. (1980). *Sosiologi, Kerangka Acuan, Metode Penelitian, Teori-Teori Tentang Sosialisasi, Kepribadian dan Kebudayaan*. Surabaya: Bina Ilmu.
- Bogdan, Robert & Steven J. Taylor. (1993). *Kualitatif Dasar-dasar Penelitian*. (Alih bahasa; A. Khozin Afandi). Surabaya: Usaha Nasional.
- Bortolotti, R. Gary dan Hutcheon, Linda (2007). *On the Origin of Adaptation: Rethinking Fidelity discourse and "Success": Biologically*. Vol. 38, No. 3, Bioculture. PP 445-458. New Literary History. The Johns Hopkins University Press.
- Bouman,P.J. (1957). *Ilmu Masyarakat Umum*. Alih bahasa; Yayasan Ilmu Sosial) Jakarta. Dian Rakyat.
- Budi Irawanto. (2007). *Riset Etnografi. Slide Kuliah Metode Penelitian Komunikasi Kualitatif*. Yogyakarta: Jurusan Ilmu Komunikasi, FISIPOL UGM.
- Budhi Santoso. (1996). *Antropologi Sosial*. Jakarta : Pustaka Jaya.
- Burhan Bungin. (2007). *Analisis Data Penelitian Kualitatif – Pemahaman Filosofis dan Metodologis ke Arah Penguasaan Model Aplikasi*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.

- Buyong Bin Adli. (1971). *Sejarah Johor. Siri Sejarah Nusantara. Kuala Lumpur.* Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- (1972). *Sejarah Pahang.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pelayaran Malaysia.
- Cary Lee J. Ed. (1970). *Community Development as Adaptasi Process.* Columbia. University of Missouri Press.
- Cheu Lai Kuan. (1993). *Polisi Pentadbiran dan Pembangunan Orang Asli- Pembangunan Ekonomi.* BA.Graduation Exercise. Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UM.
- Cohen Bruce J.A ed. (1968). *Man In Adaptation : The Cultural Present.* Chicago : Aldin.
- Cynthia Chou. (2003). *Indonesian Sea Nomads, Money, Magic, and Fear of the Orang Suku Laut.* London. The Taylor & Francis or Routledge's.
- Deddy Mulyana. (2004). *Metodologi Penelitian Kualitatif – Paradigma Baru Ilmu Komunikasi dan Ilmu Sosial Lainnya.* Bandung: Remaja Rosda Karya.
- Engkus Kuswarno. (2007). *Manajemen Komunikasi Pengemis. Dalam Deddy Mulyana dan Solatun (eds.). Metode Penelitian Komunikasi.* Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Fox, Robin. (1967). *Kinship and Marriage: An Antropological Perspective,* Emgland: Penguin Book.
- Geertz, Clifford. (1963). *Involusi Pertanian.* (Alih bahasa; S. Supomo). Jakarta: Bhatara Karya Aksana.
- (1973). *The Interpretations of Cultures.* New York: Basic Book Inc.
- Gottschalk, Louis. (1986). *Understanding History; A Primer of Historical Method.* (Alih bahasa; Nugroho Notosusanto). Jakarta. UI Press.
- Gusni Saat. (2003). *Komuniti Samah – Bajau di Bandar.* Bangi: UKM.
- Hardesty, Donald L. (1977). *Ecological Anthropology.* London: University of Nevada.
- Hasbullah. (2009). *Transformasi Sosial Budaya Masyarakat Suku Laut Di Kecamatan Sungai Kuala Kampar Kabupaten Pelalawan.* Pekanbaru: LPP UIN SUSKA Riau.
- Haviland, William A. (2005). *Antropologi.* (Alih bahasa; R.G. Soekadjo). Jilid 1. Edisi Keempat. Jakarta: Erlangga.
- (2004). *Antropologi.* (Alih bahasa; R.G. Soekadjo). Jilid 2. Edisi Keempat. Jakarta: Erlangga.
- Horton, Paul B. dan Chester L. Hunt. (2006). *Sosiologi* (Alih bahasa; Amiruddin Ram dan Tita Sobari). Jilid I. Edisi Keenam. Jakarta: Erlangga.
- (2004). *Sosiologi* (alih bahasa; Amiruddin Ram dan Tita Sobari). Jilid 2. Edisi Keenam. Jakarta: Erlangga.
- Husaini Usman dan Purnomo Setiady Akbar. (2004). *Metodologi Penelitian Sosial.* Jakarta: Bumi Aksara.
- Husni Thamrin. (2003). *Sakai; Kekuasaan, Pembangunan dan Marjinalisasi.* Pekanbaru: Gagasan Press.

- Hutcheon, Linda. (2013). *A Theory of Adaptation*. By Routledge 711 Third Avenue. New York, NY 10017.
- Indra Mukhlis Adnan. (2008). *Memori Pelaksanaan Tugas Bupati Indragiri Hilir Riau, Periode 2003-2008*. BAPPEDA Kabupaten INHIL.
- Irawan Soehartono. (1995). *Metode Penelitian Sosial*. Bandung: Rosdakarya.
- Isjoni. (2005). *Orang Talang Mamak; Perspektif Antropologi Ekonomi*. Pekanbaru: UNRI Press.
- JHEOA. (2003). "Majlis Taklim JHEOA kepada YB Dato'Azman Abd Rashid, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. 18 Ogos 2003.
- Johnson, Doyle Paul. (1986) *Teori Sosiologi: Klasik dan Modern*. (Alih bahasa; Robert M. Z. Lawang). Jakarta. Gramedia.
- Judistira K. Garna. (1999). *Teori Sosial dan Pembangunan Indonesia*. Bandung. Pascasarjana Unpad.
- (2004). *Metode Penelitian: Pendekatan Kualitatif*. Bandung. Primaco Akademika.
- (2001). *Ilmu-Ilmu Sosial, Dasar-Konsep-Posisi*. Bandung. Pascasarjana Unpad.
- (1999). *Teori-Teori Perubahan Sosial*. Bandung. Primaco Akademika.
- (2001). *Tradisi Transformasi Modernisasi dan Tantangan Masadepan di Nusantara*. Bandung. Primaco Akademika.
- (1999). *Orang Badui Di Jawa: Sebuah Studi Kasus Mengenai Adaptasi Suku Asli Terhadap Pembangunan. Dalam Suku Asli dan Pembangunan di Asia Tenggara*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Juli Edo. (1990). *Bentuk Pendidikan dan Masalah Pencapaian Akademik Orang Asli. Dalam Hood Salleh. Pembangunan Orang Asli, dari Perspektif Mereka*. Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM.
- Kamus Dewan Edisi keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keesing R.M. (1972). *The Anthropologist's Dilemma: Empathy and Analysis Among The Solomon Islanders. Expedition 3 : 32-39*
- (1999). *Antropologi Budaya, Suatu Perspektif Kontemporer*. (Alih bahasa; Samuel Gunawan). Edisi Kedua. Jakarta: Erlangga.
- Keputusan Presiden RI. No. 111 Tahun 1999 *Tentang Komunitas Adat Terpencil*. Jakarta : BMT.
- Keputusan Menteri Sosial RI No 97 Tahun 1999 *Tentang Komunitas Adat Terpencil*. Jakarta : BMT.
- Khairul Hisyam Kamaruddin dan Ibrahim Ngah. ((2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Melaka, Malaysia. UTM
- Kroeber, A. L. (1959). *Anthropology*. New York: Harcourt Brace and Jovanovich.
- Kroesen, R,C. (1871). *Aanteekeningen, Over de Anambas Natoena, En Tambelan Eilanden Tijdschrift voor Indische Taal, Land en Volkenkunde, Deel XXI*. Batavia. Bruining & Wijt.
- Koentjaraningrat. (1993). *Masyarakat Terasing di Indonesia*. Jakarta: Gramedia.

- (1987). *Sejarah Teori Antropologi*. Jakarta: Universitas Indonesia Press.
- (1994). *Kebudayaan Mentalitas dan Pembangunan*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- , (1993). *Membangun Masyarakat Terasing, di dalam Masyarakat Terasing Di Indonesia*, Jakarta, Gramedia Pustaka Utama.
- Kusnaka Adimiharja. (1983). *Kerangka Studi Antropologi Sosial Dalam Pembangunan. Bandung* : Tarsito.
- Lauer, H. Robert. (1973). *Perspectives on Social Change*. Boston: Allyn and Bacon Inc.
- Lexy J. Moleong. (2000). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosda Karya.
- Margono Slamet. (1986). *Model Analisis Permasalahan Masyarakat Desa. Dalam, Mahasiswa Dalam Pembangunan*. Lampung. Universitas Lampung.
- Ma'rof Redzuan dan Zahid Emby. (2005). *Orang Asli: Pembangunan dan Ekologi Hutan. Dalam Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill (Editor). Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: UPM.
- Mc Elroy. A. and P. Townsend. (1989). *Medical Anthropology In Ecological Perspective*. 2d ed. Boulder. Westview Press.
- Merton, Robert K. (1967). *Social Theory and Social Structure*. New York: The Free Press.
- Mohamad Zen. (2002). *Orang Laut: Studi Etnopedagogi*. Jakarta. Yayasan Bahari Nusantara.
- Moore, W.E. (1976). *Social Change*. Englewood Cliffs.
- (1967). *Order and Change.: Essays in Comparative Sociology*. New York. John Wiley & Sons.
- Moran, E.F. (1982). *Human Adaptability: An Introduction to Ecological. Anthropology*. Boulder. Clorado: Westview Press.
- Morgan, Robin. (1970). *Sisterhood Is Powerful: An Antology of Writings from the Women's Liberation Movement*. New York: Vintage
- Muchtar Lutfi, et. Al (ed). (1998). *Sejara Riau. Biro Bina Sosial Setwlda Tingkat I Riau. Proyek Pelestarian dan Pengembangan Tradisi Budaya Riau. Tahun 1998/1999*
- Natsir Abdullah. 1991. *Sisitem Pemukiman Sosial Masyayrakat Terasing*. Jakarta : Departemen Sosial RI
- N. Daldjoeni. (1997). *Seluk Beluk Masyarakat Kota (Pusparagam Sosiologi Kota dan Ekologi Sosial)*. Bandung: Alumni.
- Nik Safiah Haji Abdul Karim, (1963). *Kajian Kebudayaan Melayu*. Kelantan: Pustaka Dian Press.
- Netting, Robert McC, (1977). *Cultural Ecology*. Cummings Publishing Company, inc. Philippinnes copyright.
- Noeng Muhajir. (2002). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Edisi IV. Yogyakarta: Rakesarasin.

- O'Dea, Thomas F. (1992). *Sosiologi Agama*. (Alih bahasa; Tim Yasogama). Jakarta. Rajawali.
- Oekan Soekotjo Abdoellah. (1990). *Indonesian Transmigrant and Adaptation : An Ecological Anthropological Perspective*. Barkeley : University California.
- Parsons, Talcott (ed). (1968). *Theories of Sociology*. New York: The Free Press
- Parsudi Suparlan. (1995). *Orang Sakai di Riau; Masyarakat Terasing dalam Masyarakat Indonesia*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- (1980). *Manusia, Kebudayaan dan Lingkungan. Perspektif Antropologi Budaya : Dalam yang Tersirat dan Tertulis*. Jakarta : Universitas Indonesia.
- Poloma, Margaret M. (2003). *Sosiologi Kontemporer* (Alih bahasa; Tim Yayasan Solidaritas Gajah Mada). Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Rappaport, R. A. (1968). *Pigs For the Ancestors: Ritual in Ekology of New Guinea People*. New Haven, Conn: Yale University Press.
- Redfield, Robert. (1955). *The Little Community and Peasant Society and Culture*. Chicago: University of Chicago.
- R. Engkeu Agiati. (2008). “*Adaptasi Komunitas Adat Terhadap Lingkungan (Studi Komunitas Adat Kampung Dukuh di Garut dan Kampung Kuta di Ciamis)*”. Disertasi. Bandung. Universitas Pajajaran.
- Ritzer, George & Douglas J. Goodman. (2004). *Teori Sosiologi Modern* (Alih bahasa; Ali Mandan). Jakarta. Prenada Media Kencana.
- Rohani. (2001). “*Masyarakat Terasing (Studi Tentang Persepsi Suku Laut Terhadap Tata Nilai dan Peralihannya dalam Perubahan Sosial Budaya di Desa Tanjung Pasir Kecamatan Tanah Merah Kabupaten Indragiri Hilir Propinsi Riau)*”. Tesis Master. Yogyakarta: Universitas Negeri Yogyakarta.
- Roslinawati. (2009). *Perubahan Kebudayaan Sebagai Bentuk Adaptasi Terhadap Perubahan Lingkungan Dari Sektor Pertanian Ke Sektor Industri*. Disertasi. Bandung. Universitas Pajajaran.
- Sahlins. MD. (1968). *Culture and Environment*. Sal Tox (ed). Chicago : Horizons of Anthropology.
- Salmah binti Hussin. (1993). *Budaya dan Corak Hidup Masyarakat Mahmeri Kesan dari Pembangunan Moden*. B.A. Graduation Exercise. Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UM.
- Sanderson S.K. (1993). *Sosiologi Makro: Sebuah Pendekatan Terhadap Realitas Sosial*. Jakarta: Rajawali Press.
- Saparinah Sadli. (1977). *Persepsi Sosial Mengenai Prilaku Menyimpang*. Jakarta. Bulan Bintang
- Selo Soemardjan dan Soelaeman Soemardi (ed). (1974). *Setangkai Bunga Sosiologi*. Jakarta: Yayasan Badan Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia.
- Silverman, David. (1986). *Qualitative Methodology & Sociology*. Vermont: Gower Publishing Company.
- Sitti Rahmah. (2011). *Orang Laut di Indragiri Hilir: Perspektif Antropologi Agama*. Yayasan Pusaka Riau.

- Skeat, W.W. dan Ridley, H.N. (1900). *The Orang Laut Of Singapore*, di dalam *Journal Of The Straits Branch, Of The Royal Asiatic Society*, Singapore, American Mission Press.
- Smith, Anthony. D. (1973). *The Concept of Social Change*. London. Kegan Paul
- Soedjatmoko, Ed. (1987). *Dimensi-Dimensi Struktural Kemiskinan. Dalam, Dimensi Manusia Dalam Pembangunan*. Jakarta. LP3Es
- Soejono dan Abdurrahman. (1999). *Metode Penelitian—Suatu Pemikiran dan Penerapan*. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Soerjono Soekanto. (1984). *Teori Sosiologi Tentang Perubahan Sosial*. Jakarta : Ghalia Indonesia.
- (2013). *Sosiologi Suatu Pengantar*. Edisi Revisi. Jakarta. PT Raja Grafindo Persada.
- (1993). *Antropologi Ekologi*. Surabaya : Airlangga University Press.
- (1986). *Kebudayaan dan Pembangunan*. Jakarta : Media EKA UI.
- Soelaiman, M. Munandar. (1998). *Dinamika Masyarakat Ttransisi*. Yogyakarta. Pustaka Pelajar.
- Soemarwoto Oto. (1997). *Ekologi Lingkungan Hidup dan Pembangunan*. Jakarta : Jambatan
- Soleman B. Taneko (1994). *Sistem Sosial Indonesia*. Jakarta. Fajar Agung.
- Spradley, James P. (1997). *Metode Etnografi*. Yogyakarta. Tiara Wacana.
- Sri Alem Sembiring. (2002). *Refleksi Metodologis: Perjalanan Peneliti Menghasilkan Etnografi*. Tersip dalam digital library Universitas Sumatera Utara.
- Steward. JH. (1955). *Theory of Culture Change*. Urban: University of Illionis Press.
- Sugiyono. (2009). *Memahami Penelitian Kualitatif*. Bandung: Alfabeta.
- Supardi., M.d, (2006). *Metodologi Penelitian*, Mataram: Yayasan Cerdas. Press.
- Syafrizal. (2001).” *Struktur Masyarakat Suku Laut dan Pelaksanaan Program PKSMT Depsos (Studi Kasus di Desa Sungai Bela, Kabupaten Tk II Indragiri Hilir, Propinsi Riau)*". Tesis Master. Jakarta: UI. <http://lontar.ui.ac.id/opac/themes/green/detail2.jsp?id=20233694&lokasi=lokal>. Diekses tanggal 10 March 2012.
- Tarling, N. (1966). *A Concise History Of Southeast Asia*. London, Frederick A. Praecer.
- Tylor, E.B. (1924). *Primitive Culture*. New York: Brentan’s.
- Vadya, A.P. dan R. Rappaport. (1968). *Ecology, Cultural and Noncultural*. Dalam J. A. Clifton, ed. *Introduction to Cultural Anthropology*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Wahyu. (2001). *Kemampuan Adaptasi Petani Dalam Sistem Usaha Tani Sawah Pasang Surut dan Sawah Irigasi di Kalimantan Selatan*. Bandung. UNPAD
- Warren, James Francis. (1971). *The North Borneo Chartered Company’s Administration of the Bajau, 1878-1909: The pacification of a maritime, nomadic people, Atens, ohio, University Center for International Studies*. Papers in International Studies.
- Wheatley, Paul. (1964). *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Time*. Singapore: Donald Moore.

- Wirawan Sarlito Sarwono. (2006). *Teori-teori Psikologi Sosial*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Whiten & Whitten. (1972). *Contemporary Sociological Theory*. New Jersey :Prentice-Hall.
- Wolf, E.R. (1980). *Closed Corporate Peasant Communities in Mesoamerica and Central Java*. *Southwestern Journal of Antropology* 13: 1-18.
- (1985). *Petani Suatu Tinjauan Antropologis*. (Alih bahasa; Yayasan Ilmu-Ilmu Sosial). Jakarta. Rajawali.
- Wolters, O.W. (1967). *Early Indonesian Commerce, A Study of The Origins of Sriwijaya*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Yap Beng Liang, (1993). *Orang Bajau Pulau Omadel: Aspek-Aspek Budaya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , (2001). *Politik dan Ekonomi Masyarakat Bajau Kota Belud Sabah. Akademi Pengajian Melayu* : Universiti Malaya.
- Zainal Abidin Borhan. (1984). *Peranan Orang Laut di Selat Melaka: Suatu Catatan Awal Dalam Sejarah Selat Melaka*. (Abdul Latiff Abu Bakar) Melaka. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Melaka.